



**UCAPAN-UCAPAN
TUN HUSSEIN ONN
1979**

Diterbitkan oleh
Arkib Negara Malaysia
dengan kerjasama
Jabatan Perdana Menteri

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENDAHULUAN	x
PENJELASAN	xii
SINGKATAN	xiii
UCAPAN-UCAPAN:	
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Merasmikan Masjid Kampung Seri Bengkal, Mukim 6, Batu Pahat pada 12 Januari, 1979	1
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Perjumpaan Dengan Penduduk-penduduk di Ladang Nenas Simpang Renggam, Kluang, Johor pada 13 Januari, 1979.	7
Speech by the Prime Minister at the Dinner Given in Honour of H.E. Mr. Gaston Thorn, Prime Minister of Luxembourg at Parliament House on 19th January, 1979.	11
Speech by the Prime Minister at the Reunion With Third Batalion Parachute Regiment (1st Kumaon) at Agra (India), on 24th January, 1979.	14
Speech by the Prime Minister at the Return Dinner in Honour of the President of Pakistan and Begum Zia-Ul- Haq at Islamabad, on 26th January, 1979.	17
Ucapan Perdana Menteri di Jamuan Banquet Dewan Ban- daraya Sempena Hari Ulangtahun Penubuhan Wilayah Persekutuan di Hotel Hilton pada 2 Februari, 1979.	19
Speech by Prime Minister at the Official Opening of UNESCO Inter-Governmental Conference on Com- munication Policies in Asia Oceania at Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, on 5th February, 1979.	25

Ucapan Perdana Menteri mengenai pertikaian MAS-AEU Menerusi Radio & Televisyen Malaysia pada 15 Februari, 1979.	29
Speech by the Prime Minister on MAS-AEU dispute over Radio Television Malaysia on 15th February, 1979.	31
Address by the Prime Minister on the Occasion of the 30th Anniversary of the MCA at the Federal Hotel, Kuala Lumpur on 25th February, 1979.	33
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Kilang FELDA Oil Products dan FELDA – Johore Bul- kers' Installation di Pasir Gudang, Johor, pada 10 Mac, 1979.	36
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Perasmian Kompleks Tun Abdul Razak, Johor Bahru pada 11 Mac, 1979.	41
Ucapan Perdana Menteri Malaysia ketika Membentangkan Usul Bagi Meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, di Dewan Rakyat pada 19 Mac, 1979.	47
Ucapan Perdana Menteri Malaysia, semasa membentangkan Usul Mengenai Pertikaian MAS-AEU di Dewan Rakyat, pada 20 Mac, 1979.	59
Speech of Acceptance by the Prime Minister on the Conferment of a Fellowship by the Malaysian Institute of Management at the Nirwana Ballroom of the Kuala Lumpur Hilton on 24th March, 1979.	72
Ucapan Perdana Menteri semasa Membentangkan Usul Ucapan Takziah di atas Kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Al-marhum Sultan Ibrahim, Yang Di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat pada 3 April, 1979.	77

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam Selamat Perpisahan Y.B. Tan Sri Abdullah Salleh di Dewan Banquet Bangunan Parlimen Kuala Lumpur pada 21 April, 1979.	81
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam Ulang-tahun MCA ke 30 oleh Parti MCA Wilayah Persekutuan di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur pada 22 April, 1979.	86
Ucapan Perdana Menteri Malaysia di Upacara Pembukaan Kongres Pergigian Asia Pasifik ke 9 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, pada 24 April, 1979.	89
Speech by the Prime Minister, at the Banquet Given in His Honour by Senior Vice-Premier, Mr. Deng Xiaoping in Peking on 3rd May 1979.	93
Speech by the Prime Minister at the Return Banquet for Vice Premier Deng Xiaoping at the Great Hall of the People's Republic of China on 5th May, 1979.	96
Speech by the Prime Minister at the Return Banquet for Vice-Premier, Mr. Deng Xiaoping on 5th May, 1979.	99
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam Yang Diadakan oleh Jawatankuasa Revolusi Shanghai di Shanghai pada 6 Mei, 1979.	101
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam Yang Diberikan oleh Jawatankuasa Revolusi Zhejiang Province di Hangchou pada 7 Mei, 1979.	103
Speech by the Prime Minister at the Dinner Hosted by the Guangdong Provincial Revolutionary Committee at Guangzhou (Canton) on 8th May, 1979.	105
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Kewangan Usaha Bersatu Berhad, di Pusat Sivik Petaling Jaya, pada 13 Mei, 1979.	108

Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam Tahunan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia, di Hotel Hilton Kuala Lumpur pada 17 Mei, 1979.	112
Ucapan Perdana Menteri, di Perasmian Mesyuarat Perwakilan Tahunan UMNO Bahagian Johor Bahru, di Dewan Serbaguna Larkin, pada 18 Mei, 1979.	114
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Kesyukuran bagi Penerima-penerima Bintang Kurniaan DYMM Sultan Johor anjuran UMNO Bahagian Johor Bahru di Kelab Golf, Tasek Utara, Johor Bahru pada 18 Mei, 1979.	120
Ucapan Perdana Menteri, Selaku Presiden UMNO Malaysia di Pembukaan Rasmii Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sri Gading, di Sekolah Menengah Tun Ismail, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, pada 19 Mei 1979.	123
Ucapan Perdana Menteri, ketika Merasmikan Mesyuarat Wakil-wakil Negeri dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al-Quran Tahun 1399/1979 di Bilik Mesyuarat Perdana Menteri, Jalan Dato Onn, Kuala Lumpur, pada 24 Mei 1979.	128
Ucapan Perdana Menteri di Perasmian Perhimpunan Agung Tahunan Parti Gerakan, di Hotel Merlin, Kuala Lumpur, pada 26 Mei, 1979.	133
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmii Pusat Kawalan Muatankuasa Nasional, Lembaga Letrik Negara, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur, pada 2 Jun 1979.	138
Ucapan Perdana Menteri, di Majlis Makan Malam Tahunan Bersama Persatuan Bank-bank Malaysia, Syarikat-syarikat Kewangan, Bank-bank Saudagar dan Discount Houses, di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 2 Jun 1979.	144

Ucapan Perdana Menteri Selaku Presiden UMNO Malaysia Ketika Merasmikan Majlis Perjumpaan Pengerusi-pengerusi Biro Pelajaran Bahagian-bahagian UMNO di Kuala Lumpur International Hotel, pada 9 Jun, 1979.	150
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Jamuan Tahunan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) di Hotel Hilton, Kuala Lumpur, pada 9 Jun, 1979.	156
Ucapan Perdana Menteri, Semasa Mengemukakan Suatu Usul Ucapan Takziah kepada Keluarga Mendiang Tun V.T. Sambanthan di Dewan Rakyat pada 29 Jun, 1979.	161
Ucapan Perdana Menteri di Perasmian Perhimpunan Agung MIC Yang Ke 27 di Hokkien Association Hall, Kelang, pada 30 Jun, 1979.	163
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Merasmikan Bangunan Baru Kompleks Kewangan di Jalan Raja Chulan, Kuala Lumpur, pada 2 Julai, 1979.	168
Ucapan Perdana Menteri, Selaku Presiden UMNO di Perhimpunan Agung UMNO Yang ke 30, di Nirwana Ballroom, Hotel Hilton, Kuala Lumpur, pada 6 Julai, 1979.	172
Speech by the Prime Minister at the Dinner in His Honour by His Excellency President Park Chung Hee of the Republic of Korea, Seoul on 18th July, 1979.	189
Ucapan Perdana Menteri, di Majlis Perasmian Musabaqah Membaca Al-Quran Tahun 1399/1979, Peringkat Kebangsaan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 9 Ogos, 1979.	192
Ucapan Perdana Menteri di Pembukaan Rasmi Mesyuarat Perwakilan Tahunan MCA, di Federal Hotel, Kuala Lumpur pada 8 September 1979.	199

Ucapan Perdana Menteri Ketika Merasmikan Pembukaan Jambatan Sungai Miri di Lutong pada 9 September, 1979.	202
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pembukaan Rasmi Jalanraya Bintulu-Tanjung Kidurong, Bintulu, Sarawak pada 10 September, 1979.	206
Speech by the Prime Minister at the Dinner in His Honour by H.E. Mr. Alexie Kosygin, Chairman of the Council of Ministers of the USSR, Moscow on 20th September, 1979.	210
Ucapan Perdana Menteri Ketika Mengemukakan Usul Ucapan Takziah Kepada Keluarga Mendiang Tan Sri V. Manickavasagam, di Dewan Rakyat pada 15 Oktober, 1979.	213
Speech by the Prime Minister, during the ceremony on the Signing of the Treaty Relating to the Delimitation of the Territorial Seas and Memorandum of Understanding on the Delimitation of the Continental Shelf Boundary in the Gulf of Thailand and in the South China Sea as well as the Exchange of the Instruments of Ratification of the Memorandum of Understanding with Thai Prime Minister H.E. Gen. Tun Kriangsak Chomnan at Kuala Lumpur on 24th October, 1979.	215
Speech by the Prime Minister at the Fifth Malaysian Law Conference at Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur on 25th October, 1979.	218
Ucapan Perdana Menteri semasa Merasmikan Kompleks Geraktani di Chetuk Pasir Mas, Kelantan pada 4 November, 1979.	221

Speech by the Prime Minister, During the Opening of the International Conference on Infant Nutrition and Diarhoeal Disease and Post-Graduate Paediatric Education at Dewan Tunku Chancellor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur on 9th November, 1979.	227
Ucapan Perdana Menteri di Upacara Pelancaran Perayaan Menyambut Abad ke 15 Hijrah di Bangunan Parlimen, pada 21 November, 1979.	229
Speech by the Prime Minister at the Opening of the 5th Annual Meeting of the East Asia Committee of Lloyd's Register of Shipping at the Kuala Lumpur Hilton, on 4th December, 1979.	234
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam Bar Council, di Regent Hotel, Kuala Lumpur pada 20 Disember, 1979.	236
Ucapan Perdana Menteri di Majlis Makan Malam anjuran Sime Darby Berhad, di Nirwana Ball Room, Kuala Lumpur Hilton, pada 21 Disember, 1979.	238
INDEKS	240

Golongan muda yang terpelajar mempunyai peranannya yang tersendiri. Ia akan menjadi teras kepada pembentukan satu kelas menengah yang kukuh dan sihat satu kelas yang dianggotai oleh para elit dan cerdik pandai. Golongan ini sangat-sangat diperlukan di dalam sesebuah negara kerana ianya merupakan sebuah takungan (reservoir) di mana kita dapat meminta idea-idea dalam usaha kita membentuk sebuah negara.

Datuk Hussein Onn

Ucapan semasa Majlis Perjumpaan dengan penduduk-penduduk di ladang Nenas Simpang Renggam, Kluang, Johor, pada 13 Januari, 1979.

PENDAHULUAN

Arkib Negara berasa amat bangga kerana dapat menerbitkan satu lagi siri penerbitan dalam bentuk in-extenso yang mengandungi ucapan-ucapan Y.A.B. Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Ucapan-ucapan yang dipilih untuk penerbitan siri ketiga ini adalah merupakan ucapan beliau dalam tahun 1979. Sejumlah 54 ucapan telah dikumpulkan untuk sepanjang tahun itu.

Bidang pengurusan telah mendapat perhatian penuh dari Y.A.B. Tun Hussein Onn kerana memandangkan betapa kurangnya orang-orang kita di dalam bidang ini terutama di kalangan bumiputera. Dasar Kerajaan yang menggalakkan penglibatan lebih ramai lagi bumiputera melibatkan diri di dalam pengurusan iaitu sebagai salah satu usaha mengurangkan kemiskinan bagi rancangan penyusunan semula masyarakat selaras dengan dasar Rancangan Malaysia Ketiga. Beliau menekankan betapa pentingnya perhubungan yang baik di-jalankan di antara pihak pekerja dan pengurusan untuk mendapatkan hasil kerja yang baik. Tun Hussein Onn seringkali menegaskan bahawa di dalam usaha menuju dan membangunkan negara, Malaysia tidak seharusnya berterusan bergantung kepada negara-negara luar sahaja. Malaysia harus berusaha sendiri supaya dapat bertapak dengan teguh untuk membangunkan negara yang tercinta ini.

Strategi pembangunan disusun rapi, sektor yang mengalami kelembapan dikenalpasti dan agensi seperti PERNAS, UDA, MARA dan Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri telah diarah menggembangkan tenaga bagi mencapai hasrat Dasar Ekonomi Baru. Peruntukan-peruntukan tambahan telah diberikan kepada agensi-agensi ini. Yayasan Pelaburan Bumiputera telah ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak \$200 juta bagi membolehkan orang-orang Melayu dan Bumiputera memiliki saham. Ini merupakan tambahan kepada Amanah Saham MARA dan merupakan usaha Kerajaan bagi membantu bumiputera.

Di dalam bidang Perkhidmatan Awam, Tun Hussein Onn menyeru supaya kakitangan Kerajaan menjalankan khidmat mereka dengan jujur dan sentiasa melaksanakan dasar dan cita-cita rakyat. Adalah menjadi kewajipan pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam melaksanakan setiap dasar yang telah dipersetujui dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Berhubung dengan pelaburan asing, Kerajaan telah memperhebatkan usaha menarik pelabur-pelabur dari Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun dengan mengadakan rombongan pelaburan

di peringkat tinggi. Y.A.B. Tun Hussein Onn juga berusaha mempereratkan kerjasama serantau di kalangan negara-negara anggota ASEAN bagi menjamin kestabilan politik dan keamanan di rantau ini.

Pada keseluruhannya ucapan-ucapan Y.A.B. Tun Hussein Onn sepanjang tahun 1979 adalah mencerminkan usaha dan hasrat beliau untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman, bersatu padu, makmur serta dipandang tinggi dan dihormati oleh negara-negara lain. Beliau amat bersungguh dan berazam penuh untuk menyusun semula masyarakat dengan melaksanakan projek-projek pembangunan ekonomi melalui agensi-agensi Kerajaan yang dinamis. Melalui kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiganya beliau telah menganalisa kejayaan dan memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada menerusi perlaksanaan rancangan-rancangan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

- Usaha Arkib Negara untuk menerbitkan ucapan-ucapan Y.A.B. Tun Hussein Onn bagi tahun 1979 ini telah mendapat kerjasama dari Jabatan-Jabatan Kerajaan yang lain. Arkib Negara ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerangan dan Jabatan Percetakan Negara di atas segala bantuan dan kerjasama yang diberikan.

ZAKIAH HANUM
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia.

19 November, 1987.

PENJELASAN

Indeks

Ucapan-ucapan yang terdapat di dalam penerbitan ini adalah diterbitkan di dalam bahasa asalnya. Indeks untuk ucapan-ucapan ini adalah disediakan mengikut bahasa ucapan asalnya, iaitu indeks di dalam bahasa Malaysia untuk ucapan dalam bahasa Malaysia dan indeks di dalam bahasa Inggeris untuk ucapan dalam bahasa Inggeris.

Nombor Kelasifikasi

Di atas tiap-tiap ucapan diberikan satu nombor klasifikasi, misalnya TH 1:1:79. Ini adalah nombor klasifikasi arkib untuk tiap-tiap ucapan asal di dalam siri ini yang disimpan di Arkib Negara.

SINGKATAN

AEU	-	Airlines Employee Union
ASEAN	-	Association of South East Asian Nation
DAP	-	Democratic Action Party
EEC	-	European Economic Corporation
FELCRA	-	Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority.
FELDA	-	Federal Land Development Authority.
INTAN	-	Institut Tadbiran Awam Negara
ISA	-	Internal Security Act.
ITWF	-	International Transport Workers Federation
KADA	-	Kemubu Agriculture Development Authority
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
MARDEC	-	Malaysian Rubber Development Corporation
MARDI	-	Malaysian Agricultural Research and Development Institute.
MCA	-	Malaysian Chinese Association.
MIC	-	Malaysian Indian Congress.
MIDA	-	Malaysian Industrial Development Authority
PERNAS	-	Perbadanan Nasional Berhad
PETRONAS	-	Petroleum Nasional Berhad.
RISDA	-	Rubber Industry Smallholders Development Authority.
SEDC	-	State Economic Development Corporation
UNESCO	-	United Nation Education Scientific & Cultural Organisation.
UNHCR	-	United Nation High Commissionar For Refugees.
USSR	-	United State of Soviet Russia.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MERASMIKAN MASJID KAMPUNG SERI BENGKÅL, MUKIM 6, BATU PAHAT, PADA 12 JANUARI, 1979

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato Abdul Rahman b. Mahmood, Yang Berhormat Dato Haji Ngah b. Abdul Rahman, Yang Berhormat Encik Mohd Shariff Lasim, Yang Berusaha Pegawai Daerah Batu Pahat, Yang Berbahagia Dato Yusak, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bismilla-hirrahma-nirrahim.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya dapat saya melakukan lawatan ke Kampung Seri Bengkal dan seterusnya merasmikan masjid di kampung ini. Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Masjid Kampung Seri Bengkal serta penduduk-penduduk di kawasan ini di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya di upacara ini.

Dalam perjalanan tadi saya telah diberi penghorinatan merasmikan masjid Kampung Parit Yop Darat. Saya mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Masjid serta penduduk-penduduk Kampung Parit Yop Darat kerana telah bersusah payah membuat persediaan untuk majlis perasmian itu. Saya memanglah ingin membuat lawatan ke kampung-kampung terutama di kawasan saya sendiri untuk beramah mesra dengan penduduk-penduduk di samping dapat mengetahui masalah dan kesulitan tempatan.

Tetapi sebagaimana yang pernah saya terangkan dahulu bahawa oleh kerana tugas dan tanggungjawab negara saya tidak dapat membuat lawatan seperti ini seberapa kerap yang saya kehendaki. Syukurlah pada hari ini saya telah dapat menghadiri di tiga buah masjid dalam daerah Batu Pahat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Masjid Kampung Seri Bengkal yang baru ini yang akan dirasmikan sebentar lagi merupakan masjid yang ke 26, yang dibina oleh Kerajaan dalam daerah Batu Pahat dalam masa lima tahun yang lalu. Tiap-tiap



Gambar menunjukkan Y.A.B. Datuk Hussein Onn sedang memotong pita di Pembukaan Rasmi, Masjid Jamek Kampung Seri Bengkal, Mukim 6, Batu Pahat, Johor pada 12.1.1979.

tahun Kerajaan Persekutuan mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi membina masjid-masjid baru dan membantu membaiki atau membesarkan bangunan-bangunan masjid yang lama untuk kegunaan umat Islam di tanahair.

Melalui Pusat Islam Kerajaan Persekutuan telahpun menjalankan beberapa kursus latihan bagi Imam, Bilal dan Khatib. Ini adalah sejarar dengan hasrat Kerajaan hendak meningkatkan mutu serta memesatkan lagi kegiatan yang harus dijalankan di masjid-masjid.

Bangunan masjid bukanlah dihadkan kegunaannya untuk ibadah sembahyang sahaja tetapi harus dibuka pada setiap masa kepada penduduk-penduduk yang hendak bermuzakarah sesama sendiri bermesyuarah bagi membincangkan kemajuan pembangunan kampung. Kelas-kelas ugama bagi semua lapisan masyarakat Islam dan kelas-kelas muqaddam atau Quran patutlah diselenggarakan oleh masjid bagi faedah kanak-kanak dan orang-orang dewasa. Dengan jalan ini maka bangunan masjid yang dibina dengan harga berpuluhan ribu ringgit itu dapatlah digunakan sepenuhnya untuk kepentingan masyarakat Islam.

Saya harap masjid yang baru ini akan dapat meningkatkan lagi kegiatan keugamaan dan pembangunan di kampung ini di samping dapat mengeratkan lagi kerjasama dan perpaduan penduduk-penduduk di kawasan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya juga bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana keadaan di kawasan ini yang dahulunya lazim dilanda oleh banjir telah-pun dapat diperbaiki. Dengan adanya rancangan pembersihan sungai dan taliair, tanaman dan ternakan, mata pencarian penduduk-penduduk di sini tidak lagi terjejas. Dengan adanya keadaan yang bertambah baik ini maka penduduk-penduduk patutlah lebih berusaha dengan mengerjakan kebun-kebun mereka supaya tanah yang nilainya telah meningkat naik dapat mengeluarkan hasil yang sebanyak-banyaknya.

Saya merasa dukacita apabila diberitahu bahawa ramai juga penduduk-penduduk yang terdorong dengan kenaikan harga tanah yang tinggi ini telah menjual kebun-kebun mereka dan berhijrah ke tempat lain. Khabarnya penjualan yang melibat sejumlah hampir 100 ekar kebun-kebun telah berlaku di bahagian laut Parit Ismail sehingga hendak mempusukan kampung tersebut. Kejadian seperti ini amatlah menyediakan lebih-lebih lagi ianya berlaku di masa Kerajaan sedang pesat membawa pembangunan ke kawasan di sini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sempena dengan lawatan saya di sini serta mengambil berkat upacara perasmian masjid ini, saya sukalah mengumumkan bahawa rancangan membina jambatan menyeberangi Sungai Simpang Kanan ini serta membesarkan jalan Kampung Parit Yaani dan Kampung Sengkuang akan dimulakan pada tahun ini. Kedua-dua projek ini, yang akan memakan belanja \$1.8 juta akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Dengan siapnya kelak projek besar ini maka kegiatan ekonomi di kawasan ini akan bertambah pesat di samping dapat memberi kemudahan kepada penduduk-penduduknya bagi memasarkan hasil-mahsul kampung. Kedudukan Pekan Parit Yaani dan Pekan Seri Gading akan menjadi bertambah maju. Saya harap mulai dari sekarang penduduk-penduduk di kawasan ini hendaklah merancang masa depan mereka sendiri supaya segala kemudahan dan peluang yang akan wujud dari pembinaan jambatan dan jalanraya ini dapat digunakan sepenuhnya. Penubuhan syarikat kerjasama serbaguna bagi mengendalikan perusahaan pengangkutan seperti bas, teksi dan lori, merupakan salah satu rancangan yang mestи difikirkan supaya peluang yang baik ini tidak akan terlepas ke tangan orang luar.

Lain-lain kemudahan yang akan dibawa ke kawasan ini ialah projek bekalan air dan letrik. Memandangkan kemajuan-kemajuan ini, saya sukalah menasihatkan penduduk-penduduk di kawasan ini, supaya jangan menjualkan tanah dan kebun mereka. Sebaliknya mereka hendaklah berusaha bersungguh-sungguh mengerjakan tanah dan kebun mereka itu.

Kerajaan sentiasa memberi bantuan dan pertolongan kepada petani dan pekebun kecil yang ingin maju. Bantuan-bantuan subsidi boleh didapati dari Jabatan Pertanian, RISDA dan sebagainya untuk tanaman-tanaman tertentu atau dari Jabatan Haiwan berkenaan dengan ternakan.

Bagi tahun 1979, Kerajaan telahpun meluluskan peruntukan sebanyak 770 juta ringgit bagi pembangunan pertanian dan luar bandar di seluruh negara. Ini termasuklah bantuan bagi menggalakkan pekebun-pekebun kecil mengusahakan tanaman selingan. Tanaman kopi, koko atau lain-lain bahan pertanian yang boleh menambahkan hasil petani boleh mendapat bantuan berupa benih dan baja serta khidmat nasihat dari pegawai-pegawai Jabatan Pertanian. Apa yang diperlukan ialah semangat rajin berusaha.

Kepada penduduk-penduduk kampung yang bekerja di ladang, saya sukalah mengingatkan supaya mereka mengerjakan kebun-kebun mereka di masa-masa lapang bagi menambah pendapatan. Mereka janganlah semata-mata mengharap gaji sebagai pekerja. Mengusahakan tanah dan kebun-kebun dengan tanaman dan ternakan dapat meringankan beban sara hidup. Dengan jalan ini maka dapatlah mereka menikmati keadaan hidup yang lebih tinggi dan lebih sempurna. Kerajaan telahpun dan akan terus menjalankan apa jua langkah serta melaksanakan projek dan rancangan yang boleh membaiki lagi keadaan hidup serta meninggikan lagi taraf ekonomi rakyat terutama penduduk-penduduk kampung. Bagi mencapai hasrat yang dicita-citakan ini, rakyat jelata khususnya mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar hendaklah meningkatkan peranan mereka masing-masing.

Semangat rajin berusaha hendaklah diamalkan pada setiap masa. Semangat ini hendaklah juga disuburkan dalam hati sanubari anak-anak kita yang masih di bangku-bangku sekolah. Pelajaran adalah asas utama bagi mencapai kemajuan. Usaha adalah tangga kemajuan. Dalam zaman sains dan teknologi kedua-duanya adalah penting bagi memperoleh kemajuan. Kita mestilah memajukan diri kita sendiri, keluarga kita, dan masyarakat kampung kita sendiri. Dengan membuat demikian, maka barulah kita dapat menyumbangkan usaha dan tenaga kita kepada kemajuan negara. Kemajuan dan kemakmuran negara bergantung kepada sikap rakyatnya. Oleh itu saya menyeru seluruh rakyat supaya mengamalkan sikap ingin maju serta mempraktikkan semangat rajin berusaha. Sikap dan semangat ini akan dapat mengukuhkan lagi azam dan tekad kita bagi mencapai kemajuan yang lebih tinggi dalam tahun 1979.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Berbalik kepada upacara perasmian masjid ini saya sukalah menyatakan betapa pentingnya Kerajaan Persekutuan menitikberatkan pembangunan rohaniah, supaya kemajuan dalam bidang pembangunan ekonomi dan sosial dapat memberi kesan yang lebih bermakna kepada rakyat. Dari tahun ke setahun, bilangan projek keugamaan seperti pembinaan masjid-masjid, surau atau madrasah, sekolah-sekolah ugama, bangunan gereja, kuil dan lain-lain rumah ibadah, adalah bertambah bagi memenuhi keperluan rakyat berbilang kaum dan ugama di tanah air kita. Dalam tahun lalu sahaja Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan sebanyak 3,209 projek keugamaan dengan perbelanjaan sejumlah kira-kira 47.2 juta ringgit berbanding dengan sebanyak 565 projek yang memakan belanja lebih kurang 17.3 juta ringgit dalam tahun 1977. Dalam tahun 1976 pula Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan sebanyak 6.5 juta ringgit bagi melaksanakan 349 projek keugamaan.

Sungguhpun peruntukan bagi tahun ini belum lagi dapat ditentukan usaha-usaha ke arah meningkatkan kemajuan dalam bidang ini akan terus dipesatkan. Dengan jalan ini maka dapatlah kita mempastikan supaya kemakmuran yang diperolehi itu tidak akan membawa akibat-akibat buruk yang boleh menjaskan kemajuan dan keselamatan negara.

Pembangunan dalam bidang rohaniah ini ialah bertujuan mengukuhkan semangat keperibadian warganegara iaitu faktor yang penting bagi mengatasi dan menghadapi gejala-gejala yang tidak sihat yang lazimnya dibawa bersama-sama dengan kemajuan kebendaan. Dengan adanya pendidikan ugama yang sempurna di masa kecilnya dan seterusnya diamalkan dalam penghidupan sehari-hari semasa dewasanya generasi muda kita tidaklah mudah dipengaruhi oleh kegiatan-kegiatan yang boleh meruntuhkan akhlak. Semangat keugamaan yang kuat dan keperibadian yang tinggi adalah penting ditanam dan disuburkan di kalangan generasi muda ini bagi mempastikan masa depan yang terjamin bagi mereka. Masa depan negara bergantung di atas semangat dan sikap generasi muda kita ini. Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan kita semua, memberi panduan dan nasihat kepada generasi muda kita ini supaya mereka dapat membentuk sikap dan pemikiran yang lebih positif dan waras. Dengan jalan ini, maka dapatlah kita mempastikan supaya kemakmuran, keamanan dan perpaduan yang terdapat dan wujud sekarang ini dapat terus dipelihara dan dikekalkan ke beberapa zaman yang akan datang.

Akhirnya saya sukalah merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah sama-sama berusaha menjayakan upacara ini. Sambutan dan kerjasama yang diberikan di perasmian masjid ini, ialah membuktikan perpaduan di kalangan penduduk-penduduk di sini. Persefahaman ini adalah penting bukan sahaja bagi meninggikan syiar Islam bahkan bagi mencapai kemajuan dalam lapangan pembangunan jasmani-ah. Dengan jalan ini perimbangan dalam kedua-dua bidang ini dapatlah diwujud dan diselaraskan bagi membolehkan kita menikmati kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan nasihat dan pesanan yang telah saya lahirkan itu maka dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Amat Mengasihani, saya dengan rasminya mengisyiharkan pembukaan masjid Kampung Seri Bengkal ini. Wabillahit-taufiq, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PERJUMPAAN
DENGAN PENDUDUK-PENDUDUK DI LADANG NENAS
SIMPANG RENGGAM, KLUANG, JOHOR, PADA
13 JANUARI, 1979.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Y.B. Dato Syed Zain Al-Sahab, Y.B. Ahli-ahli Exco Negeri Johor, Yang Berusaha Pegawai Daerah Kluang, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bismilla-hirrahma-nirrahim.

Saya amat suacita kerana dapat melawat ke Ladang Nenas Simpang Renggam pada hari ini dan seterusnya menghadiri Majlis Perjumpaan dengan penduduk-penduduk di sini. Inilah kali pertama perjumpaan seperti ini dianjurkan bagi kawasan ini selepas pilihanraya umum. Dengan adanya majlis seperti ini maka dapatlah saya memahami hasrat rakyat serta mengetahui dengan lebih mendalam lagi masalah-masalah tempatan. Apa jua yang akan dikemukakan akan saya ambil ingatan dan mana-mana yang menasabah tindakan akan diambil, sahada oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Perjumpaan seperti ini amatlah sesuai bagi kita memberi erti yang sepuhunya kepada keputusan pilihanraya umum di mana seluruh rakyat telah memberikan mandat baru yang menyeluruh kepada Barisan Nasional untuk mentadbirkan negara. Dalam hal ini kita mestilah ingat bahawa kedua-dua belah pihak iaitu Kerajaan dan rakyat, mempunyai peranan dan tugas masing-masing bagi menjamin masa depan negara. Semua pihak hendaklah menunaikan kewajipan dan tanggungjawab mereka supaya hasrat kita untuk membina sebuah negara Malaysia yang aman, adil, makmur dan bersatupadu, dapat dicapai dengan jayanya.

Dalam usaha mewujudkan sebuah negara Malaysia yang sebegini rupa, Kerajaan adalah 'committed' kepada Dasar Ekonomi Baru. Bahkan ianya merupakan dasar Kerajaan yang terpenting sekali. Satu-satunya matlamat dasar ini ialah hendak mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, tanpa mengira kaum dan keturunan. Dengan jalan ini, maka hasrat kita untuk mendirikan sebuah masyarakat adil serta mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum,

akan dapat diperolehi. Tanpa masyarakat adil dan perpaduan, kekayaan dan kemakmuran, tidak akan memberi apa-apa erti kepada negara.

Jika kita gagal mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, maka jurang perbezaan ekonomi di antara golongan yang berada dengan rakyat yang miskin yang masih lagi terdapat sekarang ini, akan menjadi semakin luas. Ini adalah satu bahaya besar kepada kita kerana ia boleh membawa akibat yang buruk kepada ketenteraman dan keselamatan negara. Gejala-gejala seperti anasir-anasir subversif dan anti-nasional serta agen-agen pengganas komunis akan menggunakan rasa tidak puas-hati rakyat untuk menimbulkan kekacauan dan huru-hara. Kita memang tidak mahukan perkara seperti ini berlaku. Itulah sebabnya, Kerajaan sentiasa menjalankan berbagai usaha serta melaksanakan projek dan rancangan yang boleh membawa kepada perpaduan kaum yang berkekalan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Malaysia mempunyai kekayaan yang boleh dikehapi dan dinikmati oleh semua rakyat. Hasrat Kerajaan ialah hendak menggembangkan segala punca kekayaan ini bagi membangunkan negara serta menggerakkan kegiatan ekonominya supaya setiap rakyat terutama mereka yang miskin dan yang tidak berupaya, bersama-sama dapat menikmati kekayaan dan kemakmuran negara. Oleh kerana sebahagian besar daripada rakyat yang terdiri dari golongan tidak berada itu tinggal di luar bandar, maka Kerajaan memberi perhatian yang berat terhadap ekonomi mereka.

Bagi mencapai hasrat ini, penduduk-penduduk kawasan luar bandar hendaklah menunaikan tugas positif mereka. Mereka sendiri hendaklah rajin berusaha untuk memajukan diri mereka sendiri. Hasrat kita tidak akan tercapai sekiranya rakyat mengharapkan kepada Kerajaan semata-mata. Segala kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan akan menjadi sia-sia jika rakyat sendiri tidak bersungguh-sungguh berusaha. Rakyat berkewajipan menunaikan peranan masing-masing bagi menolong Kerajaan memajukan rakyat jelata.

Dalam konteks ini, tuan-tuan dan puan-puan sekalian mestilah lengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan supaya dapat menjadikan diri sendiri sebagai pekebun-pekebun kecil yang cekap dan maju. Gunakanlah sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan. Umpamanya, pekebun-pekebun kecil seharusnya bergiat aktif dengan menggunakan sepenuh-penuhnya peluang yang sedia ada bagi melengkapkan diri sebagai pekebun-pekebun kecil yang berpengetahuan. Dalam

kerja-kerja seharian, mereka hendaklah mengamalkan teknik-teknik penanaman moden dan saintifik. Ini akan menambahkan lagi pengeluaran dan pendapatan yang boleh memberi makna kepada usaha-usaha Kerajaan hendak meninggikan taraf ekonomi serta membaiki keadaan hidup pekebun-pekebun kecil. Pengeluaran dari kebun-kebun kecil yang meningkat naik itu akan menambahkan lagi hasil pengeluaran negara. Dengan jalan ini pekebun-pekebun kecil juga dapat menolong mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi negara. Ini adalah satu sumbangan besar yang boleh dilakukan oleh pekebun-pekebun kecil.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Apabila saya menggesa pekebun-pekebun kecil supaya menambahkan lagi pengetahuan mereka, seharusnya lah implikasi ini dapat diperluaskan sehingga meliputi lain-lain ahli dalam keluarga, terutama kepada anak-anak. Ini amatlah penting kerana dengan tercapainya kemajuan yang tinggi di dalam bidang pendidikan dan pelajaran di kalangan anak-anak kita, nescaya akan wujudlah pula satu golongan generasi muda yang mempunyai pencapaian pelajaran yang tinggi mutunya. Pelajaran adalah asas utama bagi mencapai kemajuan hidup. Dalam zaman sains dan teknologi ini, pelajaran amatlah penting.

Golongan muda yang terpelajar mempunyai peranan yang tersendiri. Ia akan menjadi teras kepada pembentukan satu kelas menengah yang kukuh dan sihat satu kelas yang dianggotai oleh para elit dan cerdik pandai. Golongan ini sangat-sangat diperlukan di dalam sesebuah negara kerana ia merupakan sebuah takungan (*reservoir*) di mana kita dapat meminta idea-idea dalam usaha kita membentuk sebuah negara. Sesungguhnya kita memerlukan anak-anak muda dari semua golongan dan lapisan masyarakat, terutama dari kawasan-kawasan luar bandar, bagi menganggotai golongan ini dan seterusnya menjadi asas dalam usaha kita mewujudkan sebuah negara Malaysia yang adil, yang kaya dan yang makmur, lagi bersatupadu.

Saya menyeru setiap rakyat, samada penduduk-penduduk kampung, petani atau peladang, nelayan dan golongan pekerja serta usahawan-usahawan dan lain-lain anggota sektor swasta, berusaha dengan lebih aktif serta bergiat secara jujur dan ikhlas, membantu Kerajaan melaksanakan setiap usaha dan rancangannya. Kerjasama dan penyertaan rakyat adalah penting bagi menjayakan segala hasrat dan cita-cita rakyat.

Akhirnya, saya mengucapkan terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada penduduk-penduduk Simpang Renggam, pekerja dan

pihak berkuasa Ladang Nenas, kerana menjayakan lawatan saya ini. Demikianlah juga dengan penghormatan yang telah diberikan kepada saya dalam lawatan ini. Saya berharap dapat melakukan lawatan seperti ini ke kawasan dan kampung yang lain dari masa ke semasa.

Sekianlah sahaja dan terimakasih.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE DINNER
GIVEN IN HONOUR OF H.E. MR. GASTON THORN,
PRIME MINISTER OF LUXEMBOURG, AT PARLIAMENT
HOUSE ON 19TH JANUARY, 1979.

Your excellency, Mr. Gaston Thorn, Prime Minister of Luxembourg, Madame Liliane Thorn, Your Excellencies, Members of the Delegation, Honourable Ministers and Deputy Ministers, Your Excellencies, Members of the Diplomatic Corps, Honourable Members of Parliament, Ladies and Gentlemen.

Mr. Prime Minister, we are very happy to welcome you, your charming wife and members of your delegation to Malaysia. You are the first Head of Government of a European country to pay us an official visit. It will make known to more Malaysian your country, and at the same time, give my Cabinet colleagues and I an opportunity to know you and members of your delegation.

Allow me to say a few words about you personally. You are a lawyer and were practising law until you succumbed to politics. You have been, and still are, active in European affairs. You were a member of the European Parliament and was three times Chairman of the Council of Ministers of the European Communities and was President of the European Council. You were awarded the Robert Schuman Prize in 1977. You were elected the President for the 30th Session of the General Assembly of the United Nations in 1975-1976. You are active and are playing an important role in the European Economic Community.

It appears that men, like pets, are created to be caught by women. A Prime Minister can be likened to a poodle dog which is a woman's favourite. In your case Mr. Prime Minister, Madame Liliane has caught you ---- and I don't think you really mind. Speaking of Madame Liliane Thorn - I am informed that she specialises in French and German literatures. She is also a student of psychology. If I may be permitted to say so, she has chosen a very useful subject to experiment on her Prime Minister husband. She is a journalist as well ---- a working journalist I am told. That being the case, I have to exercise caution in what I say to her. I wonder whether Mr. Thorn has ever got into trouble as a result of what he says to Mrs. Thorn!.

Mr. Prime Minister, relations between our two countries, I am glad to say, are very friendly and cordial. This morning we had a very useful

discussion on a number of matters, especially those relating to trade, air cargo services and technical cooperation between our two countries. We also signed an Air Services Agreement this morning. This is a good start. We look forward to its implementation which will further enhance our bilateral relations. Your country has great experience in air cargo services and Malaysia will benefit from it.

As regard other matters, we have indicated to you that we will make further studies with regard to the possibility of importing steel and utilizing the financial facilities available in your country.

When visiting this region, one cannot overlook the larger community which is ASEAN. ASEAN's mineral and agricultural resources are enormous; its market, currently and more so in the future, is vast; its importance to the world economy should not be underestimated; its strategic value in terms of balance of power and political influence is beyond doubt. Peace and stability in this region is vital. Any threat to the peace and stability of the region will automatically cause serious concern to the countries in it. The industrialised and developed countries should look at this region in its proper perspective, and not be selfish and think only of getting as much and as cheaply as they can. The peoples in the region must get an equitable return for their products and labours. They also wish to have a decent standard of living, education, basic social amenities. Their appeals for stable prices for their products should be given due consideration. Do not make the mistakes of the past of giving when it is too late.

Mr. Prime Minister, this morning we took the opportunity to brief you with regard to the Vietnamese illegal immigrants in Malaysia. As their number continues to grow, we inform you that Malaysia has given notice to the world and the United Nations that it cannot accept anymore these illegal immigrants from Vietnam. We already have over 53,000 of them on our hands and ways must be found to get them out of Malaysia. Malaysia will not tolerate any criticism for her change of policy in this regard. Since 1975, we have been receiving these people on humanitarian ground. We have been considerate, patient and understanding. What more is expected of us.

Tomorrow, you and your delegation will be visiting Penang. You will be very welcome and be received there with the same warmth and friendliness. We hope that your short visit to our country is an enjoyable and a beneficial one. We express the same hope to your charming wife and the other members of your delegation. We wish you all a safe journey to Peking and back home.

Before I sit down I would like to invite distinguished guests to join me in a toast to the good health and happiness of His Excellency Mr. Goston Thorn and Madame Liliane Thorn and to the prosperity and well-being of the people of Luxembourg.

Thank you.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE REUNION
WITH THIRD BATALION PARACHUTE REGIMENT (1ST
KUMAON) AT AGRA (INDIA) ON 24TH JANUARY, 1979.

I never thought that I would live and get the opportunity of meeting former and new officers and men of my old regiment. I am very grateful for the great honour which is being given to me to-day. This is indeed a reunion ... a cherished and fond one to me. Being back again in Agra, even for a few hours, and meeting my former comrades in arms is extremely exciting; it brings back many happy memories of my young days as a junior officer in the Indian Army.

After passing out of the Indian Military Academy at Dehra Dun in early 1942, I decided to join the 19th Hyderabad Regiment. My Company Commander at the Academy, General Shrinegash, a major then, was from the 19th Hyderabad. He was a good and fine commander, and I was very proud of him. There were three of us at the Academy from Malaya. The other two joined the 19th Hyderabad as well. One of them, Ibrahim Ismail eventually became a General and Chief of the Malaysian Armed Forces Staff, and had just retired. The other, Ahmad Abdul Rahman, became a Brigadier General and had also retired.

I am very proud to know that the Regiment has produced many very good officers, among them were General Shrinegash, General K.S. Thi-mayya and General T.N. Raina. Reading the history of the Regiment, which since 1945 has been renamed as the 19th Kumaon Regiment, one cannot help but the proud of it. Its battle honours before, during and after the First World War, as well as during and after the Second World War, are clear testimonies of the high standard of training, discipline and courage of the officers and men of the Regiment. As you know, the 4th Battalion was in Malaya when Japan invaded the country. The whole of the battalion was captured.

Immediately on my commissioning, I was posted to the Regimantal Training Centre here in Agra. So was General Ibrahim. I was attached to "C" Company under major Alexander. At that time things did not go well for the Allies either in the Far East or the middle East. The Training Centre in Agra was given the task of turning the raw jawans from the villages into fighting men. I was amazed that in only six months of intensive training, these raw jawans were turned into well-disciplined fighting men. General Raina was also here in Agra at that time.

What I am recounting to you happened 36 years ago. It is really a long time ago. I had just passed my 21st birthday. What I did during my off-duty hours, I obviously cannot disclose, because my wife is here with me. I am told that although a general can command his men, he cannot command his wife, and wives are worse generals. Further, you can never plan any operations with them because they will never agree.

At that time, Agra did not provide one with a gay life. Further, it was war-time and everyone was busy with the war. At times I was homesick. I could not write, nor could I receive news from home. I did not even know whether my parents were alive or dead. I took it all philosophically and carried on as best as I could. All in all, I never regretted my fate. On the contrary, it was a blessing. My army training and experience, and the discipline it has taught me, have a profound effect on my later life. It is rightly said that to be a good general, one must first be a good soldier —— a bad soldier can never make a good general —— one must first learn to obey before one can give commands. I have not made my grade and became a general. The most that I have been able to achieve is to become a Prime Minister.

It is very pleasant to reminisce about one's youth and about a place where one has very fond memories. Speaking about my life in Agra, I remember very vividly my bearer, an elderly, kind and gentle man, wise, paternal and efficient. I remember too my chowkedar, a man blind in one eye, and who woke me up every one or two hours in the night by his shouts that all was well and that he was awake and doing his rounds of my quarters. I also remember my water-carrier whose services has refreshed me with bath water. My quarters were only a few yards away from the officer's mess. I enjoyed the mess nights with the change of menu for the dinners, the formality and tradition, the bag pipers marching slomnly around the dinner table, the regimental toast, the light-hearted conversations and afterwards adjourning outside drinking and conversing while the Regimental Band played soft and beautiful music. We worked hard during the day and relaxed with our brother officers in the mess in the evening. In winter it was a bit cold, in summer terribly hot and dusty. I remember that in summer we started training very early in the morning and had a break at about eleven, and started training again at about three-thirty or four in the afternoon until about six-thirty or seven. I cannot forget the summer heat ... Even in the room with the fan full on it was like the baker's oven. I had a khas-khas tati made an installed at the door of my room. How pleasant, cool and sweet-smelling the breeze was.

It is usually the case that when anything beautiful and historical is so near to you, you seldom or never visit it at all. You always say to yourself "I still have time, I'll visit it later." So it was with me with regard to the Taj Mahal and the Agra Fort. I think I visited the Taj Mahal only twice, and even then they were done very superficially and in great haste. I visited the Agra Fort only once and that was done superficially and in great haste too. I am glad that I get the opportunity of visiting the Taj and the Fort again. This time I have brought with me my wife and daughters.

From Agra I was posted to the First Battalion overseas. General Raina joined the Battalion and we were in the same company. I later returned to India and joined the Malayan Planning Unit at the G.H.Q. in New Delhi, I was posted to the Malayan Police Training Centre at Mohan Camp in Rawalpindi. In October 1945, I returned to my country with the Liberation Forces. I think it was in early 1946 by chance I met General Raina again in last year when he visited Malaysia.

Ladies and Gentlemen,

Such in brief is the history of my life with the Kumaon Regiment and the Indian Army. In General Raina who is the Regiment's Colonel-in-Chief, you have a fine man and a very able officer. I share your pride in having such a man. I have no doubt that the fine records and traditions of the Regiment will be maintained and enhanced. I am extremely proud to be given the honour of associating with the Regiment. I congratulate you all on the excellent parade and turn out which you gave just. Well done. Ram Ram, Jai Hind.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE RETURN
DINNER IN HONOUR OF THE PRESIDENT OF PAKISTAN
AND BEGUM ZIA-UL-HAQ AT ISLAMABAD,
ON 26TH JANUARY, 1979.

Your Excellency, General Mohammad Zia-Ul-Haq, the first Prime Minister of Malaysia, Tunku Abdul Rahman, visited Pakistan in 1962. His successor Tun Abdul Razak attended the Islamic Summit Conference in Lahore in 1974. I am very glad to be able to visit Pakistan this time. I have been looking forward to it and I wish to thank Your Excellency for the kind invitation. I was in Rawalpindi 35 years ago. I was then a young army officer during the Second World War at the Malayan Police Training Centre at Mohan Camp. The Training Centre was a part of the organisation of the British Civil Affairs Malaya concerned with the civil affairs of the country after its liberation. We were recruiting and training personnel for the Malayan Police Force. The personnel were Punjabis and Seikhs. My recollection of Rawalpindi was that of a quiet and peaceful district with big and shady trees on both sides of the roads. Although there were a lot of soldiers, life was very orderly and serene. The war seemed very far away. When the time came for the invasion and liberation of Malaya, we moved to Madras and then to Calcutta, and embarked on ships in the invasion convey. We were still in the Bay of Bengal when news came of Japan's surrender.

Your Excellency, you told me that you were also in the Invasion Forces. You landed at Morib Beach and then on to Seremban and Kuala Pilah, and then finally to Kuala Lumpur. It could be said then that you are not really a stranger to Malaysia. I hope that you will make a pilgrimage to Malaysia which I know you will do in the near future.

Your Excellency, I told you this morning how the immediate despatch of a company from the Punjab Regiment to Batu Pahat in my home state of Johore had avoided a terrible racial clash among the population and had probably saved hundreds if not thousands of lives. The company of the Punjab Regiment was from a battalion which was commanded by General Sher Ali. My father was the District Officer.

Your Excellency, as you know, the main purposes of my visit to Pakistan are:

- a) to further strengthen the existing bilateral relations between our two countries;

- b) to discuss areas of bilateral cooperation in the economic, technical, trade and cultural fields; and
- c) to exchange views on regional and international issues.

This morning we had talks which were followed with discussions and exchange of views with members of your Government. We discussed and covered many areas, particularly those relating to trade, technical cooperation, shipping and cargo air services between our two countries. I found our discussions very stimulating and beneficial. I am optimistic that our countries' relations and cooperation will be further strengthened and expanded, Insyallah.

Tomorrow morning, our two countries will be signing a Cultural Agreement. This, if I may say so, is only a beginning of our countries' strong desires to know more of each other and to have closer relationships. I hope the Cultural Agreement will be followed by an Economic and Technical Cooperation Agreement. Negotiations on this Agreement, I suggest, should be concluded as a matter of urgency.

Your Excellency, cooperation between our two countries is not confined to bilateral matters only. Pakistan and Malaysia have cooperated very well on many international matters as well. At the United Nations and the Islamic Conference, our two countries have worked very closely together. I am sure that it is our desires that the close cooperation should continue in the future.

Both Pakistan and Malaysia desire peace and stability. Malaysia will support any efforts to achieve these in whatever regions they may be.

Your Excellency, this is the first opportunity I have had of meeting and knowing you. I value your sincerity and friendliness of the reception which you have given me, my wife and members of my delegation. To Begum M. Zia-Ul-Haq, my wife and I are very touched by her charm and friendliness. When her General visits Malaysia, I would advise the Begum to insist, harass, and if necessary, nag her gallant husband to take her with him —— never take no for an answer. Even a General cannot stand such an attack.

Ladies and Gentlemen, before I sit down may I ask you to rise and join me in a toast to the health and happiness of His Excellency the President of Pakistan and Begum M. Zia-Ul-Haq, to the Government and people of Pakistan, and to the friendship between Pakistan and Malaysia.

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI JAMUAN BANQUET
DEWAN BANDARAYA SEMPENA HARI ULANGTAHUN
PENUBUHAN WILAYAH PERSEKUTUAN DI HOTEL
HILTON PADA 2 FEBRUARI, 1979.**

Yang Berbahagia Datuk Bandar Tan Sri Yaacob Latiff dan Puan Sri Rahmah, Yang Berhormat Tan Sri Omar Ong Yoke Lin dan Puan Sri, Yang Berhormat Datin Paduka Aishah Ghani, Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk dan Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan di atas jemputan Yang Berbahagia Datuk Bandar untuk bersama-sama di majlis yang gilang gemilang ini. Peluang yang diberi bagi saya menemui dan berucap kepada ketua-ketua di bidang swasta dan pemimpin-pemimpin masyarakat di Wilayah Persekutuan sempena Hari Ulangtahun Penubuhan Wilayah ini, amatlah berfaedah.

Saya sukalah mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Bandar, pegawai-pegawai dan kakitangan Dewan Bandaraya, Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain serta pemimpin-pemimpin masyarakat Kuala Lumpur, yang telah memberi sumbangan jasa bakti terhadap pembangunan, pentadbiran dan perancangan Ibu Negara ini dan masyarakatnya.

Dengan secara kebetulan pula, 1 Februari adalah juga menjadi hari lahir Yang Berbahagia Datuk Bandar kita. Oleh yang demikian, sempena dengan majlis yang meriah ini, saya bagi pihak para hadirin sekalian, sukalah mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Yaacob Latiff. Saya difahamkan bahawa 43 tahun dari 61 tahun usianya telah dikorbankan kerana berkhidmat dengan Kerajaan dan negara. Kita semua terhutang budi kepada Yang Berbahagia Tan Sri Yaacob di atas jasa-jasanya kepada bandaraya ini selama 6 tahun dia bertugas sebagai Datuk Bandar. Marilah kita berdoa mogamoga Tan Sri Yaacob dan Puan Sri Rahmah sentiasa berada di dalam keadaan sihat walafiat dan akan terus berbakti kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Semenjak Wilayah Persekutuan ditubuhkan 5 tahun yang lalu, Kerajaan Persekutuan telah memberi perhatian terhadap perancangan, pembangunan dan pentadbiran Ibu Negara ini. Di dalam Rancangan

Malaysia Ketiga, peruntukan sejumlah lebih dari \$450 juta telah disediakan untuk Dewan Bandaraya melaksanakan projek-projek dan program pembangunan di Wilayah Persekutuan. Ini tidak termasuk peruntukan kewangan dari Dewan Bandaraya sendiri dan peruntukan-peruntukan kepada 28 Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain di-Wilayah ini. Semua pelaksanaan rancangan dan projek pembangunan bandar dan kebajikan masyarakat di Wilayah Persekutuan ini adalah diberi perhatian yang sewajarnya.

Program-program dan projek-projek dari segi 'infrastructure', kemudahan-kemudahan 'utilities', projek-projek sosial seperti perumahan, terutama rumah-rumah harga murah, kesihatan, kemudahan-kemudahan asas, rekreasi dan kebajikan, program-program dari segi keugamaan dan rohaniah, projek-projek perindahan dan peluang-peluang perniagaan bagi Bumiputera dan lain-lain lagi telah dan akan terus dilaksanakan. Disini saya ingin tegaskan bahawa Kerajaan memanglah sedar tentang keadaan jalan raya yang penuh sesak dengan kenderaan, dan kekurangan rumah-rumah berharga murah yang mampu dimiliki oleh kaum pekerja. Sebenarnya, Kerajaan sentiasa mencari jalan mengatasi masalah-masalah ini. Tetapi kita mestilah ingat perkara sebegini rupa memakan masa yang lama dan kita terpaksa menjalankannya secara beransur-ansur. Dari segi jentera perancangan, pentadbiran dan pelaksanaan, Kerajaan mempunyai keupayaan atau 'capacity' yang memuaskan.

Kerajaan akan terus berusaha supaya hasrat dan cita-citanya membangunkan Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan antarabangsa dapat dijadikan kenyataan dalam jangka masa yang singkat. Oleh kerana barang-barang perdagangan penting antarabangsa merupakan hasil pengeluaran utama negara kita, maka sudah sampaillah masanya Malaysia mengambil alih pengendalian kegiatan Pasaran Barangan Pelbagai (Multi Commodity Exchange). Dalam hubungan ini kita mestilah melengkapkan bandaraya kita dengan segala kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan supaya Kuala Lumpur dapat mengendalikan kegiatan ini dengan licin, cekap dan cepat.

Kita harap dengan adanya Pasaran Barangan Pelbagai ini, hasil penge- luaran barang-barang utama Malaysia seperti getah, minyak sawit dan bijih timah dapatlah diperdagangkan di Kuala Lumpur. Dengan jalan ini, maka dapatlah kita menyertai dengan lebih aktif lagi dalam kegiatan-kegiatan pemasaran antarabangsa ini. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan telah mengadakan satu kajian bagi mengadakan segala kelengkapan, kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan bagi mewujudkan Pasaran Barangan Pelbagai. Deraf undang-undang untuk mewujudkan pasaran itu sedang disiapkan.

Sungguhpun pada masa ini kita mempunyai sebilangan hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa, kemudahan perhubungan yang sempurna dan lain-lain kemudahan perdagangan, kita perlu membanyakkan lagi kemudahan-kemudahan serta meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan kita supaya ia boleh jadi lebih menarik kepada pedagang-pedagang besar dunia.

Kita juga sedang giat membaiki kemudahan-kemudahan lapangan terbang. Mulai tahun ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Subang akan memulakan perkembangan yang pesat. Kerajaan telahpun menyediakan peruntukan sebanyak \$100 juta kerananya. Bagi jangka masa pendek, kita akan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan untuk kesenangan penumpang seperti dewan tiba, kemudahan kastam dan lain-lain. Untuk memberi keselamatan lebih rapi, alat-alat pemeriksaan termoden akan dibekalkan. Memandang jauh ke hadapan lagi, bangunan terminal kedua berharga \$12 juta akan dibina pada akhir tahun ini. Dan pada akhir tahun 1981, kerja pembaharuan terminal yang ada sekarang ini, akan dimulakan. Ini akan menelan belanja sebanyak \$81 juta. Apabila semua kerja pembaikan lapangan terbang ini siap, ia akan dapat menampung tiga kali ganda daripada jumlah penumpang dan khidmat cargo yang terdapat sekarang ini.

Bagi memudahkan pihak-pihak yang perlu mengadakan persidangan di Kuala Lumpur, Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang akan dibina semula supaya menjadi sebuah pusat persidangan yang lengkap dan moden. Apabila siap, ia akan dapat menampung kira-kira 2,000 orang di samping menempatkan sebuah balai seni lukis dan ibu pejabat Jabatan Pelancungan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Di dalam usaha Kerajaan menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandaraya perdagangan, kita sedang menjalankan satu kajian untuk menukar Ibu Negara kita ini menjadikannya sebuah pusat perdagangan yang cekap. Pelan Induk Kuala Lumpur ini akan siap pada akhir tahun 1980, dan akan mengandungi kajian mengenai perancangan fizikal, sosio ekonomi dan sebagainya.

Sehingga masa ini, sudah banyak projek-projek membaiki dan membina lebuhraya dijalankan. Dengan siapnya segala projek ini kelak, mudahlah lagi lalulintas masuk ke Kuala Lumpur dari semua hala. Sungguhnya kemudahan jalanraya adalah satu daripada 'infrastructure' yang paling asas bagi sesebuah pusat perdagangan. Lebuhraya Per-

sekutuan ke Seremban dan Lebuhraya Karak, seperti yang kita sedia maklum, telahpun siap dan digunakan. Dalam pada itu, kerja-kerja sedang dipergiatkan bagi memperbesarkan Jalan Syed Putra menjadi lebuhraya 8 lorong dan dijangka siap pada tahun 1980. Begitu juga halnya dengan Jalan Bangsar yang dijangka akan diperluaskan menjadi 6 lorong menjelang tahun 1981. Kita juga sedang membina dua 'ring road' dan membaiki lagi lebuhraya ke Utara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bukanlah menjadi tugas Kerajaan semata-mata dalam usaha membentuk sebuah bandar perdagangan yang cekap. Semua pihak, termasuk orang perseorangan, sektor swasta dan mereka yang bekerja sendiri, mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Seseorang peniaga asing yang menjalankan urusan perniagaan di sini tentulah memerlukan kerjasama sepenuhnya dari peniaga-peniaga dan orang perseorangan tempatan. Baik atau buruknya pandangan orang-orang asing ini ke atas bandaraya kita banyak bergantung kepada layanan yang mereka terima. Jikalau baik layanan kita dan segala urusan perniagaan mereka berjalan lancar, maka baiklah juga imej kita di mata mereka dan juga rakan-rakan pedagang di negara mereka. Imej perkhidmatan yang baik dalam jangka masa yang panjang tentu sekali akan menguntungkan kita.

Kita juga berharap dapat memperindahkan lagi Kuala Lumpur untuk meberi kemudahan berihat kepada mereka yang ada tugas di Bandaraya ini. Usaha-usaha sedang berjalan dan akan diteruskan untuk mencapai matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebuah "garden city". Satu contoh ialah projek Taman Bunga Kiara seluas 200 ekar yang sedang dirancang. Pada tahun 1979 ini, satu projek khas akan dilaksanakan bagi mencantikkan kawasan di pertemuan Sungai Kelang dan Sungai Bonos di mana terdapat banyak bank perdagangan.

Di sini saya ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi tanggung-jawab semua pihak —— Kerajaan, sektor swasta, orang ramai, bahkan seluruh negara —— bagi mengindahkan dan memelihara keindahan Bandaraya kita ini. Kita mestilah ingat yang Kuala Lumpur ini dimiliki oleh seluruh negara dan bukan hanya oleh penduduk-penduduknya sahaja. Marilah kita berusaha bersama-sama menjayakan tugas ini. Penduduk-penduduk Malaysia seluruhnya serta juga organisasi-organisasi perusahaan dan perniagaan yang bersifat 'corporate citizens' berkewajipan menerima Kuala Lumpur sebagai bandaraya "untuk kita semua".

Oleh itu segala kebaikan yang dilakukan terhadapnya ialah kebaikan untuk kita bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Memandangkan betapa pentingnya segala perkara yang telah saya sebutkan tadi maka Kementerian Wilayah Persekutuan telahpun ditubuhkan di bawah tanggungjawab saya sendiri. Dengan adanya Dewan Bandaraya yang berpengalaman, di bawah pimpinan Yang Berbahagia Datuk Bandar dengan kakitangannya yang berjumlah seramai lebih dari 9 ribu, 28 Jabatan-jabatan dan Badan-badan Kerajaan, bersama-sama dengan pakar-pakar perunding dan profesional dari swasta tempatan dan luar negeri, kita memang mempunyai "capacity" yang cukup untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga di Wilayah Persekutuan ini.

Sesungguhnya memang banyak lagi yang perlu dijalankan di Wilayah Persekutuan ini. Keperluan dan kehendak rakyat tidak mungkin dapat dipenuhi dengan tepat dan berkesan dalam satu jangka masa yang singkat. Projek-projek dan program-program perlu dilaksanakan dengan cekap supaya rakyat, terutama dari golongan yang dhaif, dapat mengecap nikmat-nikmat pembangunan negara. Prestasi jentera pentadbiran Dewan Bandaraya dan jentera pelaksanaan Jabatan-jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun perlu dipertingkatkan mutunya dari masa ke semasa. Sudah semestinya bagi negara yang sedang pesat membangun, seperti negara kita ini, terutama sekali di bandaraya ini sendiri, di mana jumlah penduduk sentiasa bertambah, keperluan-keperluan masyarakat sentiasa mendesak ke'arah mencapai matlamat dan kebahagiaan hidup yang lebih tinggi. Saya sukalah menegaskan di sini bahawa Kerajaan telahpun memberi satu "commitment" terhadap pembangunan Ibu Negara ini dan "commitment" ini telah dibuktikan dengan jumlah peruntukan kewangan dan jentera pelaksanaan yang besar.

Saya harap pihak sektor swasta dan pemimpin-pemimpin masyarakat juga akan menuaikan "commitment" mereka masing-masing, supaya matlamat kita menjayakan cita-cita dan hasrat membangunkan Wilayah Persekutuan ini, khasnya Bandaraya Kuala Lumpur, dapat dicapai sepenuhnya. Saya juga menyeru penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan seluruhnya supaya menuaikan peranan dan tanggungjawab mereka membantu Kerajaan menjadikan Ibu Negara ini sebuah bandar yang lengkap, indah, bersih dan berdisiplin.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebenarnya kita bukan mementingkan pembangunan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan sahaja. Kerajaan akan mengambil langkah

untuk mengkaji dengan teliti perkembangan perbandaran bagi seluruh negara. Proses perbandaran bagi seluruh negeri. Proses perbandaran di negara ini sedang berjalan dengan pesat sekali, terutamanya di kawasan-kawasan seperti Lembah Kelang, Lembah Kinta dan beberapa Ibu Negeri lain di utara, selatan dan timur serta Sabah dan Sarawak. Proses ini jika tidak dirancang dengan teliti dan dikawal dengan rapi, akan mendatangkan berbagai-bagai akibat yang buruk kepada masyarakat dan negara. Masalah-masalah biasanya akan timbul akibat dari perbandaran yang pesat seperti pertaburan dan perkampungan penduduk, "infrastructure", perumahan, kemudahan-kemudahan dan pekerjaan bagi rakyat selain dari implikasi-implikasi terhadap ekonomi dan kehidupan di luar bandar.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil daya utama mengkaji perkembangan dan proses perbandaran di Wilayah Persekutuan serta di seluruh Lembah Kelang dengan tujuan menggubal dasar-dasar, strategi dan garis panduan mengenai segala aspek-aspek yang penting berkaitan dengan perkara ini. Kajian ini dan garis panduan bagi kawasan di sini akan dijadikan contoh untuk mengkaji perkembangan kawasan-kawasan perbandaran di seluruh tanahair. Pusat-pusat bandar yang besar perlu diselaras dan dirancang secara "comprehensive" supaya masing-masing mempunyai peranan-peranan dan "specialisation"nya untuk mengelakkan "duplication of efforts and funtions" dan "unnecessary investment" di bandar-bandar tersebut. Penyelarasan ini juga dapat menolong menentukan pencapaian matlamat negara dengan tepat dan sepenuhnya.

Jelaslah dalam usaha kita untuk membangunkan Wilayah Persekutuan dan juga kawasan-kawasan lain di negara kita, Kerajaan sentiasa memikirkan kepentingan semua golongan rakyat supaya faedah dan nikmat daripada rancangan-rancangan pembangunan akan dapat dirasai bersama. Oleh itu, sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa semua pihak haruslah memberikan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada usaha-usaha pembangunan yang saya sebutkan tadi.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan majlis ini dan juga acara-acara sambutan yang lain sempena dengan perayaan ulangtahun kelima penubuhan Wilayah Persekutuan ini.

Terima kasih.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OFFICIAL
OPENING OF UNESCO INTER-GOVERNMENTAL CON-
FERENCE ON COMMUNICATION POLICIES IN ASIA
AND OCEANIA AT DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN,
KUALA LUMPUR, ON 5TH FEBRUARY, 1979.

I wish to thank UNESCO for the great honour in choosing Malaysia to be the host country for this conference, and on behalf of the Government of Malaysia, to extend a very warm welcome to all the distinguished participants. It is a great privilege to me to meet for the first time His Excellency Mr. Amadou Mahtar M'bow, the Director-General of UNESCO, and members of his staff. It was some years ago, when I was Minister of Education, that I had direct contact with UNESCO and had followed with keen interest its affairs. I would like to apologise to UNESCO and the Director-General for our inability to host this conference last June due to our General Election which was held in July.

Ladies and Gentlemen,

As we all know, this conference ----- The Inter-Governmental Conference on Communication Policies in Asia and Oceania ----- is the first to be held in Asia. This conference is extremely important, especially to the developing countries like Malaysia. The fact that 23 countries and more than 100 delegated are taking part in it show the seriousness of the subject-matters. Some countries are represented by their Ministers or Deputy Ministers. The conference will last for 10 days, which shows the varieties and complexities of the subject-matters. I would like to congratulate UNESCO for responding positively to the proposal of its members to study in depth this important subject and to initiate appropriate actions.

Malaysia agrees with the views that have been expressed that owing to the rapid development of communication infrastructures and the growing recognition of the role of communication, especially in the relationships between nations, more serious problems have arisen which require the countries of Asia and Oceania to review their present communication policies. The Communication policies of most of these countries are still of the colonial past. They should break away from it and give serious thoughts to "a new Communication Order" consistent with the present day situations and conditions.



Gambar menunjukkan Y.A.B. Datuk Hussein Onn sedang berucap merasmikan Persidangan Antara Kerajaan Mengenai Dasar-Dasar Komunikasi bagi Rantau Asia dan Oceania (ASIOCOM) di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 5.2.1979.

This is one of the purposes of this conference, which is to help member countries take stock of their communication policies and exchange information with regard to them. All of us are aware that the present situation in communication has many and serious imbalances. We should strive for equal or adequate access to news direct. We should not be dependent indefinitely on developing countries' news agencies. UNESCO hopes that this conference will make concrete proposals on the development of communications and ideas on the training needs of personnel. This conference provides a good opportunity for a regional dialogue on the state of affairs in communication and exchange of ideas and experience.

The General Conference of UNESCO at its 20th Session adopted a number of resolutions concerning communication. One resolution has as its objective the promotion of a free and balanced flow of information and of international exchanges, and directs and authorises the Director-General to implement activities which will contribute towards the achievement of the objective. The discussions and exchange of ideas at this conference will greatly assist the Director-General in carrying out and fulfilling his task.

Ladies and Gentlemen,

Permit me to draw your attention to two Articles in UNESCO's "Declaration on fundamental principles concerning the contribution of the mass media to strengthening peace and international understanding, the promotion of human rights and to countering racism, apartheid and incitement to war."

Article V of the Declaration says and I quote: "In order to respect freedom of opinion, expression and information and in order that information may reflect all points of view, it is important that the points of view presented by those who consider that the information published or disseminated about them has seriously prejudiced their effort to strengthen peace and international understanding, to promote human rights or to counter racism, apartheid and incitement to war, be disseminated."

Article VI of the Declaration says and I quote: "For the establishment of a new equilibrium and greater reciprocity in the flow of information, which will be conducive to the institution of a just and lasting peace and to the economic and political independence of the developing countries, it is necessary to correct the inequalities in the flow of

information to and from developing countries, and between those countries. To this end, it is essential that their mass media should have conditions and resources enabling them to gain strength and expand, and to co-operate both among themselves and with the mass media in developed countries."

I draw your attention to these two Articles of the Declaration because they are very relevant to the newly independent and developing countries. These countries, of which Malaysia is one of them, are often at the mercy of powerful, abundantly financed, and strongly entrenched news agencies of developed countries. Our policies and actions are often being twisted and given bad and prejudicial interpretations; our countries' images are often painted in the blackest possible colour.

Ladies and Gentlemen,

You have a very busy schedule ahead of you. Nevertheless, I hope that you will find time to see Kuala Lumpur and other parts of the country, and meet the people. I hope too that your stay in our country will be an enjoyable one. I wish your conference every success.

Now, I have great pleasure in declaring open the UNESCO Inter-Governmental Conference on communication Policies in Asia and Oceania.

**UCAPAN PERDANA MENTERI MENGENAI PERTIKAIAN
MAS-AEU MENERUSI RADIO & TELEVISYEN MALAYSIA
PADA 15HB. FEBRUARI, 1979.**

Kerajaan telah menegaskan, bahawa ia tidak boleh dan tidak akan bertolak ansur di atas pendiriannya terhadap tindakan haram yang telah dilakukan oleh AEU dalam pertikaianya dengan MAS. Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bertujuan mewujudkan keadaan bagi membolehkan kedua-dua belah pihak yang terlibat menyambung semula rundingan mereka. Tindakan haram oleh AEU ini, telahpun menjesakan ekonomi negara serta menjasakan imej tanahair kita. Ia juga telah mengakibatkan kesusahan dan kesulitan di kalangan rakyat. Bertambah pula, kapalterbang-kapalterbang MAS telah diganggu tanpa menghiraukan keselamatan penumpang-penumpang. Ini tidak boleh dimaafkan.

Percubaan dibuat bagi memaksa Kerajaan supaya tunduk kepada tindakan haram ini dan tunduk kepada perbuatan yang tidak bertanggungjawab oleh AEU. Sekarang ini pula, sebuah pertubuhan luar negeri telah melibatkan dirinya mengugut Kerajaan. Pertubuhan ini-----'International Transport Workers Federation' melalui wakil Asianya, Donald Uren dan Johann Hoff, Penolong Setiausaha Agungnya telah menghasut ahli-ahli AEU supaya meneruskan tindakan haram mereka itu. Johann Hoff telah dibenarkan melawat negara ini dengan menggunakan pas pelancung selama dua minggu. Ia telah melibatkan dirinya dalam pertikaian di antara AEU dengan MAS. Dengan ini ia telah mengganggu hal-ehwal dalam negeri kita.

Kerajaan hendak menegaskan di sini bahawa ia tidak akan membiarkan mana-mana pertubuhan luar negeri mengganggu hal-ehwal dalam negeri ini, sebagaimana Kerajaan tidak membenarkan mana-mana Kerajaan negara asing campur tangan dalam hal-ehwal negara Malaysia.

Kerajaan Malaysia tidak boleh membiarkan sesiapa jua melanggar undang-undang negara ini dan memberi amaran kepada International Transport Workers Federation serta wakil-wakilnya supaya memberhentikan dengan serta-merta sebarang gangguan dalam hal-ehwal negara Malaysia. Kerajaan Malaysia akan mengambil tindak-balas sepenuhnya sebarang tindakan antarabangsa oleh ITWF yang menjasakan ekonomi, kebijakan dan imej negara ini.

Keadaan yang berbangkit dari tindakan haram oleh AEU, sudah cukup buruk. Lain-lain Kesatuan Pekerja, di atas apa alasan sekalipun,

janganlah mempergunakan atau pun mengambil sebarang tindakan yang boleh memburukkan lagi keadaan ini. Sebarang percubaan oleh mana-mana Kesatuan Pekerja yang lain untuk bertindak sedemikian, akan ditentang oleh Kerajaan dengan tindakan yang tegas. Kerajaan akan menunaikan tanggungjawabnya kepada rakyat dan negara. Saya merayu kepada seluruh rakyat terutama sekali kepada ahli-ahli Kesatuan Pekerja supaya bekerjasama dengan Kerajaan. Walaubagaimana pun janganlah hendaknya menganggapkan rayuan ini sebagai kelemahan Kerajaan.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER ON MAS-AEU DISPUTE OVER RADIO TELEVISION MALAYSIA, ON 15TH FEBRUARY, 1979.

The Government has already made clear that it cannot and will not compromise on its firm stand with regard to the illegal actions which have been taken by the Airline Employees Union in its dispute with MAS. The actions which have been taken by the Government are for the purpose of creating conditions which will enable the parties to the dispute to resume negotiation. The illegal actions of the AEU have already caused damage to the economy and image of the country, they have also caused inconveniences and hardships to the people. Further, MAS aircrafts have been tampered with without the slightest regard and consideration for the safety of the passengers. This is inexcusable.

Attempts are being made to pressure the Government to bow the AEU in its illegal and irresponsible acts. Now a foreign organisation has involved itself to pressure the Government. This organisation —— the International Transport Workers Federation —— through Mr. Donald Uren its Asian Representative, and Mr. Johann Hoff, its Assistant General Secretary have been inciting the members of the AEU to continue with its illegal actions. Mr. Johann Hoff has been allowed to enter this country on a two weeks social pass for the purpose of leisure. He has involved himself in the AEU — MAS dispute and has interfered in the internal affairs of this country.

The Government wish it to be clearly understood that it will not tolerate any interference from any foreign organisation in the internal affairs of this country, as it will not countenance any foreign government to interfere in the internal affairs of Malaysia.

The Malaysian Government will not tolerate its laws to be infringed and warn the International Transport Workers Federation and its representatives to cease forthwith from interfering in the internal affairs of this country. The Malaysian Government will retaliate fully any international actions by the ITWF which affects the economy, well-being and image of this country.

The situation arising out of the illegal actions of the AEU is already bad enough. Other trade unions for whatever reasons should not exploit or take any action which will worsen it further. Any attempt by any other trade unions to do so will be met with a firm stand and action by

the Government. The Government will not hesitate to carry out its responsibility to the country and the people.

I appeal to the good sense of the people particularly members of trade unions to cooperate with the Government. This appeal should not, however, be taken as a sign of weakness on the part of the Government.

**ADDRESS BY THE PRIME MINISTER ON THE OCCASION
OF THE 30TH ANNIVERSARY OF THE MCA AT THE
FEDERAL HOTEL, KUALA LUMPUR ON 25TH FEB-
RUARY, 1979.**

Y.B. Dato Lee San Choon, Presiden MCA, Y.A.B. Tun Tan Siew Sin, Y.B. Tan Sri Omar Yoke Lin Ong, Ahli-ahli Central Committee MCA, Y.B. Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri, Y.B. Ahli-ahli Parlimen, Para Tetamu Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. Dato Lee San Choon, Presiden MCA, kerana sudi menjemput saya ke Majlis Perayaan Ulangtahun yang ke 30 tertubuhnya MCA, dan memberi penghormatan kepada saya berucap sepatah dua kata kepada hadirin yang mulia ini. UMNO telah lama berjuang dan bekerjasama rapat dengan MCA sebagaimana juga ia telah berjuang dan bekerjasama rapat dengan MIC.

Kemerdekaan tanahair kita telah bersama-sama dicapai oleh UMNO, MCA dan MIC. Pembangunan dan kemajuan negara kita telah bersama-sama diusahakan oleh UMNO, MCA dan MIC, dan kebelakangan ini, bersama-sama dengan parti-parti lain dalam Barisan Nasional.

UMNO, MCA dan MIC bolehlah dikatakan sebagai "Tiga serangkai dan tiga sekawan" dan sekarang ini "Tiga serangkai dan tiga sekawan ini" telah disertai oleh beberapa kawan yang lain dalam Barisan Nasional.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

First of all, I would like to congratulate the MCA on the 30th anniversary of its founding, and to thank its President, Dato Lee San Choon, for inviting me to address this distinguished gathering.

It is true to say that after the Second World War, political development in Semenanjung Malaysia was spear-headed by the UMNO, MCA and MIC. Almost from the very beginning, these three political parties have worked and fought together; they have gained victories and suffered defeats. They could aptly be called "The Three Musketeers of Malaysian Politics". They are now joined by other musketeers in Semenanjung Malaysia, Sabah and Sarawak.

You will recall that the MCA was founded at the time when the country faced with an armed communist insurrection. Under the leadership of the MCA, the Chinese population closed ranks and rallied to the defence of the country. Its leaders and members were threatened with death and bodily injury by the communist terrorists; many were injured and killed. If we follow the history of the MCA, one fact stands out very clearly, and that is that the MCA has never chosen the easy and popular way out of a national problem. It has shown this quality of leadership many times before; this admirable quality many times recently. I wish to acknowledge here, so that it will be known to all the people, that this same admirable quality is also being shown by all the other component parties in the Barisan Nasional. It makes me proud to work with them.

The Barisan Nasional has had many trials and tribulations. It has gone through some turbulent times and it has survived. The most important reason for this is that the leaders of the component parties in the Barisan Nasional are patriots of the highest order. They always put the national interest first before party, communal or sectional interests. Their over-riding watch-word is UNITY —— unity within the Barisan Nasional and unity among the people.

The MCA, like the UMNO, MIC and others, is always vulnerable to unscrupulous, chauvanistic and racialistic groups like the DAP AND THE EXTREMISTS. Racial and sensitive issues are continually being exploited by these groups. They do not care whether the continual exploitation of these issues will bring about racial conflicts which will be far more serious than what we have experienced before. To them the ends justify the means.

However, in spite of the attempts by these disruptive groups to sow dissensions and racial animosity among the people, the country under the leadership of the Barisan Nasional continuous to develop and prosper. I have said and I will say it again that the Barisan National will carry out the promises it made in its 1978 Election Manifesto. In fact, we have started implementing them. I have said that this country belongs to us all, irrespective of our racial origins. There are more good, loyal and patriotic citizens in this country than there are bad, disloyal and selfish one; there are more moderate and reasonable citizens than there are extremists and unreasonable ones. With these advantages, I cannot see why the future of this country cannot be promising and bright.

The future and the destiny of our country are in our hands. So far, we have guided our country tenderly, cautiously and wisely. Our leaders of the past have laid the foundation of our country. The responsibility of the present and future leaders is to build upon that foundation, with patience, tolerance and wisdom, an edifice which will fulfill the hopes and aspirations of our people. I have every confidence that this will be done.

Coming back to the MCA, permit me to say that as it has survived for 30 years, it will survive another 30, no matter how hard the DAP may try to destroy it. In time, the people will see the DAP in its true colours —— crooked, unscrupulous, chauvinistic, divisive and devous. There are now within the rank and file of the MCA a new breed of men and women from all walks of life. These men and women do not live in the past; these men and women do not think only of wealth; they are concerned with everyday life —— their means of livelihood, their children's education; employment and necessities of life. The MCA of to-day is a new and invigorated MCA, in keeping with the changing moods of the people. We, the other component parties in the Barisan Nasional, wish the MCA every success in the future. Happy anniversary and will there be many more.

Thank you.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI KILANG FELDA OIL PRODUCTS DAN FELDA-JOHORE BULKERS' INSTALLATION DI PASIR GUDANG, JOHOR, PADA 10 MAC 1979

Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato Haji Othman Saat, Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Yang Berhormat Tuan Speaker, Dewan Undangan Negeri Johor, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Exco Negeri Johor, Encik Ikeda, Presiden Mitsui & Co. Ltd., Encik Yoshida, Presiden Asahi Denka Kogyo, Pengurus dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah FELDA Oil Products dan FELDA-Johore Bulkers, Tan Sri-Tan Sri dan Dato-Dato, Def-def Terhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah dan Pengurus serta Lembaga Pengarah FELDA-Johore Bulkers kerana sudi menjemput saya ke majlis perasmian ini.

Seperti yang kita sedia maklum Malaysia ialah pengeluar minyak sawit yang terbesar di dunia. Kita berjaya mencapai kedudukan ini melalui perubahan yang pesat dalam bidang pertanian yang bermula dari awal tahun enam puluhan. FELDA telah menjalankan tugasnya dalam usaha mempelbagaikan tanaman dan sehingga hari ini, telah berjaya menanam seluas 702 ribu ekar kelapa sawit. Dengan ini FELDA mempunyai kawasan kelapa sawit yang paling luas dan juga pengeluar minyak sawit yang terbesar di Malaysia.

Di dalam kegiatan memproses minyak sawit, FELDA telah juga mengambil bahagian mengendali dan mengilang hasil pengeluaran minyak sawit. Sebagaimana yang telah berlaku dalam bidang pengeluaran utama, kegiatan 'downstream' juga disertai oleh sektor awam dan pengusaha-pengusaha swasta tempatan dan luar negeri. Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya kerjasama ini dapat terus dikekalkan dan ditingkatkan bagi mewujudkan perusahaan minyak sawit yang teguh dan menguntungkan di Malaysia.

Kita memang sedar bahawa 'infrastructure' amatlah penting dalam usaha mengembang dan mempelbagaikan perusahaan perkilangan. Sejajar dengan keperluan ini, Pasir Gudang telah dibekalkan dengan 'infra-

structure' asas. Sekarang kita perlu memperbaiki dan memperbesarkan lagi kemudahan ini selaras dengan kemajuan perkhidmatan dan perlilangan. Pelabuhan yang baru di sini merupakan sebahagian dari kemudahan asas ini. Pelabuhan ini diharapkan dapat menolong memaju-kan perusahaan perlilangan dan juga menambahkan ekspot dan impot bahan-bahan mentah dan barang. Minyak sawit telah dipilih untuk mendahului pembangunan dalam bidang ini.

Kemudahan pertama yang siap di pelabuhan ini ialah "jetty" minyak sawit. Dalam perkara ini Kerajaan berasa bangga kerana dalam masa tidak sampai lima tahun Pelabuhan Pasir Gudang telah muncul sebagai salah sebuah pelabuhan minyak sawit yang terkemuka di dunia. Usaha Kerajaan untuk menjadikan pelabuhan ini sebagai saluran utama per-usahaan minyak sawit telah berhasil.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

FELDA-Johore Bulkers (atau FJB) telah memainkan peranan penting untuk menjayakan rancangan Kerajaan menjadikan pelabuhan ini sebagai pusat mengekspot minyak sawit. Pada masa pembangunan pe-labuhan Pasir Gudang ini dipersebutui, Kerajaan mencadangkan supaya membina kemudahan menyimpan minyak sawit di sini. Hasil dari pe-nyatuan tenaga dan modal dengan pengeluar-pengeluar minyak sawit di Johor telah dapat mewujudkan usahasama yang ada di hadapan kita ini iaitu FELDA-Johore Bulkers Sendirian Berhad.

Kerajaan merasa gembira melihatkan sebahagian besar dari kilang-kilang penapis di Johor menggunakan tangki FELDA-Johore Bulkers. Kita mengharapkan supaya mereka seterusnya akan menyewa tempat simpanan dan menggunakan pelabuhan ini untuk mengekspot penge-eluaran mereka. "Jetty" untuk muatan cecair di pelabuhan ini boleh mengendalikan lebih kurang 1.5 juta tan setahun. Saya difahamkan bahawa pada masa ini, tidak sampai suku daripada kemudahan ini di-gunakan. Untuk membolehkan "jetty" ini menjadi projek yang meng-untingkan, sokongan dan kerjasama dari syarikat penapis dan pengeluar minyak sawit serta pengeluar "cargo" cecair yang lain, amatlah diperlu-kan.

Sekarang ini sebahagian besar dari bahan-bahan yang boleh diekspot melalui Pelabuhan Pasir Gudang ini masih lagi dihantar melalui pelabuh-an negara asing. Kerajaan berharap usaha-usaha hendaklah dijalankan supaya semua barang ekspot, terutama di Selatan Semenanjung Malaysia menggunakan Pelabuhan Pasir Gudang ini. Dalam hubungan ini, Kerajaan

sentiasa berusaha meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan yang sedia ada bagi mempastikan bahawa Pelabuhan Pasir Gudang menjadi sebuah pelabuhan terkemuka di Malaysia. Pandangan dan cadangan dari pihak-pihak yang menggunakan kemudahan ini adalah dialu-alukan supaya pengendalian Pelabuhan Pasir Gudang dapat dijalankan dengan lebih cekap lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kerajaan sebenarnya bukanlah berhasrat untuk menyekat pengaliran barang ke pelabuhan negara asing. Apa yang perlu dipastikan ialah supaya pelabuhan tempatan hendaklah diutamakan dan digunakan dengan sepenuhnya. Dengan cara ini kita akan dapat melindungi kepentingan negara dalam usaha pembangunan ekonomi kita. Seberapa yang boleh, barang-barang yang hendak diekspot dan diimpor hendaklah melalui pelabuhan-pelabuhan dalam negeri. Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk menyediakan pelabuhan-pelabuhan di negara ini, dan kita tidak harus membiarkan kemajuannya tersekat atau pembinaannya menjadi sia-sia. Dengan kerjasama dari pengekspot dan pengimpor Malaysia, saya penuh yakin hasrat Kerajaan ini akan tercapai.

Ladies and Gentlemen,

A company which is closely related to FELDA-Johore Bulkers is FELDA Oil Products, a joint venture that brings together the producer the trader and the technologist. FELDA holds 66 percent of its equity while the remainder is held by two Japanese firms; that is, Mitsui, a trading and industrial giant and Asahi Denka Kogyo (ADK), a leading manufacturer well-known for its expertise in oil and fats technology.

The FELDA Oil Products plant is the first in the country to produce stearic acid for both local and foreign markets. This has resulted in export substitution and increased the value of a local commodity resulting in an increase in foreign exchange savings and earnings.

I am told that the palm oil fractionation plant designed by ADK is the only one of its kind in Malaysia. This plant is the result of many years of development research in palm oil technology within the company. I am happy to note that ADK has been willing to share its expertise with a developing country like Malaysia.

The Malaysian Government appreciates that Mitsui's worldwide connections and trading expertise, and ADK's technology are now available

to a Malaysian company. This very enlightened approach by the two Japanese partners in the sharing of technology and expertise is a good example of the benefits of foreign investment.

As you are aware, Malaysia encourages foreign investment and to us, this is the means to additional capital, new technology and specialised managerial expertise. The additional input of capital will help us in the development of our economy. New technology and specialised managerial expertise will open the way for Malaysia towards more rapid industrialisation, a better utilisation of local human and material resources, and a higher standard of living for our people.

Malaysia is in a fortunate position because it is the world's largest producer of rubber, tin and palm oil as well as a leading producer of timber. We are also fortunate to have a sufficiently large reservoir of skilled manpower. It would indeed be a pity if we are unable to combine these human and material resources with foreign capital, technology and expertise to maximise our economic potential. I am glad to say that many foreign companies have joined us in our efforts to develop and strengthen our economy through their participation in the manufacturing sector.

The rapid development of the palm oil industry is a case in point. From a mere producer of crude palm oil, Malaysia can now pride itself with local and foreign firms participating in the processing of the commodity. Currently, about 50 percent of the Malaysian crude palm oil is processed locally. The confidence of both local and foreign investors in this industry augurs well for the future of palm oil refining.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Memandangkan kepada perkembangan perusahaan minyak sawit yang menggalakkan ini, adalah wajar bagi perusahaan ini sekarang memupuk perhatian terhadap mempelbagaikan penghasilan, penggunaan 'by-product' dan meninggikan mutu pengeluaran. Satu perkara yang menggalakkan ialah sudah ada syarikat penapis yang bergerak kearah ini. Walau bagaimanapun, saya difahamkan, ada segolongan pengusaha yang hanya memikirkan cara mendapat keuntungan dalam masa yang sesingkat-singkatnya dan dengan itu memproses minyak sawit pada paras minima. Kita berharap mereka ini akan mengubah sikap supaya dapat bersama-sama dengan rakan mereka yang lain memajukan lagi perusahaan ini.

Sebagai sebuah negara yang paling banyak mengeluarkan minyak sawit, kita tidak seharusnya berpuashati mengekspor minyak mentah atau separuh mentah sahaja. Kita terpaksa merapatkan diri dengan pengguna 'terakhir' supaya kita dapat mengetahui dengan lebih tepat lagi keperluan mereka, serta kesukaan atau kebencian mereka dan tabiat pengguna membeli. Jika tidak, maka susahlah bagi kita mengesan perubahan tabiat mereka dan cara mereka berbelanja, dan ini boleh menyebabkan pasaran berkenaan terlepas dari tangan kita. Saya percaya syarikat-syarikat penapis lebih maklum dalam perkara ini dan saya yakin dengan usaha yang lebih bersungguh-sungguh serta hasil yang lebih baik, mereka akan dapat menerokai pasaran pengguna luar negeri dan seterusnya pesanan dunia.

Saya juga yakin 'FELDA Oil Products' dapat memainkan perannya untuk memajukan perusahaan minyak sawit di Malaysia. Ia mempunyai kemampuan dan kapakaran yang diperlukan. Bahan mentah tidak seharusnya menjadi masalah, kerana FELDA yang membekalkannya. Kekurangan tenaga mahir tidak harus timbul kerana Asahi Denka boleh menampungkannya. Pemasaran juga tidak seharusnya menjadi masalah kerana Mitsui adalah pakar dalam bidang ini.

Projek usahasama FELDA Oil Products dan FELDA-Johore Bulkers mencerminkan bahawa pihak swasta dan sektor awam dapat bekerjasama dengan jayanya, dan dapat mengendalikan perkongsian berdasarkan perkongsian saksama perniagaan. Kerajaan berharap lebih banyak lagi usahasama seperti ini dapat diadakan terutama dalam perusahaan yang menggunakan bahan tempatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan kilang penapis FELDA Oil Products dan FELDA-Johore Bulkers Installation.

Terima kasih.

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS PERASMIAN
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK, JOHOR BAHRU PADA
11 MAC, 1979.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Amat Berbahagia Tun Hajjah Rahah, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato Haji Othman Saat, Menteri Besar Johor, Yang Berhormat Dato Speaker Dewan Undangan Negeri Johor, Yang Berusaha Dato Haji Basir Ismail, Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Exco Negeri Johor, para hadirin yang dihormati sekalian.

Upacara pagi ini amatlah besar maknanya kepada kita semua terutama kepada keluarga Allahyarham Tun Razak sendiri serta sahabat-handai dan rakan-rakan seperjuangannya. Kebetulannya pula, hari ini ialah hari lahir perwira negara yang kita kasih itu, yang telah secara tiba-tiba pergi meninggalkan kita, tiga tahun yang lalu, kerana mena-hut seruan Ilahi.

Bangunan yang tersergam tinggi ini, melambangkan semangatnya yang tetap hidup menyala, yang sentiasa disemarak dan dimuliakan oleh setiap mereka yang cinta kepadanya. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta settinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor, dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato Haji Othman Saat, di atas kemurahan hati dan ingatan sucinya untuk mengabadikan Kompleks Membelibelah ini kepada Allahyarham Tun Razak. Sesungguhnya, ini adalah satu hadiah sumbangan harjadi yang tidak ternilai sebagai mendokong cita-cita Dasar Ekonomi Baru yang mana Allahyarham sendiri adalah penciptanya.

Sebagai salah seorang yang telah menerima warisan Allahyarham itu, saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat bersama-sama menyertai dalam upacara yang gemilang lagi berasjerah ini. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih serta settinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor khususnya kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato Haji Othman dan Yang Berusaha Dato Haji Basir bin Ismail, kerana memberi penghormatan ini kepada saya.

Saya juga mengucapkan setinggi tahniah kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor yang telah berusaha sehingga berjaya membina Kompleks Tun Abdul Razak ini. Kejayaan ini adalah satu langkah yang penting ke arah mencapai cita-cita pembangunan negara dan pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Sesungguhnya, Kompleks ini melambangkan titik kejayaan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor khasnya dan juga peniaga Bumiputera 'amnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian,

Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Hajjah Rahah dan keluarganya kerana telah mengizinkan nama Allahyarham Tun Razak digunakan bagi menamakan Kompleks membelivelah ini. Kehadiran mereka di upacara ini serta penyertaan Yang Amat Berbahagia Tun Hajjah Rahah dalam perasmian Batu Peringatan Tun Abdul Razak, yang terletak di bahagian hadapan Kompleks ini, adalah dengan sendirinya satu penghormatan kepada majlis yang mulia ini. Memanglah tepat dan kena pada masanya kita semua mengingati segala jasa cemerlang dan khidmat-bakti Allahyarham itu, terutama usahanya untuk memajukan taraf ekonomi negara dan membaiki lagi keadaan hidup rakyat jelata. Kompleks membelivelah ini melambangkan pelaksanaan cita-cita Allahyarham Tun Razak dalam mewujudkan satu order ekonomi baru pada hari ini.

Sebagaimana kita semua sedia maklum, Kerajaan akan membina satu memorial kekal yang diberi nama Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak di Kuantan, sebagai satu lagi usaha bagi mengingati jasa-jasa cemerlang dan khidmat bakti yang tulus ikhlas Allahyarham itu kepada rakyat dan negara. Pustaka Peringatan ini, yang sedang diusahakan oleh Arkib Negara iaitu di bawah tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, akan menempatkan segala bahan kepunyaan dan yang mengenai Allahyarham. Ianya akan menjadi satu pusat penyelidikan di mana rujukan dan pengkajian mengenai Allahyarham akan dapat dijalankan.

Sebahagian daripada bahan-bahan yang akan dilengkapkan di Pustaka Peringatan ini akan dapat dilihat di pameran khas mengenai koleksi Allahyarham yang diadakan di Kompleks ini sempena upacara ini. Pameran seperti ini amatlah sesuai benar kerana mereka yang mengunjunginya akan dapat menyaksikan sendiri kenang-kenangan yang ditinggalkan oleh Allahyarham itu.

Pembinaan Pustaka Peringatan ini sedang giat diselenggarakan. Kerajaan Persekutuan akan membayai projek ini. Sumbangan derma daripada negeri-negeri dan orang ramai, sangatlah dialu-alukan. Bagi tujuan ini satu tabung bagi Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak telah ditubuhkan untuk menerima sumbangan-sumbangan itu. Saya menyeru kepada orang-orang perseorangan, syarikat-syarikat swasta dan para dermawan, supaya menderma kepada projek ini. Derma-derma untuk Tabung Peringatan Tun Abdul Razak ini bolehlah dikirimkan kepada Arkib Negara, Jalan Sultan, Petaling Jaya. Semua sumbangan akan dikecualikan daripada bayaran cukai pendapatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Seperti yang terbukti dengan pembinaan Kompleks membelihlah Tun Abdul Razak ini, Kerajaan sentiasa mengambil perhatian berat terhadap perkembangan perniagaan kecil, terutamanya dalam usaha mewujudkan lebih ramai lagi peniaga kecil bumiputera. Berbagai kemudahan dan peluang telah disediakan oleh Kerajaan serta oleh bank dan pertubuhan-pertubuhan kewangan bagi membantu peniaga-peniaga dan usahawan bumiputera. Kaum bumiputera hendaklah berani menjalankan kegiatan perniagaan dan perusahaan mereka dalam amalan perdagangan bebas di negeri ini, jika mereka hendak maju dalam bidang ini. Mereka juga mesti berani menghadapi segala penentangan dan persaingan hebat dari peniaga dan usahawan bukan bumiputera yang telahpun "established".

Kerajaan memang menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan peniaga dan pengusaha bumiputera dan bukan bumiputera. Hanya dengan cara ini sahajalah peniaga dan pengusaha bumiputera boleh mempelajari selok-belok perniagaan dan perusahaan. Pengalaman seperti ini amatlah berguna bagi mengukuhkan kedudukan mereka dan seterusnya meluaskan kegiatan mereka dalam bidang ini.

Tuan tuan dan puan-puan sekalian,

Bagi kaum bumiputera yang baru berkecimpung dalam bidang perniagaan dan perdagangan menghadapi tentangan dan saingan dari peniaga yang "established" dan pengusaha, memanglah bukan satu perkara yang mudah diatasi. Ia memerlukan ketabahan hati, keyakinan dan usaha yang jujur lagi bersungguh-sungguh serta memerlukan jangka masa yang panjang bagi mengatasi cabaran ini. Kaum bumiputera yang memilih bidang ini hendaklah benar-benar memahami hakikat ini. Sesungguhnya, memang tidak ada lain jalan yang lebih mudah lagi dari

apa yang telah saya gambarkan sebentar tadi Walau bagaimana pun mereka tidak harus berasa kecewa jika gagal dan sebaliknya hendaklah tekun dan rajin berusaha, sehingga mencapai kejayaan. Kerajaan berkewajipan (committed) membantu kaum bumiputera yang benar-benar cenderung dan berminat dalam bidang ini, supaya matlamat menyusun semula masyarakat Malaysia sebagaimana yang dimaksudkan dalam Dasar Ekonomi Baru itu, akhirnya tercapai.

Bagi membantu Kerajaan mencapai hasrat dan cita-cita ini dalam jangkamasa yang ditetapkan, usaha-usaha yang lebih berkesan hendaklah dibuktikan dengan secara jujur dan ikhlas oleh kaum-kaum bukan bumiputera terutama peniaga-peniaga dan pengusaha yang sudah "established". Dengan seberapa yang boleh, mereka hendaklah memberikan tunjuk-ajar, bimbingan dan panduan atau bantuan sekalipun, jika diperlukan kepada peniaga dan pengusaha bumiputera ini. Semangat dan kerjasama seperti ini akan dapat mewujudkan persefahaman dan muhibbah. Inilah juga sebaik-baik jalan bagi mempercepatkan lagi usaha kerajaan menyusun semula masyarakat ini.

Saya sendiri masih belum puashati lagi dengan setengah pengusaha swasta yang tidak menghiraukan langsung cita-cita kita untuk menyusun semula masyarakat di bandar-bandar. Masih banyak lagi pemaju yang tidak memberi peluang kepada peniaga bumiputera mendapatkan ruang perniagaan di kompleks membeli-belah atau kedai-kedai yang mereka binakan dengan alasan bahawa tidak ada peniaga bumiputera yang sanggup menyewa atau membeli ruang perniagaan yang mereka majukan.

Apa yang sebenarnya berlaku ialah terdapat usaha-usaha kurang sihat yang sengaja diadakan bagi mewujudkan suatu keadaan yang boleh menyusah atau menghalang peniaga bumiputera menjalankan kegiatan mereka. Umpamanya, peniaga bumiputera terpaksa mendapatkan barang perniagaan mereka daripada orang tengah bukan bumiputera dengan tujuan mengawal sistem harga jualan runcit. Pemborong-pemborong bukan bumiputera kadang kala mengenakan harga yang lebih tinggi kepada peniaga runcit bumiputera. Keadaan ini menyebabkan peniaga kecil bumiputera tidak dapat menawarkan harga yang bersaingan (competitive) oleh kerana mereka terpaksa menjamin keuntungan yang menasabah bagi membayar wang sewa kedai dan sebagainya.

Tetapi sebaliknya peniaga bukan bumiputera boleh menawarkan harga yang lebih menarik terhadap barang-barang perdagangan mereka.

Ini sudah tentu akan merosakkan segala perkiraan peniaga kecil bumiputera yang terpaksa menghadapi pergolakan "survival" dalam dunia perniagaan bebas. Oleh sebab itu, mereka yang benar-benar ikhlas terhadap penyusunan semula masyarakat dengan tujuan mewujudkan perpaduan yang kukuh dan berkekalan di kalangan rakyat berbilang kaum, mestilah menimbaangkan dengan serius hal ini dan seterusnya memberhentikan segala perbuatan yang tidak sihat atau penganiayaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Berbalik kita kepada Kompleks ini, setiap peniaga yang telah ber-nasib baik mendapat tempat, hendaklah menjalankan perniagaan mereka dengan tekun dan rajin supaya cita-cita kita untuk membangunkan satu masyarakat peniaga bumiputera akan dapat dijayaikan. Kepada peniaga-peniaga bukan bumiputera di Kompleks ini, saya berharap akan dapat bekerjasama dan memberi bantuan kepada peniaga bumiputera yang pada keseluruhannya belum lagi mempunyai banyak pengalaman dalam bidang ini. Kerjasama dan semangat bantu-membantu ini akan dapat memberi kejayaan yang lebih besar lagi kepada kedua-dua pihak. Sesungguhnya ia adalah sumbangan yang berfaedah dalam usaha kerajaan mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Memanglah sudah menjadi adat resam dunia bagi tiap-tiap peniaga berlumba-lumba untuk mendapat keuntungan yang lumayan. Tujuan utama kita membawa peniaga bumiputera dan bukan bumiputera di bawah satu bumbung ini, ialah untuk memberi peluang kepada tiap-tiap peniaga supaya dapat memupuk sifat toleransi dan sentiasa bekerjasama antara satu sama lain. Saya berharap peniaga-peniaga di kompleks ini akan dapat memenuhi hasrat dan cita-cita mulia ini. Saya menggesa setiap peniaga dan pengusaha yang menggunakan ruang Kompleks Tun Abdul Razak ini supaya mendukung semangat dan cita-cita pencipta Dasar Ekonomi Baru kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya gembira mendapat tahu bahawa di samping membina kompleks-kompleks membelihab yang besar, seperti yang akan dirasmikan ini, Kerajaan Negeri Johor, melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor serta dengan kerjasama Pejabat Kemajuan Negeri dan Majlis Perbandaran Johor Bahru, sedang menyelenggarakan dua projek yang lain di Johor Bahru ini juga, bagi taedah peniaga-peniaga kecil.

Pertama, kawasan simpan kereta yang terletak di antara Kompleks Tun Abdul Razak dan Pasar Besar, akan dijadikan kawasan perniagaan

pada waktu malam. Antara 60 hingga 70 orang peniaga kecil akan mendapat peluang berniaga apabila projek ini siap kelak. Kedua, kawasan perniagaan makanan dan minuman di Jalan Sekudai, yang berhampiran dengan Hospital Besar, akan diperelok dan dilengkapkan lagi dengan kemudahan-kemudahan yang perlu, supaya menjadi kawasan jualan yang baik dan menarik.

Sesungguhnya, kejayaan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor selama lapan tahun setengah ini, seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato Haji Othman Saat tadi, amatlah memuaskan. Saya harap, Perbadanan ini akan terus bergerak dengan lebih giat lagi bagi membangunkan Negeri Johor seluruhnya. Ia harus memainkan peranannya sebagai alat bagi mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Usaha Perbadanan ini untuk memindahkan saham yang dipegangnya kepada bumiputera melalui satu tabung pelaburan merupakan satu langkah yang baik dan sewajarnya lah diberi sokongan dan sambutan.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan pembinaan, seterusnya perasmian Kompleks Tun Abdul Razak ini, dan bersama-sama memberikan bantuan bagi menjayakan dua upacara yang lain, yang akan dijalankan sebentar lagi di Kompleks ini. Saya berdoa kehadrat Tuhan Yang Maha Berkusa supaya diberi perlindungan kepada setiap orang yang menggunakan Kompleks ini, serta diberi kemudahan dan keuntungan kepada mereka yang menjalankan perniagaan di bangunan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya merasmikan pembukaan Kompleks Membeli-belah Tun Abdul Razak.

Terima kasih.

**UCAPAN PERDANA MENTERI MALAYSIA KETIKA MEM-BENTANGKAN USUL BAGI MELULUSKAN KAJIAN SE-PARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA,
DI DEWAN RAKYAT, PADA 19 MAC, 1979.**

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya bangun untuk mengemukakan usul yang berbunyi:
"Bahawa Dewan ini
MENYEDARI akan kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga;

BERSETUJU dengan usaha-usaha kerajaan dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara;

MELULUSKAN dan menyetujui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka bagi meliputi program-program dan langkah-langkah dasar dengan tujuan untuk mempergiatkan lagi pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bilangan 13 tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih lagi, sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh".

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada 19 Julai 1976, saya telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketiga bagi tempoh 1976-1980 untuk pertimbangan dan persetujuan Dewan yang mulia ini. Ketika membentangkan Rancangan itu, saya telah mengakhiri ucapan saya dengan menyatakan bahawa:

"Tugas-tugas pembangunan sosio-ekonomi yang kita laksanakan adalah penuh dengan cabaran, lebih-lebih lagi memandangkan keadaan keselamatan negara yang kita hadapi sekarang. Sambil memandang masa depan dengan penuh keyakinan, kita mestilah melakukannya dengan tepat ketika kita bergerak menuju ke arah matlamat-matlamat akhir yang diharapkan. Kita tidaklah boleh mengambil jalan ringkas, sekiranya kita hendak membangun atas asas-asas yang terjamin. Kita tidaklah boleh berpuas hati dengan apa yang telah dicapai selama ini. Kita tidak boleh lalai dan berasa puas dari apa yang telah diperolehi.

Sambil kita membangun, kita mestilah pada masa yang sama, berhati-hati terhadap anasir-anasir yang boleh melemahkan dan yang wujud di kalangan kita. Kita mestilah bersedia berkorban dan mengekalkan usaha-usaha untuk mengatasi anasir-anasir ini. Perpaduan negara dan cara hidup kita adalah perkara yang terlalu penting untuk diabaikan.

Adalah perlu bagi kita untuk sentiasa mengingati bahawa pencapaian keamanan, kemakmuran dan keharmonian masyarakat berbilang kaum bukanlah terletak semata-mata kepada usaha-usaha kerajaan sahaja. Ia hanya akan dicapai dengan adanya tanggungjawab penuh oleh semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, kebudayaan dan ugama terhadap tiga matlamat, membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan menjamin keselamatan negara. Kerajaan sendiri akan memberikan pimpinan bagi mengadakan rangka dasar awam dan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Rakyatlah yang patut mencapainya. Sudah pasti bahawa apa yang kita hajatkan ialah sebuah masyarakat yang maju yang berorientasikan kemajuan dan kejayaan, iaitu sebuah masyarakat yang teguh, yang didorong dan bertanggungjawab kepada matlamat-matlamat negara, sebuah masyarakat yang berdikari dengan penduduknya, saling bergantung di antara satu sama lain dan berganding-bahu dengan kerajaan untuk kebaikan bersama.

Saya menyeru Dewan ini dan rakyat negara ini supaya memberikan sokongan dan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga." Itulah pesanan saya pada masa itu.

Mengikut amalan biasa, pada hari ini kita membentangkan di Dewan yang mulia ini satu kajian pelaksanaan rancangan itu sehingga ke penghujung tahun 1978. Kita berbuat demikian supaya Dewan ini, dan sesungguhnya seluruh negara, dapat mengetahui akan pencapaian kita sehingga ini; supaya negara tahu akan kelemahan, kekurangan, ketinggalan yang berlaku dan masalah yang dihadapi dan tindakan yang telah dan akan dibuat bagi mengatasinya. Enam hari telahpun diperuntukkan bagi perbahasan usul ini dan dua hari untuk jawapan oleh Menteri-menteri.

Secara amnya, pencapaian yang terdapat dalam tempoh kajian ini memberi keyakinan kepada kita terhadap pertumbuhan dan ketahanan ekonomi kita. Walaupun, pertumbuhan ekonomi dunia terus lembab, negara kita berjaya mempertahankan perkembangannya yang pesat serta kestabilan politik dan sosial terus berkekalan. Perkembangan pendapatan dan pekerjaan, seperti yang terkandung di dalam Kajian Se-paruh Penggal, telah melebihi jangkaan kita. Ini bermakna bahawa ke-

majuan telah tercapai dalam usaha kita untuk mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Kita juga telah dapat mengawal kadar inflasi kepada tingkat yang menasabah. Kenaikan harga barang pengguna telah dapat dikurangkan kepada kadar 4.1 peratus bagi tempoh 1976–1978 berbanding dengan 10.8 peratus bagi tempoh 1973–1975. Akibatnya ialah taraf hidup kumpulan pendapatan rendah meningkat lebih tinggi lagi dan mereka lebih giat mengambil bahagian dalam pembangunan negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kejayaan-kejayaan kita dalam tempoh kajian ini sepatutnya lebih tinggi lagi jika tidak disebabkan oleh pemuliharan yang lembab di sektor swasta dan akibat kemarau ke atas pengeluaran pertanian dalam dua tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, kita beruntung kerana kelebihan ini dapat dilimbangkan oleh prestasi ekspor yang baik dan penambahan perbelanjaan pembangunan awam. Penambahan ke atas perbelanjaan pembangunan awam, terutamanya oleh Kerajaan Persekutuan, membuktikan dengan jelas tekad kita mencapai kemajuan sosio-ekonomi dengan seberapa cepat yang mungkin.

Kemajuan ekonomi yang berterusan telah mengekalkan kestabilan sosial dan politik di negara kita dan ini telah dapat membantu usaha-usaha kita mewujudkan perpaduan nasional. Dengan pimpinan kerajaan yang berkesan dalam pembangunan ekonomi, pemeliharaan undang-undang dan ketenteraman awam serta pengawalan yang tegas ke atas ancaman dan tindakan pengganas komunis, satu sikap dan kepercayaan baru telah wujud di kalangan rakyat. Perkembangan yang sangat menggalakkan ini amatlah berbeza dengan keadaan dalam tahun 1975 dan 1976 di mana terdapat kebimbangan dan keraguan mengenai keadaan keselamatan dan politik dalam negeri. Kematangan rakyat serta keseharianan dan kesabaran mereka dalam menghadapi ketegangan dan konflik dengan jelas menunjukkan bahawa rakyat menghargai keamanan, keharmonian dan kemajuan. Ini ternyata dalam keputusan pilihanraya yang lepas. Kerajaan diberi majoriti yang besar dan mandat yang jelas; Kerajaan akan menunaikan janji-janjinya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Satu soalan yang menjadi tanda tanya oleh setiap orang baik di dalam Dewan ini mahupun di luar, ialah: "Apakah yang telah kita capai dalam tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga?" Saya tidaklah berhajat hendak menerangkan satu persatunya kejayaan yang telah di-

capai kerana segala butir-butir lanjut ada dinyatakan dalam Kertas Perintah Bilangan 13 tahun 1979 yang dibentangkan di Dewan ini. Tetapi, izinkan saya menyentuh beberapa perkara penting sahaja.

Kajian Separuh Ponggal ini menunjukkan bahawa ekonomi Malaysia pada keseluruhannya berkembang dengan kadar 8.7 peratus setahun, mengikut harga tetap, bagi tempoh tiga tahun lalu. Ini adalah melebihi matlamat asal Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu 8.4 peratus setahun. Pertumbuhan ekonomi telah meningkatkan pendapatan per kapita, mengikut harga tahun 1970, daripada \$1,304 dalam tahun 1975 kepada \$1,644 dalam tahun 1978. Sejumlah 474,100 pekerjaan baru telah diwujudkan dan dengan itu mengurangkan kadar pengangguran daripada 7 peratus dalam tahun 1975 kepada 6.2 peratus dalam tahun 1978.

Kita telah mencapai kemajuan yang memuaskan dalam usaha kita mengurangkan kemiskinan. Pada keseluruhannya, kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurangan daripada kira-kira 44 peratus dalam tahun 1975 kepada kira-kira 37 peratus dalam tahun 1978. Ini telah menguntungkan penduduk-penduduk miskin di dalam dan di luar bandar. Kemiskinan di luar bandar telah dapat dikurangkan dengan kenaikan harga barang utama seperti getah dan minyak sawit, serta juga kesan program-program pembangunan yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran di sektor luar bandar. Program-program ini telah diperluaskan lagi dalam Rancangan Malaysia Ketiga supaya lebih ramai rakyat mendapat peluang untuk menambahkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka.

Di sini saya ingin menyebutkan dengan ringkas beberapa aspek penting mengenai usaha-usaha pembangunan kita untuk mengurangkan kemiskinan:

- a) Lebih dari 647 ribu ekar tanah baru telah dibuka oleh agensi-agensi sektor awam. Ini telah menempatkan kira-kira 43,600 keluarga yang tidak mempunyai tanah dan menampung buruh luar bandar yang tidak bekerja penuh. FELDA sahaja telah memajukan lebih dari 314 ribu ekar tanah dan menempatkan kira-kira 19,800 keluarga.
- b) Sejumlah 308 ribu ekar telah dibekalkan dengan kemudahan parit dan talair.
- c) Sejumlah 191 ribu ekar getah, kelapa dan nenas telah ditanam semula dengan benih yang baik.

- d) Sejumlah \$297 juta telah diberi secara kredit dan subsidi kepada pekebun-pekebun kecil dan nelayan bagi mempercepatkan lagi pemodenan sektor pertanian.
- e) Sejumlah 500 batu jalan negeri telah diperbaiki dan dibina dan lebih kurang 620 batu jalan luar bandar telah disiapkan.
- f) Sejumlah 195,634 unit perumahan telah siap dibina, sementara 118,310 unit lagi sedang dalam pembinaan. Dari unit-unit yang telah siap itu sebanyak 65,936 adalah usaha sektor awam.
- g) Seramai 5.6 juta orang telah mendapat bekalan air bersih dalam tahun 1978, berbanding dengan 4.5 juta dalam tahun 1970.
- h) Kira-kira 54 peratus dari jumlah keluarga telah mendapat bekalan letrik dalam tahun 1978 berbanding dengan 30.5 peratus dalam tahun 1970.
- i) Bilangan pusat-pusat kesihatan dan klinik bidan luar bandar serta klinik desa telah bertambah dari 1,600 dalam tahun 1975 kepada 1,700 dalam tahun 1978.
- j) Lebih kurang 2,600 bilik darjah ditambahkan untuk sekolah-sekolah rendah dan kira-kira 1,700 lagi bilik darjah untuk sekolah menengah dibina bagi memberi peluang pelajaran formal dan menampung perkembangan pesat bilangan murid-murid.

Tuan Yang Di-Pertua,

Penyusunan semula masyarakat kita bagi membentulkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang antara kaum telah dilaksanakan dengan cara yang membolehkan semua kaum mendapat faedah dari segi pendapatan, pekerjaan dan pemilikan harta. Data yang diperolehi menunjukkan bahawa pendapatan pukul rata di Semenanjung Malaysia telah bertambah bagi semua kumpulan kaum dan pendapatan. Dari segi pekerjaan, bahagian orang Melayu dan Bumiputera lain dalam sektor "secondary" dan "tertiary" telah bertambah lagi. Ini menunjukkan bahawa mereka mulai berpindah dari sektor pertanian untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang telah saya sebutkan ini. Kadar pertumbuhan pekerja-pekerja Melayu dan Bumiputera lain dalam sektor ini adalah lebih cepat dari rakyat Malaysia yang lain. Ini adalah sejajar dengan matlamat untuk menyusun semula pembahagian pekerjaan dalam negeri. Oleh kerana pertumbuhan pekerjaan berkembang dengan

pesat, rakyat Malaysia yang lain juga mendapat faedah, seperti yang dapat dilihat dengan kurangnya kadar pengangguran di kalangan mereka.

Tuan Yang Di-Pertua,

Mengenai penyusunan semula hakmilik saham dalam syarikat-syarikat, maklumat yang ada menunjukkan bahawa kemajuan telah juga dicapai. Tetapi, oleh kerana rekod asas syarikat-syarikat hanya mengan-dungi alamat pemegang saham dan tidak menunjukkan kerakyatan mereka, maka analisa mengenai hakmilik saham hanya dapat dibuat berdasarkan kepada penduduk dan bukan penduduk. Dalam konteks ini, penduduk Malaysia meliputi juga warganegara asing, kebanyakannya rakyat Singapura, yang tinggal di Malaysia. Demikian juga, penduduk asing tidak termasuk rakyat asing yang tinggal di Malaysia, dan dengan yang demikian tidak meliputi kesemua pemegang saham asing. Walaupun begitu, kemajuan masih juga tercapai. Perangkaan yang diperolehi menunjukkan bahawa saham yang dimiliki oleh penduduk Malaysia pada keseluruhannya telah bertambah dari 47.7 peratus dalam tahun 1975 kepada 54 peratus dalam tahun 1978. Saham orang Melayu dan Bumiputera lain dalam sektor syarikat telah bertambah kepada 10.3 peratus, sementara saham yang dimiliki oleh penduduk-penduduk Malaysia yang lain, termasuk penduduk asing, telah bertambah kepada 43.7 peratus. Tetapi, kemajuan yang dibuat oleh orang-orang Melayu perseorangan dan bumiputera yang lain bagi menambahkan saham mereka adalah kurang memuaskan. Oleh yang demikian, kerajaan telah bertindak melalui agensi-agensi seperti PERNAS, UDA, Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan MARA untuk meningkatkan lagi pembelian saham untuk disimpan secara amanah bagi orang-orang Melayu dan bumiputera lain.

Di samping itu, dalam tahun 1978 kerajaan telah menubuhkan satu Yayasan Pelaburan Bumiputera dengan peruntukan permulaan sebanyak \$200 juta bagi membeli dan memegang secara amanah saham-saham yang telah dikhaskan di syarikat-syarikat yang berkemungkinan maju dan juga saham-saham lain di pasaran. Satu syarikat milikan (subsidiary company) bagi mengurus amanah saham akan ditubuhkan untuk membolehkan orang-orang Melayu dan bumiputera perseorangan lain memiliki saham-saham ini. Ini akan menjadi tambahan kepada Amanah Saham MARA yang ada sekarang dalam usaha menambah pemilikan saham oleh bumiputera.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di antara tahun 1976 hingga tahun 1978 kerajaan telah menambahkan perbelanjaan pembangunan awam. Ini telah dilakukan bagi mengekalkan paras aktiviti ekonomi dan pelaburan pada peringkat yang tinggi untuk mengimbangkan perkembangan yang lembab di sektor swasta. Perbelanjaan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan badan-badan awam meningkat dengan kadar 16.1 peratus setahun dalam tahun-tahun itu. Ini adalah lebih tinggi dari kadar yang dijangka iaitu 10.8 peratus setahun. Hasilnya ialah pada akhir tahun 1978, lebih kurang \$11.8 ribu juta telah dibelanjakan. Di samping itu lebih kurang \$26.9 juta telah dibelanjakan untuk keperluan semasa bagi menyelenggarakan rancangan pembangunan dan membaiki taraf perkhidmatan sosial terutama sekali dalam bidang pelajaran, kesihatan dan perumahan.

Sektor awam mestilah meneruskan peranan yang dinamik untuk mewujudkan perubahan-perubahan "structure" ekonomi untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh sebab itu, dalam Kajian Separuh Penggal, kerajaan telah menyediakan peruntukan tambahan bagi sektor awam, menjadikan jumlah peruntukan Rancangan ini sebanyak \$32.1 ribu juta atau 75 peratus lebih tinggi dari peruntukan asal sebanyak \$18.6 ribu juta. Setelah mengambil kira kekurangan kadar pencapaian (shortfalls), perbelanjaan dalam tempoh 1976–1980 di jangka berjumlah \$25 ribu juta. Ini bererti pelaburan awam meningkat dengan kadar 9.2 peratus setahun. Sekiranya dibanding dengan perkembangan asal yang dijangka sebanyak 6.2 peratus setahun, kadar ini menunjukkan peranan sektor awam yang semakin meningkat dan memberi sumbangan kepada kemajuan sosio-ekonomi negara ini.

Di bawah Kajian Separuh Penggal:

- a) Pertanian dan pembangunan luar bandar terus mendapat bahagian yang terbesar, iaitu penambahan sebanyak \$2.9 ribu juta. Sebahagian besarnya ialah untuk mempercepatkan rancangan pembangunan tanah, membaiki dan menambah kemudahan-kemudahan parit dan talair serta menguatkan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan bagi pembangunan luar bandar.
- b) Menyedari peranan penting Kerajaan dalam pembangunan sektor swasta, dan tanggungjawab agensi-agensi seperti PERNAS, UDA, MARA dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dalam penyusunan semula masyarakat, peruntukan

tambahan sebanyak \$1.5 ribu juta telah disediakan untuk pembangunan perdagangan dan perindustrian.

- c) Peruntukan bagi pengangkutan telah ditambah sebanyak \$2.2 ribu juta sebahagian besarnya untuk pembinaan jalan, pembangunan pelabuhan, dan menambah kemudahan-kemudahan penerbangan awam terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang maju termasuk Sabah dan Sarawak.
- d) Untuk membiayai rancangan-rancangan yang telah diperbesarkan, termasuk bekalan elektrik dan air di luar bandar, peruntukan bagi kemudahan-kemudahan awam telah ditambah sebanyak \$1.3 ribu juta.
- e) Peruntukan tambahan juga dibuat bagi pelajaran dan latihan, perumahan dan kesihatan untuk memenuhi keperluan rakyat mendapatkan perkhidmatan sosial yang lebih baik. Pelajaran dan latihan mendapat tambahan sebanyak \$445 juta, peruntukan bagi perumahan ditambah sebanyak \$1.2 ribu juta dan kesihatan mendapat \$152 juta.

Peruntukan dalam Kajian Separuh Penggal bagi membasmi kemiskinan berjumlah \$11.2 ribu juta iaitu bertambah sebanyak 56 peratus dari peruntukan asal. Tambahan ini bertujuan bagi mempercepatkan lagi pembasmian kemiskinan di dalam dan luar bandar dengan meningkatkan daya pengeluaran serta menambah peluang golongan miskin menggunakan aset yang produktif. Program-program ini meliputi pembangunan tanah, pelajaran rendah dan menengah, perumahan murah, jalan luar bandar, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, bekalan elektrik luar bandar, serta bekalan air dan penyalutan najis. Peruntukan bagi program-program penyusunan semula masyarakat, yang berjumlah sebanyak \$3.5 ribu juta pada asalnya, telah ditambah sebanyak \$1 ribu juta. Tambahan ini ialah bagi maksud mempercepatkan penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputera lain dalam bidang perdagangan dan perindustrian serta meluaskan perkhidmatan bagi menambah bilangan dan meningkatkan bilangan usahawan bumiputera dan membaiki mutu mereka.

Dalam pembahagian peruntukan kepada Negeri-negeri, pertimbangan utama ialah bagi mengurangkan keadaan ekonomi yang tidak seimbang di antara negeri-negeri yang maju dan kurang maju. Jumlah peruntukan bagi negeri-negeri yang kurang maju, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis dan Trengganu, telah ditambah sebanyak 62 peratus dari \$2.9 ribu juta

kepada \$4.7 ribu juta. Ini telah menyebabkan peruntukan perkapita bagi negeri-negeri tersebut adalah lebih tinggi daripada beberapa negeri yang maju. Peruntukan bagi negeri kurang maju akan ditambah lagi apabila keupayaan perancangan dan pelaksanaan projek mereka meningkat maju. Peruntukan bagi negeri-negeri lain telah ditambah sebanyak 63 peratus dari \$13.5 ribu juta kepada \$22 ribu juta. Ini termasuk pembiayaan projek-projek besar yang bercorak nasional dan oleh itu memberi faedah kepada seluruh negara.

Pertambahan perbelanjaan dalam Kajian Separuh Penggal ini adalah besar dan kerajaan akan menentukan supaya faedah dari perbelanjaan ini diterima dan dinikmati oleh seluruh rakyat jelata. Kerajaan akan berusaha bagi menentukan supaya faedah dari sesuatu projek itu dinikmati oleh penduduk setempat dari peringkat permulaan sehingga-lah projek itu siap. Untuk tujuan ini, keutamaan akan diberi kepada penduduk tempatan dalam pemberian kerja dan kontrek pembinaan dan bekalan yang berkaitan dengan sesuatu projek itu. Dalam perkara ini sokongan pentadbiran yang diberi oleh kerajaan bagi menambah bilangan pembekal, kontrektor dan pengusaha pengangkutan di kalangan orang-orang Melayu dan bumiputera lain akan terus diperkuuhkan.

Walaupun kerajaan berusaha sedaya upaya bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita mestilah ingat bahawa kejayaan usaha-usaha ini bergantung kepada kerjasama dan penyertaan serta penglibatan penuh rakyat. Di bawah Kajian Separuh Penggal, program-program dengan sengaja dirancangkan supaya memberi keuntungan kepada kawasan-kawasan mundur dan golongan miskin.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam membiayai perbelanjaan pembangunan yang bertambah ini, kerajaan seperti yang dilakukannya di masa-masa yang lepas, akan mempastikan supaya usaha-usaha pembangunan kita dijalankan mengikut keadaan kewangan dan fiskal yang stabil. Kita akan sentiasa berhati-hati dalam menjalankan dasar-dasar pembiayaan dan kewangan. Kita sedar bahawa bahaya inflasi yang tidak terkawal sentiasa wujud. Kita telah membiayai dengan jayanya program-program pembangunan melalui langkah-langkah yang tidak menimbulkan inflasi. Memandangkan kepada keadaan ekonomi yang teguh serta prospek pertumbuhan yang cerah, kerajaan yakin dapat mengumpulkan kewangan bagi perbelanjaan tambahan untuk Kajian Separuh Penggal ini.

Tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga telah membukti kekurangan kewangan (deficit) keseluruhan sebanyak \$8.4 ribu juta. Pertambahan hasil yang banyak kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri juga tidak mencukupi untuk membiayai tambahan perbelanjaan semasa yang tidak dijangka ketika rancangan ini disediakan. Sebahagian besar daripada kekurangan kewangan ini dibiayai dengan pinjaman dalam negeri dan penggunaan harta terkumpul (accumulated assets).

Sumber kewangan bagi membiayai program sektor awam yang kian bertambah ini dijangka akan terus baik. Adalah dijangkakan bahawa kekurangan kewangan sebanyak \$10.4 ribu juta akan berlaku bagi baki tempoh rancangan ini. Jangkaan dibuat selepas dikira hasil dan perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan kelebihan kewangan badan-badan berkanun. Seperti juga di masa yang lepas, pembiayaan ini akan diusahakan melalui pinjaman dalam negeri. Kita tidak menduga akan sebarang kesukaran untuk tambahan pinjaman kita, jika diperlu, memandangkan prospek yang baik bagi pertumbuhan pesat ekonomi di masa depan, paras hutang sektor awam yang rendah dan keadaan "liquidity" bank yang tinggi.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pembangunan industri dan pmodenan ekonomi kita bagi mencapai matlamat sosio-ekonomi di bawah rancangan ini sebahagian besarnya bergantung kepada sektor swasta. Walaupun prestasi sektor swasta dalam dua tahun pertama Rancangan Malaysia Ketiga adalah kurang dari jangkaan, keadaan yang beransur pulih dalam tahun 1978 menguatkan lagi keyakinan kita bahawa aktiviti sektor swasta akan meningkat dalam masa dua tahun yang akan datang. Kerajaan akan terus berusaha menjaga suasana pelaburan yang baik bagi pelabur-pelabur tempatan dan asing.

Untuk meninggikan lagi keyakinan perniagaan dan suasana pelaburan, kerajaan telah mengamalkan dasar-dasar kewangan dan fiskal yang menggalakkan perkembangan dalam tempoh separuh penggawai ini. Satu agensi tumpuan (one-stop agency) telah ditubuhkan oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDA) untuk membantu pelabur-pelabur asing mengurangkan keperluan bagi menghubungi kementerian di setiap peningkat perundingan dan pelaksanaan projek. Kerajaan juga telah memperhebatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dari Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun dengan cara mengadakan rombongan pelaburan di peringkat tinggi.

Saya berasa gembira melaporkan bahawa kita telah mencapai kemajuan yang memuaskan dalam usaha kita hendak mengurangkan jurang perbezaan dalam hakmilik dan penguasaan harta (asset) yang produktif. Banyak syarikat-syarikat besar, termasuk syarikat antarabangsa yang mempunyai harta atau kepentingan yang besar di Malaysia telah mengemukakan cadangan penyusunan semula syarikat mereka secara sukarela. Saya merayu kepada pelabur-pelabur asing supaya janganlah bimbang terhadap rancangan penyusunan semula kita kerana peluang-peluang pelaburan sentiasa diwujudkan dan akan terus berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi pada keseluruhannya.

Walaupun peratus harta orang-orang asing akan berkurangan, nilai mutlak bahagian mereka akan terus berkembang dengan pesat. Saya juga ingin memberi jaminan kepada pelabur-pelabur bahawa dalam menimbalangkan cadangan pembelian asset dan kepentingan syarikat ataupun percantuman dan pengambilan alih perniagaan, kerajaan akan hanya membuat keputusan selepas diadakan rundingan supaya ianya adil bagi semua pihak yang terlibat.

Laporan Kajian Separuh Penggal ini memberi gambaran tentang pencapaian kita dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dalam tempoh tiga tahun yang lalu. Ia juga menunjukkan kelebihan serta masalah yang dihadapi dan prospek bagi tempoh dua tahun yang akan datang. Sungguhpun kita berasa bangga dengan kejayaan pada keseluruhannya dan yakin dengan prospek pembangunan akan datang, masih banyak lagi yang perlu dibuat dalam tahun-tahun lapan puluhan sekiranya kita ingin mencapai matlamat yang telah ditetapkan bagi tahun 1990 untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Kita mestilah menganalisa dengan mendalam segala keteguhan dan kelebihan rancangan pembangunan kita untuk bersedia bagi Rancangan Malaysia Keempat. Kita mestilah juga membaiki lagi dasar dan program-program pembasmi kemiskinan, pembahagian pendapatan (income distribution) dan perpaduan rakyat.

Dalam membuat persediaan untuk Rancangan Malaysia Keempat, keutamaan akan diberi kepada kajian-kajian dasar serta samada rancangan yang akan dijalankan itu berkesan atau tidak. Penyesuaian juga akan dilaksanakan terhadap rancangan-rancangan itu supaya kesannya ke atas kumpulan yang dimaksudkan akan lebih terasa. Dengan itu penggubal dan pelaksana dasar dapat mempelajari segala kelebihan dari pengalaman yang lepas dan ini membolehkan mereka

mengukuhkan lagi perancangan dan pelaksanaan program dan projek di bawah rancangan tersebut.

Langkah-langkah akan juga diambil bagi mengatasi kelemahan jen-
teria pelaksanaan dan perancangan di peringkat persekutuan, negeri dan
wilayah bagi menentukan supaya kita mempunyai kemampuan dalam
melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang lebih besar di
bawah Rancangan Malaysia Keempat. Dalam hal ini, perhatian yang
lebih akan ditumpukan kepada negeri-negeri kurang maju di mana
pembangunan yang pesat amatlah perlu bagi mengurangkan kemiskinan
dan perbezaan ekonomi antara wilayah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kita seharusnya jangan lalai terhadap kesan-inflasi dan keadaan
antarabangsa yang tidak stabil yang boleh menjadikan ekonomi negara
walaupun kita yakin terhadap prospek pembangunan negara yang akan
datang. Sebagai sebuah negara di mana kegiatan ekonominya ber-
gantung sebahagian besar kepada eksport dan impot, kita mestilah sen-
tiasa berhati-hati terhadap keadaan di luar negeri yang boleh membawa
akibat buruk. Seterusnya kita mestilah mengambil langkah bagi meng-
ukuhkan lagi ketahanan negara daripada kesan turun naik ekonomi
dunia. Di samping itu, adalah penting bagi kita bekerjasama rapat ter-
utamanya dengan negara-negara ASEAN dalam perhubungan per-
dagangan dan ekonomi dengan negara-negara maju. Kerajaan akan terus
memberi sokongan penuh kepada ASEAN dalam usaha mengekalkan
keamanan dan kestabilan di rantau ini, dan mewujudkan satu rangka-
dasar bagi perkembangan yang berterusan dan pembangunan di kalang-
an ahli-ahlinya.

Memandangkan perkembangan yang berlaku di rantau ini, kita ber-
azam untuk mempercepatkan lagi proses pembangunan kita, meningkat-
kan lagi ketahanan negara, dan menyatukan kekuatan kita. Saya
menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua rakyat
Malaysia supaya membaharui sokongan, kerjasama, serta penglibatan
mereka dalam usaha kita yang terpenting bagi membina negara untuk
generasi kita akan datang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon mencadang.

UCAPAN PERDANA MENTERI MALAYSIA SEMASA MEMBENTANGKAN USUL MENGENAI PERTIKAIAN MAS-AEU DI DEWAN RAKYAT, PADA 20HB. MAC 1979

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon izin membentangkan satu usul di Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini. Usul saya itu adalah seperti berikut:—

"Bahawa Dewan ini —

- (i) Mengambil perhatian berat di atas perkembangan yang telah berlaku akibat pertikaian Syarikat Penerbangan Malaysia (Malaysian Airline System – MAS) dengan Kesatuan Pekerja Penerbangan (Airlines Employee Union – AEU);
- (ii) Memandang berat di atas tindakan kesatuan-kesatuan sekerja dan gabongan-gabongan kesatuan sekerja luar negeri dan antarabangsa yang telah campurtangan dalam pertikaian domestik antara MAS-AEU;
- (iii) Menyokong segala tindakan kerajaan, dalam usaha untuk memelihara dan memajukan MAS sebagai sebuah perkhidmatan udara nasional, termasuk mengujudkan suasana yang sesuai bagi membolehkan pihak pekerja dan pihak pengurusan MAS menyambung semula perundingan perjanjian bersama mereka;
- (iv) Menyesali serta mengecam segala campurtangan pihak kesatuan sekerja luar negeri dan antarabangsa di dalam urusan dalam Negara Malaysia".

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 15hb. Februari, 1979, saya telah membuat satu kenyataan melalui Radio dan Talivisyen Malaysia, mengenai pertikaian perusahaan di antara Pengurusan MAS dan Kesatuan Pekerja-Pekerja Penerbangan; iaitu AEU. Di dalam kenyataan itu, saya telah menekankan dua perkara. Pertama, kerajaan hendak mewujudkan keadaan dan suasana yang sesuai, bagi membolehkan pihak pekerja dan Pengurusan MAS menyambung semula

perundingan mereka. Kedua, kerajaan memandang berat campurtangan oleh mana-mana pertubuhan asing di dalam hal ehwal negara ini. Saya akan menghuraikan kedua-dua perkara ini di dalam kenyataan saya ini. Saya juga hendak menerangkan dengan lebar, latar belakang terhadap pertikaian ini, serta tindakan yang telah diambil oleh kerajaan.

Perjanjian bersama (collective agreement) di antara MAS dengan AEU bagi tempoh 3 tahun, telah tamat pada 31 Mei, 1978. AEU mengemukakan cadangan barunya pada 14 Julai, 1978. Perbincangan di antara kedua belah pihak bermula pada 13 September 1978. AEU membuat tuntutan kenaikan 80 peratus gaji dan 314 peratus elaun-elaun. Kenaikan gaji sahaja, melibatkan perbelanjaan sebanyak \$32.4 juta lagi. Tetapi kemudiannya, selepas beberapa perbincangan, AEU telah menurunkan kadar tuntutan gaji kepada 40 peratus, sementara tuntutan elaun-elaun, tetap tidak berganjak. Diperbincangan terakhir pada 28 November, 1978, MAS telah membuat tawaran kenaikan sebanyak 6.8 peratus. Kesatuan menolak tawaran ini, dan sebagai bantahan, sebilangan pekerja-pekerja mula bertindak sendiri dengan bekerja mengikut peraturan (work to rule) mulai 5 Disember, 1978, khususnya di Bahagian-bahagian Kabin dan Trafik. Akibatnya adalah buruk. Seramai 1,165 orang pekerja telah terlibat, yang mana seramai 874 orang adalah ahli AEU. AEU mempunyai ahli seramai 3,700 orang. Dari jumlah ini, seramai 3,443 adalah pekerja-pekerja MAS.

Sebaik sahaja Syarikat MAS melaporkan kejadian itu pada 9 Disember 1978, Jabatan Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, terus bertindak untuk menyelesaikan pertikaian itu, tetapi tidak berhasil, kerana tawaran MAS yang telah dinaikkan di antara 4 peratus hingga 16 peratus mengikut kategori-kategori pekerja, telah juga ditolak oleh AEU. Pekerja-pekerja MAS terus melanjutkan tindakan perusahaan yang tidak mengikut undang-undang.

Walau bagaimanapun, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah dapat memberhentikan tindakan haram itu, selepas menemui Yang Di Pertua dan beberapa pegawai AEU, bersama-sama penasihat undang-undang mereka, pada 13 Disember, 1978. Kesatuan menjelaskan bahawa tindakan ahli-ahlinya itu bukanlah dianjurkan oleh kesatuan. Menteri menyarankan supaya rundingan damai (conciliation) diadakan bagi mengatasi pertikaian ini, dan meminta AEU menasihatkan ahli-ahlinya supaya menghentikan tindakan perusahaan yang tidak mengikut undang-undang itu. Kesatuan telah berjaya menasihatkan ahli-ahlinya yang terlibat, dan tindakan yang tidak mengikut undang-undang itu telah diberhentikan pada hari itu juga.

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 18 Disember, 1978, Jabatan Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan telah menetapkan supaya perundingan damai dimulakan pada 3 Januari, 1979. Rundingan telah berjalan selama 3 hari berturut-turut dan hasil perundingan di antara kedua-dua pihak itu (Syarikat MAS dan AEU), di bawah anjuran jabatan tersebut, adalah cerah, yakni daripada 27 perkara yang telah dirundingkan itu, 17 telah dapat diper-setujui. Ini amatlah menggalakkan. Dan rundingan itu perlu diteruskan hingga mencapai penyelesaian yang menyeluruh. Oleh itu, rundingan telah dijadualkan bersambung semula pada 9 Januari, 1979.

Sementara itu, pada 20 Disember, 1979, AEU telah memberi jawapan kepada pendaftar kesatuan sekerja menjelaskan bahawa kesatuannya tidak terlibat dalam tindakan haram itu, hanya sebilangan ahli-ahlinya sahaja yang enggan bekerja lebih masa (overtime). Pada 13 Januari, 1979, Syarikat MAS telah mengemukakan satu senarai lengkap dengan pengesahan bahawa 1,165 pekerja-pekerja MAS telah terlibat, dan di antaranya ialah 874 ahli AEU.

Pendaftar telah berpuas hati bahawa ahli-ahli yang terlibat itu telah melanggar undang-undang, mengikut seksyen 26(3) ordinan kesatuan sekerja, 1959. Pada 8 Januari, 1979, pendaftar telah mengarahkan AEU supaya 874 ahlinya yang telah terlibat dalam tindakan perusahaan haram dari 5 hingga 13 Disember, 1978, dipotongkan nama-nama mereka dari daftar kesatuan mulai hari itu juga. Berikutan dengan tin-dakan pendaftar itu, pihak AEU telah menggantungkan rundingannya dengan pihak MAS, yang telah dijadualkan bersambung pada 9 Januari, 1979, sebagai bantahan terhadap tindakan pendaftar itu. Tindakan perusahaan haram (illegal-go-slow) sekali lagi dilancarkan oleh pekerja-pekerja MAS pada 9 Januari, 1979.

Memandangkan perkembangan yang tidak sihat semenjak 'illegal-go-slow' itu dilancarkan dan keadaan kucar-kacir timbul, khususnya di Lapangan-terbang Antarabangsa Subang. Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah menjemput kesemua ahli Exco AEU menemuinya pada 24 Januari, 1979, untuk menerangkan dengan jelasnya akibat-akibat 'illegal-go-slow' itu, serta mendengar sebarang penerangan yang ingin diutarakan oleh pihak AEU.

Pihak AEU pula mendesak bahawa mereka tidak akan menyertai sebarang rundingan damai selagi tindakan perintah memotong nama

874 ahli-ahlinya dan juga penggantungan kerja beberapa pekerja MAS oleh Syarikat MAS, tidak ditarik balik. Menteri telah menegaskan dengan jelasnya, bahawa isu untuk mendapat gaji dan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik di bawah perjanjian bersama yang sedang dirundingkan di antara pihak Syarikat MAS dengan AEU itu, adalah satu isu yang berasingan, yakni tidak sekali-kali boleh disatukan dengan isu-isu untuk mengembalikan (restore) ahli-ahlia yang telah dipotongkan nama dari daftar kesatuan mereka itu dan penggantungan kerja beberapa ahli mereka oleh Syarikat MAS.

Tindakan 'illegal-go-slow' itu, tidak kelihatan reda, malah semakin menjadi-jadi. Kegiatan-kegiatan menentang undang-undang dengan cara 'illegal-go-slow', yang menjadi semakin berat dari hari ke sehari itu, menunjukkan sikap dan pendirian AEU yang negatif. Pada mulanya, AEU mengakui bahawa sebilangan daripada ahli-ahlinya telah melancarkan 'illegal-go-slow' tanpa anjuran kesatuan dan kemudian berdalah pula dengan menyangkal bahawa ahli-ahlinya ada melakukan demikian.

Tuan Yang Di Pertua,

Sementara itu, pendaftar kesatuan pekerja, setelah mengkaji latarbelakang di atas tektik AEU, serta setelah mengikuti perkembangan-perkembangan yang berlaku sejak 9 Januari, telah pula mengambil tindakan pada 27 Januari, 1979 dengan mengeluarkan notis kepada AEU, memintanya mengemukakan sebab-sebab mengapa pendaftaran kesatuannya sepatutnya dibatalkan atau ditarik balik.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah juga mengeluarkan perintah kepada AEU mlarang kesatuan itu menjalankan kegiatannya, selain dari menjawab notis "show cause" itu, dan telah memerintahkan pembekuan akaun bank AEU. Semua tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan itu, adalah mengikut undang-undang tertentu, dan undang-undang itu juga memberi peluang dan masa bagi pihak-pihak yang terlibat membela diri.

Walau bagaimanapun, tindakan perusahaan secara 'illegal-go-slow' itu berterusan dan merebak kepada hampir semua bahagian perkhidmatan MAS.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebenarnya, segala tindak-tanduk yang dilakukan oleh ahli-ahlia Exco AEU itu, diketahui dan digalakkan oleh ahli-ahlia Exco AEU. Tindakan

menjalankan kerja lambat dan sambil lewa dan angkara-angkara lain, memang sengaja diada-adakan, membuktikan tektik AEU yang sebenarnya diamalkan setiap kali perundingan seperti ini diadakan. Tindak-tanduk itu, termasuklah keenggan membuat kerja-kerja lebih masa (overtime), mengarahkan ahli-ahli menggunakan kenderaan syarikat untuk datang bekerja dari rumah dan oleh kerana kenderaan syarikat tidak mencukupi untuk menyediakan kemudahan tersebut kepada semua pekerja, sebilangan daripada mereka sengaja datang bekerja lewat masa. Jika pengurusan mengambil tindakan, AEU akan mengambil tindakan balasnya. Pekerja-pekerja yang mengendalikan pengangkutan barang-barang, mengisi minyak, dan memeriksa pesawat kapalterbang, menggunakan cara yang lain pula bagi melambatkan gerakan kapalterbang, seperti merosakkan kereta-kereta trolley atau membocorkan tayar-tayar. Tetapi, mengusik dan merosakkan sesuatu alat penting pesawat kapalterbang adalah satu perkara serius, yang tidak boleh samasekali dibenar atau dibiarkan berlaku. Ia membahayakan keselamatan penumpang-penumpang.

Tuan Yang Di Pertua,

Kemalangan kapalterbang Boeing 737 MAS di Tanjung Kupang, yang telah mengorbankan 100 nyawa, masih belum lagi luput dalam ingatan kita semua. Kerajaan tidak rela dan tidak mahukan kerhalangan seperti ini terjadi lagi akibat perbuatan yang tidak di ingini dan yang tidak bertanggungjawab yang dilakukan oleh pekerja-pekerja MAS sendiri Itulah sebabnya, bagi mengelakkan angkara yang buruk seperti itu terus berlaku, dan bagi menjamin keselamatan penumpang-penumpang, serta menjaga nama baik dan kepentingan MAS dan negara, kerajaan telah menggantungkan semua penerbangan pesawat MAS di dalam dan keluar negeri.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai satu badan yang bertanggungjawab, AEU telah gagal mengawal dan menahan ahli-ahlinya yang telah bertindak secara berasingan itu ataupun sebaliknya, AEU telah, dengan sengaja, membiarkan ahli-ahlinya melancarkan 'illegal-go-slow' itu. Dalam keadaan ini, nampaknya AEU telah tidak lagi berupaya bergerak sebagai satu badan yang sihat dan bertanggungjawab, yang dikehendaki demi kepentingan orangramai khususnya, dan negara amnya. Bagi mengatasi keadaan demikian, satu tindakan tegas telah diambil supaya keadaan yang meruncing itu tidak merebak dan tidak menjadi lebih buruk lagi.

Dalam pada itu, terdapat pula campurtangan oleh pihak-pihak tertentu. AEU telah mendapat sokongan moral daripada 4 kesatuan sekerja dari Pelabuhan Kelang, iaitu Kesatuan Pekerja-Pekerja Pelabuhan, Kesatuan Kakitangan Lembaga Pelabuhan, Senior Officers' Association, Lembaga Pelabuhan (PASU) dan 'Union of Employees of Port Ancillary Services Suppliers', Pelabuhan Kelang. Sokongan itu, berupa desakan bersama oleh keempat-empat kesatuan itu:—

- (a) Pembuangan dan penggantungan kerja terhadap pekerja-pekerja MAS itu, hendaklah ditarik balik dengan sertamerta; dan
- (b) Notis "show cause", pembekuan akaun bank dan pemotongan nama 874 ahli-ahli AEU itu, hendaklah juga ditarik balik dengan sertamerta.

Desakan bersama itu terkandung dalam surat mereka bertarikh 13 Februari, 1979 kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan Menteri Pengangkutan, di mana mereka telah memberi "Ultimatum" bahawa perkara-perkara yang didesakkan itu hendaklah ditunaikan dalam tempoh 48 jam dari tarikh surat mereka itu. Jika tidak, sebagai bantahan, mereka akan bersama melancarkan satu tindakan perusahaan pada 15 Februari, 1979.

Pendaftar Kesatuan Sekerja telah menarik perhatian keempat-empat kesatuan itu bahawa, mengikut kehendak Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, adalah salah bagi mereka menukuhan satu Jawatankuasa Bertindak tanpa memperolehi kebenarannya terlebih dahulu.

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana yang saya sebutkan dalam kenyataan saya pada 15 Februari, 1979, sebuah pertubuhan asing iaitu ITWF telah campurtangan dalam pertikaian perusahaan MAS-AEU dan mengeruhkan lagi kedudukan. Campurtangan ini ialah melalui wakilnya bagi Asia, Encik Donald Uren, iaitu seorang pemimpin kesatuan sekerja yang terkenal kerana peranannya mengetuai tindakan perusahaan Kesatuan Sekerja Keretapi Tanah Melayu pada tahun 1962. Pada 15 Januari, 1979, Donald Uren telah menulis kepada Harold Lewis, Setiausaha Agung ITWF, melaporkan kepadanya mengenai pertikaian MAS-AEU serta mengesyorkan supaya ITWF mengarahkan badan-badan gabungannya memulau pesawat MAS di peringkat antarabangsa dan mengambil tindakan desakan yang lain.

Tujuan Uren pada awal-awal lagi, adalah bagi merebakkan pertikaian perusahaan MAS-AEU ke peringkat antarabangsa, dengan mengheret ITWF untuk campurtangan dalam suatu pertikaian tempatan. Uren telah memberitahu pegawai-pegawai AEU bahawa dengan penglibatan ITWF, AEU tidak akan gagal. Katanya, pesawat MAS boleh bertolak dari negara ini, tetapi ia terpaksa mendarat, dan pada masa itu ITF akan bertindak. Uren dalam pertemuan-pertemuannya dengan bangga menghebahkan kejayaan ITWF menundukkan beberapa kerajaan. ITWF katanya, berkuasa untuk memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya kerana ia mempunyai 7 juta ahli-ahli di 84 buah negara.

Uren juga bertujuan pada awal-awal lagi, bagi merebakkan pertikaian perusahaan MAS-AEU, dengan melibatkan kesatuan-kesatuan sekerja yang lain di dalam negara kita ini. Uren pernah menyuarakan pendapatnya bahawa, pertikaian MAS-AEU masih lagi berada di peringkat pertempuran kecil dan peperangan belum lagi bermula (*this is only a skirmish, the war is yet to begin*). Berikutnya dari laporannya kepada ITWF pada 6 Februari, 1979, ITWF telah mengeluarkan arahan kepada badan gabungannya untuk mengambil tindakan terhadap MAS. Pada 12 Februari, 1979, Donald Uren telah menganjurkan perjumpaan dengan empat kesatuan dari Pelabuhan Kelang dengan tujuan untuk mengaturkan tindakan. Uren telah memberi nasihat dan ia sendiri telah menyusun memorandum 'ultimation' kepada kerajaan yang ditandatangani oleh ke empat-empat kesatuan tersebut. Uren juga telah cuba berhubung dengan kesatuan-kesatuan Keretapi Tanah Melayu, Lembaga Letrik Negara dan 'General Transport Workers Union,' untuk mendapatkan sokongan dan penglibatan mereka di dalam pertikaian MAS-AEU.

Semenjak 8 Januari, 1979, Donald Uren telah mengadakan pertemuan dengan Exco AEU tidak kurang dari tujuh kali. Dalam pertemuan-pertemuan itulah, tindakan menentang MAS disusun. Ia telah menggalakkan tindakan bagi melumpuhkan perkhidmatan MAS. Di antara tindakan itu ialah keputusan menyeru supaya pekerja bahagian 'Engineering' membawa balik alat-alat kerja mereka. Ia menggalakkan juga 'Cabin Crew' menggunakan toha dan bekerja selama 8 jam sehari sahaja. Tambahan pula, ini bukanlah kali pertama Uren melakukan perbuatan hasutan. Dalam pertikaian MAS-AEU pada tahun 1975 Donald Uren juga telah menjadi batuapi. Ia telah menganjurkan supaya 'Cabin Crew' menggunakan toha, dengan tujuan mengumpam pihak MAS mengambil tindakan disiplin terhadap mereka yang terlibat. Ia tahu bahawa tindakan pihak pengurusan MAS, akan mengakibatkan kekurangan tenaga kerja untuk MAS terus berjalan.

Tuan Yang Di Pertua,

Harold Lewis pula telah menyatakan bahawa ITWF perlu dan berhak memberi nasihat kepada badan gabungannya. Harold Lewis juga telah menyatakan bahawa tindakan Donald Uren adalah tindakan yang sah sebagai seorang wakil dan pegawai ITWF. Tindakan Uren sebenarnya, bukanlah merupakan nasihat yang membina. Sebaliknya, ia berupa hasutan yang bertujuan memburukkan lagi keadaan.

Sepertimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi, bahawa Donald Uren pada awal-awal lagi bertujuan merebakkan pertikaian perusahaan MAS-AEU di dalam dan luar negeri. Kiranya tindakan-tindakannya itu berjaya, akibat daripada penglibatan ITWF dan badan gabungannya di dalam negeri, maka perkhidmatan perlu di negara ini akan terjejas, dan ini semestinya akan melumpuhkan ekonomi negara kita.

Pada 14 Februari, Johann Hauf, Penolong Setiausaha Agung ITWF, yang telah diberi pas sebagai pelancung melawat Pulau Pinang, telah juga melemparkan ugutan meminta badan gabungan ITWF untuk memulau pesawat MAS, tanpa menyiasat bahawa tindakan yang dijalankan oleh AEU adalah melanggar undang-undang.

Tuan Yang Di Pertua,

Selain dari pegawai-pegawai ITWF ini, beberapa orang ahli exco AEU dan pekerja-pekerja, turut sama memainkan peranan sebagai penghasut dalam pertikaian ini. Keadaan bertambah kucar-kacir kerana hasutan itu, maka berlaku kejadian 'sabotage' ke atas pesawat MAS. Memandang kepada perkembangan ini, dan tindakan untuk melibatkan kesatuan-kesatuan sekerja lain dalam pertikaian ini, maka saya telah mengambil keputusan membuat kenyataan pada 15 Februari, 1979, dan pihak polis telah diarah bertindak untuk menangkap 22 orang pegawai dan ahli-ahli AEU, dan juga Donald Uren, yang diketahui terlibat dalam perbuatan menghasut.

Alhamdulillah, tindakan tegas oleh kerajaan telah dapat menteramkan keadaan, dan mengelak tercetusnya rusuhan di antara pihak-pihak yang berbalah.

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah hasrat dan tujuan kerajaan hendak menyelesaikan masalah pertikaian di antara pekerja-pekerja MAS dengan pentadbiran MAS,

dengan seberapa segera. Oleh kerana keadaan telahpun reda sedikit, kemungkinan mencapai matlamat ini adalah cerah.

Pada 28 Februari, 1979, AEU telah menjawab notis "Show-cause", dan jawapan itu sedang diteliti oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Kerajaan sedar terdapat beberapa kelemahan dalam pentadbiran MAS. Sebagaimana kita sedia maklum, MAS telah berkembang dengan begitu pesat sejak ia ditubuhkan pada tahun 1971. Tenaga Lembaga Pengurusan MAS telah ditumpukan kepada perkembangan syarikat. Konsolidasi pentadbiran telah tertinggal. Usaha-usaha sudah pun dijalankan untuk memperbaiki dan memperkuatkan pentadbiran MAS. Usaha-usaha ini akan dipergiatkan, dan satu usaha menyusun semula pentadbiran MAS akan dilaksanakan selepas kajian-kajian mendalam selesai dikendalikan.

Tuan Yang Di Pertua,

Pertikaian di antara AEU dan MAS adalah masalah perhubungan perusahaan biasa di antara majikan dan pekerja. Usaha-usaha menyelesaikan pertikaian itu, hendaklah dijalankan mengikut undang-undang dan amalan di negeri ini. MAS adalah syarikat milik kerajaan. Kerajaan sedar di atas tanggungjawabnya terhadap MAS, pekerja-pekerja MAS dan kepentingan negara. Sebagaimana dengan pekerja-pekerjanya yang lain, kerajaan akan memberi keadilan kepada tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh pekerja-pekerja MAS.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan amat kesal di atas kelakuan dan tindakan yang telah dilakukan oleh sebilangan pekerja-pekerja MAS, yang terpengaruh dengan hasutan-hasutan untuk memusnahkan MAS. Mereka itu adalah terdiri dari warganegara kita sendiri. Pada hal, semasa perpecahan syarikat penerbangan perkongsian Malaysia dan Singapura (MSA) dalam tahun 1971, pada masa itu MAS yang baru memulakan perkhidmatannya masih kecil dan muda lagi, kerajaan telah mengarahkan supaya MAS mengambil semua warganegara Malaysia yang berkhidmat dengan MSA, yang telah menawarkan diri dan sanggup bekerja dengan syarikat MAS sekalipun bilangan mereka melebihi pekerja-pekerja yang diperlukan oleh MAS pada ketika itu. Kerajaan pada masa itu menganggapkan bahawa mereka itu tidak akan merosakkan nama baik MAS dan berkhidmat dengan penuh semangat dedikasi dalam syarikat ibundanya sendiri. Sebagai warganegara, mereka tidak sepatutnya semata-mata mementingkan diri sendiri, tetapi hendaklah meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan diri.

Tetapi yang sedihnya, Tuan Yang Di Pertua, setelah bertapak dan diberi latihan, serta menerima layanan baik dan menikmati kemudahan-kemudahan, mereka telah sanggup melakukan perbuatan buruk dan penganiayaan. Saya merasa amat sedih kerana jasabait kita itu telah tidak dihargai samasekali. Mereka telah terpengaruh dengan hasutan-hasutan pemimpin-pemimpin kesatuan AEU dan gabungannya ITWF, dengan tidak sedikit pun menaruh serta memikirkan kepentingan negaranya sendiri. Mereka sanggup bersubahat dengan orang-orang yang tidak mempunyai kepentingan dengan negara ini, dan yang mempunyai matlamat dan tujuan hendak menghancur dan memusnahkan negara kita.

MAS menghadapi persaingan yang hebat, dan mengalami keuntungan yang turun naik. Syarikat MAS memerlukan wang untuk menggantikan kapalterbang-kapalterbang yang lama. Ia memerlukan wang bagi membiayai perbelanjaan urusan yang semakin meningkat. MAS juga perlu dibesarkan dan berkembang, bagi memperluaskan perkhidmatannya. Dengan jalan ini, lebih ramai lagi rakyat jelata, terutamanya belia-belia, dapat bekerja dengan MAS. Oleh itu, pekerja-pekerja MAS hendaklah bertimbangrasa, dan mestilah mengemukakan tuntutan-tuntutan yang berpatutan dan menasabah, supaya MAS dapat terus berkembang dan maju.

Tuan Yang Di Pertua,

Tindakan yang diambil oleh Donald Uren dan ITWF menyokong perbuatan haram di sisi undang-undang negeri ini, adalah satu perbuatan yang kita tidak dapat terima. Ini adalah satu prinsip yang besar yang kita tidak boleh kompromi.

Sekarang ini, ITWF cuba menutupkan kesalahannya dengan satu 'campaign' memburuk-burukkan imej negara kita di kalangan antarabangsa, terhadap tindakan menangkap dan menahan beberapa orang yang terlibat. Kepada kesatuan negara-negara gabungannya, ITWF telah berdak-yah bahawa Malaysia telah menangkap bukan 23, tetapi beratus-ratus (hundreds) pemimpin kesatuan sekerja. Setiausaha Agungnya, Harold Lewis, dalam pertemuannya dengan Pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi kita di London, bukan sahaja telah mencerca tindakan kita, serta mengeluarkan kata-kata yang buruk terhadap kerajaan, bahkan telah mengeluarkan ugutan-ugutan bahawa ITWF akan mengambil tindakan memulaukan pengendalian kapalterbang-kapalterbang MAS di mana-mana jua MAS menjalankan perkhidmatannya. Ia melahirkan pandangan ITWF bahawa sikap kita mengusir keluar Johann Hauf dan

penahanan Donald Uren, adalah sama dengan tindakan Diktator Latin Amerika..... "Likens our attitude to that of some Latin American Dictator ship".

Harold Lewis telah juga mengirim telegram kepada kesatuan-kesatuan besar gabungannya di Amerika Syarikat, supaya mereka juga mempelupuri segala daya usaha dalam semua bidang, bagi menekan negara kita, termasuklah membuat bantahan yang keras, menentang cadangan kita untuk mendapatkan hak mendarat bagi kapal-kapal terbang MAS di Amerika Syarikat, dan juga memulaukan pengendalian barang-barangan Malaysia di pelabuhan-pelabuhan di Amerika Syarikat.

Sesungguhnya, ITWF berlagak sebagai sebuah badan yang berkuasa, lebih daripada mana-mana kerajaan yang mempunyai mandat dari rakyat. ITWF kononnya, memperjuangkan hak manusia dan kesatuan sekerja. Di dalam perjuangannya itu, ITWF tidak langsung menghiraukan keadaan politik dan ekonomi sesebuah negara itu. Peranannya, di sebalik usaha menyokong tuntutan-tuntutan kesatuan yang bergabung dengannya, ialah mengugut, menekan dan mem'blackmail' Kerajaan-kerajaan yang sahih, terutama negara-negara yang kecil dan yang sedang membangun, memaksa mereka itu tunduk dan turut kepada desakan gabungannya.

Dengan beribu pejabat di London, ITWF telah menetapkan dasar-dasar luar negerinya sendiri, serta mengeluarkan arahan-arahan kepada semua kesatuan-kesatuan gabungannya, mengambil tindakan terhadap sesuatu majikan atau sesebuah kerajaan, supaya sentiasa tunduk dan turut kepadaanya. Malaysia sekarang ini, adalah sebuah negara yang menjadi mangsa ITWF, kerana Malaysia tidak sekali-kali hendak tunduk dan menjadi hamba abdi kepada ITWF.

Tuan Yang Di Pertua,

Akibat dari arahan ITWF kepada kesatuan gabungannya di Australia, supaya memulaukan pesawat DC-10 MAS, kapal terbang kita itu telah dirampas dan ditahan oleh pekerja-pekerja lapangan terbang Sydney, walaupun pada mulanya, MAS telah diberi jaminan oleh pihak kesatuan tersebut bahawa kapal terbang MAS itu boleh mendarat, dan boleh dibenarkan berlepas balik dari Sydney. Pada 16 Mac, 1979, Harold Lewis, Setiausaha Agung ITWF, telah mengeluarkan arahan kepada kesatuan sekerja Australia itu supaya membebaskan serta membenarkan kapal terbang MAS bertolak balik ke Kuala Lumpur walaupun arahan itu bertentangan dengan kehendaknya. Arahan itu telah tidak

dihirau dan diendahkan oleh pekerja-pekerja Australia itu. Ini jelas menunjukkan bahawa ITWF tidak bertanggungjawab. ITWF boleh menyebabkan kekacauan, tetapi tidak berupaya untuk memulihkan keadaan.

Tuan Yang Di Pertua,

Dengan kudrat Tuhan, dan usaha yang bersungguh-sungguh oleh Kerajaan Australia, kapal terbang DC-10 di Sydney itu telah dapat dibebaskan, dan pesawat tersebut telah selamat tiba di Lapangan Terbang Subang pada awal pagi, hari Ahad. Saya sukalah mengambil peluang untuk merakamkan di Dewan yang mulia ini, ucapan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Australia di atas usahanya itu. Usaha Kerajaan Australia melibatkan Perkhidmatan Angkatan Tentera Udaranya, merupakan satu pengurusan yang berani, yang disanjung tinggi oleh kerajaan dan rakyat Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Walaupun telah berlaku, Kerajaan Australia tetap telah berjaya menunaikan tanggungjawabnya. Tetapi, ITWF yang sompong dan bongkak itu, telah gagal mempengaruhi kesatuan gabungannya sendiri. Peranan yang telah dimainkan oleh Kerajaan Australia itu, sudah tentu akan meningkatkan lagi perhubungan baik, yang memang sentiasa sedia wujud di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia, serta mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan persefahaman di kalangan rakyat kedua-dua negara itu.

Tuan Yang Di Pertua,

Penyiasatan lanjut orang-orang yang sedang ditahan kerana penglibatan mereka dalam pertikaian MAS-AEU, akan dijalankan. Tindakan undang-undang selanjutnya akan diambil terhadap mereka.

Kerajaan memang sentiasa mengambil tindakan mengikut undang-undang, samada di bawah undang-undang buruh, undang-undang perhubungan perusahaan, undang-undang ketenteraman awam atau pun undang-undang akta keselamatan dalam negeri — ISA. Setiap rakyat dan penduduk mestilah sentiasa patuh, serta pada setiap masa menjunjung tinggi kepada undang-undang yang dikuatkuasakan dalam negeri ini.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita harus menumpukan segala usaha dan kegiatan kita, kepada perkembangan ekonomi negara. Kita tidak semestinya mengikuti sikap konfrantasi di antara pekerja dan majikan yang diamalkan di Negara-negara Barat. Sikap konfrantasi di Negara-negara Barat itu, tidak boleh diamalkan di negara kita dan jika diamalkan juga, akibatnya ialah, bukan sahaja kemerosotan pembangunan negara, bahkan kehancuran dan kemasuhan negara kita sendiri.

Saya menggesa pekerja-pekerja dan majikan di negara ini, supaya benar-benar memahami hakikat ini, dan hendaklah sentiasa mewujudkan suasana ketenteraman dalam bidang perhubungan perusahaan. Dengan redanya pertikaian MAS-AEU ini, serta pulihnya keadaan dan suasana persefahaman saya penuh yakin pekerja-pekerja dan pengurusan MAS, boleh menyambung semula rundingan perjanjian bersama mereka itu. Saya harap, semua pihak akan dapat bekerjasama dengan usaha kerajaan untuk memelihara dan memajukan MAS, supaya ia boleh menjadi sebuah Perkhidmatan Udara Nasional yang besar dan maju.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan.

SPEECH OF ACCEPTANCE BY THE PRIME MINISTER
ON THE CONFERMENT OF A FELLOWSHIP BY THE
MALAYSIAN INSTITUTE OF MANAGEMENT AT THE
NIRWANA BALLROOM OF THE KUALA LUMPUR
HILTON, ON 24TH MARCH, 1979.

Yang Mulia, Raja Tan Sri Mohar Presiden Yayasan Pengurusan Malaysia, Ahli-Ahli General Council dan Pegawai-pejawai Kanan, Yayasan Pengurusan Malaysia, Puan Paddy Schubert, Pengurus Jawatankuasa Pengurusan, Yang Amat Berbahagia, Tun Tan Siew Sin, Yang Berhormat, Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri, Yang Berbahagia, Tan Sri Ismail Mohd Ali, Gabenor Bank Negara, Encik Lee Ee Seng, Tuan Yang Terutama, Tan Sri Ikechi Hara, Duta Besar Negeri Jepun, tetamu-tetamu kehormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Pengurusan Malaysia, kerana menganugerahkan kepada saya Fellowship Kehormat Institusinya. Walaupun Pengurus Management Committee, Puan Paddy Schubert, dalam citationnya sebentar tadi, telah menghuraikan jasa dan kelayakan saya, semuanya itu bolehlah didengar tetapi dipakai jangan.

Institut Pengurusan Malaysia adalah salah sebuah badan yang mengambil bahagian yang aktif dalam usaha melatih orang-orang kita dalam bidang pengurusan, iaitu management. Kita semua mengetahui betapa kurangnya orang-orang kita dalam bidang ini, terutama di kalangan kaum Bumiputera. Sebentar tadi, kita telah mendengar ucapan Presidennya, Y.M. Raja Tan Sri Mohar, berkenaan dengan kegiatan-kegiatan dan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Institut itu. Kita yakin bahawa kegiatan kegiatan dan usaha-usaha itu akan diteruskan, dan semolek-moleknya dilipatgandakan lagi. Kita mendoakan supaya Institut ini maju jaya supaya ia dapat meneruskan perkhidmatan dan sumbangannya kepada pembangunan negara.

Ladies and Gentlemen,

It is a great honour to me to be conferred with an Honorary Fellowship by the Malaysia Institute of Management. The Chairman of the Institute, Puan Paddy Schubert, in her citation has given a glowing account and justification of my suitability to be awarded the Fellow-

ship. I am not so sure about the accuracy of her account, and less so about her justification. I have always believed in working as a team and as partners. It is prudent to do so in a private enterprise, and more so in a government. The honour that the Institute has bestowed upon me tonight, should rightly belong to the whole government, especially my cabinet colleagues. We do not only practise strictly parliamentary democracy, but collective cabinet responsibility as well. This means that we work as a team and as partners.

It is appropriate, I think, that I take the opportunity at this august gathering to say a few words about the Government's relentless and unceasing efforts to eradicate poverty and restructure the society. The Mid-Term Review of the Third Malaysia Plan has been presented to the Dewan Rakyat and the people. Whatever may be the views for or against the achievement, non-achievements, shortcomings, weaknesses omissions and problems disclosed in the Review, one thing stands out very clearly, and that is, the Government will not relax its efforts; the Government will not be discouraged by temporary failures here and there; and above all the Government will not remain indifferent or passive to attempts to create obstacles and difficulties in the achievement of the objectives of the New Economic Policy.

Ladies and Gentlemen,

Before I come to the subject of management, permit me to say a few words about industrial relations — employers and employees relationship — in this country. Our country is a developing country; its present and future stability, security and well-being depend on its continuing economic and social development. To achieve this, it requires, among others, a good climate to attract foreign investment. While the Government will continue to encourage trade unions in the country, it must, however, ensure that they are properly organized and act responsibly in accordance with the law. Above all, they must not act to the detriment of the country's economy and the people. There are ample examples of this happening in some countries. The examples shown in those countries will not be allowed to happen or be copied in this country. We will not allow this country to commit economic suicide. Further, we resent and strongly object to any interference by any international body, under whatever guise, to interfere in the internal affairs of this country. This country will not give way to threat, blackmail, hijacking, insult and rudeness. We are prepared and willing to make sacrifices; we will never submit to strong-armed methods.

Many of the foreign organisations, (including the ITWF), have as their objectives, the struggle for freedom, anti-colonialism and democracy, yet in their action they resort to activities contrary to those ideals. If we allow foreign bodies to interfere in our internal affairs, then they become our masters and our independence becomes meaningless. We fought for independence in order that we may decide our own destiny and our own course of action. Nobody, except the citizens of this country, has the right to tell us what we should or should not do.

Ladies and Gentlemen,

It is said that management is the art of coordinating the elements or factors of production towards the achievement of the purposes of an organisation. It is the accomplishment of objectives through the use of men, materials and machines. Any enterprise, whether public or private, must be controlled. The control of an enterprise is effected through administration and management. Administration consists of the determination of the goals and the policies of the enterprise. For administration and management to function effectively, there must be a proper structuring of the enterprise. This is organisation, which has been termed the keystone on which the entire structure of any enterprise is based. Management is seen as the carrying out of the policies of administration through the framework of organisation. Management has been called both a science and an art.

What I have just said about management, has great relevance to what the Government has been doing and is still doing now. Under the Mid-Term Review of the Third Malaysia Plan, the allocations for development projects have been increased by 73%, bringing the total to \$32.1 billion. This is undoubtedly a massive investment. It contains major projects in land development, housing, road building, electricity and water supplies, health and education. To plan and implement these projects, the management capacity will have to be improved and strengthened.

The Government itself has increasingly taken part in trade and industry through its statutory bodies, such as Perbadanan Nasional (PER-NAS), Urban Development Authority (UDA), Malaysian Airline System (MAS) and State Economic Development Corporations (SEDCs). Expertise, which formerly were found only in the private sector, is now required in the public sector. A new breed of officers, equipped with these expertise, will have to be developed.

Faced with the massive task of implementing the various development plan, the Government established a number of institutions for training its managers. Institut Tadbiran Awam (INTAN) and the National Productivity Centre (NPC) are two of such institutions. These institutions are constantly being developed and improved.

I notice that interaction between these Government institutions and the private sector management bodies have largely been on an adhoc basis. I, therefore, would like serious thoughts to be given to more exchanges of ideas and techniques between managers in the Government and the private sector.

Many of the modern management concepts and practices were envolved in the West. They naturally are based on the socio-economic and cultural environments in those countries. Malaysia, with its own cultural economic background, will need to develop its own management philosophy and techniques. Japan has successfully envolved its own management philosophy and techniques, in order to cater for its cultural peculiarity, where the paternal influence of the home is strongly felt even within firms and factories.

The need for our own management approach is further exemplified by our experience in planning and implementing the rural development plan. The Red Book system was one of our innovations to management in our rural development efforts. Through the technique of the Red Book and the Operations Room, instituted by the late Tun Razak, we achieve creditable success in planning and implementation of infrastructure development so necessary to further economic progress.

We are today faced with a more difficult task, that of social engineering. We need a more defined tool to tackle this problem. Those civil servants who have been entrusted with the responsibility for rural development are painfully aware of the inadequacy of traditional civil service management techniques. They invariably find that their efforts are not met with commensurate returns. New management techniques are required. They will need to understand the society they are working to improve; particularly how to motivate the people to respond to their efforts as planned by them MIM, INTAN and the other planning and trainning agencies may usefully give serious thought to this management requirement.

In a multi-racial society such as ours conflict management is prerequisite to political stability. Conflict management is one of the

main tasks of Government. Awareness of the need for compromise, balance and fair play are essential to the civil servants for them to make recommendations on policy options. Although conflict management in this context is essentially the concern of Government, the private sector has a role to play. Their decision in recruitment fixing of wages, allocation of function and duties impinge on racial sensitivities. The private sector in that sense should be aware of areas of potential conflict, and take appropriate measures to resolve them. I would therefore commend to our managers to give serious thought to the problem of conflict management which is vital to the political stability and prosperity of this country.

Ladies and Gentlemen,

Before I conclude, I would like to reiterate with regard to the role of the private sector in the Government's development efforts. The Government has clearly indicated many times that economic development in our country, and the prospects for achieving the socio-economic objectives of the New Economic Policy within the context of growth, depend largely on dynamic expansion of the private sector. Therefore while the public sector programme has considerable importance for development, the Third Malaysia Plan has also given high priority to the rapid advancement of the private sector, because of its important role throughout the economy. The Private sector provides the major source of output, income and employment creation in the country. In addition, entrepreneurship, private investment and the transfer of technology are essential for agricultural modernisation and industrial development. This recognition of the role of the private sector has never changed; in fact, it has been further emphasised in the Mid-Term Review.

As far as management is concerned, it is not only the public sector that needs improvement and modernisation of its concepts and techniques, the private sector equally needs such changes and improvements as well.

Ladies and Gentlemen,

In conclusion, I would like to thank the Malaysia Institute of Management for the great honour it has bestowed upon me, in making me a Fellow of its Institute, and for the excellent dinner it has given my wife and I. Thank you.

UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MEMBENTANGKAN USUL UCAPAN TAKZIAH DI ATAS KEMANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA TUANKU YAHYA PETRA IBNI AL-MARHUM SULTAN IBRAHIM, YANG DI-PERTUAN AGONG DI DEWAN RAKYAT PADA 3 APRIL, 1979.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon izin membentangkan satu usul yang berbunyi:-
Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih dan dukacita yang amat sangat di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Yang Ke Enam, Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim; menyembahkan perutusan takziah ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Zainab binti Tengku Mohamed Petra, dan kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tengku Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra serta kepada Kerabat Di Raja Kelantan, diiringi dengan doa semoga Duli Duli Yang Maha Mulia Baginda itu dikurniakan berbanyak sabar di atas kemangkatan mengejut Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong itu; merafakkan sembah menjunjung kasih serta penghargaan dan pujian ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab di atas segala jasa dan khidmat Baginda sebagai Raja Permaisuri Agong.

Tuan Yang Di-Pertua,

"Tiap tiap yang bernyawa akan menemui mati." "Kullu nafsin za-ikatul maut" (Surah Al-Imran; ayat 185). Allah juga berfirman yang bermaksud:- "Di mana saja kamu berada, nescaya kematian akan mendapatkan kamu, biarpun kamu dalam benteng yang teguh." (Surah Annisaak; ayat 78). Sesungguhnya sebagai makhluk Tuhan, kita wajib menerima hakikat ini. Walau bagaimanapun, kita merasa amat sedih dan pilu kerana dengan secara tiba-tiba, negara dan rakyat Malaysia telah kehilangan seorang Raja yang berpengalaman luas dan berhemah tinggi. Kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Yang Di-Pertuan Agong yang kita kasih pada hari Khamis, 29 Mac yang lalu, telah mengejutkan seluruh negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebenarnya, pada petang hari itu, saya telah diberitahu bahawa Almarhum telah jatuh gering disebabkan penyakit lemah jantung. Saya telah pergi ke Istana Negara. Rawatan pakar yang rapi telah dijalankan serta-merta, tetapi dengan kehendak Tuhan Yang Maha Berkusa, Baginda Tuanku telah mangkat. Innalillahi Wa-inna-ilaihi Raajiun.

Saya sendiri berasa amat terkejut dan terharu sekali dengan kemangkatan Almarhum, oleh kerana pada pagi hari Rabu 28 Mac, sebagaimana biasa, saya telah mengadap Baginda. Pada ketika itu, Almarhum berada di dalam kandungan sihat walafiat dan riang gembira. Inilah saat-saat terakhir saya bersama dengan Baginda di mana saya telah diterima mengadap hampir satu jam iaitu lebih dari jangka masa yang biasa dijadualkan.

Memanglah menjadi kebiasaan bagi saya mengadap Baginda pada tiap-tiap hari Rabu, sebelum mesyuarat mingguan Jemaah Menteri. Tetapi pada hari tersebut baginda telah mengambil masa yang panjang sedikit kerana sebagaimana biasa Baginda telah bertanyakan hal dalam beberapa perkara. Sebagaimana biasa juga perbualan kami adalah dalam suasana penuh mesra dan berterus terang. Minat yang ditunjukkan oleh Baginda benar benar melahirkan bahawa Baginda adalah Raja yang berjiwa rakyat, sentiasa mengambil berat di atas kepentingan dan kebijakan rakyat, lebih lebih lagi rakyat yang miskin dan daif yang tinggal di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Pada tiap-tiap kali saya mengadap perbualan Baginda sentiasa berkisar mengenai kemajuan pembangunan untuk rakyat. Sebagai Raja bagi Negeri Kelantan, perhatian berat Baginda sentiasa tertumpu kepada negeri Baginda yang telah tertinggal dalam bidang pembangunan di masa masa yang telah lalu. Sesungguhnya, rakyat Negeri Kelantan khususnya, telah kehilangan seorang Raja yang payah untuk diganti. Jasa bakti Baginda semasa menduduki takhta Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Persekutuan sukar ditandingi. Kita tidak akan dapat membalaik kesemuanya ini, tetapi Almathum akan tetap tinggal di dalam kenangan setiap rakyat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Memanglah tepat maksud pepatah Melayu, bahawa harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama. Sebagaimana saya telah katakan bahawa semasa hayatnya, Almarhum sentiasa mengambil berat dan suka mengambil tahu hal ehwal mengenai negara, terutama perkara-perkara yang melibatkan kepentingan dan kebijakan

rakyat. Hasrat ini sentiasa dilahirkan oleh Almarhum pada tiap-tiap minggu atau bila-bila masa saya mengadap. Saya percaya Ahli-Ahli Yang Berhormat sekelian, bahkan seluruh negara mengetahui minat yang kuat yang ditunjukkan oleh Almarhum dalam menjalankan tugas-tugas negara. Walaupun usia Almarhum telah lanjut dan tugas-tugas Yang Di-Pertuan Agong itu berat, Almarhum sentiasa cuba dengan sedaya upaya menunaikan kewajipan Baginda.

Sebagai Ketua Negara berperlembagaan, Almarhum telah mengambil bahagian hampir dalam semua perayaan-perayaan Kebangsaan dan Istiadat istiadat Negara. Dalam Perayaan Hari Kebangsaan misalnya, Almarhum telah berdiri berjam-jam lamanya untuk menerima tabik hormat serta menyaksikan kegiatan-kegiatan yang dipersembahkan oleh rakyat berbilang kaum. Begitulah juga halnya dalam perayaan Maulud Nabi Salallahu Alaihi Wasallam di mana Almarhum telah turut bersama-sama dengan umat Islam yang lain berarak dari Stadium Merdeka ke Masjid Negara. Kepada saya, kesemuanya itu adalah satu contoh teladan yang amat mulia yang telah dilakukan oleh seorang Raja. Perbuatan Almarhum itu telah meningkatkan lagi semangat dan kecenderungan rakyat terhadap mengukuhkan lagi perpaduan negara dan meninggikan lagi syiar Islam. Minat dan penyertaan Almarhum dalam kegiatan-kegiatan yang dianjurkan oleh rakyat telah menyubur dan mengembangkan semangat kasih sayang rakyat terhadap Baginda. Ini jelas kelihatan semasa lawatan rasmi Baginda ke negeri-negeri di mana sambutan yang begitu meriah dan mesra diberikan oleh rakyat dari segenap lapisan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Almarhum Tuanku Yahya Petra adalah seorang Raja yang amat bertimbang rasa. Baginda sentiasa sedar terhadap kewajipan dan tanggungjawabnya, tanggungjawab dan tugas Menteri-Menteri dan Pegawai-peгawai Kerajaan dan dengan sedaya upaya Baginda sentiasa membantu bagi meringankan beban dan tanggungjawab kita semua. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Yang Di-Pertuan Agong, Almarhum sentiasa sedar dan faham di atas peranannya sebagai seorang Ketua Negara berperlembagaan. Baginda juga sentiasa sedar dan faham di atas segala undang-undang dan peraturan serta sentiasa berpandu dan berpegang teguh kepada Perlembagaan.

Sejak Baginda dilantik sebagai Yang Di-Pertuan Agong Yang Ke Enam, tiga tahun setengah yang lalu iaitu pada 21 September, 1975, Malaysia dan rakyatnya telah mencapai kemajuan dalam berbagai bidang. Dengan berkat pemerintahan Baginda, Malaysia telah menik-

mati kemajuan sosio-ekonomi, sekalipun pertumbuhan ekonomi dunia telah lembab. Perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat berbilang kaum, telah dapat dieratkan lagi sementara keselamatan negara telah dapat dikawal dan dipelihara. Kegiatan-kegiatan dalam bidang rohaniah telah juga dipesatkan dan ini telah membawa kesan yang bermenafaat kepada seluruh rakyat. Dengan berkat daulat Almarhum, imej Malaysia di luar negeri telah meningkat dan negara kita telah menjadi lebih terkenal di kalangan antarabangsa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Di sepanjang masa pemerintahan Baginda yang adil dan bijaksana, Almarhum telah melakukan lawatan rasmi hampir keseluruhan negara serta beramah mesra dengan rakyat di semua peringkat dan lapisan. Sifat-sifat peramah, pengasih dan pemurah dari Almarhum itu telah menawan hati rakyat jelata dan menambahkan lagi kesayangan dan semangat taat setia mereka kepada Baginda dan negara. Mengingati dan mengenangkan sifat-sifat mulia inilah maka seluruh negara merasa amat terharu dan amat sedih serta terkejut apabila mengetahui kemangkatan Baginda itu.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tidak ada kata-kata pujian yang lebih tinggi yang dapat saya lafazkan bagi menilaikan serta memberi penghargaan di atas jasa-jasa dan khidmat bakti yang telah dikurniakan oleh Baginda kepada negara. Setiap rakyat tidak akan lupa di atas jasa dan khidmat bakti Almarhum itu. Marilah kita bersama-sama berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum itu, dan supaya di-tempatkan Baginda di kalangan para salihin dan muttaqin.

Tuan Yang Di-Pertua,

Akhirnya, saya dengan hormatnya mempersilakan semua Ahli Yang Berhormat berdiri bertafakkur selama satu minit. Mereka yang berugama Islam, sama-sama lah kita bersedekah Al-Fatihah dan bagi yang lain-lain, bolehlah melafazkan doa mengikut cara ugama masing-masing.

Tuan Yang Di-Pertua,

Demikianlah saya mohon mencadangkan usul ini, terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN MALAM SELAMAT PERPISAHAN Y.B. TAN SRI ABDULLAH SALLEH DI DEWAN BANQUET BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR, PADA 21 APRIL 1979.

Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Salleh, Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Ayub, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Tan Sri Hashim Aman, Ketua-Ketua Setiausaha, Ketua-Ketua Pengarah, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Tiga puluh bulan yang lalu saya telah berucap di majlis yang sama seperti ini kerana mengucapkan selamat berpisah kepada Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin, ketika itu baru bersara dari jawatan Ketua Setiausaha Negara. Disamping itu kita juga telah mengalau-alu kedatangan dan mengucapkan selamat bertugas kepada Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Salleh, yang ketika itu juga baru memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara.

Pada malam ini kita semua meraikan selamat perpisahan Tan Sri Abdullah Salleh serta mengucapkan selamat bertugas kepada Tan Sri Abdullah Ayub sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru. Secara kbetulnya pula Tan Sri Abdullah Salleh bersara dari jawatan Ketua Setiausaha Negara kerana dilantik menjadi Pengerusi dan Ketua Eksekutif PETRONAS.

Tan Sri Abdullah Salleh telah berkhidmat dengan Kerajaan sejak tahun 1955. Sepanjang perkhidmatannya ia telah menjawat berbagai jawatan, termasuklah menjadi Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dalam tahun 1959, bertugas sebagai pendaftar pertama Universiti Kebangsaan Malaysia dalam tahun 1969 dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dalam tahun 1972. Ia telah juga berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dalam tahun 1974, sebelum memegang jawatan yang tertinggi dalam Perkhidmatan Awam pada 1hb. Oktober, 1976.

Di samping menjalankan tugas dan kewajipannya sebagai Ketua Jentera Pentadbiran Negara, Tan Sri Abdullah Salleh telah juga berkhidmat dalam berbagai badan dan jawatankuasa Kerajaan. Oleh kerana pengalamannya yang luas serta minat dan kecenderungannya yang kuat banyak rancangan telah dilaksanakan dalam tempuh perkhidmatannya yang singkat sebagai Ketua Setiausaha Negara. Tin-



Gambar menunjukkan Y.A.B. Datuk Hussein Onn sedang menyampaikan sebuah Cenderamata kepada Y.Bhg. Tan Sri Abdullah Salleh pada 21.4.1979.

dakannya itu telah melicinkan lagi jentera pentadbiran seluruhnya serta meningkatkan lagi prestasi pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam. Saya yakin bahawa pengalamannya yang luas serta sikap dan pandangan jauhnya adalah nilai-nilai khidmat yang tinggi yang amat berfaedah dalam menjalankan tugas dan peranannya yang baru di PETRONAS. Kita harap dengan bimbingan dan kejujurannya, hasil daripada minyak dan gas di negara kita akan terus meningkat dan rakyat jelata akan dapat menikmati hasil ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian,

Salah satu dari tindakan terakhir Tan Sri Abdullah Salleh bagi meninggikan mutu perkhidmatan dan meningkatkan prestasi jentera pentadbiran ialah mewujudkan Ethika Perkhidmatan Awam sebagai panduan kepada pegawai dan kakitangan Kerajaan. Sayangnya ia tidak sempat merasmikan pelancarannya yang telah ditetapkan pada 1 Januari tahun ini. Walaupun begitu, teras perkhidmatan yang dihuraikan di bawah Ethika ini, tetap menjadi asas yang penting bagi mengekalkan kecekapan meninggikan mutu, meningkatkan prestasi, mengeratkan persefahaman serta mengukuhkan perpaduan dan kejujuran. Dengan cara ini kita dapatlah melahirkan satu pentadbiran Kerajaan yang bersih, tidak korap, adil dan saksama.

Seperti yang telah diketahui umum, apa yang saya huraikan sebentar tadi adalah janji kami kepada rakyat dalam pilihanraya tahun lalu. Sebagai orang yang bertanggungjawab menggendarikan jentera pentadbiran, tuan-tuan dan puan-puan sekelian berkewajipan menjalankan tugas bagi menuaikan janji Kerajaan itu. Haruslah diingatkan bahawa Kerajaan telah diberi mandat yang menyeluruh untuk mentadbirkan negara ini. Kami akan tetap menjunjung tinggi kepercayaan dan keyakinan rakyat jelata. Kami akan tunaikan segala janji-janji kami itu.

Oleh yang demikian, disamping berpandukan kepada Ethika Perkhidmatan Awam ini, pegawai dan kakitangan Kerajaan hendaklah sentiasa memahami Manifesto Barisan Nasional tahun 1978. Kedua-dua buah dokumen ini akan dapat dijadikan panduan kepada mereka dalam menyumbangkan khidmat dan tenaga dengan berkesan bagi memenuhi cita-cita dan janji Kerajaan kepada rakyat. Saya merasa bangga di atas kesedaran pucuk pimpinan perkhidmatan awam kerana telah mengambil tindakan yang cepat bagi mendorong dan memusatkan pemikiran seluruh perkhidmatan awam kearah semangat baru yang dipelopori oleh parti yang memerintah.

Tidak syak lagi bahawa seluruh tanahair sekarang mengetahui cogankata Ethika Perkhidmatan Awam yang berbunyi "Berkhidmat Untuk Negara." Sesungguhnya ia merupakan satu tugas yang murni. Setiap kita patut berbangga kerana dapat berkhidmat untuk negara. Tuan-tuan dan puan-puan juga mestilah ingat bahawa Kerajaan yang ada sekarang ini adalah melambangkan Kerajaan Berjiwa Rakyat. Dengan ini bermaknalah bahawa berkhidmat untuk negara itu adalah sebenarnya berkhidmat untuk rakyat. Oleh itu jelaslah kepada kita sekarang bahawa Ethika Perkhidmatan dan Manifesto Barisan Nasional mempunyai tujuan dan maksud yang sama dengan Kerajaan Berjiwa Rakyat. Sesungguhnya, persamaan semangat dan matlamat ini boleh membawa hasil yang lebih berkesan bagi faedah dan keuntungan rakyat.

Sebagaimana kita sedia maklum bahawa kerajaan yang dipilih oleh rakyat ini sentiasa melaksanakan hasrat dan cita-cita rakyat. Segala tindakan yang dijalankan dan rancangan-rancangan yang disusun dan diatur sentiasa mencerminkan aspirasi rakyat. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam melaksanakan setiap dasar yang telah dipersetujui dan sebarang langkah atau tindakan yang telah ditetapkan. Mereka hendaklah bersama-sama menunaikan tugas ini dengan jujur dan ikhlas supaya hasrat dan cita-cita rakyat itu dapat dijayakan. Jika terdapat kelemahan dan kekurangan dalam dasar yang telah dipersetujui itu atau langkah yang telah ditetapkan, mereka sewajarnya mengemukakan pandangan-pandangan yang membina supaya tindakan dan dasar yang dilaksanakan itu, dapat benar-benar membawa kesan yang lebih bermakna dan memberi faedah yang menyeluruh kepada rakyat jelata.

Itulah sebabnya saya telah menyarankan sebentar tadi supaya pegawai dan kakitangan kerajaan berpandu kepada kedua-dua Ethika Perkhidmatan Awam dan Manifesto Barisan Nasional dalam menunaikan tugas dan peranan mereka. Dengan jalan ini maka dapatlah mereka memastikan supaya kesemua matlamat yang dicatatkan dalam kedua-dua Ethika dan Manifesto itu dapat dicapai serentak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sesungguhnya, masa depan negara bergantung kepada kebolehan dan keupayaan kita menunaikan dan menyempurnakan tugas dan peranan yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Sebagai pucuk pimpinan parti yang telah menerima mandat rakyat mentadbirkan negara kami mempunyai kewajipan dan tanggungjawab kami. Demikianlah juga dengan

pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang bertanggungjawab kepada kerajaan yang memerintah. Imej dan nama baik kerajaan yang dikendalikan oleh parti yang memerintah bergantung kepada mutu kecekapan, prestasi, tindakan dan maruah pegawai dan kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dengannya. Kepada rakyat jelata, pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam adalah juga kerajaan. Sebarang perbuatan dan kelakuan mereka mencerminkan tindakan dan maruah kerajaan. Tindakan yang buruk, kelambatan, penyelewengan yang berlaku, hatta kelakuan peribadi yang tidak elok dan akhlak yang rendah oleh pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam boleh menjaskankan nama baik dan imej kerajaan yang memerintah.

Jika perbuatan seperti ini tidak dikawal dan diawasi serta diperbaiki dari masa kesemasa, akibat buruk akan menimpa kepada kerajaan. Rakyat akan hilang kepercayaan dan keyakinan kepada parti yang memegang pucuk pentadbiran kerajaan. Inilah hakikat yang mesti difahami oleh setiap pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam di semua peringkat. Oleh yang demikian pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam mestilah sentiasa cergas dan bersemangat, bertimbangrasa dan jujur, supaya mereka dapat berkhidmat kepada kerajaan dan rakyat dengan penuh semangat dedikasi dan kesetiaan.

Bagi mempastikan perkhidmatan yang cekap dan bermutu, kita mestilah menyesuaikan diri, sikap dan pemikiran kita dengan perubahan zaman. Sesungguhnya kita semua merupakan agen rakyat untuk menerima perubahan-perubahan zaman moden bagi mencapai kemajuan dan kemakmuran yang lebih tinggi. Inilah juga tugas dan kewajipan yang harus kita pikul bersama demi kepentingan dan kebajikan rakyat serta bagi mempastikan masa depan yang lebih terjamin bagi negara kita. Gunakanlah pengetahuan, kebijaksanaan, kepakaran dan kemahiran kita serta pengalaman baik kita bagi mencapai matlamat dan cita-cita suci ini supaya Malaysia dapat terus kekal dan aman, makmur dan bersatupadu.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan selamat berpisah kepada Tan Sri Abdullah Salleh serta mengalu-alukan Ketua Setiausaha Negara yang baru. Saya menyeru setiap golongan pegawai dan kakitangan kerajaan memberikan kerjasama dan sokongan mereka sepenuhnya kepada Tan Sri Abdullah Ayub, supaya Panduan Perkhidmatan Cemerlang menjadi lebih bermakna lagi.

Terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN
MALAM ULANGTAHUN MCA KE 30 OLEH PARTI MCA
WILAYAH PERSEKUTUAN DI DEWAN PERHIMPUNAN
CINA, KUALA LUMPUR PADA 22 APRIL, 1979.

Y.B. Dato Lee San Choon, Presiden MCA, Y.B. Dato Lew Sip Hon, Pengurus MCA Bahagian Wilayah Persekutuan, Y.B. Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MCA, Ahli-Ahli Jawatankuasa MCA Bahagian Wilayah Persekutuan, Y.B. Ahli-Ahli Parlimen, para tetamu kehormat, tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Dato Lew Sip Hon dan Ahli-Ahli MCA Bahagian Wilayah Persekutuan kerana sudi menjemput saya dan isteri saya ke majlis makan malam ini. Majlis ini, sebagaimana kita semua mengetahuinya, ialah sempena ulangtahun ke 30 MCA ditubuhkan. Di samping kita mengucapkan tahniah dan kesyukuran kepada MCA di atas ulangtahun yang ke 30 nya, kita juga bangga dengan kekuahan dan kejayaan Bahagian Wilayah Persekutuannya. Kita yakin bahawa dengan pimpinan yang dinamik dan bijaksana, MCA Bahagian Wilayah Persekutuan akan lebih berpengaruh dan mendapat lebih banyak lagi sokongan daripada penduduk-penduduk. Ini amatlah penting dalam konteks perjuangan Barisan Nasional, khususnya di Wilayah Persekutuan. Kita yakin bahawa pada satu ketika nanti, semua kerusi Parlimen dalam Wilayah Persekutuan ini akan dimiliki oleh Barisan Nasional.

Wilayah Persekutuan, sungguhpun kecil dari segi saiznya, amatlah penting dari segi-segi yang lain. Kuala Lumpur ialah Ibukota negara kita; pusat pemerintahan negara adalah terletak di dalamnya; begitulah juga terletaknya pusat perniagaan; jumlah penduduk sekarang ini, hampir satu juta orang, dan ini kian bertambah. Sungguhpun ini memberi berbagai-bagai peluang, di samping itu, ia juga membawa dan membangkitkan berbagai-bagai masalah dan kerumitan. Saya akan menyentuh perkara-perkara ini sebentar lagi.

Ladies and Gentlemen,

Tonight's dinner, as we all know, is to commemorate the founding of the MCA thirty years ago. I would like to convey my congratulations to the MCA, not only in my capacity as Chairman of the Barisan

Nasional, but also as President of UMNO. To the Chairman (Dato Lew Sip Hon) and members of the Federal Territory Division of the MCA, I would like to express my thanks for kindly inviting my wife and I to this Anniversary Dinner.

As I have said just now, I am happy and glad to know that the MCA Federal Territory Division has strengthened and stabilised itself, and that it has also made progress. The Federal Territory, although small in size, is very important in many respects. Kuala Lumpur is the capital city of our country; it is the hub of the Federal Government; it is the nerve centre to our country's commerce; it is a fast growing city; the Territory's population at present is estimated to be nearly a million, and it is still growing. Although all these developments provide opportunities, they also bring about many problems.

The importance of the Federal Territory to the Barisan Nasional is obvious. The component parties in the Barisan Nasional must strive and make every effort to gain greater support from the people, particularly those in the lower income groups. We would like to see the day when all the parliamentary seats in the Federal Territory would be held by the Barisan Nasional. This is not an impossibility; what is really required is hard work and more hard work on the part of every one of us, especially those in the MCA Federal Territory Division.

Ladies and Gentlemen,

The Federal Territory needs development as much as any other areas. This requires comprehensive and coordinated planning. As we all know, there are many problems, some require immediate attention and solution, while others need long term solutions. Among the more pressing problems are squatters, low-cost housing, water and electricity supplies, sanitation facilities, traffic congestion, public transport and unemployment. These are among the reasons why I found it necessary to have a Ministry specially to look after the affairs and development of the Federal Territory.

Ladies and Gentlemen,

You will recollect that the government has stated that it is its policy to make Kuala Lumpur a Centre of Commerce. We cannot forever continue to be wholly dependent on the facilities provided by other countries for our commerce and services. What we can do ourselves, we must take over. We must gradually take over the bulk of our

exports and imports. We are building new ports, and expanding and improving the efficiency and facilities of existing ones; our airports are being improved; so are our roads and telecommunication services. Banks and other financial institutions are available to give support to our commerce; so are the insurance companies. Our supply of qualified manpower in the field of commerce is increasing. The government has taken and will continue to take steps to provide the necessary infrastructures and facilities so that the commerce of this country will be done in this country.

In the light of what I have just said, the business community in this country should march with the changing time and condition. Where its business is mainly in this country, then it should operate from this country. It should fully use the facilities which are available in this country such as insurance, banking, shipping, port and other services. This is our policy and this is what we will gradually implement.

Ladies and Gentlemen,

In conclusion, may I once again thank the Federal Territory Division of the MCA for inviting my wife and I to this dinner, and for the opportunity to meet and address this big gathering. Thank you.

**UCAPAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DI UPACARA
PEMBUKAAN KONGRES PERGIGIAN ASIA PASIFIK
KE 9 DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR, PADA
24 APRIL, 1979.**

Dr. Lim Chee Shin, Presiden Persatuan Pergigian Malaysia, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Dr. Rolf Braun, Presiden Persekutuan Pergigian Antarabangsa, Dr. Primo Gonzales, Presiden Persekutuan Pergigian Asia Pasifik, Tuan-tuan Yang Terutama, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi dan Duta-Duta Besar, Dif-dif Kehormat sekalian.

Kita berasa bangga kerana Kuala Lumpur telah diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi menjayakan Kongres Persekutuan Pergigian Asia Pasifik Ke-9. Izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan Pergigian Malaysia yang telah melaksanakan tugasnya bagi mengatur persidangan antarabangsa ini dengan jayanya. Walaupun persatuan ini tidak mempunyai begitu ramai ahlinya, tetapi ia telah dapat menyusun aturcara yang menarik dengan adanya acara seperti pameran mengenai perdagangan pergigian. Sudah tentulah untuk mengendalikan acara yang sebegini rupa akan mengambil masa dan tenaga yang banyak. Kita harap semangat yang ditunjukkan oleh persatuan ini akan diperhebatkan lagi bagi menjamin mutu perkhidmatan pergigian yang tinggi di Malaysia.

Ladies and Gentlemen,

It is a great honour for Malaysia that the dental profession has chosen Kuala Lumpur to host the 9th Congress of the Asian Pacific Dental Federation. I am further privileged to welcome distinguished international participants to our country. We sincerely hope that in the course of their stay in Kuala Lumpur, our guests will find the time from their busy schedules to visit and see the many and varied places of interest in Malaysia. I have no doubt that part from the formal deliberations that is afforded by forums such as this, you will be able to exchange views more informally outside the conference hall and during the social functions that have been arranged for you. I am sure that this will further enrich your knowledge and experience which will be invaluable in our common aim to further improve the quality of dental health care in the Asia Pacific region.

This event presents me with a very useful opportunity to meet and get to know so many dentists from different parts of the world. I would therefore like to impress upon you our concern for good dental health care, particularly amongst our children. It is, therefore, appropriate that this congress gives a special emphasis to the health of children, be it dental health or otherwise, in this International Year of the Child. I need not stress the importance of ensuring that our children enjoy good health as they are the adults of tomorrow.

Ladies and Gentlemen,

During the course of the congress you will no doubt be discussing the latest techniques and procedures that are being used by your profession. More importantly, a gathering of professionals such as this will offer an excellent opportunity for discussions on the ways and means to intra-regional cooperation. As a body of men who are specialised in their subject, professionals can provide the catalytic effect of stimulating changes in their environments. They are equipped to help their societies in building a strong foundation for growth and development.

Ladies and Gentlemen,

Many of the countries represented at this conference are developing countries. As developing countries, we are faced with a number of constraints and problems peculiar to our economic situation.

One of the main constraints in providing dental health service is the urgent and competing demand on our financial resources. Most of our countries are spending a sizeable portion of our budget on social services.

Under the circumstances we cannot therefore emulate the more economically advanced countries in providing expensive and sophisticated dental clinics. We will have to be satisfied with the more basic equipment and facilities, so that the benefits of dental services may be enjoyed by as many as possible of our people.

In formulating a programme for dental health we have therefore to evolve methods and techniques which are as inexpensive as possible while at the same time fulfilling the need for adequate dental care. This would give the added advantage of more people enjoying the benefits given the limited funds available to expend on dental care.

programmes. As professionals in this particular field you are in the position to make invaluable contribution to this effort.

Unlike the more advanced countries, the majority of the population of the developing countries, particularly in the rural areas, do not have the purchasing power to utilise the services of private dentists. In order to avoid a situation where the well-to-do particularly the urban population are receiving dental care while the poorer people are not adequately served, government has stepped in to do all it can within its resources. To provide adequate dental care to all its citizens would be beyond the financial and manpower resources of the government. We therefore need to look for new approaches.

For efficient utilisation of our scarce financial resources and to maximise the benefit of dental programme to our people, preventive measures would certainly form a basic strategy. I am happy that you have chosen "Prevention-the Current Trend in Dentistry" as the theme of this meeting.

I am told that fluoridation of water supply is now accepted as a major breakthrough in the efforts to reduce the incidence of dental decay. This innovation has certainly contributed towards the improvement of the dental health programme, particularly in the urban areas.

However, as you are all aware there are vast areas in the developing countries which are not provided with piped water supply. We need, therefore, to think out other means of prevention which would be readily available to the people living in such areas.

There is another area in which co-operation among people in your profession would have profound impact on the dental health of the developing countries. In the effort to evolve a programme for improving dental health, we need to consider the impact of our cultural background on the dental decay process. Our food habits are different from those in the economically advanced countries, and as such we face problems which are peculiar to the region arising from our own distinct cultural traits. The pooling of experience on this issue is needed to tackle the problems pertaining to our region.

While discussing new techniques and advancement in the field of dentistry, you also have the responsibility to look into areas which I have already mentioned. This would further improve the general dental health of not only the people who can afford to pay for expensive

dental care but also the population of the country as a whole. You should not only concentrate on the commercial aspect of your profession but should also contribute to the national development as well.

I hope that in your deliberations, you will open up new dimensions that will enable us to review and assess our present system of dental health care.

Ladies and Gentlemen,

It now gives me great pleasure to officially open the 9th Congress of the Asian Pacific Dental Federation.

Thank you.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER, AT THE BANQUET
GIVEN IN HIS HONOUR BY SENIOR VICE-PREMIER,
MR. DENG XIAOPING IN PEKING ON 3RD MAY, 1979.

Mr. Senior Vice Premier, the members of my delegation and I are very happy to be in your great country. I personally have been looking forward to this visit and to renew our friendship. Your visit to Malaysia last November had paved the way for enhancing further the friendly relations between our two countries. The late Tun Abdul Razak and the late Mr. Chou En Lai had laid the foundation of our two countries' friendship and now it is up to the present and future leaders of our two countries to strengthen that friendship.

Your Excellency, on behalf of my delegation and also on my own behalf, I would like to thank you and the Government of the People's Republic of China for the kind hospitality and warmth welcome which have been given us. I would also like to thank His Excellency Chairman Huo Guo Feng for kindly receiving us at the airport.

Rapport between leaders can be built with close personal contact. This also provides them with the opportunity to exchange views and appreciation through perspective policies. The exchange becomes more meaningful when they can talk to each other frankly and openly. I am happy that our discussions this morning were held in the same spirit and candour that prevailed during our discussions in Kuala Lumpur.

The most significant development in our region since your visit to Kuala Lumpur, has been the events in Indochina. We in Malaysia, and in ASEAN, are very concerned with the conflict and tension in the area. We are also very concerned with the involvement of other parties in the conflict, and the possibility of its escalating. We want to avoid this at all cost.

This concern has led the ASEAN Foreign Ministers to issue the statement in Bangkok calling for restraint, the withdrawal of all foreign forces, and for a peaceful solution. It has also been the reason for ASEAN proposed resolution in the Security Council of the United Nations to find an acceptable formula to restore peace and stability in the area.

I would like to stress that in doing so ASEAN was acting in the interest of the region as a whole. The action taken by the countries of ASEAN represents our positive contribution towards a peaceful resolution of the conflict in Indochina, which would create a condition conducive to the pursuit of our objective of establishing a zone of peace, freedom and neutrality in Southeast Asia.

The region will benefit greatly if the countries in it adopt a friendly policy towards one another. It is also in the region's interest that the countries refrain from interfering in the affairs of the others and settle all disputes peacefully. It is imperative that ASEAN's proposal for the establishment of a zone of peace, freedom and neutrality in Southeast Asia should be fully supported by the super powers.

At the same time, we will continue to make ASEAN stronger and more cohesive to withstand the challenge ahead. However, I do not mean this to be in a military sense. ASEAN, from the time of its inception, was never meant to be a military organisation. The emphasis has always been, and will continue to be, on socio-economic and regional cooperation.

With regard to the bilateral relations between Malaysia and China, I am happy to say that there has been a steady development in our friendly ties in the last 5 years. The exchange of visits by Ministers and officials have created a better understanding and generated much goodwill. Your Excellency's own visit to Malaysia last year and my present visit to China have this object in view. My visit, I hope will be a further step in building greater trust and confidence between our two countries.

Trade has featured prominently in the relations between our two countries. Trade and economic ties have always been and should continue to be the strongest basis for the development and strengthening of bilateral relations between our two countries. We should therefore make further endeavour to extend our trade ties. As China moves ahead with her modernisation programmes, and as Malaysia increases the pace of her industrialisation and production of primary products, there will be increasing opportunities for this expansion.

As Third World countries our respective economic development programmes should avoid weaknesses and mistakes of the industrialised West, particularly in the progress of international economic relations. The economies of these Western nations are based on an international

economic system which is inequitable to the poorer and developing countries. It is our hope that China's role in the international economic system will be towards the eventual relations with the new international economic order.

As an Asian nation, China can play a useful role in the developing of cooperative equitable trade relations amongst the developing nations of this region. Our economic relations must be based on complementarity and cooperation so as to create a truly equitable economic system which will, in turn, fully benefit the peoples of the countries in Asia.

Malaysia and China have their respective strength and areas of expertise. We should cooperate as much as we can for our mutual benefits. Malaysia is not only an important producer of new materials, but also rapidly strengthening its own manufacturing base. China is embarking on her own modernisation. If, at this juncture of our countries' economic development, we can be guided by considerations of complementarity and cooperation in trade and economic relations, it will certainly benefit us both. In short, relations between our two countries can be further strengthened if we continue to emphasize and develop those areas of mutual benefit.

Finally, Your Excellency, it has indeed been a very happy and pleasant experience for me and my delegation to be here in your country. This visit gives me the opportunity to renew our friendship that we have established in Kuala Lumpur.

Ladies and Gentlemen, may I now request you to join in a toast: to His Excellencies Prime Minister Hua Guo Feng and Deputy Prime Minister Deng Xiaoping, for their continued goodhealth, success and happiness. To the success of the government and people of the People's Republic of China.

Thank you.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE RETURN
BANQUET FOR VICE PREMIER DENG XIAOPING AT
THE GREAT HALL OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF
CHINA ON 5TH MAY, 1979.

Your Excellency,

The members of my delegation and I have been in your beautiful city of Peking for four days. Tomorrow we will be leaving this beautiful city to continue with our visit to Shanghai, Hangzhou (Hang Chow) and Guangzhou (Canton). Although we will be leaving you, your charming Madam Cho Lin and your other colleagues, we will nevertheless, bring home with us happy memories of our stay here. We are very touched by the kindness, warm-heartedness and friendliness with which we have been received by you all.

To His Excellency Chairman Hua Guo Feng and yourself, I would like to convey my personal thanks for the great honour you both have done me in giving me the opportunity to discuss and exchange views on a number of momentous matters concerning the international situation, the region of Southeast Asia and the bilateral relations between the People's Republic of China and Malaysia.

As I have said last Thursday at the dinner which you gave in my honour, the former leaders of our two countries had laid the foundation for a friendly and mutually beneficial relationship between our two countries. It is up to the present and future leaders of our countries to build upon and strengthen further the relationship. Malaysia on its part welcomes any country which wants to be its friends. I am confident that the friendly relations between Malaysia and China will grow. We must make every effort by words and deeds to dispel any fear, suspicion and distrust. We must be bold and courageous enough to face reality. All of us desire peace and stability.

I appreciate very much the discussions I have had with you. I value your personal friendship. China is a great country. It can play a very important role and contribute much in ensuring that peace and wisdom shall prevail in the affairs of the world.

My wife and other ladies in my delegation would like me to convey their sincere thanks to Madam Cho Lin and other ladies for the kindness, hospitality and understanding. They feel completely at home and enjoy their stay in Peking.



Gambar menunjukkan Y.A.B. Datuk Hussein Onn sedang berucap di Majlis Perhimpunan Agung Tahunan Gerakan Rakyat Malaysia di Kuala Lumpur pada 26.5.1979.

May I now request you to join me in a toast to Their Excellencies Premier Hua Guo Feng, Vice Premier Deng Xiaoping and Madam Cho Lin for their continued good health and happiness and to the friendship between the peoples of the People's Republic of China and Malaysia.

Thanks.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE RETURN
BANQUET FOR VICE-PREMIER, MR. DENG XIAOPING
ON 5TH MAY, 1979.

Your Excellency, Vice-Premier Deng Xiaoping, Madam Cho Lin, Excellencies, Ladies and Gentlemen.

On behalf of my wife and my delegation and on my own behalf, I would like to express our sincere appreciation to your excellency, Madam Cho Lin and all our distinguished Chinese Guests for honouring us with their gracious company this evening.

I would like to express my very deep appreciation to your excellency and, through your excellency, to government and the people of the People's Republic of China for the warm hospitality accorded to me and my delegation since our arrival on Wednesday. The meticulous arrangement by the officials and others connected with our visit has made our stay in this great city a most pleasant one. We thank them. The genial spring weather and the hospitable Chinese people made us feel even more welcome.

I enjoyed immensely the visit to your monumental historical sites — The Great Wall, the Ming Tombs the Forbidden City. For me this visit has indeed been a very pleasant experience.

For most of us in Malaysia, whatever we know of your great country has been from books, reports and journals. This visit provides the opportunity for us to know China personally, although superficially, to experience its vastness and meet with some of its immense population.

More important, this visit has enabled me to continue the dialogue with you and other leaders of your government. During the meeting which we had in the past three days, we briefed each other on how we perceive the developments around us, of our hopes and aspirations, of our worries and anxieties. We have been open and frank and I hope this frankness will be a continuing feature of our relations. Through this frank exchange of views we would be able to understand better each other's policies and sensitivities. This is vital to building a durable and lasting relationship. So much of the world problems have been caused by misunderstanding.

Your Excellency,

As you have said, our two countries have chosen different social and political system, based on our respective experience, history and socio-economic realities. However, in the basic and important objective to secure peace and ensure a better standard of living for our peoples, we share a common purpose. In that context, there are many areas in which we can co-operate to our mutual benefits. In the discussions between us and among our officials, we have identified and agreed upon some of these areas. The expansion of trade between our two countries is one such area. Exchange of technical expertise and technology is another. As contacts between us expand, I have no doubt the areas for co-operation will multiply.

Your Excellency,

In conclusion, I would like once again to express to you, your government and the Chinese people, our profound thanks for the very warm and generous hospitality that has been extended to me and my delegation. We shall always remember this visit as an important milestone in the development of the relations between Malaysia and China.

Ladies and gentlemen,

May I now request you to join me in a toast to:
Their Excellencies Premier Hua Guofeng and Vice Premier Deng Xiaoping for their continued good health and happiness. To the success of government and people of the People's Republic of China.

To the friendship and goodwill between the government and peoples of Malaysia and the People's Republic of China.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN MALAM YANG DIADAKAN OLEH JAWATANKUASA REVOLUSI SHANGHAI DI SHANGHAI PADA 6 MEI, 1979.

Bagi pihak saya, isteri saya, dan lain-lain ahli rombongan, saya mengucapkan terima kasih di atas sambutan meriah yang telah diberikan kepada kami semasa kami tiba di Shanghai pagi ini. Kami juga berbesar hati di atas layanan baik yang telah diberikan kepada kami di sepanjang lawatan yang singkat ini. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, kami tidak dapat berada di Shanghai lebih lama lagi. Walau bagaimana pun kami akan membawa bersama-sama pulang kenangan manis mengenai kunjungan sehari ke Shanghai ini.

Sebagai tuan-tuan dan puan-puan sekelian sedia maklum, saya baru sahaja menamatkan lawatan rasmi selama empat hari ke Beijing. Di Beijing, saya telah mengadakan rundingan yang bermunafaat dengan Penggerusi Hua Guofeng dan Naib Perdana Menteri Encik Deng Xiaoping.

Tuan Yang Terutama,

Sebagai sebuah pusat perusahaan, Shanghai merupakan Bandaraya yang terkemuka bagi mempelopori usaha-usaha modenisasi negara yang besar dan terkenal ini. Sebagai sebuah pelabuhan yang besar, Shanghai mempunyai peranan yang penting untuk mengembangkan perdagangan Republik Rakyat China dengan lain-lain negara. Sesungguhnya, Shanghai dengan penduduk-penduduknya yang dinamik boleh menjadi unsur yang amat penting dalam mengeratkan lagi hubungan ekonomi serta meningkatkan lagi perdagangan di antara Republik Rakyat China dan Malaysia. Melalui perhubungan perdagangan dan ekonomi ini, maka dapatlah kita mengukuhkan lagi lain-lain hubungan dua hala di antara kedua-dua negara kita. Saya yakin peranan penting ini dapat dipergiatkan lagi dalam tahun-tahun yang akan datang.

Perhubungan persahabatan di antara kedua-dua negara kita memanglah kukuh. Saya harap lawatan saya ke Republik Rakyat China ini akan dapat meningkatkan lagi perkembangan perhubungan persahabatan ini. Inilah harapan pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia. Saya gembira menyatakan di sini bahawa inilah jua harapan pemimpin-pemimpin Kerajaan Republik Rakyat China. Semenjak wujudnya perhubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China, pertukaran

rombongan sukan dan kebudayaan telah diadakan. Ia telah memberi sumbangan ke arah persefahaman yang lebih baik di antara kedua-dua rakyat negara kita.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan penghargaan yang ikhlas di atas persahabatan dan layanan baik yang telah diberikan kepada kami dalam lawatan yang singkat ke Shanghai ini. Ia akan menjadi satu kenangan manis kepada kami.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan hormatnya saya mempersilakan hadirin sekelian minum ucapan selamat kepada Tuan Yang Terutama Encik Peng Zhong dan Puan Peng Zhong, Tuan Yang Terutama Encik Wang Ee Ping dan Puan Wang Ee Ping, Dif-dif Kehormat dari Republik Rakyat China yang hadir, dan untuk persahabatan kedua-dua rakyat Negara Republik Rakyat China dan Malaysia.

Terima kasih.

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN
MALAM YANG DIBERIKAN OLEH JAWATANKUASA
REVOLUSI ZHEJIANG PROVINCE DI HANGCHOU PADA
7 MEI, 1979.**

Dari Beijing ke Shanghai dan pada hari ini di Hangzhou, saya dan rombongan saya dari Malaysia telah disambut dengan penuh kemesraan oleh pemimpin-pemimpin dan rakyat di tempat-tempat tersebut. Ke-pada Tuan Yang Terutama, Encik Die (Tiek) Ying, Pengurus Jawatan-kuasa Revolusi Provinsi Chechiang, Encik Wang Fang, Timbalan Pengerusi dan Puan Wang Fang, Tuan Yang Terutama Naib Mayor Hangchou, Encik Chen Siak, dan Pegawai-pegawai, kami sampaikan ucapan terimakasih setinggi-tingginya di atas layanan yang baik dan mesra. Semenjak lawatan kami ke Beijing kami telah berkenalan dengan Teh Shuang Feng di Commune Rakyat Tasek Barat, memberi gambaran kepada kami cara petani-petani miskin dan yang tidak mempunyai tanah menjalankan usaha kerjasama bagi meningkatkan pendapatan mereka. Sungguhpun Republik Rakyat China termasyhur dengan sutera Brocadanya, inilah kali yang pertama kami mendapat peluang untuk melawat sebuah kilang membuat sutera Brocade.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Lawatan saya ke negara yang agung ini merupakan satu kunjungan muhibbah. Tuan Yang Terutama Naib Perdana Menteri, Encik Deng Xiaoping melawat Malaysia pada bulan November yang lepas. Kami telah mengalu-alukan lawatannya itu dan saya sendiri sangat-sangat menghargai perbincangan yang berguna yang telah diadakan. Beberapa hari yang lepas, saya sekali lagi telah berpeluang untuk berbincang dengan Tuan Yang Terutama Naib Perdana Menteri. Pada kali ini, perbincangan kami meliputi bidang yang luas, termasuklah masalah semasa di Indochina. Saya mengucapkan terimakasih di atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya oleh Tuan Yang Terutama Pengurus Hua Guofeng dan Tuan Yang Terutama Naib Perdana Menteri Deng Xiaoping, kami bersetuju supaya perdagangan di antara kedua-dua negara hendaklah ditingkatkan untuk faedah bersama. Kedua-dua negara kita inginkan memperbaiki lagi perhubungan dua hala, kedua-dua negara kita inginkan keamanan dan kestabilan, terutamanya di Asia Tenggara. Malaysia merasa yakin bahawa Republik Rakyat China akan menjalankan segala dayausahanya bagi mewujudkan keadaan ini, Malaysia sendiri akan bekerjasama dengan mana-mana negara yang berusaha untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian,

Dengan hormatnya saya mempersilakan hadirin sekelian minum ucap selamat kepada:

- a) Tuan Yang Terutama Encik Die (Tiek) Ying.
- b) Tuan Yang Terutama Encik Wang Fang dan Puan Wang Fang
- c) Tuan Yang Terutama Encik Chen Siak.
- d) Kepada tetamu-tetamu Kehormat dari Republik Rakyat China yang hadir, untuk kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Akhirnya, untuk persahabatan rakyat negara Republik Rakyat China dan Malaysia.

Terimakasih.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE DINNER
HOSTED BY THE GUANDONG PROVINCIAL REVOLU-
TIONARY COMMITTEE AT GUANGZHOU (CANTON) ON
8TH MAY, 1979.

His Excellency Mr. Shih Chong-Hsun, Chairman, Guangdong Provincial Revolutionary Committee, His Excellency Mr. Liu Tian-Fu, Vice Chairman, Guangdong Provincial Revolutionary Committee and Madam Chou Min Ling, His Excellency Mr. Liang Hsian, Vice Chairman, Guangzhou City Revolutionary Committee, Her Excellency Madam Liu Kui-Lan, Vice Chairman Guangzhou City Revolutionary Committee, Distinguished Guests, Ladies and Gentlemen.

The Members of my Delegation and I would like to thank His Excellency The Chairman and members of the Guangdong Provincial Revolutionary Committee, for the very warm welcome accorded to us on our visit to Guangzhou.

This is the last leg of our visit to China before we return to Kuala Lumpur tomorrow. My delegation and I have visited Beijing, Shanghai and Hangzhou. At each of these cities we were received with great warmth and friendship.

While in Beijing I met Premier Hua Guofeng and Vice-Premier Deng Xiaoping. I had very useful and frank discussions with them on matters affecting our two countries. Trade was an important subject in the discussions. As you know, trade has been a Traditional Link between Malaysia and China from ancient times. Your leaders and I agree that there is great scope and opportunities for us to expand the two-way trade between our two countries. This is especially so as China steps up her drive to Industrialise and Modernise herself.

Malaysia has such raw materials as Rubber, Palm-Oil and Timber which she can supply to China in increasing amounts to meet China's growing needs. At the same time we are also prepared to offer China Technical Assistance in developing her Rubber Technology, in the refining and processing of Palm Oil for edible purposes and in the Tin Mining Industry.

The development of our Trading Relations is a matter of great importance to both of us. The balance of trade has always been in

China's favour despite this, it is our intention to increase our imports as our own needs grow. We hope that China on her part will make every effort to narrow this gap. In this way we can expand our trade and widen the areas of co-operation for the mutual benefit of our peoples.

It is indeed fitting that my last stop in China should be Guangzhou. Guangzhou is one of the most famous cities in southern China. It has colourful and exciting history and to day the Guangzhou trade fair which has been held since 1957 is known throughout the world.

The province of Guangdong occupies a special position in the relations between our two countries. Many Malaysians of Chinese origin can trace their roots to this province.

At the same time we have had close trade ties with you. This trade existed before Malaysia and China established diplomatic relations. The first delegation from Malaysia to visit China was the one that attended the 1972 Guangzhou trade fair. Since then Malaysian and Chinese traders have met each other on a regular basis at the trade fair.

Your Excellency,

The friendly relations between Malaysia and China have grown steadily not only in trade but also in the sports and cultural fields. The Joint Communique of 1974, by which Malaysia and China established diplomatic relations, has been the basis of these relations. I am confident that, by continuing to adhere to the provisions of the communique, our relations will be further expanded and strengthened in time to come.

It now remains for me to once again express my very deep appreciation and gratitude for all the hospitality and the attention you have given to me and my delegation. This visit has added a bit more to my knowledge about China. My delegation and I will carry back with us pleasant memories of our stay here. The visit to Guangzhou has been an enjoyable one and an appropriate and to a happy and successful visit to China.

During our visit, there are many people who have been very kind, helpful and considerate to us. There are so many of them that it is not possible for me to thank them individually. However, I would like to mention a few and express our thanks and appreciation.

They are:

1. His Excellency, Mr. Huang Chan,
Minister of Culture and His Charming wife
Madame Chu Lin.

2. Mr. Wei Yong Ching,
Director of Protocol Department,
Ministry of Foreign Affairs.
3. Mr. Wang Ai Chin,
Staff Officer in Charge of Security.
4. Mr. Tang Long Bing,
Division Chief of the Protocol Department of the Ministry of Foreign Affairs.
5. Madame Shi Yiang Hua
(My Interpreter Throughout the Journey)
6. Madame Yuan Xiao (Shiao) Ying,
(Interpreter for Y.B. Datin)
7. Mr. Tang Kuo Qiang (Chiang)
(Interpreter during visit to Summer Place and Museum)

Ladies and Gentlemen,

May I request you all to rise and join me in a toast:
To the Health and success of His Excellency
Mr. Shin Chong-Hsun, Chairman of Guangdong
Provincial Revolution Committee,

To the Health and Success of His Excellency
Mr. Liu Tian-Fu, Vice Chairman of
Guangdong Provincial Revolutionary Committee and Madam
Chou Min Ling,

To the Health and success of His Excellency
Mr. Liang Hsian, Vice Chairman of Guangzhou City Revolutionary Committee,

To the Health and Success of Her Excellency
Madam Liu Kui-Lan, Vice Chairman, Guangzhou City Revolutionary Committee,

To the Friendship and Goodwill between the Peoples of Malaysia
and the People's Republic of China.

Thank You.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCARAN KEWANGAN USAHA BERSATU BERHAD, DI PUSAT SIVIK PETALING JAYA, PADA 13 MEI, 1979.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya serta izinNya kita dapat hadir di upacara pelancaran Kewangan Usaha Bersatu Berhad pada pagi ini. Majlis pelancaran ini membawa erti yang besar kerana institusi yang ditubuhkan pada hari ini adalah anak syarikat yang sulung Koperasi Usaha Sama Bersatu Malaysia Berhad atau Koop Bersatu. Kewangan Usaha Bersatu Berhad ini dilancarkan pada hari ini bagi mengambil sempena ulangtahun UMNO yang ke 33. Ia merupakan projek Koop Bersatu yang besar dan penting selepas tertubuhnya koperasi itu dua tahun yang lalu sempena ulangtahun UMNO yang ke 31.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Senator Kamarul Ariffin, serta badan pengurusan dan pentadbiran Koop Bersatu di atas kejayaan mereka menubuh sebuah anak syarikat yang dimiliki penuh oleh Koop Bersatu dalam masa dua tahun selepas sahaja koperasi ini dilancarkan. Kejayaan Koop Bersatu menubuhkan institusi kewangan ini dalam masa yang begitu singkat merupakan satu langkah yang berani. Ia juga mencerminkan kesanggupan kita untuk mencebur diri dan mengambil bahagian dalam kegiatan kewangan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi penghargaan kepada Senator Kamarul Ariffin dan pegawai-pegawaiannya kerana telah memberi penghormatan kepada saya untuk melancarkan Kewangan Usaha Bersatu Berhad ini.

Salah satu sebab Koop Bersatu ditubuhkan ialah untuk membaiki taraf ekonomi dan sosial orang-orang Melayu. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan bagi melipat-gandakan usaha dan tenaga orang-orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain untuk meningkatkan lagi kegiatan mereka dalam bidang pembangunan ekonomi. Koop Bersatu ini merupakan salah satu langkah yang berkesan bagi membantu kerajaan dalam usahanya mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Kita hanya mempunyai 11 tahun lagi untuk menuai matlamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu mencapai penyertaan pada kadar sekurang-kurangnya 30 peratus dalam bidang pemilikan modal. Mengikut Kajian Separuh Penggal bagi Rancangan Malaysia Ketiga, sekarang ini kita telah berjaya mengumpul 10.2 peratus daripada jumlah modal yang ter-

kumpul dalam bidang perdagangan dan perusahaan. Daripada jumlah ini, 6.7 peratus dipegang oleh badan-badan "trustee" seperti MARA, UDA, PERNAS dan lain-lain yang memegangnya bagi pihak kaum bumiputera. Dari segi orang perseorangan dan syarikat-syarikat Melayu, jumlah "equity" yang dimilikinya ialah 3.6 peratus. Adalah menjadi tujuan kerajaan untuk membanyakkan lagi orang-orang Melayu dan syarikat-syarikat Melayu memiliki modal. Kerajaan juga sangat-sangat mementingkan bahawa lebih ramai lagi orang-orang Melayu mendapat faedah daripada pemilikan modal yang meningkat ini. Dengan tertubuhnya institusi-institusi seperti Kewangan Usaha Bersatu Berhad ini, maka hasrat kerajaan ini akan lebih mudah lagi dicapai.

Semenjak ia ditubuhkan, Koop Bersatu telah menjalankan berbagai usaha untuk mendaftar seramai-ramai ahli yang boleh. Saya rasa amatlah wajar bagi kita sekarang menumpukan perhatian kita kepada sambutan orang ramai terhadap Koop Bersatu. Bilangan ahli perseorangan Koop Bersatu sehingga 14 April, 1979 ialah 9,160 orang. Jika dibandingkan dengan bilangan ahli-ahli UMNO yang seramai lebih kurang 630 ribu orang itu, maka nyatalah bahawa bilangan ahli-ahli Koop Bersatu tidak begitu memuaskan. Jika kita menganggap bahawa kesemua mereka yang telah mendaftar diri menjadi ahli adalah terdiri daripada ahli-ahli UMNO, maka cuma 1.43 peratus sahaja daripada ahli-ahli UMNO keseluruhannya menjadi ahli Koop Bersatu.

Oleh hal yang demikian, kita mestilah mencari jalan yang lebih berkesan lagi untuk mempastikan bahawa kadar pengambilan ahli yang lebih pesat dapat dilaksanakan. Saya berharap ahli-ahli UMNO dapat kembali kepada semangat perjuangan kita sewaktu menuntut kemerdekaan dan menggunakan untuk ditumpukan kepada bidang kegiatan ekonomi. Sebagaimana yang telah UMNO lakukan ketika berjuang mendapat kemerdekaan dulu, kita juga seharusnya mengarahkan segala daya yang ada pada kita untuk mempelopori orang-orang Melayu supaya bersatu dan mencebur diri dalam lapangan ekonomi dengan cara besar-besaran. Di sinilah terletaknya peranan Koop Bersatu yang boleh menjadi tumpuan kepada orang-orang Melayu. Dengan menceburkan diri mereka dalam kegiatan koperasi ini, orang-orang Melayu akan mendapat satu lagi peluang untuk lebih giat di bidang pelaburan.

Dari segi pembelian saham pula, permohonan telah diterima untuk membeli saham yang bernilai sebanyak \$1,980,423 sehingga 14 April, 1979. Jumlah bayaran saham yang telah dijelaskan sehingga tarikh yang sama ialah sebanyak \$871,181. Seperti yang telah saya nyatakan sebentar tadi memanglah UMNO mempunyai ahli yang ramai. Jika tiap-

tiap seorang ahli membeli 100 saham, iaitu had yang paling rendah, maka dalam masa yang singkat sahaja jumlah modal Koop Bersatu akan meningkat menjadi lebih daripada \$63 juta. Jika kita berjaya mengumpul modal sebanyak ini maka jalan akan terbuka luas bagi kita mengambil bahagian, melalui Koop Bersatu dalam berbagai bidang perusahaan dan ekonomi seperti perumahan dan perlombongan. Kegiatan ini bolehlah kita laksanakan dengan menggunakan kawasan-kawasan tanah simpanan Melayu yang masih tidak diusahakan sekarang.

Saya sedar mungkin ada orang-orang kita, terutamanya di kampung-kampung, yang tidak mampu membayarnya sekaligus. Oleh sebab itulah Koop Bersatu telah mengadakan Undang-Undang Kecilnya untuk membolehkan ahli-ahlinya membayar pembelian saham dengan cara beransur-ansur. Dengan adanya peruntukan ini, adalah diharapkan lebih ramai lagi orang-orang kita menjadi ahli.

Pada masa Koop Bersatu dilancar dalam tahun 1977, saya telah menegaskan bahawa koperasi kita ini mestilah mempunyai ramai ahli untuk memaju dan menjayakannya. Di sini saya ingin menyeru sekali lagi kepada semua ahli-ahli UMNO khasnya dan orang-orang Melayu amnya supaya menjadi ahli Koop Bersatu. Masa depannya adalah bergantung kepada orang-orang Melayu. Terpulanglah kepada kita sendiri untuk menentukan samada Koop Bersatu ini berjaya atau tidak. Oleh hal yang demikian, kita semua seharusnya menyertai koperasi ini.

Dalam usaha pembangunan ekonomi moden, pelaburan memainkan peranan yang penting. Kita mestilah lebih bergiat untuk menanam modal jika kita mahu meningkatkan lagi pemilikan harta dalam sistem ekonomi moden. Sejarah telah pun membuktikan bahawa sebuah masyarakat yang sanggup bergiat dalam bidang pelaburan untuk menjamin masa depannya. Ini bererti masyarakat itu mestilah sanggup mengurangkan kadar penggunaan (consumption) untuk membolehkan sebahagian daripada wang yang ada padanya disalurkan bagi maksud pelaburan. Kebanyakan negara-negara menjadi maju kerana mereka sedia dan sanggup berbuat demikian.

Sesuatu masyarakat yang lebih mementingkan penggunaan daripada pelaburan akan mendapat bahawa perkembangan dan pencapaian ekonominya akan jadi merosot. Jika orang-orang Melayu hendak mencapai tingkatan yang maju dalam bidang ekonomi, mereka mestilah bersedia untuk menyimpan sebahagian daripada pendapatan mereka bagi maksud pelaburan. Perkara ini bukanlah satu perkara yang mudah dicapai, kerana ia melibatkan sikap kita. Oleh itu, orang-orang Melayu hendaklah menukar sikap terhadap penggunaan dan mestilah ber-

ansur-ansur menceburkan diri dalam lapangan pelaburan. Di sinilah UMNO dan Koop Bersatu dapat memainkan peranan masing-masing untuk membantu kita semua menukar sikap ini. Saya yakin dengan susunan UMNO yang mempunyai Bahagian dan Cawañgan di merata-rata tempat, maka kita akan dapat memainkan peranan sebagai tenaga penggerak dalam usaha hendak menukar sikap orang-orang Melayu ini. Masanya sudah tiba bagi semua orang-orang Melayu berdiri di atas kaki sendiri dan menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi tanpa terlalu bergantung kepada kerajaan. Bantuan kerajaan hendaklah dianggap sebagai satu pertolongan yang boleh melicinkan dan meringankan usaha kaum bumiputera mencebur diri dalam lapangan ekonomi moden.

Penubuhan Kewangan Usaha Bersatu Berhad merupakan satu usaha perintis. Langkah ini akan dapat meyakinkan ahli-ahli UMNO khasnya dan orang-orang Melayu amnya bahawa Koop Bersatu boleh menjalankan tindakan konkrit bagi mencapai matlamat koperasi ini. Kejayaan kita melancarkan Institusi kewangan ini akan memberi lebih perangsang kepada Koop Bersatu untuk mengorak langkah membanyakkan lagi usaha dan kegiatannya. Oleh itu marilah kita bersama-sama memberi sokongan yang penuh kepada Koop Bersatu. Dengan seruan ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan pelancaran penubuhan Kewangan Usaha Bersatu Berhad dan berdoa moga-moga ia mengalami kejayaan yang gemilang.

Terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN KEBANGSAAN MALAYSIA, DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR, PADA 17 MEI, 1979.

Saya tidak selalu mendapat peluang berjumpa dengan ahli-ahli perniagaan dan perindustrian – dan seterusnya “tycoon-tycoon” dan jutawan-jutawan! Saya dan isteri saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada presiden dan ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia kerana sudi menjemput saya berdua ke majlis makan malam ini. Saya menghargai sangat jemputan dan peluang ini oleh kerana perniagaan dan perindustrian adalah perkara-perkara yang amat mustahak dalam pembangunan negara kita.

Pihak kerajaan memang berharap kepada “private sector” supaya bergerak dengan lebih giat dan cergas lagi supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dapat dicapai dengan sepenuh-penuhnya. Di sinilah terletaknya peranan dan tanggungjawab Dewan Perniagaan dan Perindustrian.

Sebentar lagi, saya akan memberi pandangan saya terhadap “private sector”. Pandangan saya itu adalah disampaikan dengan hati yang tulus ikhlas dan saya harap diterima dengan baik dan tulus ikhlas juga.

I wish to thank you Mr. President and the members of the National Chamber of Commerce and Industry for inviting me and my wife to this dinner to-night. It is seldom that I have the opportunity of meeting our business and industrial community. Perhaps it is partly my fault and partly due to the increasing pressure of other work. However, I would like you to know that commerce and industry are some of my main preoccupations. We have just had a mid-review of our Third Malaysia Plan which gave us some idea of the performance of both the public and private sectors. On the whole, we have made satisfactory progress. The target for economic growth has been exceeded. This has greatly increased the opportunities and resources for accelerating the momentum of development. We are gradually building up the basic strength and resilience of the nation. We have worked hard and patiently for political stability, and we must preserve it. We will make further progress in solving our country's socio-economic problems. At the moment, there is great instability, and even conflict, in some countries in our region. But Malaysia must keep cool head, and not be deflected from its policy of neutrality and peace.

In all our development plans, the private sector has always been expected to play a major role. The public sector provides the necessary

infrastructures and facilities for the private sector to make use of our economic, industrial, fiscal, monetary, investment and other policies are all designed towards encouraging development and economic growth, in which the private sector should be the spearhead. We often wonder whether the private sector in this country is marching with the times, and is modern and strong enough to face the challenge and competitions of modern commerce and industry. On the other hand, we often hear from the private sector apologies, excuses, fears real or imagine, and doubts about all sorts of things. The private sector dwells more upon all these negatives factors than upon modernisation and expansion of its enterprises. Our country cannot develop and be strong economically if its private sector is not robust but live in an environment of perpetual fear and doubt.

To develop our agriculture, industry and commerce, we need investment, both from outside as well as from inside the country. We are making great efforts to attract foreign investments. The climate of uncertainty which prevailed before has gradually cleared. More and more foreign investors are coming to this country. We are streamlining our governmental machinery and procedures to encourage investment. We formulate policies which encourage investment rather than hinder them. Those who have travelled extensively abroad will tell you that the conditions in this country are not as bad as they have been made them out to be. While we do not claim to be perfect in every respect, it cannot be denied that as people and government, we are gentle, reasonable and pragmatic, perhaps to a fault, we are considerate and generous, we are fair in our dealings with others, we value friendship and are loyal to our friends.

I have spoken generally about a number of things. I think they have relevance to the private sector upon which we have put so much hope in contributing towards the economic development of our country. Has the private sector really made sufficient efforts to expand and modernise its enterprises? Or increase our country's exports in agricultural commodities and manufactures? Or being back to this country trade and services that can now be done in this country? Or has confidence to invest more in this country? These are some of the questions which I would like the National Chamber of Commerce and Industry to ponder upon. I hope that I do not sound aggressive in putting these questions to you. We – that public sector and the private sector are in partnership in respect of the growth and development of our country. The responsibility is not on the public sector alone, the private sector has an equally heavy responsibility.

Thank you.

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI PERASMIAN MESYUARAT PERWAKILAN TAHUNAN UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU, DI DEWAN SERBAGUNA LARKIN, PADA 18 MEI, 1979.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya kita dapat bersama-sama di majlis perasmian mesyuarat perwakilan tahunan UMNO Bahagian Johor Bahru pada pagi ini. Saya inginlah mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Bahagian yang telah mengaturkan mesyuarat perwakilan ini dengan licin dan jayanya. Saya percaya mereka ini tentulah telah bertungkus lumus membuat persiapan untuk menentukan kejayaan sepenuhnya. Sebagai ketua bahagian, saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada mereka kerana telah mengorbankan banyak masa bagi kepentingan UMNO.

Semangat sanggup dan tekun bekerja yang telah ditunjukkan oleh jawatankuasa ini, bahkan oleh semua ahli-ahli UMNO Bahagian Johor Bahru ini, telah menjadi daya penggerak yang kuat dalam menentukan kejayaan gemilang Barisan Nasional di kawasan ini dalam Pilihanraya Umum tahun 1978. Di sini saya mengucapkan terimakasih dan penghargaan kepada semua pemimpin dan ahli UMNO Bahagian Johor Bahru yang telah bekerja keras untuk menentukan kejayaan itu.

Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terimakasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Bahagian yang telah memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan mesyuarat perwakilan tahunan bahagian kita. Di samping itu, bagi pihak Jawatankuasa Bahagian, saya mengalu-alukan kehadiran Y.B. Tan Sri Dato Haji Othman Saat selaku Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri di majlis yang mulia ini.

Sebagai sebuah daerah di mana terletaknya pusat pentadbiran negeri, sudah tentulah UMNO Bahagian Johor Bahru mengambil berat terhadap perkembangan daerah Johor Bahru. Seperti yang kita sedia maklum, sebahagian besar daripada daerah ini terletak di kawasan UMNO Bahagian kita. Seperti juga dengan kawasan-kawasan lain, bandar dan daerah Johor Bahru ini telah mendapat faedah secara langsung hasil daripada usaha rancangan pembangunan negara dan ianya berkembang dengan pesat. Keadaan ini akan membawa keuntungan kepada penduduknya. Sebagai ahli-ahli salah sebuah parti yang mendukung kerajaan, kita bersyukur kehadrat Tuhan kerana ramai orang di Johor Bahru dapat menikmati hasil perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun demikian, kita mestilah sentiasa berhati-hati kerana keadaan ini boleh mendatangkan masalah. Oleh kerana ia sedang membangun dan berkembang dengan pesat maka ramai orang berhijrah ke Johor Bahru baik dari daerah-daerah di Johor maupun dari negeri-negeri lain. Oleh sebab itu, maka jumlah pengundi di dalam kawasan pilihanraya Johor Bahru pada tahun 1974 ialah seramai 51,534 orang. Pada tahun 1978, bilangan ini telah meningkat menjadi 75,184 orang. Ini merupakan pertambahan hampir 46 peratus dalam masa 4 tahun, iaitu lebih kurang 10 peratus pada tiap-tiap setahun.

Jika kita membandingkan kawasan pilihanraya Johor Bahru dengan kawasan-kawasan pilihanraya yang lain, maka kita dapat bahawa kadar pertambahan pengundi ini melebihi kadar pertambahan dalam masa yang sama bagi Pulau Pinang, Ipoh, Seremban, Kota Melaka dan Kuantan. Kadar pertambahan ini hanya diatasi oleh kawasan-kawasan pilihanraya yang telah lama maju di Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor.

Sebagai ahli-ahli politik, kita mestilah sentiasa mengambil perhatian berat terhadap perkembangan pesat yang berlaku di Johor Bahru kerana keadaan ini akan membawa kesan kepada pergolakan politik di bahagian kita. Pertambahan pengundi dan penduduk di dalam kawasan pilihanraya Johor Bahru akan menimbulkan tekanan kepada kemudahan-kemudahan asas yang sedia ada di sini. Oleh kerana itu, besar kemungkinan bahawa kemudahan-kemudahan asas ini tidak akan mencukupi untuk kegunaan orang ramai. Keadaan ini akan memerlukan perbelanjaan yang lebih daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi menjamin kesejahteraan hidup penduduk di kawasan ini.

Keadaan yang baru saya nyatakan sebentar tadi telah menimbulkan tekanan kepada perumahan, khususnya penyediaan rumah murah. Kerajaan Barisan Nasional di peringkat negeri dan persekutuan menyedari akan tekanan ini. Di atas kesedaran inilah kita telah berjanji untuk terus membina lebih banyak rumah-rumah murah dan berusaha ke arah memberi peluang kepada setiap orang memiliki rumah. Bagi daerah Johor Bahru keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan telah membuat peruntukan sebanyak \$37 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga bagi menyediakan rumah dan rumah pangsa harga murah. Hampir 85 peratus daripada peruntukan ini dibelanjakan di dalam kawasan pilihanraya Johor Bahru. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi tujuan yang sama.

Salah satu kesan yang jelas akibat daripada kekurangan kemudahan perumahan ini ialah pertumbuhan kawasan-kawasan perumahan setinggan di dalam bandar dan daerah Johor Bahru. Adalah dianggarkan

bahawa terdapat sebanyak 5,000 buah rumah setinggan di Johor Bahru sahaja. Oleh kerana Kerajaan Negeri dan Persekutuan mempunyai banyak keutamaan yang harus diselenggarakan dalam melaksanakan tugasnya, maka sudah tentulah kita tidak dapat mengatasi masalah ini dengan serta merta. Kita memerlukan masa yang panjang dan kewangan yang banyak bagi maksud ini. Oleh yang demikian, kita mestilah menerima hakikat bahawa kawasan-kawasan setinggan ini akan terus wujud buat beberapa tahun lagi. Sambil menerima keadaan ini, kita mestilah memahami kedudukan setinggan ini. Kita tidak boleh memandang sepi terhadap mereka; malah UMNO mestilah mengembangkan kegiatannya ke kawasan-kawasan setinggan supaya masyarakat setinggan Melayu dapat kepimpinan yang wajar.

Kebanyakan mereka menjadi setinggan oleh kerana paksaan hidup dan keadaan ekonomi. Kita mestilah berhati-hati dan mengawasi keadaan ini supaya orang-orang lain tidak dapat menggunakan kesempatan ini untuk menangguh di air yang keruh bagi kepentingan politik atau pun kepentingan diri masing-masing. Kita dapat mengawasi orang-orang yang cuba mencari kesempatan ini sekiranya kita bergerak bersama-sama dengan masyarakat setinggan dan memberi mereka kepimpinan di bawah teraju UMNO. Memandang kepada keperluan ini, sebuah Biro Setinggan akan ditubuhkan dalam Bahagian Johor Bahru bagi mengendalikan perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan masalah setinggan.

Di bawah Dasar Ekonomi Barunya, Kerajaan Barisan Nasional bertujuan hendak mewujudkan suatu masyarakat perdagangan dan perusahaan di kalangan orang-orang Melayu dan kaum bumiputera yang lain dengan tujuan bahawa mereka akan dapat melibatkan diri dalam semua jenis dan peringkat kegiatan ekonomi. Salah satu cara bagi kita mencapai matlamat ini ialah dengan membangunkan kawasan-kawasan Melayu yang sedia ada di bandar dan di luar bandar yang mempunyai potensi ekonomi daripada bilangan penduduk tempatannya yang ramai. Pada masa ini, potensi ekonomi ini disalurkan keluar dan tidak digunakan bagi pembangunan masyarakat setempat. Potensi ini boleh digembingkan bagi mengukuhkan kedudukan ekonomi orang-orang Melayu. Agensi-agensi Kerajaan akan memainkan peranan masing-masing sebagai penggerak utama ke arah tujuan ini. Dengan cara ini, penduduk-penduduk di kawasan-kawasan ini bukan sahaja dapat menikmati kemudahan asas yang disediakan, tetapi akan dapat juga merebut peluang dan kemudahan yang ada untuk mengambil bahagian di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Sebagai contoh di Johor Bahru, kawasan Kampung Melayu Majidee mempunyai potensi ekonomi yang besar memandangkan kepada jumlah

penduduk tempatannya. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor telahpun merancang untuk meningkatkan taraf Kampung Melayu Majidee dengan cara memajukan suatu kawasan perniagaan yang lebih sempurna daripada apa yang ada sekarang ini. Keadaan yang sama juga terdapat di luar bandar Johor Bahru, umpamanya di FELDA Cahaya Baru. Pihak FELDA telah memperuntukkan kawasan perniagaan di dalam kawasan itu. Pihak MARA akan turut membantu dengan cara membina kedai-kedai bagi tujuan membangunkan sebuah pekan Melayu yang baru di kawasan itu.

Adalah menjadi tujuan kerajaan bahawa dengan adanya rancangan-rancangan ini maka proses memodenkan orang-orang Melayu di Johor Bahru akan dicepatkan lagi. Saya berharap penduduk-penduduk Melayu di Johor Bahru akan menyambut baik dan menyertai sepenuhnya dalam rancangan ini. Kerajaan hanya dapat menyediakan peluang dan rancangan. Terpulanglah kepada rakyat untuk menyambutnya. Penyertaan yang sepenuhnya daripada rakyat akan menentukan bahawa segala harapan kita akan tercapai.

Segala usaha kerajaan membangunkan ekonomi orang-orang Melayu di kawasan Johor Bahru ini akan menukar corak dan cara pemikiran masyarakat Johor Bahru. Ahli-ahli UMNO mestilah bersedia mempelopori perubahan sikap ini dan turut bersedia menghadapi cabaran-cabaran baru yang akan wujud apabila terdapat perubahan corak dan pemikiran masyarakat Johor Bahru ini. Dalam menghadapi masalah setinggan kita perlukan suatu pendekatan politik yang baru. Kita juga mestilah bersedia untuk menghadapi corak dan perubahan sikap masyarakat Johor Bahru ini.

Saya sukalah menyentuh serba sedikit tentang Koop Bersatu kerana ia merupakan suatu usaha UMNO untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial orang-orang Melayu. Semenjak ia ditubuhkan dua tahun yang lalu, Koop Bersatu telah mula menunjukkan keupayaan untuk bergerak sebagai suatu koperasi yang maju. Pada 13 Mei yang lalu, Koop Bersatu telah mendapat kejayaan yang besar apabila ia melancarkan anak syarikatnya yang pertama, iaitu Kewangan Usaha Bersatu Berhad. Merindangkan kepada pentingnya peranan koperasi kita ini, maka saya menyeru sekali lagi pada semua ahli-ahli UMNO untuk menjadi ahli Koop Bersatu. Kita mestilah bersedia untuk menjayakan projek ini dengan sepenuhnya. Ahli-ahli UMNO juga hendaklah berusaha lebih giat lagi bagi mendapatkan lebih ramai orang perseorangan menjadi ahli Koop Bersatu. Seperti yang telah saya tegaskan, kita mestilah mencari jalan yang lebih berkesan untuk memastikan bahawa kadar pengambilan ahli yang lebih pesat dapat dilaksanakan.

Biarlah saya ulangi sekali lagi bahawa parti kita UMNO mempunyai ahli seramai lebih kurang 630 ribu orang. Dengan keahlian yang seramai ini, Koop Bersatu dengan mudah dapat mengumpul modal sekurang-kurangnya sebanyak \$63 juta jika tiap-tiap seorang ahli UMNO membeli 100 saham. Mungkin ada mereka yang merasa sulit untuk membayar harga saham sekaligus. Ini telah pun diatasi oleh Koop Bersatu dengan adanya Undang-undang Kecil yang membolehkan ahli-ahlinya membayar pembelian saham dengan beransur-ansur. Oleh itu, saya berharap ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu keseluruhan tidak lagi mempunyai masalah untuk menjadi ahli Koop Bersatu dan membeli sahamnya.

Di sini saya suka juga menyentuh sedikit tentang kemajuan kawasan Johor Bahru sebagai sebuah kawasan perusahaan. Johor Bahru sudah pun muncul sebagai sebuah kawasan perusahaan yang penting di negara kita. Ini bermakna bahawa berbagai masalah yang ada kaitan dengan hal ehwal pekerja akan timbul. Kita di dalam UMNO Bahagian Johor Bahru mestilah bersiap sedia bersama-sama memberi perhatian yang berat kepada perkara ini.

Saya sedar bahawa Biro Buruh UMNO Bahagian dan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian bergerak aktif dalam bidang ini. Saya mengucapkan syabas kepada mereka yang telah bersusah payah berusaha menganjurkan berbagai kegiatan untuk kepentingan kaum pekerja. Saya juga berharap bahawa mereka akan meneruskan usaha-usaha yang mendatangkan manfaat kepada pekerja-pekerja. Sesungguhnya segala kegiatan yang dijalankan ini adalah selaras dengan janji kita yang terkandung di dalam Manifesto Barisan Nasional; iaitu terus mengawal kepentingan kaum buruh supaya bebas dari dieksplotasi dan berusaha bersungguh-sungguh menjalin hubungan harmoni di antara majikan dan pekerja, serta pengambilan pekerja-pekerja yang adil.

Kedudukan Johor Bahru sebagai pusat perusahaan akan menjadi bertambah penting lagi apabila Pelabuhan Pasir Gudang dimajukan dengan sepenuhnya. Apabila keadaan ini tercapai, maka dengan sendirinya bilangan penduduk di Johor Bahru dari golongan pekerja akan meningkat. Ini bermakna bahawa masalah-masalah pekerja akan bertambah dan menjadi lebih rumit. Saya harap semua ahli-ahli UMNO Bahagian Johor Bahru akan bersedia dari sekarang untuk memberi bantuan dan pertolongan kepada kepimpinan UMNO. Kejayaan kita dalam perkara ini akan meningkatkan lagi kedudukan UMNO dan mengukuhkan lagi pengaruhnya sebagai parti yang kanan dalam Barisan Nasional.

Rakyat pada keseluruhannya akan menjadi lebih yakin dan memberi sokongan penuh kepada UMNO jika kita dapat memberi kepimpinan yang bermutu ini. Di sebaliknya itu pula, setiap ahli UMNO hendaklah meneruskan khidmat dengan penuh kejujuran dan keikhlasan. Segala tanggungjawab yang kita tunaikan dengan cara ini akan mendatangkan kepercayaan yang lebih mendalam lagi kepada UMNO. Ini akan menentukan bahawa parti kita terus mendapat kepercayaan yang penuh daripada rakyat jelata.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih serta penghargaan kepada setiap mereka yang telah menjayakan mesyuarat perwakilan ini dan lawatan saya ke Johor Bahru.

Dengan ini maka saya dengan sukacitanya mengisyiharkan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru ini dibuka dengan rasminya.

Terimakasih.

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS KESYUKURAN
BAGI PENERIMA-PENERIMA BINTANG KURNIAAN
DYMM SULTAN JOHOR ANJURAN UMNO BAHAGIAN
JOHOR BAHRU DI KELAB GOLF, TASEK UTARA,
JOHOR BAHRU PADA 18 MEI, 1979.**

Y.A.B. Menteri Besar Johor, Tan Sri Dato Haji Othman Sa'at selaku Pengurus Jawatan Perhubungan Negeri Johor, Pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO Bahagian Johor Bahru, Wakil-wakil Parti anggota Barisan Nasional Johor Bahru, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Saya bersyukur kerana dapat bersama-sama hadir di Majlis yang permai ini bagi meraikan penerima-penerima bintang kehormatan Kurniaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada UMNO Bahagian Johor Bahru kerana sudi menjemput saya berdua ke Majlis ini.

Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada semua penerima-penerima bintang kehormatan. Pengurniaan ini hendaklah menjadi satu perangsang kepada mereka itu sendiri untuk bergiat dengan lebih cergas bagi menyumbangkan tenaga dan fikiran terhadap kemajuan dan kebajikan masyarakat. Majlis ini sewajarnyalah menjadi satu perangsang bagi meningkatkan minat dan kecenderungan orang-orang lain, supaya mencurahkan khidmat bakti secara jujur dan ikhlas kepada rakyat. Berkhidmat kepada masyarakat memanglah satu amalan yang baik. Lebih-lebih lagi jika kita melakukannya tanpa mengharapkan sesuatu balasan. Membuat amalan jariah kerana Allah akan dikurniakan pahala di hari akhirat.

Bukanlah menjadi satu perkara yang senang mengamal khidmat bakti dengan secara sukarela. Ia memerlukan ketabahan, kesabaran dan ketekunan, serta kejujuran. Biasanya usaha seperti ini selalu menghadapi berbagai rintangan dan halangan. Kesulitan-kesulitan ini hendaklah disifatkan sebagai cabaran dan seharusnya tidak sekali-kali boleh melemahkan semangat dan minat kita untuk terus berusaha supaya berjaya. Kejayaan akan membawa kepuasan hati dan menggalakkan kita untuk terus menjalankan usaha dan khidmat bakti membantu rakyat yang miskin dan daif yang selalu memerlukan pertolongan.

Inilah sewajarnya menjadi sikap setiap pemimpin dan ahli UMNO terutamanya dalam kawasan-kawasan bandar seperti Bahagian Johor Bahru ini. Sifat-sifat yang mulia seperti ini akan dapat menarik minat dan kecenderungan rakyat terhadap parti kita. Jasa-jasa seperti ini akan sentiasa di ingati dan dikenang oleh golongan yang menerimanya. Dengan jalan ini pengaruh parti akan menjadi semakin meluas. Khidmat bakti yang berlanjutan seperti ini sudah tentu membawa hasil yang lebih berkesan lagi berkekalan, terhadap menawan dan memperolehi keyakinan dan kepercayaan rakyat.

Parti kita telah diberi amanah oleh rakyat dalam Pilihanraya Umum yang lalu. Sewajarnyalah kita melipat-gandakan usaha kita bagi memenuhi harapan rakyat serta cuba menuaikan segala janji-janji yang terkandung dalam manifesto kita itu. Pucuk pimpinan parti telah berusaha dengan bersungguh-sungguh melakukan apa juar yang patut supaya negara dan rakyat seluruhnya dapat kekal hidup dalam aman, makmur dan sejahtera.

Hadirin sekalian,

Tugas dan tanggungjawab kita dalam masa lima tahun ini adalah berat dan setiap kita samada Wakil Rakyat, Wakil-wakil dalam Majlis Bandaran, Majlis Daerah atau Majlis Tempatan, hendaklah menuaikan kewajipan mereka masing-masing supaya parti kita tidak akan mengecewakan harapan rakyat. Kita perlu mengekalkan pengaruh parti kita serta memelihara kepercayaan dan keyakinan rakyat. Di samping itu kita mestilah mengukuhkan perpaduan dan kekuatan parti kita supaya kita sentiasa bersedia menghadapi sebarang cabaran.

Sebagai kawasan bandaran yang sedang pesat menjalani perubahan pembangunan, Bahagian Johor Bahru menghadapi banyak masalah. Kebanyakan masalah-masalah ini adalah rumit dan kompleks. Bilangan penduduk yang kian bertambah, kekurangan perumahan, pertumbuhan kawasan-kawasan rumah setinggan, pengangguran dan penyalahgunaan dadah di kalangan belia-belia menambahkan lagi masalah-masalah yang sedia ada. Kerajaan memerlukan tenaga, masa yang panjang dan kewangan yang besar bagi mengatasi masalah-masalah ini. Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negari sentiasa cuba dengan sedaya-upayanya bagi mengurangkan tekanan-tekanan yang timbul dari masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk di kawasan dan daerah Johor Bahru.

Saya harap pemimpin dan ahli-ahli UMNO, serta parti-parti anggota Barisan Nasional yang lain dapat memahami kedudukan dan kesulitan kerajaan. Adalah menjadi tugas utama mereka ini menjelaskan dan menerangkan keadaan ini kepada rakyat dan penduduk. Kerajaan memanglah bersympati dan menginsafi kesulitan dan masalah yang dialami oleh rakyat dan penduduk di kawasan ini. Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, bahawa Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri tidak putus-putus berikhtiar bagi mengatasi dan seterusnya menyelesaikannya.

Saya berterimakasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Johor Bahru di atas usaha mereka menghadapi masalah-masalah yang timbul itu. Beberapa biro yang telah ditubuhkan bagi mendekati dan mengkaji semua masalah-masalah membuktikan hasrat dan azam mereka membantu rakyat dan penduduk bagi meringankan tekanan-tekanan keadaan hidup disebabkan masalah itu. Saya harap pihak-pihak yang berkenaan di Majlis Bandaran dan Pejabat Daerah dapat memberi kerjasama dan sokongan di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh UMNO Bahagian Johor Bahru.

Perancangan jangka panjang dan jangka pendek perlu disusun dan dilaksanakan di Johor Bahru bagi mengatasi dan menyelesaikan segala masalah. Saya penuh yakin satu langkah yang berkesan akan diambil sebaik sahaja pihak yang berkuasa dan Jabatan-Jabatan yang berkenaan dapat mengesan dan mendekati perspektif segala masalah-masalah di Johor Bahru ini. Oleh yang demikian, rakyat dan penduduk yang terlibat haruslah bersabar.

Hadirin sekelian,

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Jawatankuasa dan pemimpin UMNO yang lain di Bahagian Johor Bahru, di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya malam ini. Saya mendoakan mereka selamat majujaya.

Terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI, SELAKU PRESIDEN UMNO MALAYSIA DI PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN SRI GADING, DI SEKOLAH MENENGAH TUN ISMAIL, PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR, PADA 19 MEI 1979.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat saya bersama-sama hadir di Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sri Gading yang ke lima pagi ini dan seterusnya merasmikan pembukaannya. Saya mengucapkan terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli-ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Sri Gading khususnya kepada Dato Haji Yusak kerana memberi penghormatan ini kepada saya.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan setiap pemimpin dan ahli UMNO di seluruh Bahagian Sri Gading di atas peranan mereka masing-masing dalam menjalankan kempen Pilihanraya Umum tahun lalu. Hasil keputusan ketiga-tiga calon Barisan Nasional yang bertanding di bahagian ini membuktikan bahawa pengaruh UMNO tetap kuat dan rakyat jelata khususnya orang-orang Melayu mempunyai penuh kepercayaan dan keyakinan kepada parti dan pucuk pimpinan di peringkat Cawangan, Bahagian, Negeri dan Kebangsaan.

Sewajarnyalah kita semua menjunjung tinggi serta menghargai kepercayaan, keyakinan dan sokongan rakyat sekalian. Sebagai balasannya setiap pemimpin dan ahli UMNO hendaklah mencurahkan khidmat bakti mereka serta menyumbangkan tenaga dengan jujur dan ikhlas dalam memajukan lagi masyarakat kita, terutama penduduk-penduduk kampung dan kawasan-kawasan pedalaman, saya sendiri menyedari dan menginsafi dengan keadaan yang daif, yang masih lagi terdapat di kebanyakan kawasan dan kampung-kampung bukan sahaja di Bahagian ini bahkan di negeri-negeri yang kurang maju. Kerajaan telah pun menjalankan berbagai langkah serta melaksanakan bermacam-macam projek dan rancangan sejak tahun-tahun enam puluhan. Kemudahan dan faedahnya telahpun dapat dinikmati oleh sebilangan besar rakyat dan penduduk di tanahair. Sungguhpun begitu, memang banyak lagi yang perlu dilakukan terutama di kampung-kampung dan kawasan yang saya sebutkan tadi, supaya kemajuan dari rancangan-rancangan pembangunan kerajaan ini dapat dinikmati oleh setiap rakyat dan penduduk dengan lebih adil lagi.

Menyedari di atas hakikat inilah, bertambah pula dengan kedudukan kewangan negara yang baik, maka dalam Kajian Separuh Penggal, kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan, menjadikan jumlah peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$32.1 ribu juta atau 75 peratus lebih tinggi dari peruntukan asal sebanyak \$18.6 ribu juta. Sebahagian besar dari peruntukan tambahan ini iaitu sebanyak \$11.2 ribu juta atau 56 peratus adalah membasmi kemiskinan.

Bidang pertanian dan pembangunan luar bandar terus mendapat bahagian yang terbesar. Tujuannya ialah bagi mempercepatkan lagi pembasmian kemiskinan di dalam dan di luar bandar dengan meningkatkan daya pengeluaran serta menambah peluang golongan yang miskin dan yang berpendapatan rendah, menggunakan aset yang produktif. Program-program ini meliputi pembangunan tanah, pelajaran rendah dan menengah, perumahan murah, jalan luar bandar, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, bekalan elektrik luar bandar serta bekalan air.

Tiap-tiap negeri menerima tambahan peruntukan masing-masing di bawah Kajian Separuh Penggal ini. Negeri Johor diberi peruntukan tambahan sebanyak \$519.07 juta, menjadikan jumlah peruntukannya bagi Rancangan Malaysia Ketiga kepada sebanyak \$1,974.6 juta berbanding dengan peruntukan asal sebanyak \$1,455.53 juta. Pertambahan perbelanjaan di bawah Kajian Separuh Penggal ini adalah besar dan kerajaan akan menentukan supaya faedahnya diterima dan dinikmati oleh seluruh rakyat jelata.

Kita mestilah ingat bahawa kejayaan usaha-usaha kerajaan ini bergantung kepada kerjasama dan penyertaan serta penglibatan sepenuhnya oleh rakyat. Inilah yang mesti kita jelaskan kepada setiap rakyat dan penduduk, khususnya orang-orang Melayu. Dengan jalan ini maka usaha-usaha baik yang dilaksanakan oleh kerajaan itu dapat membawa kesan yang lebih bermakna kepada mereka, mendatangkan keuntungan kepada mereka sendiri, serta memberi munafaat kepada mereka dan anak-cucu mereka di kemudian hari kelak. Inilah penerangan yang patut kita semua sampaikan dan jelaskan kepada seluruh rakyat. Mereka hendaklah benar-benar memahami hakikat ini serta mengamalkan usaha-usaha yang berfaedah ini demi kepentingan masa depan mereka serta menjamin masa depan negara.

Oleh kerana tanah merupakan harta penting dan bernilai, maka rakyat dan penduduk di kampung hendaklah maju dan mengusaha-kannya secara bersungguh-sungguh supaya ia dapat mengeluarkan hasil

yang produktif. Kerajaan akan terus memberi tanah kepada rakyat yang tidak bertanah, dengan meluaskan rancangan-rancangan tanah yang ada atau melalui pembukaan rancangan-rancangan tanah baru. Kerajaan juga akan terus memberi bantuan-bantuan serta khidmat nacihat kepada petani-petani dan pemilik-pemilik tanah serta mengadakan berbagai kemudahan sosio-ekonomi yang lain dengan hasrat supaya setiap orang dalam sektor pertanian ini dapat menikmati keadaan hidup yang lebih sempurna.

Saya bersyukur kepada Allah kerana sungguh bertuah dapat mewakili rakyat dan penduduk kawasan Sri Gading. Saya berazam untuk memajukan kawasan ini serta meningkatkan kemajuan petani dan penduduk Bahagian Sri Gading ini. Sekalipun tanggungjawab saya banyak, saya sentiasa meluangkan masa memikirkan cara mana dan bagaimana saya dapat mencurahkan khidmat bakti kepada penduduk-penduduk di kawasan ini. Saya amat terhutang budi dengan rakyat di sini yang telah memberikan kepercayaan, keyakinan dan sokongan kepada saya. Saya menjunjung tinggi di atas bantuan tenaga dan usaha, ahli-ahli Jawatan-kuasa Bahagian dan Cawangan-cawangan UMNO yang telah menunaikan tugas dan kewajipan mereka serta meringankan beban dan tanggungjawab saya selama ini.

Sokongan dan kerjasama yang saya terima dari pemimpin dan ahli-ahli UMNO dan lain-lain parti anggota Barisan Nasional, menyebabkan saya sentiasa sedar di atas kewajipan dan tanggungjawab saya. Saya tidak akan mengabaikannya dan akan berusaha dengan sedaya-upaya saya memenuhi harapan tinggi rakyat itu. Saya harap pemimpin dan ahli-ahli UMNO khasnya dan rakyat serta penduduk kawasan Sri Gading ini amnya, dan juga di seluruh tanahair, akan terus memberikan sokongan dan kerjasama ini, bagi membolehkan saya menunai dan menyempurnakan tugas, peranan, tanggungjawab dan kewajipan saya dengan lebih licin dan teratur.

Sebagaimana yang pernah saya nyatakan dahulu bahawa tugas utama saya ialah hendak membina masa depan negara yang lebih terjamin serta mempastikan perpaduan dan keutuhan yang berkekalan di kalangan rakyat berbilang kaum. Pesanan saya sebentar tadi ialah supaya setiap kita berusaha untuk memajukan diri kita sendiri, dan seterusnya memajukan masyarakat, bangsa dan negara. Saya telah juga menekankan mengenai penyertaan dan penglibatan rakyat dalam pembangunan. Saya tidak akan jemu menyuarakan perkara ini berkali-kali kerana saya memang berkehendakkan serta suka melihat supaya rakyat dan penduduk di negara ini, semuanya maju, makmur serta hidup dalam aman

dan sejahtera. Saya harap UMNO Bahagian Sri Gading dapat mempelopori hasrat dan cita-cita suci ini. Inilah contoh yang baik yang dapat kita tunjukkan agar ia boleh dijadikan panduan.

Bagi membantu supaya matlamat ini tercapai setiap kita hendaklah sentiasa mengkaji serta meneliti isi kandungan Manifesto Barisan Nasional yang merupakan janji kita kepada rakyat. Manifesto ini adalah panduan kita dalam menjalankan kegiatan dan usaha parti kita selama jangkamasa lima tahun ini. Kita tidak boleh dan tidak akan lari daripada janji-janji yang telah kita buat itu. Dengan seberapa daya-upaya, kita akan cuba menuaikan segala janji-janji itu.

UMNO memanglah sudah sebat dengan jiwa sebilangan besar rakyat. Parti kita mempunyai pengaruh yang telahpun berakar-umbi. Kejayaan cemerlang parti kita di masa-masa yang lampau telah mengukuhkan pengaruh kita di kalangan rakyat. Kita percaya pengaruh ini tidak akan merosot oleh kerana kita mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk mengendalikan urusan parti dengan licin, menyelenggarakan pentadbiran negara dengan sempurna, dan menjayakan pelaksanaan rancangan dan projek pembangunan. Tetapi sebagai parti politik yang tertua dan terbesar di tanahair, kita patut mengkaji kedudukan kita dan pengaruh parti kita dari masa ke semasa. Dengan jalan ini maka dapatlah parti kita mengekal dan seterusnya meningkatkan pengaruhnya di kalangan rakyat negara ini.

Mempengaruhi pemikiran rakyat bukanlah satu perkara yang mudah. Ia tidak dapat diperolehi dengan wang ringgit. Pengaruh yang telah hilang atau merosot, tidak mudah ditebus kembali. Oleh itu, kita mestilah berikhtiar dan cuba membaharui cara-cara yang sesuai bagi mengekal dan meningkatkan pengaruh. Ini mestilah dilakukan dari peringkat cawangan lagi.

Pada hemat saya adalah wajar, jika pada tahun-tahun selepas pilihanraya ini, kita mengamalkan sikap yang berorientasikan pembangunan. Di samping menjalankan kegiatan-kegiatan politik, kita patutlah menumpukan tenaga dan pemikiran ke arah meninggikan taraf ekonomi rakyat serta membaiki keadaan hidup penduduk-penduduk kampung kita. Kita mestilah membuat perancangan jangka panjang dan pendek bagi memenuhi keperluan rakyat.

Keupayaan dan kesanggupan kita melaksanakan tanggungjawab ini-lah yang kelak akan dijadikan ukuran oleh rakyat, samada atau tidak mereka dapat terus memberikan kepercayaan dan keyakinan kepada

parti kita. Ini adalah tugas yang penting yang mesti difahami dan dijalankan oleh setiap pemimpin, baik Wakil Rakyat atau pun pemimpin-pemimpin biasa di Cawangan.

Saya harap setiap cawangan dan Bahagian UMNO seluruh tanahair dapat memberi perhatian yang berat di atas perkara ini. Kegagalan kita dalam usaha ini akan mengakibatkan kekecewaan rakyat. Ini sudah tentu, pada akhirnya, menjelaskan pengaruh dan kekuatan parti kita.

Dalam hubungan ini, saya telahpun mengarahkan supaya satu pasukan petugas dibentuk bagi mengikuti, mengesan dan meneliti rancangan-rancangan pembangunan di kawasan Sri Gading, serta membuat perancangan baru bagi meningkatkan daya pengeluaran penduduk-penduduk di kawasan ini. Pasukan ini yang terdiri dari wakil-wakil dari berbagai jabatan dan badan-badan berkanun telahpun memulakan tugas mereka. Insya Allah, dengan berkat Tuhan, segala cita-cita ini akan dapat dijadikan kenyataan. Dengan ini, maka rakyat dan penduduk-penduduk di kawasan Sri Gading dapat menikmati kemajuan yang lebih berkesan lagi.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjalankan mesyuarat perwakilan ini dan juga lawatan saya ke Parit Raja. Semoga Allah memberkati segala usaha suci kita.

Dengan ini saya dengan nama Allah yang maha pemurah lagi amat mengasihani, mengisyiharkan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sri Gading yang ke lima ini, dibuka dengan rasminya.

Terima kasih.

**UCAPAN PERDANA MENTERI, KETIKA MERASMIKAN
MESYUARAT WAKIL-WAKIL NEGERI DAN AHLI-AHLI
JAWATANKUASA PUSAT MUSABAQAH MEMBACA
AL-QURAN TAHUN 1399/1979 DI BILIK MESYUARAT
PERDANA MENTERI, JALAN DATO ONN, KUALA
LUMPUR, PADA 24 MEI 1979.**

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dapat sekali lagi menemui wakil-wakil Kerajaan Negeri dan ahli-ahli Jawatankuasa Pusat dalam mesyuarat Pertama Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa tahun 1399/1979.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terimakasih dan penghargaan kepada Tan Sri Syed Nasir Ismail¹ kerana sudi sekali lagi menjadi Penggerusi Jawatankuasa Pusat. Dengan pengalamannya yang luas serta bantuan dan sokongan Kerajaan-Kerajaan Negeri dan ahli-ahli Jawatankuasa sekelian, Musabaqah Membaca Al-Quran ini akan dapat diadakan dengan sempurna dan teratur.

Saya juga mengucapkan terimakasih dan penghargaan kepada semua ahli-ahli jawatankuasa serta pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat di atas sumbangan tenaga dan fikiran menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Quran pada tiap-tiap tahun di peringkat-peringkat Daerah, Negeri, Kebangsaan dan Antarabangsa. Kepada mereka yang terus berkhidmat dalam Jawatankuasa-jawatankuasa di mana-mana peringkat jua, saya harap mereka dapat mengemukakan cadangan-cadangan yang boleh meningkatkan lagi mutu bacaan. Ini adalah penting supaya ia dapat membawa kesan yang lebih mendalam lagi dalam meningkatkan minat dan kecenderungan rakyat khususnya terhadap usaha hendak mencungkil bakat-bakat baru.

Para hadirin sekelian,

Tan Sri Syed Nasir telahpun mengumumkan tarikh-tarikh bagi Musabaqah Peringkat Kebangsaan selama tiga hari dan Peringkat Antarabangsa selama tiga hari juga, di akhiri dengan Majlis Penyampaian hadiah pada hari ketujuh. Sebagaimana biasa tema yang telah diadakan sejak tahun 1971, merupakan daya penggerak bagi meningkatkan semangat serta membangkitkan kesedaran di kalangan umat Islam

¹ Speaker Dewan Rakyat.

bersempena dengan Musabaqah ini. Saya suka mengulangi semula tema-tema yang telah digunakan iaitu:

Tahun 1971 — Islam dalam Zaman Sains dan Teknologi

Tahun 1972 — Peranan Islam dalam Pembangunan Masyarakat Moden.

Tahun 1973 — Islam dan Pembangunan Ekonomi.

Tahun 1974 — Akhlak Asas Perpaduan.

Tahun 1975 — Kemakmuran Menerusi Lunas-Lunas Islam.

Tahun 1976 — Masyarakat Progresif Menurut Pandangan Islam.

Tahun 1977 — Al-Quran Sumber Kekuatan Ummah.

Tahun 1978 — Temanya ialah Nilai dan Disiplin Hidup Menurut Al-Quran.

Bagi tahun ini saya telah menerima empat cadangan tema iaitu:

- i) Ilmu dan Akal Asas Keimanan.
- ii) Kesejahteraan Bermula dari Keluarga Taqwa
- iii) Khidmat Bakti Berpandukan Al-Quran
- iv) Keharmonian Menurut Asas Keimanan.

Ilmu dan akal memanglah penting kepada manusia. Perseimbangan dalam menggunakan kedua-duanya menjamin kita menikmati kebahagiaan dan kesejahteraan hidup. Ilmu dan akal dapat mengawal diri kita dari dikuasai oleh perasaan. Memandangkan pergolakan hidup yang dialami dan dihadapi oleh masyarakat kita hari ini, adalah sesuai dan munasabah bagi kita memilih tajuk pertama iaitu Ilmu dan Akal Asas Keimanan, sebagai tema Musabaqah tahun ini. Saya harap dengan tema ini, maka dapatlah kita mewujudkan garis-garis panduan yang berkesan yang boleh diikuti dan diamalkan oleh umat Islam di tanahair kita.

Saya percaya tema ini dapat memberi banyak bahan kepada pentomen dan tajuk syarah yang lazimnya diadakan di Majlis Musabaqah pada tiap-tiap tahun. Kata-kata yang bernas dalam lagu nasyid hendaklah juga berunsurkan kepada tema ini supaya ia dapat memberi perhatian dan pandangan sepenuhnya serta memberi contoh teladan yang baik kepada umat Islam. Saya harap tema ini akan dapat membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat Islam supaya mereka dapat meninggikan lagi semangat serta mengukuhkan keimanan mereka untuk beritaqwa kepada Allah.

Para hadirin sekalian,

Saya telah menekan dan menegaskan sebentar tadi mengenai pentingnya usaha dijalankan bagi mencungkil lebih ramai lagi bakat-bakat baru serta meningkatkan lagi mutu membaca Al-Quran. Memandangkan bahawa sistem mengemukakan peserta-peserta ke Musabaqah Peringkat Kebangsaan ini adalah dari Musabaqah Peringkat Kampung, Mukim, Daerah dan Negeri, maka usaha-usaha seperti ini wajarlah dipelopori oleh Kerajaan Negeri. Bertambah pula hampir dalam semua negeri, pentadbiran Jabatan Agama adalah terdapat menyeluruh ke peringkat-peringkat daerah dan mukim. Tenaga-tenaga pegawai dan kakitangan yang menyelenggarakan Musabaqah di peringkat-peringkat kampung dan mukim boleh terus digembelingkan bagi menjayakan usaha melahirkan bakat-bakat baru, meninggikan mutu bacaan, membaiki mukhrij, tajwid, suara dan lagu.

Kejayaan menjalankan usaha-usaha ini di peringkat kampung dan daerah akan dengan sendirinya dapat meningkatkan mutu Musabaqah Membaca Al-Quran di peringkat negeri-negeri. Hasilnya akan membawa kesan yang lebih bermakna kepada Peringkat-peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Usaha-usaha ini hendaklah dijalankan secara bersungguh-sungguh dan sepanjang tahun. Bimbingan dan asuhan dari guru-guru Quran yang cekap dan berpengalaman adalah penting bagi menghasilkan kejayaan sepenuhnya terhadap usaha ini.

Usaha ini memerlukan susunan rancangan yang tertentu dan teratur. Pertama, perlulah dibangkitkan, di kalangan masyarakat Islam-khususnya kanak-kanak, semangat mendekati Al-Quran dan meminati bacaan serta kecenderungan membaca Al-Quran. Kelas-kelas membaca Kitab Suci ini hendaklah diadakan dengan kekal dan secara kumpulan di tiap-tiap buah kampung. Minat dari bakat yang telah dikesan hendaklah diasuh dan diberi bimbingan secara khusus dan mendalam bagi menyertai Musabaqah-musabaqah di peringkat kampung.

Johan peringkat kampung ini hendaklah diberi latihan khusus sebelum menyertai peringkat daerah. Demikianlah juga dengan johan-johan peringkat daerah dan negeri. Mereka mestilah diberi latihan dan bimbingan khusus dan mendalam sebelum mereka menyertai Musabaqah Peringkat Kebangsaan. Dengan jalan ini, maka dapatlah kita mempastikan mutu peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa itu sentiasa tinggi.

Dalam hubungan ini Kerajaan Persekutuan melalui pentadbiran Masjid Negara telah dan sedang mengendalikan kursus membaca dan

menghafaz Al-Quran. Kursus selama tiga tahun ini diadakan di Masjid Negara dan telah dimulakan sejak tahun 1966. Setakat ini sebanyak tiga kursus telah dapat diadakan dan seramai 32 orang telah berjaya. Kursus ke empat dari tahun 1977 akan tamat pada tahun depan. Hanya tiga orang sahaja mengikutnya. Sebilangan dari peserta-peserta yang telah lulus telah dihantar melanjutkan pengajian mereka ke Maahad Qiraad Al-Dini di Mesir.

Sambutan yang amat berkurangan terhadap kursus ini ialah kerana tidak ada prospek mendapat pekerjaan setelah lulus. Saya sukalah menyarankan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menimbangkan calon-calon dari qari dan qariah yang berbakat mengikuti kursus ini dengan tujuan menggunakan mereka sebagai tenaga pengajar Al-Quran untuk mencapai matlamat di atas tadi. Jangka masa dan mata pelajaran di kursus ini bolehlah dikaji semula untuk disesuaikan dengan kehendak dan keperluan usaha kita itu. Saya harap wakil-wakil Kerajaan Negeri dapat membawa perkara ini ke pangkuhan pihak yang berkenaan untuk dipertimbangkan.

Sebagaimana kita sedia maklum peserta-peserta dari negara-negara luar sentiasa memberi persaingan yang hebat. Oleh itu peserta kita mestilah meninggikan mutu bacaan dan membaiki lagi bacaan dan lagu supaya kita tidak akan ketinggalan dalam pertandingan ini. Kita perlu-lah pada setiap tahun meningkatkan mutu bacaan serta kecekapan kita supaya mutu musabaqah pada keseluruhannya tidak jatuh. Kita patutlahkekalkan kedudukan dan taraf kita sebagai johan antarabangsa dalam kedua-dua bahagian qari dan qariah pada tahun-tahun yang akan datang.

Malaysia telah menjadi semakin terkenal di kalangan negara-negara Islam kerana usaha kita menganjurkan Musabaqah Membaca Al-Quran pada tiap-tiap tahun serta usaha kita yang tidak putus-putus meningkatkan syiar Islam. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab setiap umat Islam di tanahair kita memelihara dan seterusnya mengharumkan nama baik negara.

Para hadirin sekalian,

Musabaqah Membaca Al-Quran ini memanglah telah menarik minat banyak negara luar. Dalam tahun-tahun tujuh puluhan bilangan negara luar yang menyertai Peringkat Antarabangsa sentiasa meningkat. Dalam tahun 1970, misalnya, sebanyak 12 negara luar telah menghantar peserta-peserta mereka; dalam tahun 1976 dua buah negara yang lain telah turut serta. Arab Saudi mula menyertai dalam tahun 1977 selepas

menghantarkan wakilnya sebagai pemerhati dan hakim sejak musabaqah peringkat antarabangsa dimulakan dalam tahun 1961. Turkey yang buat pertama kalinya menghantar peserta dalam tahun 1967, menyertai buat kali kedua pada tahun lalu. Pada tahun lalu sebanyak 20 buah negara luar telah menghantarkan peserta seramai 20 orang qari dan 9 orang 'qariah.

Turki juga telah menganjurkan musabaqahnya sendiri dalam tahun 1976 sementara Arab Saudi telah juga mengadakannya dalam bulan April tahun ini. Kedua-duanya mengikuti cara dan sistem penghakiman yang sama dengan kita. Musabaqah yang dianjurkan oleh Kerajaan Arab Saudi adalah berupa acara tahunan peringkat antarabangsa tetapi lebih menekankan kepada hafiz Al-Quran. Kita telah menghantar satu rombongan ke Arab Saudi dengan diketuai oleh Y.B. Tan Sri Syed Nasir sendiri. Sebagai menghargai usaha kita dan pengalaman kita, ketua rombongan kita telah diminta berucap di Majlis itu, bagi mewakili 36 negara-negara jemputan. Sesungguhnya, ini adalah satu penghormatan besar kepada negara kita. Selain dari sambutan dan layanan yang amat baik yang diterima oleh rombongan kita, perwakilan-perwakilan asing telah banyak memuji-muji usaha kita dalam musabaqah dan usaha kita dalam meninggikan syiar Islam.

Memanglah tidak dapat dinafikan bahawa musabaqah yang kita anjurkan itu telah dapat mengeratkan kerjasama dan persefahaman di antara kita dengan negara-negara peserta dan luar negeri. Ia telah mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan diplomatik kita dengan negara-negara jiran dan negara-negara Islam yang lain. Oleh itu adalah penting bagi kita menyusun acara dan menjalankan majlis musabaqah dengan sempurna dan teratur serta melayani para peserta dari luar negeri dengan baik dan sempurna. Kita mestilah sentiasa menjaga nama baik dan maruah negara kita.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih serta penghargaan kepada setiap pegawai dan kakitangan yang telah turut bersama-sama menjayakan musabaqah pada tahun lalu. Semoga Allah memberkati segala usaha suci dan usaha mulia kita ini.

Para hadirin sekalian,

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya mengisyiharkan permulaan Mesyuarat Wakil-wakil Negeri dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al-Quran tahun 1399 bersamaan tahun 1979.

Terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI PERASMIAH PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PARTI GERAKAN, DI HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR, PADA 26 MEI, 1979.

Saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada Parti Gerakan Rakyat Malaysia, terutama kepada Presidennya Dr. Lim Chong Eu, kerana sudi menjemput saya dan memberi penghormatan untuk membuka Mesyuarat Perwakilan Tahunan Partinya.

Pilihanraya Umum telahpun selesai pada tahun lepas, dan Barisan Nasional telah diberi mandat yang menyeluruh oleh rakyat supaya mentadbirkan negara ini selama lima tahun. Di Pulau Pinang, Kerajaan Barisan Nasional adalah diketuai oleh Ketua Parti Gerakan.

Kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum tidak sekali-kali melalaikan kita semua daripada tanggungjawab kita kepada rakyat. Sebaliknya kita melipatgandakan lagi usaha kita terhadap pembangunan negara dan pertumbuhan ekonomi. Ini adalah terbukti daripada tindakan dan tambahan peruntukan berikut daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam perkara ini, Parti Gerakan adalah terlibat dan menyempurnakan tanggungjawabnya, terutama berkenaan dengan pembangunan di Negeri Pulau Pinang. Di peringkat Pusat, Menteri dan Timbalan Menteri daripada Parti Gerakan telah bekerja dengan kuat dan bersungguh-sungguh di kementerian-kementerian. Begitulah juga dengan Ahli-ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri daripada parti itu. Semangat dan minat ahli-ahli Parti Gerakan untuk berkhidmat kepada Barisan Nasional dan negara amatlah membanggakan. Parti Gerakan tidak kurang daripada parti-parti yang lain yang memberi kekuatan kepada Barisan Nasional. Dengan semangat yang begitu kuat yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli Parti Gerakan, tidak ada sebabnya yang Parti itu tidak boleh bertambah berjaya lagi di masa-masa hadapan.

Ladies and Gentlemen,

Today's Annual General Assembly of the Gerakan is the first to be held by a component party of the Barisan Nasional since the massive general elections victory last year. Every component party in the Barisan Nasional should therefore seriously analyse the victory and find ways and means to improve its performance so that the Barisan Nasional may further strengthen its position as the ruling party. At the same time, it must use the mandate to intensify its efforts in the

Y.A.B.
Dato'
Hussein
Onn



Gambar menunjukkan Y.A.B. Datuk Hussein Onn dan rombongannya ketika berada di Great Wall of China dalam lawatan muhibbah ke China pada 2–9 Mei 1979.

coming years to fulfill its promises. The Barisan Nasional must continue to dedicate itself to the achievement of peace, stability, prosperity, social justice and a better life for all Malaysians. This has been our pledge and we must honour it.

As you are aware, Barisan Nasional was formed to lessen politicking amongst the various political parties. The political stability which has been achieved has enabled us to devote more time and energy to the task of national development. This has benefitted the people. The component parties must continue to work together at all levels. We cannot afford to work at cross-purposes as this will be contrary to the very concept of forming the Barisan Nasional.

It is imperative that the component parties should continually examine their contributions towards the achievement of the objectives of the Barisan Nasional. They should constantly evaluate their role in the Barisan Nasional. They should ask themselves whether they have really and adequately served the greater interests of the Barisan Nasional. The collective strength of the Barisan Nasional depends upon the effectiveness of each and every component party. This should be the primary consideration.

In the multi-racial society each community invariably makes its own demands. Very often these demands are competing. In such a case unless there is a machinery for resolving them, there will be endless conflicts and perhaps chaos. Fortunately for us, through the wisdom of our leaders and our people the Barisan Nasional was formed to provide this machinery. Through it, vital issues are discussed and determined.

It cannot be denied that through the collective efforts of the Barisan Nasional, every community in this country has benefitted. The increasing prosperity and well being of all the communities — Malays, Chinese, Indians and others — are due to the joint efforts of the component parties in the Barisan Nasional. In this respect each and every of the component parties in Barisan Nasional can justifiably be proud.

It is a fact of life that people tend to take for granted the benefits which they enjoy and magnify their dissatisfaction for the things they don't have. In our society this assumes racial overtones. The benefits enjoyed by a community is assumed by another community to be at the expense of its own. Unless promptly checked, this attitude has a disruptive effect on relations among the communities in our country.

It is the responsibility of leaders to remind the people, particularly those of their own community of the benefits they are enjoying. Instead of competing with opposition in exploiting dissatisfaction, we in the Barisan Nasional should highlight the gains that each community has derived from our partnership in the Barisan.

It is distressing to hear disordant voice attacking the New Economic Policy. I would like to remind the critics that the New Economic Policy is vital to the stability of this country. It was evolved following the tragic events of May 13, 1969. The turmoil of May 13 was the outcome of a breakdown in concensus among our people. There was no concensus among our people. There was no concensus then among the major racial groups on what was fair and just. The situation was exploited by irresponsible elements. When order was restored, political, community, religious and other leaders in the country consulted each other to evolve a new strategy for the survival of the country. It was then that the New Economic Policy was formulated. It represents a new concensus upon which we can build a united and stable nation. It may be that in the implementation of the policy some people may have been adversely affected. Through the consultative machinery of the Barisan Nasional we try to resolve any problems, that may arise.

There are naturally areas of conflict; some have been resolved within the framework of the Barisan Nasional, while others cannot immediately be resolved but need time, patience and the spirit of give and take. Every one of us has something to be unhappy about. Should one then succumb to one's emotion and lose all hope of the future? Will this help solve our problems? Through the machinery of consultations which is inherent in the Barisan Nasional, we have been able to discuss and give due consideration to the problems and interests of all the communities. Solutions to major problems have always been the results of consultations with the leaders and representatives of political parties. The Gerakan, the UMNO, MCA, MIC and other parties, have all benefitted from this consultative machinery.

We have been accused of adopting the procedure of consultation and the spirit of give and take as a means of perpetuate communalism. These critics want a Malaysian approach and so far they have not been successful. Why? Because they have ignored the present-day realities of our country's politics. Any approach that fails to recognise the racial imbalances and inequalities will not succeed. The Barisan Nasional recognises these hard realities too well. No other approach can achieve what we have achieve so far. We must therefore continue

with it until such time that the people or a majority of them are ready to accept a new system.

Ladies and Gentlemen,

We achieve our independence because of the spirit of cooperation and compromise of the various communities. We enjoy our independence because of their farsightedness. The foundations of our country's unity peace and prosperity were laid by the generation of Malaysians before us. We are still a young country. Each succeeding generation of Malaysians must continue to build and add to the foundations. It is our sacred duty to build our country's future. If the present generation of Malaysians cares only for its own community, then we shall lose the future.

Ladies and Gentlemen,

The Gerakan is no less important to the Barisan Nasional than the UMNO, MCA, MIC and the other parties. The real strength of the Barisan Nasional lies in the collective strength of all its component parties. Each has its role and effectiveness. The Gerakan in its own way has contributed in no small measure towards the political stability and economic development of the country, particularly in the State of Penang. It is ably led, and in its President, Dr. Lim Chong Eu, I have a sincere friend and colleague upon whom I can depend for support and advice. The same can also be said with regard to the other leaders of Gerakan. The strength and effectiveness of a political party do not depend solely upon the size of its membership. The quality of its leadership integrity and high principles are factors which also be taken into account. The Gerakan does not lack all these. I am sure the Gerakan will continue to play its useful role in the Barisan Nasional. However, big or small a role it plays, will undoubtedly contribute towards the development and well-being of our country. Ladies and Gentlemen, I now have great pleasure in declaring open the 5th Annual General Assembly of the General Assembly of the Gerakan.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI PUSAT KAWALAN MUATANKUASA NASIONAL, LEMBAGA LETRIK NEGARA, JALAN BANGSAR, KUALA LUMPUR, PADA 2 JUN 1979.

Yang Berhormat, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Encik Leo Moggie dan Puan Elizabeth Moggie, Yang Berbahagia, Pengurus Lembaga Letrik Negara Tan Sri Abdullah Ayub dan Puan Sri Puteh Rafeah, Yang Berbahagia, Pengurus Besar Lembaga Letrik Negara, Tan Sri Dato Abu Zarim bin Haji Omar dan Puan Sri Datin Zaidah, Tuan Yang Terutama Duta-Duta, Pengurus-Pengurus dan Pegawai-Pegawai Kanan Lembaga Letrik Negara, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pembukaan Pusat Kawalan Muatankuasa Nasional, Lembaga Letrik Negara ini, amatlah tepat pada masanya. Perkembangan ini adalah selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menarik pelabur-pelabur luar negeri serta menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan menanam modal dalam projek-projek perusahaan dan perindustrian kita. Mendapatkan bekalan kuasa letrik yang cukup merupakan salah satu faktor penting bagi menyakinkan pelabur-pelabur dan pemodal-pemodal melibatkan diri dalam perusahaan dan perindustrian tempatan.

Saya mengucapkan tahniah kepada seluruh pegawai dan kakitangan pengurusan dan bahagian teknik Lembaga Letrik Negara di atas kejayaan mereka menyiapkan Pusat Kawalan Muatankuasa Nasional pada masa yang sesuai ini. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Lembaga Letrik Negara, khusus kepada Pengurusnya, Tan Sri Abdullah Ayub dan Pengurus Besarnya, Tan Sri Dato Abu Zarim, kerana sudi menjemput saya berdua ke majlis ini dan seterusnya memberi penghormatan kepada saya meresmikan Pusat Kawalan Muatankuasa Nasional pagi ini.

Menikmati kemudahan kuasa letrik bukanlah lagi merupakan satu kemewahan pada hari ini, tetapi adalah satu keperluan hari-hari bagi rakyat jelata. Bahan tenaga ini menjadi bertambah penting lagi bagi memenuhi keperluan perindustrian dan ekonomi negara. Keperluan ini saban hari semakin meningkat oleh kerana perkembangan pembangunan yang pesat di negara kita.

Pembukaan kawasan-kawasan baru untuk pembangunan, pertumbuhan bandar-bandar baru di kawasan-kawasan ini, penubuhan kilang-

kiland dan perusahaan perindustrian, projek-projek perumahan kecil dan besar di bandar dan di kawasan-kawasan pinggir, kesemuanya berkehendakkan bekalan kuasa letrik yang cukup.

Di samping keperluan-keperluan ini, Kerajaan berkewajipan untuk mempercepatkan lagi rancangannya membekalkan kuasa letrik ke kawasan-kawasan kampung dan luar bandar. Matalamat ini adalah juga dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Letrik Negara. Sebagai sebuah agensi Kerajaan Lembaga Letrik Negara mempunyai peranan yang tertentu. Di samping ia mesti wujud sebagai sebuah badan perniagaan yang berdaya maju, Lembaga Letrik Negara juga mempunyai tanggung-jawab sosial. Itulah sebabnya mengapa semua projek-projek LLN mesti berupa projek-projek yang boleh memberi keuntungan supaya dari keuntungan ini LLN dapat menggunakan sebagai perbelanjaan untuk membina projek-projek baru bagi menampung keperluan yang sentiasa bertambah meningkat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagaimana yang diterangkan oleh Encik Leo Moggie tadi, kepujian patutlah diberikan kepada LLN di atas usaha-usaha perancangan jangka panjangnya yang tidak putus-putus serta pandangan jauhnya terhadap keperluan-keperluan bekalan kuasa letrik di masa-masa hadapan. Usaha LLN untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatannya merupakan langkah yang menggalakkan, dan sentiasa di alu-alukan oleh semua pihak terutama pengilang-pengilang dan perusahaan-perusahaan perindustrian.

Dalam hubungan ini saya sukalah menegaskan bahawa semua kakitangan dan pekerja LLN mestilah sentiasa sedar di atas kewajipan dan tugas mereka. Di samping dapat terus berkhidmat dengan tekun dan penuh dedikasi sejahtera dengan semangat lambang cogan-katanya "Tenaga Membina Negara", mereka hendaklah juga mengamalkan semangat ethika perkhidmatan awam iaitu "Berkhidmat Untuk Negara". Sungguhpun mereka tidak semestinya melupakan kewajipan dan kepentingan keluarga, tetapi mereka janganlah hendaknya mengutamakan kepentingan diri semata-mata dan melupakan kepentingan negara. Sebagai anggota dan pekerja perkhidmatan perlu, mereka hendaklah sentiasa sedar di atas kewajipan dan tanggungjawab mereka kepada masyarakat dan negara. Sebarang sumbangan positif yang boleh mengukuhkan lagi keyakinan rakyat dan pelabor kepada LLN, adalah khidmat bakti yang tidak dapat dinilaiakan harganya kepada negara.

Saya bukanlah hendak menafikan perkhidmatan cemerlang yang telah ditunjukkan oleh semua pihak kakitangan pengurusan dan pekerja-pekerja LLN. Sebagai sebuah perkhidmatan penting dan perlu, LLN memanglah sentiasa sedar di atas harapan tinggi rakyat terhadapnya, terutama pengilang dan perusahaan perindustrian, lebih-lebih lagi penduduk-penduduk kampung yang belum lagi dapat menikmati bekalan kuasa letrik. Kerajaan memanglah hendak mempercepatkan program-program pembangunan bekalan kuasa letrik terutamanya bagi memenuhi keperluan pertumbuhan industri dan pembangunan bandar serta memperbaiki lagi keadaan hidup rakyat jelata, khususnya penduduk-penduduk kawasan luar bandar.

Hasrat Kerajaan ini adalah terbukti dengan peruntukan tambahan yang besar di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan tambahan sebanyak \$995 juta, termasuklah peruntukan tambahan bagi kawasan luar bandar, telah di luluskan bagi memenuhi matlamat keperluan bekalan kuasa letrik yang dikehendaki. Ini menjadikan seluruh peruntukan bagi menyediakan bekalan letrik di bawah Rancangan Malaysia Ketiga kepada hampir \$2.7 ribu juta. Peruntukan tambahan sebanyak \$135 juta bagi memperluaskan bekalan letrik ke kawasan-kawasan luar bandar, adalah amat besar jika di bandingkan dengan peruntukan asal sebanyak \$147.6 juta yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kerajaan memanglah berazam untuk membawa bekalan kuasa letrik ke kawasan-kawasan luar bandar. Matlamat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah supaya dapat membekalkan kuasa letrik kepada sebanyak 2,630 buah kampung. Adalah dijangkakan bahawa seramai 241 ribu keluarga akan dapat menikmati kemudahan ini. Dengan peruntukan tambahan ini maka bilangan kampung dan penduduk-penduduk kampung yang akan mendapat faedah dari rancangan letrik luar bandar, akan bertambah hampir selipat-ganda.

Pada awal tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, perbelanjaan modal program bekalan letrik luar bandar di tanggung sama-rata oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan LLN. Bagi mengatasi kesulitan kewangan yang dihadapi oleh kebanyakan negeri dan supaya perlaksanaan program bekalan letrik luar bandar tidak tergendala, maka dasar tersebut telah dipindah pada tahun 1976. Di bawah dasar baru, Kerajaan Persekutuan menanggung dua pertiga dari perbelanjaan modal projek-projek bekalan letrik luar bandar, sementara bakinya ditanggung oleh

LLN. Dasar baru ini, melambangkan betapa pentingnya perhatian di-berikan oleh Kerajaan kepada rakyat yang di kampung supaya mereka juga dapat menikmati kemudahan ini. Program bekalan letrik luar bandar ini akan terus diperluaskan sebagai sebahagian dari seluruh usaha Kerajaan hendak menyediakan kemudahan-kemudahan asas sosial untuk memperbaiki lagi mutu kehidupan dan meningkatkan lagi taraf hidup masyarakat luar bandar.

Satu kajian telahpun siap dijalankan di Semenanjung bagi menentukan masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh LLN dalam usaha membekalkan kuasa letrik ke kawasan-kawasan luar bandar dalam tempoh sebelum tahun 2,000. Kajian ini juga meramalkan bekalan tenaga tambahan dan tambahan bilangan pengguna serta menggambarkan anggaran perbelanjaan yang diperlukan bagi program bekalan letrik luar bandar. Cara-cara hendak mengurangkan perbelanjaan modal untuk program bekalan letrik luar bandar juga dinyatakan dalam kajian itu. Laporan ini sedang dikaji oleh Kerajaan. Kerajaan berharap akan dapat membekalkan kuasa letrik di tiap-tiap buah kampung yang besar dalam jangka masa yang tertentu itu.

Memandangkan keupayaan LLN menjayakan pelaksanaan program di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, di mana dari jumlah seluruh peruntukan asal sebanyak \$1.6 ribu juta, LLN telahpun membelanjakan sebanyak \$1.3 ribu juta, saya penuh yakin bahawa hasrat dan azam Kerajaan akan dapat juga dilaksana dan dijayakan. Sesungguhnya, kesedaran dan keupayaan LLN mencapai matlamatnya dalam jangka masa yang cepat, adalah satu daya penggerak bagi LLN menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran yang lebih besar lagi di masa-masa yang akan datang. Saya yakin LLN dapat meneruskan usaha-usaha yang cemerlang ini bagi membantu Kerajaan menunaikan segala tanggung-jawab dan kewajipannya kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebentar tadi Encik Leo Moggie telah juga menerangkan mengenai kemajuan yang telah dicapai oleh LLN, kesulitan yang dihadapinya bagi memperseimbangkan keperluan maksima pengguna, dengan keupayaan semasa dari loji dan janakuasa LLN yang ada, serta langkah-langkah yang sedang dilaksanakan bagi menambahkan lagi keupayaan LLN dalam tahun-tahun yang akan datang. Di samping menambahkan keupayaan pada stesen-stesen janaletrik yang menggunakan haba, LLN juga telah dan sedang memperkembangkan tenaga haidronya.

Oleh kerana pentingnya perkara tenaga ini, Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa Kabinet mengenai tenaga dengan tujuan untuk mengesan serta mencari sumber-sumber baru yang belum lagi diterokai atau digunakan. Potensi yang besar terhadap penggunaan tenaga haidro memanglah banyak terdapat di negara kita terutamanya di Sabah dan Sarawak. Kemungkinan potensi yang besar ini, seperti yang boleh didapati dari kuasa Sungai Rajang misalnya, akan dapat digembelung dan digunakan bukan sahaja bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, bahkan untuk kegunaan di Semenanjung Malaysia juga.

Memandangkan harga minyak kian meningkat dan pengeluarannya juga bertambah merosot, jawatankuasa kabinet telahpun menyarankan supaya memberi keutamaan dalam penggunaan tenaga haidro dan gas bagi menambahkan bekalan kuasa letrik. Oleh kerana negara kita mempunyai potensi mengeluarkan gas asli yang banyak, kemungkinan mempelbagaikan sumber penjanaan kuasa letrik dengan menggunakan gas asli, amat besar dan cerah. Perancangan telahpun dibuat untuk membina sebuah stesyen kuasa letrik yang menggunakan sumber gas asli di Terengganu. Kajian bagi menentukan tapak yang sesuai sedang dijalankan. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam awal tahun lapan puluhan.

Selain dari mempelbagaikan sumber penjanaan kuasa letrik dengan menggunakan gas asli, Kerajaan sedang menimbang juga penggunaan tenaga nuklear dalam perancangan jangka panjangnya. Kita sedar terhadap bahayanya terutama yang melibatkan kecemaran udara dan penghidupan serta dari segi keselamatan.

Memandangkan penyelidikan yang begitu pesat dan menyeluruh yang diselenggarakan oleh banyak negara, kita berharap pada suatu masa kelak tenaga nuklear ini boleh menjadi satu bahan sumber tenaga yang selamat. Pada ketika itu, maka bolehlah kita menggunakan tenaga nuklear sebagai satu bahan sumber tenaga yang ekonomik dan selamat bagi mendapatkan bekalan kuasa letrik untuk negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Berbalik kita kepada Pusat Kawalan Muatankuasa Nasional ini, Tan Sri Dato Abu Zarim telahpun menerangkan mengenai tugas dan peranan pusat nadi yang penting ini. Dengan ini adalah diharapkan agar LLN dapat mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapinya di masa-masa lalu bagi memulihkan secepat mungkin gangguan bekalan kuasa letrik akibat kerosakan mana-mana loji-loji dan janakuasanya.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada setiap orang yang telah menjayakan upacara ini. Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala melindungi setiap kakitangan dan pekerja LLN dari sebarang bencana dan kewalangan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan doa ini, saya dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Amat Mengasehani, mengisyitharkan Pusat Kawalan Muatankuasa Nasional, Lembaga Letrik Negara ini, dibuka dengan rasminya. Terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN BERSAMA PERSATUAN BANK-BANK MALAYSIA, SYARIKAT-SYARIKAT KEWANGAN, BANK-BANK SAUDAGAR DAN DISCOUNT HOUSES, DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA 2 JUN 1979.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, Pengurus Persatuan Bank-Bank Malaysia, selaku Wakil Institusi-Institusi Kewangan yang lain, Yang Amat Berbahagia Tun-Tun, Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri, Yang Berbahagia Tan Sri Ismail Ali, Gabenor Bank Negara, Dif-dif Kehormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya merasa bertuah kerana dapat menemui serta beramah mesra dengan tokoh-tokoh bank dan pakar-pakar kewangan dari berbagai bidang yang berkhidmat di negara ini. Perhimpunan dan pergaulan mereka dalam satu majlis bersama seperti yang dianjurkan pada malam ini, membuktikan kerjasama erat serta persefahaman yang wujud di kalangan masyarakat bank dan institusi-institusi kewangan di tanahair kita. Sesungguhnya, semangat kerjasama dan persefahaman di antara mereka ini, merupakan satu petanda baik bagi mewujudkan iklim ekonomi yang lebih cerah untuk masa depan Malaysia.

Saya mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur di atas dayausaha dan kejayaan mereka mengadakan majlis yang bersejarah ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur terutama kepada Senator Kamarul Ariffin, selaku wakil tuan rumah kerana sudi menjemput saya berdua ke majlis yang meriah ini. Hanya 16 hari lalu saya telah diberi penghormatan menghadiri serta berucap di majlis makan malam tahunan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia di tempat yang sama.

Ramainya bilangan tycoon perdagangan dan perindustrian yang hadir pada malam itu serta tokoh-tokoh bank dan institusi-institusi kewangan di majlis ini, memberi gambaran kepada saya betapa besarnya masyarakat perniagaan di negara kita. Tiap-tiap seorang dari mereka ini menduduki jawatan-jawatan penting dalam syarikat dan pertubuhan perniagaan masing-masing yang mempunyai pengaruh besar dalam perhubungan perdagangan antarabangsa.

Mereka ini boleh membantu Malaysia dalam usaha kita meningkatkan lagi kegiatan ekonomi negara, mengukuhkan lagi hubungan per-

dagangan Malaysia dengan negara-negara besar di luar negeri dan memberi gambaran yang baik terhadap kestabilan politik dan ekonomi supaya lebih ramai lagi pengusaha dan pelabur luar negeri menanam modal di Malaysia.

Ladies and Gentlemen,

Recently, I had the privilege to attend a semilar function as the guest of the National Chamber of Commerce and Industry. I had the opportunity to address the leaders of our commercial and industrial community. They are influential in the region as well as at the international level and can play a major role in improving the economic situation of the country. They can also help to strengthen the trade relations between Malaysia and the other countries as well as to give an accurate picture of our economic and political stability in order to promote further investment.

The promotion of private investment is one area where banks can play a positive role. Investment is crucial for the sustained economic development of this country. For this reason the Government has been actively encouraging investment by organising foreign investment missions. Unfortunately, the banking community of this country has been disappointingly passive in the promotion of investment. It appears to be content with merely reacting and responding to the proposals of investors.

With their knowledge of investment opportunities and the ability of our entrepreneurs, they should move to the forefront and assume a more aggressive role in this field, both domestically and externally. Every overseas contact should be exploited to project the investment opportunities and draw investors to this country. In particular, there is scope for bankers to play a catalyst role in "packaging" specific potential projects for attractive investment to complement and supplement the Government's direct efforts in attracting foreign investors. The assumption of such a role requires positive commitment of resources and expertise on the part of the financial community. If well conceived, I have no doubt that such efforts will pay handsome dividends, and enhance the reputation of the banks as "investment-makers" in the private sector. I hope that the banks in particular, will meet this challenge with imagination.

An important prerequisite for sustained economic development is the existence of a dynamic and healthy banking system which can meet

the various needs of the people and the nation. One of the principal obstacles to the continuing balanced growth of the banking system today and to the creation of favourable conditions for more effective competition in the industry is the presence of a number of small banks and financial institutions. Among the 20 domestic banks for example, more than one half of them have shareholders' funds of less than \$15 million. In most cases, assets of these banks are below \$100 million. These institutions have tended to be a "drag" in the dynamic growth of the industry.

In order that these banks will be able to effectively meet their responsibilities in national development, I would suggest that it is in their interest to merge either among themselves or with the larger domestic banks so as to strengthen their growth potential and their competitiveness. In so doing, they would be in a position to take advantage of economies of scale to broaden their scope for modernisation as well as to increase their efficiency and service. The people would most certainly benefit from a rapidly expanding branch network and better services to meet their growing needs, especially in areas yet unserved by banks. Furthermore, the expansion of their operations into new areas particularly the less developed, will help to attract investments to these areas.

Ladies and Gentlemen,

One of the scourges of modern economic life is inflation. We have been successful, through various fiscal, monetary and administrative measures to restrain inflation inspite of the galloping inflation in many other countries. The rate of inflation in this country was 10.5 per cent in 1973, 17.4 per cent in 1974. Today it is stabilised at 5 per cent. However, in the face of continuing high inflation in the major industrial countries, the increase in oil prices and Malaysia's open economy, we will inevitably experience mounting inflationary pressures.

In recent years, the adoption of a balanced mix of monetary and fiscal measures have proved effective in warding off the full impact of inflation. The introduction of a market oriented regime in the determination of interest rates in October last year, the reform of bank liquidity, and the recent introduction of new monetary instruments, such as bankers acceptances and negotiable certificates of deposits have created an environment that is more conducive to the mobilisation of savings and the effective utilisation of these funds especially for productive purposes.

I have no doubt that competition will increase your effectiveness and bring new benefits to your customers. But because of the nature of your business, keen competition may well lead to fears of imprudent practices which can undermine public confidence to the detriment of the entire banking industry. I suggest that the answer is not to stifle freedom of action and innovation in your quest to improve profits, but to ensure that supervisory arrangements are constantly reviewed to safeguard the public interest. The real answer lies of course, with your boards of directors and top management. Their conduct, integrity and professionalism will ensure against imprudent practices.

Despite Government efforts, we still have an inflation rate well above what we would desire. Particularly at this time when we need to continue stimulating private investment, the objective of monetary policy will continue to be accommodative, mainly to ensure that the supply of credit will be adequate to meet the financing needs of the private sector at reasonable cost. In this context, the role of the financial institutions in fighting inflation will be two-fold. Firstly, no efforts should be spared in mobilising savings effectively, particularly at this time of high commodity prices. I am referring to your efforts in competing for personal savings in the non-traditional areas and extending banking facilities to the rural and less urbanised areas of the country. The rapid growth of personal incomes in recent years and distribution on a more equitable basis have resulted in substantial rural household savings. You have the responsibility to inculcate and strengthen the savings habit so that the higher incomes are not spent on conspicuous or ceremonial sprees, which can add to inflationary pressures. By expanding your branch network, you will be able to channel the savings arising from the growing prosperity of the rural people into productive investment.

This leads me to your second task, that is, to ensure that your lending activities do not contribute to more inflation. You have a public responsibility to discourage the extension of credit for speculation, hoarding and wasteful consumption.

Ladies and Gentlemen,

Another project of importance to the nation and of special relevance to the financial community, is the proposed establishment of an integrated Multi-Commodity Exchange in Kuala Lumpur. As the world's major producer and exporter of rubber, tin, palm oil, tropical hardwoods and pepper, we should not continue to depend on centres like

London, Singapore and New York to meet our needs for hedging in the marketing of our own commodities. The setting up of an integrated Multi-Commodities Exchange will enable us to assume a greater role in the effective marketing of our own products for the benefit of our country.

Malaysia is particularly suited for this role because of its ability to provide the necessary physical base to support market deals, the existence of a strong and stable currency and the virtual absence of foreign exchange controls. Furthermore, its location in an appropriate time zone provides the vital link for the creation of an international multi-commodity market to enable our traders to deal around-the-clock.

The development of this Exchange will require the full support of the banking community, commodity traders and government agencies. Commercial banks will particularly benefit from the eventual setting up of this Exchange since ready bank financing and the existence of efficient foreign exchange services are necessary conditions for its successful functioning. I congratulate the banking community for preparing itself for this eventuality by ensuring that the necessary services will be forthcoming at the appropriate time.

Another basic requirement is the provision of clearing and guarantee functions to support the proposed Exchange. I hope that all parties involved in this particular area will act positively to bring about its early realisation. At the same time, commodity traders must also play a more enlightened role as direct participants of the proposed Exchange. I would like to stress here that commodity traders must accept the need for change and they should not be afraid either of the introduction of new trading methods or the injection of greater competition in the future conduct of the commodity marketing business. The Government on its part, will ensure that the necessary communication infrastructure will be provided so as to effectively meet the needs for an efficient communication network that is required for the exchange to be an attractive market place for the world to trade in our commodities.

Ladies and Gentlemen,

I have spoken at great length some of on the roles of the financial community in the economic affairs of our country. The presence of so many experts in the various fields of finance tonight will, I hope, continue to be a feature of the Malaysian financial community. It should

not, however, be confined to social gatherings only, but be extended to seeking practical ways and means to ensure the continued growth and prosperity of our country.

Ladies and gentlemen, I believe it is already past your dinner time, therefore, I will now return to my table and enjoy my well-earned dinner. Thank you.

UCAPAN PERDANA MENTERI SELAKU PRESIDEN
UMNO MALAYSIA KETIKA MERASMIKAN MAJLIS
PERJUMPAAN PENGERUSI-PENGERUSI BIRO PELAJARAN
BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DI KUALA LUMPUR
INTERNATIONAL HOTEL, PADA 9 JUN, 1979.

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat, Dato' Musa Hitam, Pengurus Biro Pelajaran UMNO, Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, Pengurus-Pengurus, Biro Pelajaran Bahagian-Bahagian UMNO, Para hadirin sekalian.

Majlis Perjumpaan Pengurus-Pengurus Biro Pelajaran Bahagian-Bahagian UMNO hari ini, adalah amat penting. Sebagai sebuah parti yang sentiasa memperjuangkan kepentingan rakyat, khususnya orang-orang Melayu, adalah baik bagi kita membincangkan secara terusterang dan mendalam, mengenai keraguan setengah golongan rakyat terhadap kemampuan dan ketegasan Kerajaan melaksanakan Dasar Pelajaran. Di samping itu majlis ini akan dapat juga memahami di atas rasa kurang senang hati oleh sebilangan puak terhadap cara pelaksanaan dasar ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Biro Pelajaran UMNO Malaysia, terutama kepada Dato' Musa Hitam, di atas dayausahanya menganjurkan perjumpaan ini dengan tujuan meneliti secara mendalam dan terperinci terhadap langkah dan tindakan Kerajaan dalam melaksanakan Dasar Pelajaran. Saya harap majlis ini akan membawa faedah kepada kedua-dua belah pihak. Kementerian Pelajaran hendaklah mengambil perhatian di atas sungutan dan keraguan rakyat jelata supaya dapat menjalankan usaha-usaha yang lebih positif bagi menghapuskan keraguan dan kesangsian ini. Bagi pihak para peserta pula, mereka adalah dikehendaki apabila pulang nanti menjelaskan kepada ahli-ahli UMNO khasnya, dan orang-orang Melayu amnya, supaya keraguan ini tidak akan berpanjangan atau berlanjutan.

Memandangkan pentingnya perkara ini dan supaya ia tidak menjadi satu isu yang besar, majlis perjumpaan ini bertujuan memberikan gambaran yang sebenarnya kepada para peserta mengenai pelaksanaan Dasar Pelajaran.

Sebagai parti yang tertua dan terbesar di tanahair, bertambah pula sebagai teras parti yang mendukung Kerajaan, adalah menjadi kewajipan UMNO membuat penelitian dalam perkara-perkara yang menjadi perhatian ramai dan yang melibatkan rakyat umum seperti Dasar Pelajaran ini. Pendekatan terhadap pemikiran, pandangan dan hasrat rakyat hendaklah diperolehi dari masa ke semasa supaya kajian kita di atas perkara seperti ini inenjadi lebih berkesan lagi.

Hasil pendekatan ini hendaklah pula disalurkan melalui parti kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan. Sebagai Kerajaan Berjiwa Rakyat, ia mestilah bertindak serta menyesuaikan tindakannya itu mengikut hasrat dan aspirasi rakyat ramai, terutama dalam isu-isu yang penting.

Para hadirin sekalian,

Kerajaan memanglah sentiasa memberi keutamaan tinggi kepada pembangunan negara. Pembangunan ekonomi dan sosial perlulah dilaksanakan secara berterusan, supaya ia boleh dapat dinikmati oleh rakyat seluruhnya. Perkembangan perkhidmatan pendidikan dan latihan, adalah teras kepada semua bidang pembangunan. Sesungguhnya pelajaran atau pendidikan adalah asas penting bagi mencapai segala kemajuan. Pembangunan dalam bidang pendidikan dan latihan merupakan satu cara penanaman modal yang tidak ternilai harganya.

Sebagai langkah pertama dalam menjayakan pelaksanaan Dasar Pelajaran, Kerajaan telah memperluaskan kemudahan dan peluang pelajaran kepada rakyat jelata. Kerajaan telah berjaya mengadakan kemudahan-kemudahan asas pelajaran termasuk di kawasan-kawasan luar bandar yang telah begitu lama dan jauh ketinggalan. Di antara program-program yang dilaksanakan termasuklah memperbaiki dan memperluaskan lagi berbagai kemudahan pelajaran, mengadakan pelajaran percuma di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah, mewujudkan sekim pinjaman buku teks, menjalankan rancangan kesihatan dan pemakanan di sekolah-sekolah, serta menubuahkan asrama-asrama di sekolah-sekolah, dan sekolah-sekolah berasrama penuh bagi menampung keperluan pelajar-pelajar dari luar bandar.

Saya menggesa semua pihak supaya memberikan sokongan dan kerjasama penuh mereka bagi memudahkan lagi azam Kerajaan untuk mencapai matlamat menyatu-padukan rakyat dan mengeratkan perpaduan negara. Oleh hal yang demikian, parti-parti pembangkang dan pengkritik-pengkritik Dasar Kerajaan, janganlah menidakkann usaha-usaha Kerajaan dalam bidang pelajaran. Kerajaan telah dan akan terus melak-

sanakan dasar pelajaran ini supaya dapat mengubah nasib rakyat, terutama mereka yang telah begitu lama dan jauh ketinggalan dalam bidang pelajaran.

Para hadirin sekalian,

Matlamat utama Dasar Pelajaran sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Razak dan ditegas serta ditekankan lagi oleh Penyata Rahman Talib, ialah untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di negara ini. Matlamat ini akan dapat kita capai melalui satu sistem pelajaran yang sama bagi semua kanak-kanak. Ini telah dilaksanakan dengan jayanya sejak 23 tahun yang lalu. Sistem pelajaran Kebangsaan yang ada sekarang ini dengan menggunakan satu bahasa pengantar adalah sebaik-baik cara bagi mencapai matlamat jangka panjang ini.

Sebagaimana yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh pemimpin-pemimpin semua kaum, bahawa proses pengalihan bahasa daripada aliran Bahasa Inggeris kepada bahasa pengantar Bahasa Malaysia di semua sekolah rendah dan menengah jenis kebangsaan Inggeris telah pun dilaksanakan secara beransur-ansur. Ia telah dimulakan dari darjah satu pada tahun 1970. Proses ini akan dijayakan dengan sepenuhnya di peringkat universiti menjelang tahun 1983 di mana semua kursus pengajian di semua institusi pendidikan tinggi tempatan akan dikendalikan dalam Bahasa Malaysia.

Adalah amat membanggakan bahawa pusat-pusat pengajian tinggi dan universiti-universiti tempatan telah pun membuat persiapan serta kelengkapan ke arah proses peralihan yang telah ditetapkan. Kejayaan sepenuhnya perlaksanaan proses pengalihan bahasa pengantar ini merupakan satu kemajuan besar dalam perlaksanaan Dasar Pelajaran dan Sistem Pelajaran Kebangsaan.

Dalam hubungan ini, saya hendak berterus terang menasihatkan pelajar-pelajar kaum bumiputera supaya tidak mengabaikan pelajaran bahasa ibunda sendiri. Mereka semestinya dapat menguasai bahasa ini lebih baik dari pelajar-pelajar bukan Melayu. Mereka haruslah tidak lupukan kepada cogankata-cogankata yang menggambarkan betapa pentingnya bahasa itu kepada keperibadian negara. Bahasa Jiwa Bangsa misalnya atau Satu Bahasa Satu Bangsa, dengan sendirinya melambangkan bahawa Bahasa Malaysia yang telah diterima sebagai bahasa pengantar adalah alat penting bagi mewujudkan perpaduan. Setiap warga-negara mestilah menguasai dan pandai bertutur dalam Bahasa Malaysia supaya mereka dapat membantu usaha Kerajaan mengerat dan mengekalkan lagi perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

Para hadirin sekelian,

Sebagaimana kita sedia maklum, mengikut ketetapan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Razak dan Penyata Rahman Talib, Bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua selepas Bahasa Malaysia. Memanglah menjadi trend bagi negara-negara yang moden dan maju menentukan dalam sistem atau dasar pelajarannya pengajian bahasa kedua. Mereka menggalakkan pelajar-pelajar mereka mengetahui dan mempelajari satu lagi bahasa selain dari bahasa kebangsaannya yang lazimnya digunakan di peringkat antarabangsa.

Dengan meningkatnya keperluan bagi pelajar-pelajar kita yang hendak mengikuti pengajian tinggi di seberang laut serta kegunaan hari-hari dalam kerja dan perniagaannya kelak maka pelajaran Bahasa Inggeris telah menjadi semakin perlu. Dengan sebab itulah Kerajaan telah meningkatkan lagi usaha meneckankan keperluan mempelajari Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Kerajaan menggalakkan murid-murid supaya bersikap lebih positif dalam mempelajari Bahasa Inggeris. Kita mestilah bersikap pragmatik. Memang tidak boleh dinafikan bahawa semakin banyak bahasa yang dapat kita kuasai, maka akan lebih arif serta lebih luas dan lengkap lagi ilmu pengetahuan kita. Merandangkan perhubungan kita dengan negara-negara asing semakin meluas, terutama dalam usaha meningkatkan kerjasama dan persefahaman, dan dalam bidang ekonomi, perdagangan pelajaran dan kebudayaan, usaha mempelajari bahasa kedua ini menjadi semakin perlu lagi.

Tindakan memesatkan pelajaran Bahasa Inggeris ini ialah kerana keperluan seperti yang telah saya nyatakan. Kita janganlah membiarkan pandangan waras kita dikaburi oleh perasaan dan sentimen yang melulu. Bagi pihak Kerajaan, saya memberi jaminan bahawa pengajian Bahasa Inggeris tidak akan menjelaskan kedudukan dan kedaulatan Bahasa Malaysia.

Para hadirin sekelian,

Adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk membanyakkan lagi peluang dan kemudahan pelajaran, supaya semua yang layak boleh melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Pengajian di pusat-pusat pelajaran tinggi dan universiti-universiti sekarang ini, tidak hanya menjadi kemampuan orang-orang atau keluarga yang berada sahaja. Pendidikan semestinya dapat dinikmati oleh sesiapa sahaja.

Saya suka menegaskan bahawa Kerajaan tidak akan membiarkan bidang pelajaran dimonopoli oleh sesuatu keturunan sahaja, di mana-mana peringkat jua pun. Dalam konteks ini, adalah menjadi matlamat Kerajaan, agar bilangan pelajar di universiti-universiti tempatan mencerminkan komposisi keturunan kaum di negara kita.

Kalau pada suatu masa dahulu bilangan pelajar di universiti-universiti tempatan dimonopoli oleh satu kaum sahaja, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif bagi mengimbangkan kedudukan dan keadaan ini.

Walaupun demikian, matlamat untuk mengimbangkan bilangan pelajar di universiti-universiti tempatan dari segi kaum, tentulah akan mengambil masa.

Memanglah tidak boleh dinafikan bahawa peluang dan kemudahan pelajaran yang telah diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat jelata telah meningkatkan pencapaian pelajaran anak-anak kita. Bilangan anak-anak kita terutama dari kawasan luar bandar yang layak masuk ke universiti-universiti tempatan juga telah bertambah.

Para hadirin sekalian,

Sekarang, saya suka hendak menjelaskan mengenai pengambilan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan. Hasrat Kerajaan ialah hendak mewujudkan perimbangan kaum bilangan pelajar-pelajar di universiti-universiti ini. Kerajaan mempunyai angka-angka mengenai bilangan pelajar-pelajar kita di luar negeri. Jadi, apabila menentukan pengambilan pelajar-pelajar masuk ke universiti-universiti tempatan pada tiap-tiap tahun, Kerajaan mengambil kita angka-angka pelajar di seberang laut dan juga di dalam negeri yang ada di pusat-pusat pengajian tinggi. Kerajaan melakukan perhitungan ini supaya pengambilan pelajar-pelajar ini sebenar-benarnya mencerminkan bilangan penduduk mengikut kaum di negara ini. Sebagaimana saya katakan tadi, matlamat Kerajaan ialah supaya bilangan pelajar-pelajar yang ada di pusat-pusat pengajian tinggi dalam negeri melambangkan komposisi kaum di negara kita.

Kerajaan menentukan kadar pengambilan ini oleh kerana kemudahan dan tempat adalah terhad di universiti-universiti tempatan. Kerajaan tidak menyekat pelajar-pelajar pergi ke luar negeri melanjutkan pengajiannya. Ramai keluarga-keluarga menghantar anak-anaknya ke seberang laut secara bersendirian. Mereka ini mampu membuat demikian.

Mereka yang tidak berupaya mengharapkan tempat di universiti-universiti dalam negeri. Permintaan tambahan bilangan tempat oleh sesuatu kaum adalah diberi pertimbangan, tetapi bilangannya adalah juga tertakluk kepada bilangan keseluruhannya pelajar-pelajar mengikut kaum yang ada di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan juga di luar negeri. Di samping itu, bilangan tambahan yang boleh diterima pada sesuatu masa adalah juga tertakluk kepada kemampuan universiti-universiti tempatan.

Kerajaan adalah berusaha hendak memperbesarkan lagi universiti-universiti tempatan. Ini akan memperbanyak lagi tempat-tempat di universiti-universiti itu. Masalah asas yang dihadapi oleh kita ialah, bilangan pelajar-pelajar kita yang hendak melanjutkan pengajiannya bertambah berlipatganda pada tiap-tiap tahun. Negeri-negeri lain pun menghadapi masalah seumpama ini.

Berbalik kita kepada Dasar Pelajaran, Kerajaan telah menegaskan bahawa ia akan terus melaksanakannya sebagaimana yang telah disetujui dan diluluskan. Kerajaan juga telah menegaskan pendiriannya mengenai penggunaan Bahasa Malaysia dan pengambilan pelajar-pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi tempatan. Kesemuanya ini telah diberi gambaran yang jelas.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Biro Pelajaran UMNO, khususnya kepada Dato' Musa kerana memberi penghormatan kepada saya merasmikan Majlis Perjumpaan ini. Saya berdoa supaya diberikan taufiq dan hidayah kepada para peserta dan pegawai-pegawai yang terlibat agar Majlis Perjumpaan ini membawa hasil yang boleh menjadi panduan di atas tindakan bersama kita di masa hadapan.

Pada hadirin sekelian,

Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya merasmikan Majlis Perjumpaan Pengerusi-Pengerusi Biro Pelajaran Bahagian-Bahagian UMNO ini.

Terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS JAMUAN
TAHUNAN PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR
DAN DIPLOMATIK (PTD) DI HOTEL HILTON, KUALA
LUMPUR, PADA 9 JUN, 1979.

Yang Berusaha Dr. Elyas bin Omar, Yang Di Pertua Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dan Puan Fauziah, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdullah Ayub, Yang Berbahagia Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Hashim Aman, Ketua-ketua Setiausaha dan Ketua-ketua Pengarah, Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Majlis jamuan tahunan PTD ini membawa kenangan manis kepada saya. Ia mengingatkan saya kepada kejayaan cemerlang Barisan Nasional dalam Pilihanraya Negeri Kelantan tahun lalu. Pada malam ini pula, di samping dapat menikmati makanan yang lazat-lazat serta beramah mesra dengan pegawai-pegawai PTD, saya juga telah diberi penghormatan merasmikan Penubuhan Tabung Kebajikan PTD.

Saya dan isteri saya mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, istimewa kepada Yang Di Pertua kerana sudi menjemput kami berdua ke majlis jamuan pada malam ini. Jamuan ini memberi peluang sekali lagi kepada saya bertemu muka serta beramah mesra dengan pegawai-pegawai PTD dari semua peringkat. Pada hemat saya bagi suatu perkhidmatan yang anggotanya telah meningkat kepada seramai lebih dua ribu orang, majlis seperti ini tentulah amat berfaedah. Ia memberi peluang kepada para ahlinya bergaul mesra dan menyambung tali persaudaraan di antara satu sama lain, iaitu suatu perkara yang sukar dilakukan dalam keadaan bekerja hari-hari. Saya mengucapkan tahniah kepada Persatuan PTD di atas usahanya memupuk semangat 'esprit de corps' dan rasa berkeupayaan di kalangan ahli-ahlinya.

Di majlis ini pada tahun yang lalu, saya telah menyentuh tentang peranan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik dalam pentadbiran dan pembangunan negara serta harapan tinggi rakyat dan Kerajaan terhadap keupayaan perkhidmatan yang penting ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kita sekarang berada di ambang tahun lapan puluhan. Kita telah

menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua yang berasaskan Dasar Ekonomi Baru. Rancangan Malaysia Ketiga yang merupakan lanjutan usaha-usaha bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru telahpun siap dikaji semula dan ditambahkan peruntukannya. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru untuk jangkaan masa dua puluh tahun akan sampai ke peringkat separuh penggal pertama pada akhir tahun depan. Penggal keduanya akan bermula dari awal tahun-tahun lapan puluhan.

Memang banyak kemajuan yang telah dicapai. Tetapi masih banyak juga lagi yang perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat. Keperluan dan tuntutan rakyat kepada Kerajaan yang mereka telah pilih akan menjadi lebih mendesak memandangkan kesedaran dan harapan tinggi mereka terhadap kemampuan dan keupayaan Kerajaan Berjiwa Rakyat. Kita bolehlah menjangkakan bahawa cabaran-cabaran dari masalah-masalah ini akan timbul, akibat kematangan dan kewarasannya pemikiran rakyat jelata yang inginkan kemajuan dan hidup mewah.

Semakin banyak kita mencapai kemajuan, harapan rakyat untuk mencapai taraf kemajuan akan meningkat lebih tinggi lagi. Oleh yang demikian desakan ke atas Kerajaan akan bertambah. Untuk memenuhi tuntutan-tuntutan rakyat itu adalah perlu bagi perkhidmatan awam "to have a greater sense of urgency". Dalam melaksanakan rancangan-rancangannya, perkhidmatan awam hendaklah bertindak dengan secara coordinated. Sebarang tindakan yang tidak diselaraskan akan menggendalakan projek-projek. Bagi menjaminkan supaya pelaksanaan projek-projek berjalan dengan licin setiap pegawai mestilah faham objektif yang dituju dan hendaklah menunaikannya dengan penuh perasaan tanggungjawab.

Pada hemat saya penyelarasan adalah satu perkara yang perlu diberi pertimbangan yang serius. Inilah satu lapangan yang sentiasa menjadi punca kelambatan melaksanakan projek-projek. Walaubagaimana bersungguh-sungguh kita berusaha jika sekiranya kordinasi kurang dititikberatkan maka projek yang dikendalikan oleh kita tidak akan siap dalam tempoh yang dijadualkan. Ini adalah satu kelemahan yang terdapat dalam sistem pentadbiran kita yang mesti dibaiki. Saya sedar bukanlah mudah untuk mencapai matlamat ini. Walau bagaimanapun, memandangkan perlunya penyelarasan dalam menjayakan projek kita mestilah menumpukan segala tenaga untuk mengatasi masalah ini. Bagi projek-projek besar, satu pendekatan yang menyeluruh atau 'integrated approach' adalah amat penting.

Adalah nyata bahawa keadaan ekonomi negara kita telah berubah. Dari sebuah negara yang hanya menghasilkan bahan-bahan mentah untuk dihantar ke luar negeri, Malaysia sekarang ini telah menjadi sebuah negara perindustrian. Rakyat negara ini juga beransur-ansur memainkan peranan utama dalam perdagangan bahan-bahan itu. PTD adalah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam perubahan ini. Pegawai-pegawai PTD adalah ditugaskan mengurus agensi-agensi yang menjalankan kegiatan perdagangan dan perusahaan. Oleh yang demikian pegawai-pegawai PTD hendaklah dilengkapkan dengan kepakaran dalam bidang-bidang ini. Pegawai-pegawai PTD juga terlibat dengan cara tidak langsung dalam lapangan ini sebagai pegawai-pegawai Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi mencadang kepada Kerajaan dasar-dasar dan tindakan untuk menggalak, mengawasi dan mewujudkan suasana yang sesuai bagi perkembangan perdagangan dan perindustrian. Tanpa pengetahuan dan kepakaran dalam bidang perdagangan dan perindustrian kemampuan pihak PTD dalam menjalankan tugas ini tentulah menjadi terhad.

Kerajaan telah dapat mewujudkan kepimpinan yang teguh bagi membimbing sektor swasta ke arah kemajuan yang lebih tinggi. Kejayaan Kerajaan adalah terbukti dengan pembangunan yang pesat yang dapat dilihat bukan sahaja di Kuala Lumpur ini bahkan di ceruk-rantau tanah-air kita. Pembangunan dan perkembangan dalam lapangan perdagangan dan perindustrian pada tahun-tahun hadapan akan memerlukan lebih banyak penglibatan dari pegawai-pegawai Kerajaan. Oleh yang demikian maka pegawai-pegawai PTD hendaklah melengkapkan diri untuk memainkan peranan itu. Jika tidak, perkembangan perindustrian negara ini akan terbantut.

Dalam bidang antarabangsa, kita dapat bahawa Kerajaan semakin banyak terlibat dalam rundingan-rundingan penting seperti Susunan Ekonomi Baru Antarabangsa, Sistem Kewangan Antarabangsa, Common Fund dan sebagainya. Memandang kepada keadaan ini adalah perlu bagi pegawai-pegawai Kerajaan melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran khusus supaya mereka dapat menuaikan tanggungjawab dalam lapangan ini. Perkembangan di dalam negeri dan dalam lapangan antarabangsa dalam perkara ini telah mendorongkan Kerajaan meningkatkan lagi kebolehan dan keupayaan perkhidmatan awam, khasnya PTD. Dalam konteks ini Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan untuk meninggikan mutu perkhidmatan awam. Satu daripada tindakan ini ialah mengadakan peperiksaan pemilihan. Dengan cara ini maka dapatlah calon-calon yang terbaik sahaja dipilih untuk berkhidmat dalam PTD. Untuk memberi kesan yang lebih, kita perlu

juga mengkaji kemungkinan diadakan ujian bakat (aptitude test) supaya pegawai-pegawai yang dilantik kepada PTD bukan sahaja mempunyai pengetahuan yang lengkap tetapi juga mempunyai bakat (aptitude) yang sesuai.

Sebagai satu usaha meningkatkan lagi mutu kecekapan perkhidmatan awam, Kerajaan menyediakan kemudahan-kemudahan latihan seperti yang terdapat di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Selain dari itu pegawai-pegawai juga diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ikhtisas mereka di universiti-universiti tempatan dan lain-lain pusat latihan di luar negeri. Di sini saya suka menegaskan bahawa kemahiran dan pengetahuan sahaja belum dapat menjaminkan mutu perkhidmatan seseorang pegawai. Sikap terhadap tugas-tugasnya juga sama penting dan tiap-tiap pegawai yang ingin maju mestilah mempunyai minat dan kecenderungan yang kuat serta semangat penuh dedikasi. Usaha-usaha mestilah dijalankan bagi memupuk sikap yang penting ini. Program-program latihan hendaklah mengandungi cara-cara dan teknik-teknik baru bagi memupuk sikap yang penting ini. Usaha memupuk sikap dan semangat ini tidak terhad kepada pusat-pusat latihan tetapi boleh diselenggarakan dengan cara lain melalui seminar-seminar dan perjumpaan. Inilah satu lapangan di mana Persatuan PTD dapat memainkan peranan yang akan memberi kesan tidak ternilai bagi meningkatkan mutu perkhidmatan.

Proses kenaikan pangkat juga sedang diperbaiki. Bagi kenaikan pangkat ke tingkatan-tingkatan yang tertentu, peperiksaan dan temu duga diadakan. Dengan adanya sistem baru ini adalah diharapkan bahawa pegawai-pegawai yang benar-benar berkelayakan dan cekap akan dinaikkan pangkat. Dalam perkara ini saya suka mencadangkan supaya sistem baru ini digunakan untuk mengkaji kecenderungan dan minat seseorang pegawai. Ini patut diberi pertimbangan supaya seseorang pegawai itu ditempatkan dalam jawatan yang secukup dengan kebolehan dan peribadinya.

Rakyat mengharapkan pegawai-pegawai yang benar-benar dapat menyumbangkan segala kepakaran yang mereka perolehi daya pemikiran dan daya usaha mereka untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Setiap pegawai mestilah memupuk sifat-sifat kejujuran yang berasaskan nilai-nilai luhur dan keugamaan yang bersesuaian di dalam jiwa pegawai itu. PTD sebagai sebuah perkhidmatan yang ulung dan tertua, haruslah berusaha menggalakkan atau memupuk pertumbuhan nilai-nilai itu. Kebolehan dan keupayaan PTD meng-

hadapi cabaran dan dugaan ini bergantung kepada kesanggupan pegawai-pegawai mengemaskinikan kepakaran.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum menyampaikan beberapa rangkap pantun sebagai menjawab pantun-pantun yang telah dijual oleh Presiden Persatuan PTD, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada ahli-ahli Persatuan PTD yang hadir kerana memberi penghormatan kepada kami berdua. Sekarang, inilah rangkapan pantun-pantun saya:

Hang Jebat Hang Kesturi
Panglima hebat bekerja tekun
Majlis pantun menjadi tradisi
Bilangan meningkat setiap tahun.

Buah berembang buah pedada
Dibawa Dang Nila sama hidangan
Dulu Hang Li Po pakai perada
Kini jaminan meningkat perdagangan.

Kalau ada denak yang pandai
Burung tekukur senang dipikat
Bila PTD kerjanya selesai
Barulah saya boleh berihat.

Bukit Goh dan Bukit Ibam
Kelapa sawitnya banyak minyak
Pemain-permain golf kalau nak faham
Handicap dan problem saya sama banyak.

PTD penting dalam perkhidmatan
Pegawainya orang bijak bistari
Soal jemputan usah dirisaukan
Kan masanya panjang lagi!

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan ini saya dengan amat sukacitanya, mengisyiharkan penuhan Tabung Kebajikan PTD.

Terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI, SEMASA MENGEKSKAN SUATU USUL UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG TUN V.T. SAMBANTHAN DI DEWAN RAKYAT PADA 29 JUN, 1979.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon izin mengemukakan suatu usul yang berbunyi:—

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Amat Berbahagia Tun V.T. Sambanthan, Pengurus Lembaga Perpaduan Negara dan bekas Menteri Kabinet, pada 18 Mei, 1979 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Adalah menjadi suratan takdir bahawa tiap-tiap yang bernyawa dimuka bumi ini akan mati.

Sekalipun saya sedar di atas hakikat ini, tetapi kematian Mendiang Tun V.T. Sambanthan pada hari Jumaat, 18 Mei, lalu telah mengejutkan saya. Sesungguhnya kematianya merupakan kehilangan besar kepada negara terutama kepada rakyat keturunan India.

Tuan Yang Di-Pertua,

“Harimau mati meninggalkan belang,
Manusia mati meninggalkan nama.”

Sebagai salah seorang veteran politik yang tertua, Mendiang Tun Sambanthan telah banyak membuat jasa, menyumbangkan tenaga dan fikiran dalam perjuangan Kemerdekaan tanahair, pembangunan negara dan perpaduan rakyat.

Di bawah pimpinannya, MIC telah menyertai UMNO dan MCA dalam Perikatan dalam usaha menyatu-padukan tiga kaum yang terbesar di tanahair. Penyatuan berbilang kaum merupakan syarat utama yang dikenakan oleh Kerajaan British bagi mencapai Kemerdekaan. Mendiang Tun Sambanthan telah mengambil bahagian dalam rundingan-rundingan dalam pertengahan tahun-tahun lima puluhan kerana menuntut kemerdekaan dan penubuhan Malaysia dalam awal tahun-tahun enam puluhan. Hasil penyertaan dan pengorbanannya adalah bukti yang dapat kita semua lihat sehinggakan ke hari ini.

Sebagai salah seorang Menteri Kabinet yang terkanan selepas merdeka, Mendiang Tun Sambanthan telah berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerjaya, Pos dan Telekom dan kemudiannya menjadi Menteri Tugas-tugas Khas, Penerangan dan Perpaduan Negara.

Mendiang Tun Sambanthan adalah seorang pemimpin yang jujur, ikhlas dan berpandangan jauh. Sifatnya yang lemah lembut dan air muka yang sentiasa riang telah menawan hati setiap rakyat. Mendiang telah memimpin MIC dari tahun 1955 hingga tahun 1974.

Pekerja-pekerja estet tetap menjunjung tinggi khidmat bakti dan pandangan jauhnya kerana dengan dayausahanya yang gigih mereka telah berjaya memiliki ladang getah, kelapa sawit, kelapa dan koko secara koperasi. Mendiang Tun Sambanthan, sehingga akhir hayatnya telah mengabdikan dirinya terhadap kepentingan dan kebajikan rakyat golongan miskin ini dan perpaduan negara.

Sebagai Pengurus Majlis Perpaduan Negara, Mendiang Tun Sambanthan telah menunaikan tugas dan kewajipannya dengan penuh semangat dedikasi. Hasrat dan cita-citanya bagi mewujudkan perpaduan yang berkekalan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berlainan ugama, adat resam dan kebudayaan, adalah dibuktikan dalam program dan rancangan yang diselenggara dan dilaksanakan oleh Lembaga Perpaduan Negara sehingga sekarang ini.

Khidmat bakti, jasa cemerlang dan budi pekerti yang baik Mendiang Tun Sambanthan akan tetap dikenang. Nama dan kegiatan pentingnya akan dicatat dalam sejarah dan diingati oleh anak cucu kita.

Generasi-generasi yang akan datang sewajarnyalah mewarisi sifat-sifat terpuji setiap negarawan dan perwira negara yang telah pergi. Saya berharap kepada bala, putri dan sekelian keluarga Mendiang Tun Sambanthan supaya bertambah hati serta bersabar dalam menghadapi saat-saat pilu dan terharu serta dalam apu jua cubaan dan dugaan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon izin.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG MIC YANG KE 27 DI HOKKIEN ASSOCIATION HALL, KELANG, PADA 30 JUN, 1979.

Yang Berhormat Tan Sri Dato V. Manickavasagam Presiden MIC, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu, Timbalan Presiden MIC, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat MIC, Dif-dif yang kehormat, Para Perwakilan sekelian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tan Sri Manickavasagam, Presiden MIC serta kepada pemimpin dan ahli MIC di atas kesedian menjemput saya bagi menghadiri dan merasmikan Perhimpunan Agung MIC yang ke 27 pada pagi ini.

Inilah kali yang keempat saya diberikan penghormatan bagi merasmikan Perhimpunan Agung MIC. Saya telah tidak dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sekelian di Perhimpunan Agung yang lepas. Oleh hal yang demikian, saya sangatlah menghargai peluang yang diberikan kepada saya pada pagi ini bagi saya turut menyertai di dalam kemeriahian peristiwa kemuncak kepada kegiatan-kegiatan parti tuan-tuan dan puan-puan semenjak setahun yang lalu.

Selain daripada memenuhi kehendak perlembagaan parti, perhimpunan agung tahunan merupakan peluang bagi pemimpin dan ahli parti dari seluruh negara bertemu dan menambahkan kemesraan di kalangan mereka. Di samping itu, perhimpunan agung tahunan memberi peluang kepada ahli-ahli parti bagi merenung kembali kepada kejayaan-kejayaan parti di masa lepas dan menentukan corak dan strategi perjuangan parti pada masa yang akan datang.

Ladies and Gentlemen,

The annual general assembly provides the opportunity for the leaders and members of MIC from all over the country to meet and strengthen their solidarity. At the same time, parti members must use this occasion to reflect on the party's achievements in the past year as well as to determine the direction of the party's strategies for the future. I wish to join Tan Sri Manickavasagam in recalling the contributions and services of the late Tun V.T. Sambanthan to the MIC and to the nation.

The late Tun Sambanthan played a prominent role in the achievement of our country's independence and was, both by words and deeds, committed to the achievement of national unity. Our nation's prosperity, stability and unity were, in no small way, a result of his untiring efforts and sacrifices. It is upon these foundations laid by our past leaders such as the late Tun Sambanthan that we today are entrusted to continue to build our country's future.

The past leaders and members of the MIC have played a significant and positive role towards the building of a united and prosperous Malaysia. This role has been continued under its present leadership and I am confident that it will continue in the future. The MIC has played a key role in a government that is based upon the procedure of consultation and the spirit of consensus. This has been the basis for the creation of the Alliance and now, the Barisan Nasional. The process of consultation and consensus have effectively provided for the resolution of conflict which is an everpresent reality in a multi-racial nation like Malaysia. As a nation, we have survived and prospered because of our commitment to the process of consultation and the spirit of consensus. As a nation, we still have a long way to go and many more challenges to overcome. The future well-being of our nation depends upon our efforts today at strengthening the existing machinery for consultation and consensus. In addition we need the presence of leaders from all communities who are committed towards consultation and consensus as the means to the resolution of conflict.

A direct consequence of a government by consultation and consensus is that those who are involved in the process that is the leaders of the component parties, have to be more than just leaders of their respective political parties or communities. Indeed, they have to be national leaders acceptable to all communities and continually guided by national considerations rather than merely representing the interests of a particular community. If we do not rise beyond communal considerations and continue to assume that the benefits enjoyed by one community is at the expense of another there is a danger that the gains that we have achieved so far will be wiped out. This danger is everpresent if we keep upping the ante in competition with the opposition to promise more than what can be delivered in meeting the conflicting demands of each and every community. As members of the party in power, we cannot and should not promise more than what can be delivered by the government itself. We are in a position to deliver our own promises. We must not be placed in the position of having to deliver the promises of the opposition. We have therefore to be truthful to the people particularly those of our own community, as to the gains that have been

achieved and the benefits that are being enjoyed. We must not be detractors to our own achievements.

Ladies and Gentlemen,

I would like to take this opportunity to touch on an issue which has been raised by Tan Sri Manickavasagam in his welcome address. As you are all aware, the issue of more places in our local universities for non-bumiputera students has attracted the comments of many politicians from both within and outside of the Barisan Nasional. The Government's position on this issue has already been clearly stated in the Dewan Rakyat on December 11, 1978, that in the process of expansion of our universities, more places will be given to non-bumiputera students. This is in line with our promise in our 1978 General Election Manifesto that we will continue to raise standards and expand opportunities for education at all levels and guarantee fair and just opportunities and facilities for all the people.

Consequently, the recently announced intake of students into the five local universities for the 1979/80 session is a demonstration of our good faith in implementing our promise of giving more places to non-bumiputeras. This increase is contingent upon the process of expansion of the existing local universities. It will continue so as to achieve the final objective that our universities intake reflects the racial composition of this country. The central issue is how soon should this objective be achieved. Therefore, the time frame within which the racial imbalance in higher educational opportunities will be redressed is being worked out in the spirit of consultation and consensus of the Barisan Nasional.

The issue of more places in our local universities for non-bumiputera students should be viewed separately from the ratio of bumiputera to non-bumiputera students in our universities. The latter will certainly not hinder the fulfilment of the Government's pledge to give more places to non-bumiputera students since more places will be given to them as our universities expand and this is now being undertaken. As regards to the ratio of places for bumiputera and non-bumiputera students, the lack of opportunities for university education in the past for bumiputera students and the overall opportunities for university education both locally and overseas, should also be taken into consideration. This is directly related to the achievement of the New Economic Policy which has been accepted by all component parties in the Barisan National Government as vital to the achieving of social, political and economic stability for this country.

Apart from the matter of more places, Tan Sri Manickavasagam has also pointed out the need for some form of weightage be given to compensate for the differing standards of education in rural and urban schools. There are also views that weightage should be given to applicants coming from poor families. They are the ones who will suffer most from the lack of places in our local universities since they cannot afford to seek university education overseas. The government appreciates the plight of applicants from rural areas and poor families, and is actively evaluating the methodology to be employed so as to compensate for the economic and social handicaps which can hinder a person's admission into a local university.

We in the Barisan Nasional be the first to understand clearly the government's position. The mechanics of implementing any decision taken takes time. The increase in the number of places has already been shown in the recent intake. We have demonstrated our good faith. We have kept our promise. We must therefore not succumb to the pressure of the detractors who cannot see beyond their own emotions and unreasonableness. Education has been for too long a political issue and it is time that we now demonstrate our will to resolve it in a manner befitting the trust and confidence that has been placed in us by the people of this country. We should not attempt to change the basis for consensus on the New Economic Policy mid-way. Neither should we allow ourselves to be distracted from our agreed objectives.

Ladies and Gentlemen,

In a multiracial society like ours with the various communities understandably concerned over the preservation and advancement of its own interests, education is not the only issue which can become overly politicised. Through the process of consultation and consensus, we have successfully resolved most of these conflicting demands and aspirations so as to sustain our efforts at nation-building. At varying points of our national growth we have achieved consensus on many issues and with each consensus we have moved forward in the process of nation-building.

Inevitably, the process of nation-building by consensus is slow but it is undeniable that progress has been achieved. There are those who would like us to move faster. We are not concerned with their haste. There are however, people who try to nullify each and every consensus and in effect try to bring us back to the starting point of our nation's history. These are the detractors who would have us believe that the

past has no significance for the present and that the present is more important than the future. These are the ones who feed on the sacrifices of past generations of Malaysians and who will contribute nothing for future Malaysian. We must be wary of them because if we hesitate and undo the consensus of the past which are the foundations for our nation's future, our approach to nation-building will be one of imbalance. While we have progressed so far ahead since Merdeka in the field of physical and economic development, we cannot go backwards in the development of the social and political aspects of our nation-building.

A nation cannot be defined by its economic achievements alone; it must also have a soul, an identity, so that it can become a nation that is alive and vibrant. It is therefore imperative that in our process of nation-building, a balanced approach be adopted towards the development of the social and political facets as well as the physical and economic development of the nation. Both these aspects are equally important, and infact, cannot be taken separately. Furthermore, they are mutually reinforcing. For this reason, attempts to dismantle the consensus that have been attained in the past or, more explicitly, to bring the nation's social and political development back to the starting point of our nation's history, can have an immeasurable adverse effect upon our own economic prosperity. We must move forward, we should not make nervous backward glances, because we are convinced that the foundations that have been laid by our past leaders are firm and strong. We must carry on with our duty to build upon these foundations.

Ladies and Gentlemen,

As members of a political party which has been involved in the reaching of consensus in the past, MIC members have a part to play in this task. The MIC has successfully galvanised the Malaysian Indian Community into working towards this ideal. To be as successful as it was in the past, it must maintain the leadership of the Malaysian Indian Community. And this must begin within its own ranks where discipline and unity of purpose at every level must continually be safeguarded. In this respect, I congratulate Tan Sri Manickavasagam and Datuk Samy Vellu, who have both been returned unopposed as President and Deputy President respectively.

This development is testimony of the capacity of the leaders and members of the MIC to put the interest of the party above personal ambition. This is a sign that augurs well for the Malaysian Indian Community and our nation.

Ladies and Gentlemen,

I now have great pleasure in declaring open the 27th MIC General Assembly.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA MERASMI-KAN BANGUNAN BARU KOMPLEKS KEWANGAN DI-JALAN RAJA CHULAN, KUALA LUMPUR, PADA 2 JULAI, 1979.

Yang Berhormat Encik Ghafar Baba, Pengurus Kompleks Kewangan Malaysia Berhad, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pegawai serta Kakitangan Kompleks Kewangan Malaysia Berhad, Dif-dif Kehormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Majlis perasmian bangunan pada hari ini amatlah besar maknanya kepada Kompleks Kewangan Malaysia Berhad. Dengan mempunyai bangunannya sendiri tersergam maka dapatlah ia menempatkan semua anak-anak syarikatnya di bawah satu bumbung.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kompleks Kewangan di atas kejayaannya ini. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan, terutama kepada Pengurusnya, Encik Ghafar Baba, kerana memberi penghormatan kepada saya merasmikan pembukaan bangunan ini.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Encik Ghafar tadi, bahawa Kompleks Kewangan ini telah ditubuhkan pada awal tahun 1973. Penuhannya telah meningkatkan lagi kegiatan pelabur-pelabur bumiputera dari semua lapisan masyarakat dengan melibatkan diri dengan secara tidak langsung di dalam syarikat-syarikat swasta. Keupayaannya ini membayangkan bahawa masyarakat bumiputera telah sedar betapa pentingnya mereka melibatkan diri dalam pelaburan-pelaburan syarikat swasta.

Dengan adanya sokongan seperti ini maka dapatlah Kompleks Kewangan dan anak-anak syarikatnya bergerak dengan lebih cergas dan berkesan lagi, menggembangkan sumber-sumber kewangan kaum bumiputera. Penyertaan rakyat bumiputera, terutama dalam sektor ekonomi moden, perlulah ditingkatkan lagi supaya matlamat menyusun semula masyarakat sebagaimana yang ditetapkan di bawah Dasar Ekonomi Baru itu dapat dicapai sepenuhnya. Saya harap kaum bumiputera seluruhnya dapatlah meningkatkan lagi wang simpanan mereka dengan cara menyimpan di dalam institusi yang sedia ada atau melabur melalui institusi kewangan bumiputera seperti Kompleks Kewangan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baru, hampir sembilan tahun yang lalu, hakmilik modal saham kaum bumiputera termasuklah kepentingan bumiputera pada keseluruhannya, telah meningkat daripada \$280 juta dalam tahun 1971 kepada \$2,156 juta pada tahun 1978. Jumlah ini merupakan 10.3% daripada jumlah besar hakmilik modal yang terkumpul. Kejayaan ini belumlah lagi memuaskan, terutama jika diambil kira bahawa daripada jumlah 10.3% ini kaum bumiputera perseorangan hanya memiliki sebanyak 3.6% sahaja. Angka ini adalah terlalu kecil. Kita hanya mempunyai sebelas tahun lagi sebelum berakhirnya tempoh jangka yang ditetapkan untuk pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990. Kita harus sedar bahawa kejayaan pelaksanaan Dasar ini bergantung antara lain, kepada keupayaan dan kebolehan kita meningkatkan lagi sumber kewangan kita, di samping mewujud, membangun dan menambahkan bilangan usahawan-usahawan bumiputera.

Dalam masa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini berbagai agensi Kerajaan dan berbagai bentuk institusi pelaburan telah ditubuhkan. Kese muanya bertujuan membuka peluang kepada pelabur-pelabur bumiputera melabur sumber kewangan mereka bagi menjamin masa depan kaum bumiputera. Kemudahan yang disediakan oleh Kompleks Kewangan ini merupakan satu daripadanya. Tiap-tiap tabung Kumpulan Modal Bumiputera yang telah dilancarkan oleh Kompleks Kewangan ini di masa-masa yang lalu telah mendatangkan pulangan modal yang memuaskan. Dengan adanya galakan ini, maka pelancaran Tabung Kesepuluh Kumpulan Modal Bumiputera pada bulan Oktober tahun lalu, telah berjaya menggembeling sebanyak \$15.2 juta. Ini adalah \$5.2 juta lebih daripada yang dikehendaki. Pelabur-pelabur bumiputera kini telah mula menghargai aktiviti pelaburan seperti yang disediakan oleh Kompleks Kewangan ini.

Kebanyakan agensi Kerajaan dan institusi pelaburan yang ditubuhkan bagi membantu pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, telah mengalami berbagai cabaran dan dugaan. Ada yang telah dapat mengatasi segalanya dan mencapai kejayaan yang amat menggalakkan. Oleh kerana mereka ini ditubuhkan sebagai pemegang amanah kaum bumiputera, maka sudah sampailah masanya pertimbangan diberikan supaya sebilangan perusahaan-perusahaan yang menguntungkan yang dikendalikan oleh agensi-agensi ini, dipindah milik kepada kaum bumiputera yang berkebolehan dan berkeupayaan.

Agensi-agensi Kerajaan hendaklah sedar bahawa sebagai pemegang pemegang amanah kepada kaum bumiputera, mereka adalah bertang-

gungjawab bagi memupuk dan membimbing serta memajukan lagi pengusaha-pengusaha bumiputera, di samping mewujudkan usahawan-usahawan bumiputera yang baru. Mereka tidak harus wujud bersaingan diantara satu sama lain, lebih-lebih lagi bersaingan dengan kegiatan yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha bumiputera secara individu. Mereka mestilah bekerjasama serta menyelaraskan kegiatan-kegiatan mereka supaya keupayaan dan kemampuan melabur modal di kalangan kaum bumiputera dapat ditingkatkan lagi. Peranan agensi-agensi ini hendaklah sebagai penggerak dan pemegang amanah. Di mana-mana yang sesuai dan menasabah mereka patutlah memberi perlindungan kepada kaum bumiputera yang memerlukannya. Kepada kaum bumiputera seluruhnya, saya berharap mereka akan terus mengambil peluang ini untuk memperbaiki diri sendiri demi menjamin kepentingan dan masa depan kaumnya sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh institusi kewangan seperti Kompleks Kewangan ini antara lain, membolehkan kaum bumiputera menikmati keuntungan melalui berbagai bentuk pelaburan. Saya difahamkan bahawa kompleks ini menerusi Pelaburan Amanah Nasional Berhadnya, yang kini mempunyai pengurusan pelaburan profesional, akan melancarkan rancangan baru yang akan memberi peluang kepada kaum bumiputera melabur di dalam saham-saham syarikat-syarikat yang tertentu. Sekim seperti ini merupakan satu cara bagaimana pelabur-pelabur bumiputera boleh menikmati keuntungan dalam pelaburan saham-saham syarikat dan pelaburan harta dengan cara membeli saham-saham yang dikeluarkan oleh syarikat Amanah Saham itu sendiri.

Di samping itu, menerusi anak-anak syarikat yang lain Kompleks Kewangan ini juga menyediakan kemudahan-kemudahan pelaburan lain seperti kemudahan pasaran wang jangka pendek, perkhidmatan Bank Saudagar, perkhidmatan pinjaman, perkhidmatan broker wang dan mata wang asing, broker insuran dan perkhidmatan syarikat peminjam. Melalui Kompleks ini juga segolongan bumiputera yang mahir dalam bidang pasaran saham telah dapat diwujudkan. Mereka ini kini sedang berkhidmat dengan agensi-agensi atau institusi-institusi kewangan yang lain. Sumbangan Kompleks Kewangan ini dalam bidang kemahiran pasaran saham sangatlah membanggakan.

Saya amat menghargai serta menjunjung tinggi pengakuan yang telah dilafazkan oleh Encik Ghafar tadi bahawa Kompleks Kewangan ini akan

sentiasa bekerja keras menunaikan tugas dan tanggungjawabnya. Sesungguhnya amanah dan kejujuran hendaklah menjadi mutu kelayakan utama sifat dan sikap setiap ahli lembaga pengarah dan kakitangan pengurusan dalam sebarang institusi kewangan, terutama badan-badan yang telah diamanahkan oleh rakyat. Pada setiap masa, mereka mestilah mengutamakan kepentingan rakyat lebih daripada kepentingan diri sendiri. Sifat-sifat mulia dan terpuji ini akan dapat mengukuhkan lagi kepercayaan rakyat kepada sesebuah institusi.

Memandangkan kepada perkembangan dalam beberapa tahun yang akhir ini, saya mengingatkan setiap pegawai dan kakitangan yang bertugas dengan institusi-institusi yang menjaga kepentingan ekonomi orang-orang Melayu dan bumiputera supaya mengukuhkan lagi semangat keimanan dan kesetiaan. Mereka hendaklah sentiasa bersedia untuk berkhidmat dan berbakti secara jujur dan ikhlas. Inilah sebaik-baik sumbangan bagi menjamin kedudukan ekonomi bangsa dan negara yang kukuh. Kesilapan, kepincangan dan kelemahan yang telah berlaku pada masa-masa yang lalu hendaklah dijadikan contoh tauladan yang baik. Janganlah hendaknya kita menyalahgunakan kebijaksanaan dan kepakaran kita untuk kepentingan diri. Kita mestilah menjunjung tinggi amanah dan kepercayaan rakyat yang memerlukan kepimpinan yang bijak dan jujur daripada pihak pengarah dan pengurusan.

Berbalik kita kepada majlis perasmian ini, saya sukacita menyatakan bahawa keputusan Kompleks Kewangan melabur semula keuntungannya dalam bentuk harta tetap adalah satu langkah yang baik. Saya percaya Kompleks Kewangan ini akan dapat menggunakan kemudahan baru ini untuk memusatkan lagi usaha dan kegiatannya dan anak-anak syarikatnya di masa-masa akan datang. Saya mendoakan selamat maju jaya. Saya juga mendoakan semoga Allah sentiasa memberi perlindungan kepada setiap orang yang menggunakan bangunan ini serta menjayakan semua syarikat dan perusahaan yang berlindung di dalamnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan ini, saya dengan nama Allah yang amat pemurah lagi amat mengasihani, merasmikan pembukaan Bangunan Kompleks Kewangan Malaysia Berhad.

Terima kasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI, SELAKU PRESIDEN UMNO DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-30, DI NIRWANA BALLROOM, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR, PADA 6 JULAI 1979.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tuan Pengurus Persidangan, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden, Yang Berhormat Naib-naib Presiden, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Parti Anggota Barisan Nasional, Ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, Dif-dif yang kehormat, Para Perwakilan dan Pemerhati sekalian.

Bismillah-Hirahman-Nirahim.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala yang telah melimpahkan rahmatNya serta mengurniakan izinNya, sehingga dapat kita semua berkumpul sekali lagi pada tahun ini bagi menjayakan Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-30. Semoga Allah memberi taufik dan hidayahNya kepada kita semua supaya dapat kita menerima tugas dan kewajipan kita dengan penuh ketabahan dan ketenangan di Perhimpunan Agung ini.

Saya mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada ketua-ketua dan wakil-wakil parti anggota Barisan Nasional serta dif-dif yang lain di atas kesudian mereka hadir di majlis pembukaan ini. Kepada para perwakilan dan pemerhati, terutamanya mereka yang menghadiri Perhimpunan Agung ini buat pertama kalinya, saya bagi pihak ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO, mengalu-alukan kehadiran mereka.

Hari ini genaplah seratus hari peristiwa sedih dan pilu yang telah menimpa negara disebabkan kemangkatan secara mengejut Almarhum Tuanku Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim. Bagi pihak ahli-ahli Majlis Tertinggi dan para perwakilan sekalian, saya merakamkan ucapan takziah yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Zainab dan Duli Yang Maha Mulia Sultan serta keluarga Diraja Kelantan di atas kemangkatan Almarhum itu.

Di samping itu marilah kita, sempena dengan Perhimpunan Agung ini, merakamkan juga setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, di atas perlantikan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Persidangan juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman di atas perlantikan Baginda sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

PINDAAN

Perhimpunan kita kali ini amatlah penting. Pada petang ini dan hari esok, para perwakilan akan membahaskan ucapan dasar serta membincangkan usul-usul yang dibentangkan. Hari Ahad telah ditetapkan sebagai Perhimpunan Agung Khas bagi membahaskan beberapa pindaan kepada Perlembagaan UMNO. Oleh kerana pindaan-pindaan ini akan dikemuka dan dibincangkan dalam Perhimpunan Agung Khas, saya tidaklah hendak menyentuhnya dengan panjang lebar, sekadar untuk memaklumkan bahawa kajian kepada perlembagaan, seperti yang akan kita lakukan pada hari Ahad ini, perlu dibuat dari masa ke masa bagi memperkemas dan melicinkan lagi jentera pentadbiran parti.

Secara kebetulan juga, esok genaplah satu tahun parti kita menerima mandat baru dari rakyat untuk mentadbirkan negara dan memusatkan pelaksanaan pembangunan. Sebagai parti yang terbesar dan tertua dan yang sentiasa mendapat kepercayaan sebilangan besar orang-orang Melayu, UMNO mesti berupaya meneruskan usahanya supaya ia dapat meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan rakyat. Bagi membolehkan usaha ini dilaksanakan kita mestilah mengukuhkan lagi parti kita serta menggembelingkan tenaga dan kekuatan parti kita. Kekuahan UMNO terletak pada sokongan rakyat yang diperolehinya, kegiatan-kegiatan yang dapat dijalankan, keadaan jentera partinya yang licin serta kualiti pemimpin-pemimpinnya.

Perpaduan dan cinta kepada tanahair dan bangsa serta semangat berani dan kesanggupan untuk menjaga dan mempertahankan kepentingan-kepentingan rakyat dan hak asasi kita mestilah dikekalkan dan dikekukuhkan lagi. Keupayaan kita memperjuangkan perkara-perkara inilah yang akan menjadi ukuran sama ada rakyat akan terus memberikan kepercayaan dan sokongan kepada kita atau sebaliknya.

Dalam menghadapi sesuatu masalah, sama ada kecil atau besar, setiap pemimpin dan ahli UMNO mestilah sentiasa tenang serta hendaklah menghadapinya dengan perasaan dan fikiran yang terbuka dan waras. Kita hendaklah sentiasa berpandangan jauh dan cuba mengatasi setiap masalah itu dengan sikap yang rasional.

Sebagai parti utama mendukung Kerajaan Berjiwa Rakyat, UMNO mestilah sentiasa berjiwa dan bersemangat, serta sedar terhadap ke-

wajipan dan tanggungjawabnya. Jentera pentadbiran dan sistem penerangan parti dari ibu pejabat sampailah ke cawangan-cawangan hendaklah sentiasa digerakkan bagi menyelaraskan semua kegiatan-kegiatan parti serta mewujudkan perpaduan di kalangan ahli dan rakyat.

Perjumpaan-perjumpaan bagi mendekati rakyat serta mengetahui masalah yang dihadapi oleh mereka hendaklah diadakan dari masa ke-semasa. Perjumpaan seperti ini bukan sahaja untuk memberi penerangan kepada rakyat khususnya ahli-ahli parti di atas dasar dan tindakan Kerajaan, tetapi juga untuk mendapat maklumat balas atau "feed-back" dan reaksi dari rakyat terhadap sesuatu dasar dan tindakan Kerajaan. Dengan jalan ini, maka dapatlah pemimpin UMNO mengetahui dan mendekati masalah-masalah semasa, yang dihadapi oleh rakyat serta mencari jalan bagi menyelesaiannya dengan kadar yang lebih cepat dan segera.

KONVENTSYEN

Dalam Perhimpunan Agung Khas, di antara pindaan kepada Perlembagaan UMNO yang dicadangkan ialah bagi UMNO Perhubungan di setiap negeri mengadakan Konvensyen Tahunan. Dalam konvensyen ini pemimpin-pemimpin parti dari seluruh bahagian dalam sesebuah negeri itu, dapatlah membincangkan berbagai masalah yang timbul di dalam negeri yang berkenaan. Masalah-masalah politik, ekonomi dan sosial yang khusus bagi sesebuah negeri, dapatlah dibincangkan dengan lebih mendalam dan keputusan-keputusannya dijadikan atas tindakan oleh Kerajaan Negeri. Konvensyen seperti ini adalah penting supaya masalah-masalah di peringkat negeri diselesaikan segera di peringkat yang berkenaan.

Kemajuan negara pada keseluruhannya adalah bergantung kepada keupayaan dan kemampuan negeri-negeri mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Konvensyen seperti ini amatlah berfaedah bagi membolehkan rakyat dan ahli-ahli parti menyuarakan sedikit sebanyak hasrat dan kesulitan mereka serta melahirkan pandangan dan teguran terhadap jentera pentadbiran dan dasar kerajaan di peringkat negeri. Dengan jalan ini maka dapatlah pihak yang bertanggungjawab di atas kesempurnaan dan kelincinan pentadbiran Kerajaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di peringkat negeri, bertindak mengikut garis panduan yang lebih munasabah dan berkesan. Melalui konvensyen-konvensyen seperti ini juga dapatlah kita memperkuat hubungan dengan pucuk pimpinan di negeri-negeri dan dengan ini memberikan kepercayaan dan keyakinan yang lebih kepada pucuk pimpinan negeri bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka.

SEMANGAT BERMESYUARAH

Perpaduan dan persefahaman di kalangan parti-parti anggota Barisan Nasional amatlah penting bagi mewujudkan kestabilan politik tanahair. Sejak tahun-tahun lima-puluhan, semasa kita sedang giat memperjuangkan kemerdekaan, semangat bermesyuarah di antara pemimpin dan rakyat berbilang kaum di negara, telah menjadi amalan kita. Sistem runding-merunding juga diamalkan oleh parti-parti dalam Perikatan dan seterusnya di masa ini di kalangan parti anggota Barisan Nasional.

Tujuan utama Barisan Nasional diwujudkan ialah untuk mengurangkan perselisihan dan persaingan dalam kegiatan-kegiatan politik supaya perhatian sepenuhnya dapat ditumpukan terhadap pelaksanaan projek dan rancangan pembangunan. Sejak ditubuhkan lima tahun yang lalu, Barisan Nasional telah dapat mengukuhkan lagi perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini. Melalui sistem bermesyuarah dan bermuafakat serta amalan mematuhi persetujuan dan keputusan ramai, kerjasama dan persefahaman di kalangan pemimpin dan ahli parti-parti anggota Barisan Nasional, telah dapat dieratkan lagi.

Sewajarnyalah semangat dan amalan baik ini disubur dan ditingkatkan lagi bukan sahaja di peringkat pusat bahkan di peringkat-peringkat Bahagian dan Cawangan. Sebagai teras parti yang mendukung Kerajaan, UMNO hendaklah menjalankan daya usaha utama dalam mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman di kalangan parti anggota Barisan Nasional di semua peringkat. Dengan jalan ini kemajuan yang lebih tinggi dalam semua bidang akan dapat dicapai.

PENDATANG HARAM

Perhimpunan Agung UMNO pada tahun ini diadakan pada masa dan ketika seluruh dunia sedang sibuk menyuara dan membincangkan mengenai penghijrahan beramai-ramai orang-orang Vietnam dari negaranya. Kebanjiran pendatang-pendatang haram ke tanahair kita telah mengakibatkan masalah-masalah politik dan sosio-ekonomi yang serius kepada Malaysia.

Tindakan tegas kita untuk mencegah kemasukan berlanjutan orang-orang pelarian dari Vietnam ini telah menarik perhatian seluruh dunia di akhir-akhir ini. Isi kandungan jawapan saya kepada telegram Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, menggariskan dasar baru kerajaan terhadap pendatang-pendatang haram Vietnam dan orang-orang pelarian yang masuk ke perairan kita. Sikap tegas kita ini hendaklah disifatkan sebagai amaran kepada orang-orang pelarian Vietnam yang hendak mencari perlindungan.

Langkah tegas kita ini juga hendaklah disifatkan sebagai notis kita kepada kerajaan-kerajaan negara asing yang telah berjanji dan memberi pengakuan untuk menerima pendatang-pendatang haram ini untuk bermastautin di negara-negara mereka. Mereka hendaklah segera mengambil orang-orang pelarian ini.

Kita tidak lagi sanggup dibebankan dengan ramai lagi pendatang-pendatang haram Vietnam. Bagi meringankan beban ini Malaysia bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain akan meminta Kerajaan Amerika Syarikat dan negara-negara lain yang sedia menempatkan orang-orang pelarian Vietnam supaya mengadakan pusat-pusat penapisan di negara masing-masing. Malaysia bersama-sama dengan negara-negara ASEAN akan terus menggesa negara-negara maju supaya mempercepatkan dan meningkatkan lagi program pemindahan orang-orang pelarian Vietnam ini.

Masalah pendatang-pendatang haram ini memang tidak boleh diselesaikan oleh Malaysia sahaja. Ia memerlukan penyelesaian di peringkat ASEAN dan seterusnya di peringkat antarabangsa. Kita telah dapat menarik perhatian dunia luar terhadap masalah ini di Persidangan Geneva pada bulan Disember tahun lalu dan di Perjumpaan Jakarta dalam bulan Mei lalu. Menteri-menteri Luar ASEAN telah sekali lagi mengadakan mesyuaratnya lebih kurang seminggu lalu di Bali. ASEAN telah menjelaskan pendiriannya kepada Amerika Syarikat, Jepun, Australia, New Zealand dan negara-negara EEC. Persidangan antarabangsa mengenai masalah ini akan diadakan di Geneva pada 20hb. dan 21hb. Julai ini. Malaysia akan menghadiri persidangan ini bagi menegaskan pendirian dan sikap kita serta mendesak persidangan ini menyusun satu program tindakan bagi menyelesaikan masalah ini dengan segera.

Walau bagaimanapun, Malaysia akan terus mengambil daya usaha utama bersama-sama dengan negara-negara anggota ASEAN mendesak Kerajaan Vietnam mengaturkan dengan UNHCR pemergian teratur rakyatnya yang ingin meninggalkan negara itu dan menerima balik mereka yang telah keluar dengan tidak melalui saluran yang ditentukan itu.

Masalah-masalah yang kita hadapi sekarang ini, merupakan satu cabaran kepada kita semua dan perlu kita hadapi tanpa kehilangan kewarasan fikiran. Kita akan membahaskan satu usul mengenai pendatang haram dalam Perhimpunan Agung ini.

KETAHANAN

Sekalipun masalah pendatang haram telah menambahkan beban dan tanggungjawab angkatan tentera dan pasukan polis kita, tetapi ia tidak menjelaskan keselamatan negara, pada keseluruhannya. Pasukan keselamatan telah berjaya mematahkan kegiatan-kegiatan pengganas komunis. Kejayaan ini adalah hasil dari ketabahan dan dedikasi perajurit-perajurit kita serta sokongan yang diberikan oleh rakyat. Kerjasama yang erat daripada negara-negara jiran kita iaitu Thailand dan Indonesia amatlah berkesan dalam mengawal dan mengatasi ancaman musuh ini.

Perbuatan memecah patung-patung berhala dan kuil-kuil oleh segerombongan kecil masyarakat kita, telah menimbulkan keimbangan di kalangan rakyat yang berkenaan. Kerajaan memandang berat terhadap perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini kerana ia boleh menjelaskan keselamatan negara.

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan yang tinggi dalam masalah-masalah yang melibatkan keselamatan dan ketenteraman, lebih-lebih lagi perkara-perkara yang boleh mengancam keselamatan negara. Langkah kerajaan hendak membentarkan kegiatan anasir-anasir antinasional, penyeludupan, penyalahgunaan dadah serta menangkap dan mengenakan hukuman-hukuman yang berat kepada pengedar-pengedar dadah, adalah terbukti dari tindakan dan gerakan yang dijalankannya dari masa ke semasa. Kerajaan tetap bertindak tegas bagi mewujudkan dan seterusnya mengekalkan keamanan dan keharmonian kaum.

Keselamatan negara bergantung kepada ketahanan rakyat. Tugas dan kewajipan mempertahankan maruah, kemerdekaan dan kedaulatan negara bukanlah menjadi tanggungjawab anggota pasukan keselamatan semata-mata. Tanggungjawab ini hendaklah dipikul bersama oleh rakyat jelata. Penyertaan rakyat dalam pertahanan negara dapat membantu angkatan tentera dan pasukan polis mengekalkan keamanan dan ketenteraman. Kerajaan telah pun menubuhkan beberapa rancangan dan pertubuhan di mana rakyat dapat memberi sumbangan mereka terhadap pertahanan negara. Rukun Tetangga, Angkatan Relawan, Tentera Wataniyah adalah di antara beberapa skim dan pasukan yang telah diwujudkan.

Dalam hubungan ini, saya sukalah mengambil kesempatan di Perhimpunan Agung ini mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pasukan keselamatan kita yang telah berkhidmat dengan penuh semangat dedikasi dan keberanian. Persidangan ini juga merakamkan ucapan

terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan-kerajaan Thailand dan Indonesia di atas kerjasama mereka dalam gerakan-gerakan bersama pasukan keselamatan di kawasan sempadan dan perbatasan.

HARMONI PERINDUSTRIAN

Memang tidak boleh dinafikan bahawa kestabilan politik dan keselamatan adalah penting bagi mencapai kemajuan ekonomi. Perkembangan pesat ekonomi negara kita telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia yang menganggur dan separuh menganggur. Secara langsung mereka telah dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, masih banyak lagi peluang pekerjaan yang perlu diwujudkan. Kerajaan telah pun meningkatkan usahanya bagi menarik pelaburan, dari luar dan dalam negeri, serta menggalakkan perkembangan segala bidang kegiatan ekonomi negara.

Di samping berusaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru, kerajaan sentiasa memberi perhatian sepenuhnya kepada kepentingan masyarakat pekerja. Kerajaan mengawal kepentingan mereka supaya mereka bebas dari dieksplotasikan oleh mana-mana pihak. Keadaan ini telah dapat dihasilkan dengan pemeliharaan hubungan yang baik di antara majikan dan pekerja. Kedua-dua pihak telah mengamalkan sikap saling hormat menghormati sambil menyelesaikan sebarang masalah itu melalui perundingan.

Sikap saling hormat menghormati serta proses perundingan ini telah menjadi sebatи dengan sistem cara hidup rakyat Malaysia. Dengan yang demikian, saya tidak nampak sebarang sebab mengapa setengah-setengah pemimpin masyarakat pekerja ingin pula meniru dan mengamalkan cara-cara kesatuan sekerta Barat bertindak bagi menyelesaikan masalah mereka. Amalan Barat yang berasaskan kepada pengalaman dan sejarah mereka, tidaklah sesuai diperlakukan di tanahair kita.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa keadaan sosio-ekonomi negara kita berlainan dengan keadaan di negara-negara Barat. Kepentingan dan matlamat negara kita berlainan dan kadangkala bertentangan dengan kepentingan dan matlamat mereka. Umpamanya, di dalam bidang perdagangan antarabangsa, kita sedang berusaha bagi melepaskan negara kita daripada kongkongan sistem lama perdagangan antarabangsa ciptaan negara-negara Barat. Malangnya, usaha kerajaan ini dihalang oleh sikap perlindungan negara-negara Barat yang dihasilkan oleh desakan dan kepentingan pekerja-pekerja negara Barat.

Tambahan pula, kepentingan pekerja Barat adalah bertopengkan cogankata-cogankata yang melaungkan perpaduan dan setiakawan buruh antarabangsa. Ini mudah dilakukan oleh kerana ibu pejabat gabungan sekerja antarabangsa dikuasai sepenuhnya oleh golongan pekerja negara-negara Barat. Keadaan ini telah dibuktikan dalam pertikaian MAS-AEU pada bulan Februari lalu, di mana gabungan sekerja antarabangsa ITF, telah campur tangan dalam hal ehwal kaum sekerja tempatan, dengan tidak sedikit pun menghiraukan kedaulatan undang-undang negara kita.

Campur tangan asing di dalam sesuatu pertikaian tempatan ini telah dilakukan sambil berselindung di belakang cogankata perpaduan dan setiakawan buruh antarabangsa. Campur tangan asing, di dalam apa bentuk dan bidang sekali pun, akan menjelaskan kepentingan negara. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat yang cintakan negara ini supaya sentiasa meletakkan kepentingan negara di atas sebarang fahaman perpaduan dan setiakawan antarabangsa.

PELAJARAN KUNCI KEMAJUAN

Pelajaran adalah kunci bagi mencapai sebarang kemajuan. Tidak ada bangsa atau negara yang akan maju tanpa pelajaran. Ia merupakan asas terhadap pencapaian segala matlamat ekonomi dan sosial negara. Matlamat utama Dasar Pelajaran Kebangsaan ialah mewujudkan perpaduan yang berkekalan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Ini telah dilaksanakan dengan jayanya sejak 23 tahun yang lalu. Sistem Pelajaran Kebangsaan yang ada sekarang ini, dengan menggunakan satu bahasa pengantar, adalah sebaik-baik cara bagi mencapai matlamat jangka panjang Dasar Pelajaran.

Sebagaimana kita sedia maklum, mengikut ketetapan yang dipersejui oleh Jawatankuasa Razak dan Penyata Rahman Talib, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua, selepas bahasa Malaysia. Saya telah menghuraikan sebab-sebab mengapa kita perlu meningkatkan usaha menekankan keperluan mempelajari bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di dalam ucapan saya ketika merasmikan perjumpaan Biro Pelajaran Bahagian-bahagian UMNO pada 9 Jun lalu. Kita mestilah bersikap pragmatik. Kita janganlah membiarkan pandangan waras kita dikaburi oleh perasaan dan emosi. Bagi pihak kerajaan, saya memberi jaminan bahawa pengajaran bahasa Inggeris tidak akan menjelaskan kedudukan dan kedaulatan Bahasa Malaysia.

Adalah juga menjadi hasrat kerajaan untuk membanyakkan lagi peluang dan kemudahan pelajaran supaya semua yang layak boleh me-

lanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kemudahan pelajaran di pusat-pusat pelajaran tinggi dan universiti-universiti mestilah tidak menjadi kemampuan orang-orang dari keluarga yang berada sahaja. Pendidikan universiti semestinya dapat dinikmati oleh sesiapa yang mempunyai kelayakan. Kerajaan sedang mengkaji satu sistem pengambilan pelajar yang baru bagi menambahkan peluang kepada golongan pelajar dari luar bandar serta dari keluarga yang kurang berada untuk menikmati pelajaran di peringkat yang tinggi ini.

Adalah menjadi matlamat Kerajaan agar pengambilan bilangan pelajar ke universiti-universiti tempatan mencerminkan komposisi keturunan kaum di negara kita. Matlamat ini akan dicapai selaras dengan proses membersarkan universiti-universiti tempatan. Walau bagaimanapun, usaha Kerajaan di bawah Dasar Ekonomi Baru bagi mengimbangkan bilangan bumiputera dalam jurusan-jurusan di mana terdapat kekurangan pelajar bumiputera dan bumiputera yang terlatih akan diteruskan. Usaha ini sepatutnya mengambil kira kemudahan yang terdapat kepada kaum pelajar bumiputera pada masa-masa lepas serta kemudahan pelajaran tinggi pada keseluruhananya, sama ada di dalam atau di luar negeri.

Adalah nyata bahawa Kerajaan telah, sedang dan akan menyediakan berbagai kemudahan di dalam bidang pelajaran bagi kaum bumiputera sama ada dari segi tempat-tempat di universiti ataupun dermasiswa dan biasiswa. Kesemuanya adalah bertujuan bagi menambah kemampuan kaum bumiputera mengimbangkan kedudukannya dengan kaum-kaum lain di negara ini. Dengan jalan ini, maka dapatlah kaum bumiputera yang telah ketinggalan dalam bidang ini, bersaingan dengan kaum-kaum lain. Dalam hubungan ini, generasi muda kita mestilah sentiasa bersedia menyambut peluang-peluang ini kerana kepada mereka lah terletaknya harapan masyarakat dan negara. Pelajar-pelajar hendaklah menumpukan sepenuh masa terhadap pengajian mereka. Jauhkanlah diri dari terlibat dalam kegiatan yang boleh menghalang kemajuan pelajaran. Gejala-gejala seperti ajaran agama salah, penagihan dadah dan lain-lain kegiatan boleh melemahkan kemampuan dan keupayaan mereka dalam bidang pelajaran.

DASAR PERTANIAN NEGARA

Kemajuan dan perkembangan ekonomi negara pada keseluruhananya, bergantung kepada sektor pertanian yang mengandungi bilangan rakyat miskin yang terbesar seperti petani-petani dan nelayan-nelayan. Kerajaan berhasrat hendak memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi mereka melalui usaha-usaha mempelbagaikan punca-punca pendapatan serta

meningkatkan pendapatan petani dan nelayan, di samping menjamin pengeluaran bahan-bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara dan ekspot.

Bagi mencapai hasrat dan cita-cita ini, Kerajaan akan terus melaksanakan program bagi mewujudkan golongan petani yang berorientasi kan perdagangan dan perindustrian; mengadakan perkhidmatan perkembangan yang luas dan cekap supaya petani-petani dapat menambahkan pengeluaran mereka dan meninggikan mutunya; meluaskan skim-skim subsidi serta kemudahan-kemudahan kredit dan seterusnya mewujudkan kemudahan-kemudahan pemasaran yang tersusun. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Padi dan Beras Negara, dan Lembaga Pertubuhan Peladang telah ditugaskan untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ini secara "integrated marketing approach".

Pembangunan pertanian yang pesat dalam sektor kebun-kebun kecil dan pembukaan, kemajuan, penerokaan tanah-tanah baru akan terus diusahakan. Memandangkan pentingnya sektor pertanian dalam pembangunan sosio-ekonomi negara, Kerajaan sedang menggubalkan satu Dasar Pertanian Negara yang meliputi strategi-strategi yang telah saya sebutkan tadi dan program-program berdasarkan kepada keutamaan untuk memberi faedah secara langsung dan cepat kepada petani dan nelayan. Rancangan-rancangan jangka panjang akan menumpukan perhatian kepada pembangunan infrastruktur institusi dan perkhidmatan pertanian secara disatukan. Rancangan-rancangan ini bermatlamat untuk menambah dan memperbaiki punca-punca pendapatan petani. Dalam usahanya hendak mempercepatkan rancangan pembangunan, Kerajaan akan melaksanakan Program Gerak Tani bagi menyelaras dan menyalurkan perkhidmatan-perkhidmatan pertanian perlu kepada petani-petani secara integrated.

Kerajaan akan terus memajukan masyarakat luar bandar. Dalam hal ini, satu kajian telah dibuat bagi mentarafkan kampung-kampung kepada tiga kumpulan mengikut kemajuannya. Kajian ini dibuat secara berperingkat-peringkat. Peringkat pertama telah dijalankan pada tahun lalu bagi mentaraf kampung-kampung di luar Penguasa Tempatan di Semenanjung Malaysia. Kerajaan telah pun mengadakan peruntukan sebanyak \$100 juta bagi tahun 1979 dan 1980 untuk melaksanakan Rancangan Pemulihan Kampung. Rancangan ini akan meningkatkan kemajuan kampung-kampung yang masih meleset di luar bandar supaya setaraf dengan kampung-kampung yang telah maju dalam bidang infrastruktur, ekonomi, sosial dan penyertaan penduduk-penduduk dalam projek-projek Kerajaan.

Sebagai salah sebuah pertubuhan yang besar, UMNO mestilah membantu Kerajaan memulihkan kampung-kampung yang tertinggal ini. Kita patutlah menggalakkan penduduk-penduduk mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan Kerajaan. Semangat berdikari, bekerjasama dan bergotong-royong mestilah dihidupkan semula bagi memajukan keluarga, kampung dan seterusnya negara.

AMANAH DAN JUJUR

Perjuangan UMNO hendaklah sentiasa berlandaskan semangat kejujuran dan keikhlasan. Sesungguhnya, amanah, kejujuran dan keikhlasan adalah sifat yang mulia dan terpuji. Ia merupakan faktor utama bagi mengukuhkan keyakinan dan kepercayaan serta asas penting bagi mencapai kemajuan dan kejayaan. Setiap rakyat, sama ada pemimpin, pengarah, pengurus, pentadbir dan para profesional mahupun seorang kakitangan yang serendah-rendahnya dalam sesebuah jabatan, institusi kewangan, syarikat atau pertubuhan, perlu mempunyai sifat-sifat penting ini. Tanpa amanah dan kejujuran, seseorang itu akan dipandang rendah oleh masyarakat sekalipun ia mempunyai kelulusan yang tinggi, bijak atau berpengalaman luas.

Sesebuah negara akan hancur dan musnah jika pemimpin-pemimpinnya tidak jujur dan tidak amanah atau korap. Banyak contoh teladan yang telah berlaku yang boleh dijadikan panduan kepada kita. Kesan dan akibat buruk yang telah menimpa kepada Bank Rakyat disebabkan oleh sikap dan sifat tidak jujur dan tidak amanah beberapa orang pengarah, pengurus dan pegawainya, hendaklah menjadi satu pengajaran besar kepada lain-lain institusi, badan dan agensi kerajaan, termasuklah syarikat dan anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Kerajaan.

Mereka yang telah diberi tanggungjawab mengendali dan mengawasi urusan-urusan ekonomi, pelaksanaan pembangunan dan menjaga kepentingan rakyat, hendaklah insaf di atas kesilapan, kelemahan, kepincangan dan penyelewengan yang telah dilakukan dalam Bank Rakyat itu. Kerajaan terpaksa menanggung bebananya kerana hendak menyelamatkan wang dan harta-benda kepunyaan rakyat yang miskin, yang memerlukan kepimpinan yang bijak dan jujur daripada pihak pengarah dan pengurusan.

Barang dijauhkan Allah, janganlah "Pisang berbuah dua kali". Sebagai umat Islam kita mestilah mengukuhkan taqwa dan keimanan kita supaya kita tidaklah tergamak hendak melakukan sebarang perbuatan yang salah. Jagalah maruah dan mertabat kita, maruah dan mertabat

kaum kita dan bangsa kita. Janganlah kita terlalu sangat mengikut godaan hawa nafsu serta terpengaruh dengan perasaan tamak-haloba, sehingga sanggup melakukan sesuatu yang curang.

Orang-orang yang memegang jawatan tinggi dan berkuasa, memang sentiasa terdedah kepada berbagai cubaan dan dugaan. Peluang yang banyak dan kemudahan yang terbuka di hadapan mata, boleh mendorong mereka lupa kepada tugas dan kewajipan serta berani menge-nepikan amanah rakyat yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka. Kita sepatutnya menjaga wang, harta dan kepentingan rakyat lebih cermat daripada duit dan harta kita sendiri. Janganlah kita sewenang-wenangnya menggunakan wang rakyat untuk faedah dan kese-nangan diri kita sendiri. Sewajarnyalah kita niagakannya supaya ia boleh mendatangkan keuntungan yang besar atau membelanjakan wang itu untuk projek dan rancangan yang boleh membawa manfaat kepada rakyat jelata.

Kita mesti ingat bahawa wang kerajaan adalah wang rakyat. Peruntu-kan atau pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan kepada badan dan agensi ialah pada hakikatnya wang rakyat. Kita mestilah memegang amanah ini dengan baik dan selamat serta penuh kejujuran. Janganlah kita menghampa dan mengecewakan harapan rakyat. Kita mestilah bertindak sebagai Pagar Menjaga Padi; JANGAN PAGAR MAKAN PADI.

Saya melahirkan pandangan, teguran dan nasihat ini dengan pera-san penuh tanggungjawab, berterus-terang dan secara ikhlas. Saya juga mengingatkan bijak pandai dan golongan intelek, terutama pemimpin-pemimpin parti, baik dalam UMNO mahupun dalam lain-lain parti anggota Barisan Nasional, supaya sentiasa meletakkan kepentingan rakyat dan negara di atas lain-lain kepentingan. Kita hendaklah sentiasa berhati-hati dengan tindakan dan perbuatan kita supaya kita tidak menimbulkan sangkaan yang buruk, sehingga boleh menjelaskan ke-yakinan dan kepercayaan rakyat terhadap parti kita dan Kerajaan.

ROHANIAH

Saya telah menekan sifat-sifat amanah, kejujuran dan keikhlasan, serta menyeru umat Islam supaya mengukuhkan taqwa dan keimanan. Semai dan suburkanlah semangat disiplin diri di kalangan generasi muda kita bagi menjamin masa depan negara. Didikan agama kepada anak-anak kita adalah penting sebagai benteng yang kukuh bagi menghadapi segala cabaran dan dugaan hidup di dunia. Bagi mengimbangi per-

saingan dalam kemajuan pembangunan dan kebendaan. Kerajaan juga melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan rohaniah.

Memandangkan pentingnya didikan agama, Kerajaan telah juga mengambil langkah bagi memperbaiki sukanan pelajaran agama kepada pelajar-pelajar Islam di sekolah-sekolah. Latihan khas juga diadakan bagi guru-guru agama.

Di akhir-akhir ini memang terdapat perkembangan ajaran-ajaran sesat dengan banyaknya. Pada pandangan saya, sudah sampailah masanya bagi kita meneliti perkara ini dengan secara mendalam. Ajaran-ajaran sesat ini bukanlah hasil daripada dakwah yang keterlaluan, tetapi ialah sebenarnya dakyah-dakyah yang disebarluaskan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Islam telah dijadikan sebagai kulit sahaja supaya menjadi daya penarik. Tujuan mereka adalah untuk menghamparkan kegigihan pendakwah-pendakwah, alim ulama dan orang-orang yang berjuang untuk memperkembangkan agama Islam. Satu usul mengenai perkara ini akan dibahaskan nanti.

PERGOLAKAN SERANTAU

Dalam usaha mengeratkan perhubungan persahabatan dan perdagangan antarabangsa kita sentiasa mengikuti perkembangan dan pergolakan-pergolakan dunia. Beberapa peristiwa dan pergolakan di rantau Asia Tenggara ini amatlah membimbangkan. Pergolakan itu menjelaskan ketabilan rantau ini.

Selama lebih dari dua puluh tahun negara-negara di Indochina telah mengalami perperangan yang telah menyebabkan beratus-ratus ribu nyawa manusia terkorban serta membawa penderitaan kepada penduduk-penduduknya. Apabila tamatnya perperangan di Vietnam, kita telah mengharap bahawa keamanan dan ketabilan di rantau ini dapat dipulihkan. Tetapi sebaliknya tercetus pula perselisihan di antara Vietnam dan Republik Rakyat China. Vietnam telah mengikat perjanjian dengan Soviet Russia dan berikutnya dengan ini, Kerajaan Pol Pot di Kampuchea telah digulingkan oleh puak Heng Sarim dengan bantuan tentera Vietnam.

Pergolakan di rantau ini telah berlanjutan dengan tindakan China menyerang Vietnam dan menduduki sebahagian tanah kawasan Vietnam. Sungguhpun Kerajaan Republik Rakyat China telah mengundurkan tenteranya dari Vietnam, perselisihan di antara kedua-dua negara itu masih tidak reda. Kita berharap pihak-pihak yang berkenaan akan menggunakan segala kebijaksanaan dan kewarasan untuk menyelesaikan perselisihan di antara mereka.

Dalam perkara ini Malaysia telah pun menerangkan pendiriannya. Bersama-sama dengan negara-negara ASEAN yang lain, kita telah mengemukakan satu usul di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya kesemua tentera asing diundur keluar dari negara-negara yang terlibat dalam persengketaan. Usul ini adalah berasaskan kepada pendirian kita menolak sebarang campur tangan kuasa asing dalam urusan dalam negeri sesebuah negara. Kerajaan di Kampuchea hendaklah ditentukan oleh rakyat Kampuchea sendiri.

Pergolakan dan persengketaan ini telah dirumitkan lagi oleh perkembangan terbaru. Vietnam telah menempatkan bala tenteranya di sempadan Thailand/Kampuchea dengan alasan memburu pasukan tentera kerajaan Kampuchea yang digulingkan. Kerajaan sedang memerhati perkembangan ini dengan rapi dan teliti supaya dapat menyusun langkah bagi menghadapi sebarang kemungkinan.

"DOMINO THEORY"

Perkembangan yang telah dan sedang berlaku di rantau ini telah menimbulkan semula pendapat di kalangan beberapa pihak kemungkinan jatuhnya kerajaan di Asia Tenggara berasaskan rangkap "Domino Theory". Saya sendiri tidak percaya kepada teori ini. Selagi rakyat Malaysia masih lagi yakin dan menghargai sistem dan cara hidup aman dan bebas yang telah kita amal dan warisi sejak berzaman-zaman itu, teori ini, Insya Allah, tidak akan menjadi realiti. Rakyat telah menikmati keamanan, kebebasan dan kesejahteraan dari sistem yang kita amalkan sekarang. Sebarang percubaan hendak mengubahkannya akan ditentang secara habis-habisan oleh semua lapisan dan golongan rakyat.

Dalam pada itu adalah menjadi tanggungjawab kita semua, khasnya parti yang mendukung kerajaan, memelihara sistem yang diamalkan supaya ianya terus disokong kuat oleh rakyat. Ini hanya akan terjamin jika pemerintah, dari peringkat yang setinggi-tingginya hingga kejawatan yang serendah-rendahnya, sentiasa bersikap jujur dan amanah. Mereka hendaklah mengelakkan berlakunya kepincangan dan pada setiap masa mengutamakan kepentingan rakyat.

Dalam keadaan tidak stabil yang terdapat sekarang ini, kita berasa bimbang terhadap kemungkinan kuasa-kuasa besar campur tangan dalam pertikaian yang sedang berlaku di Indochina. Laporan-laporan yang menyatakan bahawa sebuah kuasa besar telah menempatkan peralatan dan penasihat-penasihat tenteranya di Indochina, adalah satu perkembangan yang menambahkan lagi keimbangan kita. Kita ber-

harap supaya kuasa-kuasa besar dapat bertindak secara lebih bertanggungjawab dengan tidak memburukkan lagi keadaan yang sudah pun keruh itu.

Satu lagi kawasan ketegangan ialah Asia Barat. Kita menyokong sebarang usaha untuk menyelesaikan segera masalah yang dihadapi oleh negara-negara di Asia Barat itu. Walau bagaimanapun usaha-usaha ini hendaklah mengambil kira hak-hak orang Palestine mewujudkan negaranya sendiri.

Dalam bidang kerjasama antarabangsa Malaysia sentiasa menitikberatkan hubungan serantau terutama kerjasama di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Dalam menghadapi masalah bersama, negara ASEAN sentiasa bermuafakat untuk mendapatkan kata sepakat dan pendirian yang sama. Kekuatan ASEAN terbukti dari hubungan yang semakin meluas di antara ASEAN dan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Jepun, Australia, New Zealand dan negara-negara EEC.

Sungguhpun banyak kejayaan telah dicapai oleh ASEAN, usaha perlu dilipatgandakan untuk mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan negara anggota ASEAN. Asas yang kuat bagi mendirikan ASEAN yang lebih kukuh ialah perdagangan dan pembangunan.

Dalam masa kebelakangan ini, barang-barang eksport dari negara-negara anggota ASEAN telah disekat masuk ke negara-negara maju. Bagi mengatasi masalah ini kita perlu memperluaskan perdagangan sesama negara-negara yang sedang membangun, terutama di kalangan negara-negara ASEAN. Amalan lama perdagangan, di mana kita mengeksport bahan-bahan mentah ke negara-negara maju dan mengimpor bahan keluaran perindustrian mereka, sekarang ini perlu diubah suai, sejajar dengan pembangunan perindustrian di negara kita sendiri. Negara-negara maju tetap menjadi pasaran bagi sebahagian besar bahan utama negara kita dan juga menjadi sumber penting bagi kita memperolehi bahan-bahan teknologi yang 'sophisticated'. Bagi pengeluaran perindustrian kita dan keperluan bahan-bahan yang tidak begitu 'sophisticated', patut juga kita mendekati dengan negara-negara membangun. Dengan cara ini, dapatlah negara-negara yang sedang membangun memperluaskan perdagangan di antaranya. Sebagai sebuah pertubuhan bagi kerjasama ekonomi dan sosial, ASEAN telah pun menjadi tumpuan melaksanakan usaha ini.

Beberapa langkah dan tindakan bersama telah pun diambil. Tetapi kejayaan yang tercapai adalah terhad, disebabkan sikap lama yang

masih mengongkong kita. Sikap ini harus diubah memandangkan kepada potensi berdagang sesama kita dan tindakan oleh negara-negara maju menyekat import pengeluaran perindustrian kita.

SEMANGAT DAN SIKAP BARU

Saya telah pun inenerangkan dengan serba ringkas program-program Kerajaan yang hendak dilaksanakan, memberikan pandangan dan pendapat saya dalam beberapa perkara dan menekankan tugas dan kewajipan kita bersama bagi menentukan masa depan UMNO, kaum Bumiputera dan rakyat seluruhnya, serta mempastikan masa depan negara yang lebih terjamin.

Setiap ahli UMNO tentulah sedar bahawa kita sekarang berada dalam tahun ke 22 kemerdekaan negara. Oleh yang demikian gaya kepimpinan seharusnya berbeza daripada apa yang terdapat dalam tahun-tahun awal kemerdekaan dulu. Satu semangat dan sikap baru hendaklah diwujudkan dalam usaha pembinaan negara, pembangunan dan pencapaian perpaduan nasional. Oleh kerana negara kita ini berbilang kaum, maka pembangunan fizikal semata-mata tidak mencukupi bagi menjayakan sebuah negara Malaysia yang adil dan saksama. Masalah dan beban yang dipikul oleh pemimpin-pemimpin semakin bertambah dalam usaha mereka mengisi kemerdekaan mengikut perkembangan dan kehendak sebuah negara berbilang kaum. Memandangkan perlunya kita memusatkan tenaga dalam menjalankan tugas serta meningkatkan kemajuan, maka semangat dan sikap baru adalah menjadi bertambah penting lagi.

Sebagai sebuah negara yang sedang pesat membangun, kita mempunyai berbagai masalah. Terdapat masalah di setiap peringkat iaitu daerah, negeri dan kebangsaan. Sebaik-baiknya ialah bagi masalah-masalah ini diselesaikan mengikut peringkat masing-masing. Rakyat dan ahli-ahli UMNO mestilah mempunyai kepercayaan dan keyakinan kepada pemimpin-pemimpin di peringkat-peringkat tempatan dan negeri yang telah dipilih oleh mereka sendiri. Pemimpin-pemimpin ini, wakil-wakil rakyat Parlimen dan Negeri mestilah digunakan sepenuhnya bagi menyelesaikan masalah-masalah di peringkat masing-masing.

UTAMAKAN PEKERJAAN

Pucuk pimpinan di peringkat pusat pula menghadapi masalah-masalah nasional untuk diselesaikan. Tugas dan tanggungjawab pemimpin-pemimpin kian bertambah, terutamanya di peringkat pusat. Masalah negara dan rakyat ditumpu dan dikemukakan kepada peringkat ini. Tam-

bahan pula, urusan Kerajaan hari ini bertambah rumit dan kompleks. Pucuk pimpinan memerlukan masa bagi menumpukan pemikiran se-penuhnya terhadap masalah-masalah ini serta memberi pertimbangan sewajarnya sebelum membuat sesuatu keputusan. Beban urusan Kerajaan sehari-hari yang dipikul oleh pucuk pimpinan ini menjadikan perlu bagi masa yang terhad itu digunakan dengan sepenuhnya. Kami insaf bahawa lawatan-lawatan adalah perlu bagi mengikuti secara dekat kemajuan dan kejayaan projek-projek Kerajaan di peringkat daerah dan kampung. Walau bagaimanapun, lawatan-lawatan ini tidak dapat dilakukan terlalu kerap. Oleh hal yang demikian, sesuatu lawatan itu hendaklah digunakan sepenuhnya untuk mencapai tujuan yang tertentu. Lawatan-lawatan ini hendaklah disusun dan dilakukan secara "business-like". Pekerjaan dan perbincangan yang boleh memberi faedah kepada rakyat hendaklah diberi keutamaan, bukanlah sambutan secara besar-besaran yang biasanya dilakukan.

Acara dan upacara sambutan hendaklah diringkaskan bagi menjimat masa dan tenaga. Amalan ini akan juga menjimatkan perbelanjaan yang boleh digunakan untuk kepentingan rakyat. Dengan mengadakan acara sambutan yang ringkas dan sederhana, lawatan itu akan lebih berkesan. Cara ini pernah diamalkan atas arahan Allahyarham Tun Razak. Allahyarham Tun telah berkali-kali membuat lawatan secara mengejut tanpa sebarang upacara sambutan. Kesan daripada amalan ini adalah ternyata sekali. Kita mestilah mencontohi cara yang "business-like" ini.

Para Perwakilan sekalian,

Berbalik kita kepada Perhimpunan Agung ini, saya menggesa setiap perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbahasan, supaya menggunakan masa yang terhad di hadapan kita ini, dengan cara yang sebaik-baiknya, lagi boleh memberi kesan. Pandangan dan teguran yang padat, bernes dan membina boleh dijadikan garis panduan kepada tindakan parti dan Kerajaan di masa-masa akan datang.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-30 ini. Semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati segala usaha suci kita.

Wabillahi Taufiq Walhidayah,

Wassalamu Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE DINNER IN
HIS HONOUR BY HIS EXCELLENCY PRESIDENT PARK
CHUNG HEE OF THE REPUBLIC OF KOREA, SEOUL
ON 18TH JULY, 1979.

Mr. President,

The members of my delegation and I are very happy to be in your great country. To most of us, this is our first visit. We are very touched by the kindness, hospitality and warmth with which we have been received by you, your Government and people.

This evening, you and your charming daughter do us a great honour in inviting us to this dinner. This afternoon, you decorated me with one of your country's highest awards. This honour is not only for me, but for my country as well.

My visit to the Republic of Korea is in part, a visit of goodwill to strengthen the already close and very friendly relations that exist between our two countries. Since we established diplomatic relations in the early sixties, the goodwill and friendship between us have been further strengthened by the visit of our former Prime Minister, Tunku Abdul Rahman, in April 1965, and Your Excellency's own visit to Malaysia in February, 1966. In 1969, our head of state His Majesty The Yang Di-Pertuan Agong, paid a state visit to the Republic of Korea. Since then our good relations have developed further through more exchanges of visits by Ministers and officials. To-day, I can happily say that there is close co-operation between our two countries in trade, economic, technical, social and cultural fields.

The other reason for my visit is that I have heard a great deal about the phenomenal success your country has achieved in development and modernisation. In fact, the rates for economic growth and industrial development are most impressive. Your excellency's government has transformed the base of the country's economy from agriculture to industry. At the same time, through your own very vigorous export drives, manufactured products have assumed very great importance, accounting for 89% of the commodity exports in 1977 compared with only 14% in 1960. This is indeed a success story which other developing countries including Malaysia, should learn. The fact that you have been able to achieve this impressive record with scarce natural resources, makes your achievement even more remarkable.

Having seen a little of your country and visited the Chang Won Industrial Estate yesterday, I can well appreciate the factors which contribute towards your success. The secret I believe, lies in the dedication, the drive, the determination and the discipline of the people themselves. What is even more admirable is that you have been able to achieve great progress without sacrificing your national heritage and cultural values. This is again something of which you can be truly proud.

In Malaysia, we too are making strenuous efforts to reach the goals of the Third Malaysia Plan. The Mid-Term Review of the plan was completed recently and so far we have been able to achieve most of the targets. We are determined to ensure the success of the plan. It calls for the total involvement of the people, the private sector and the Government. Although our resource-based economy is very much influenced by outside economic factor, I am confident that we can achieve success.

A major problem facing Malaysia as it reaches a higher level of growth, is undoubtedly the access of her manufactured and semi-manufactured products to the markets of the developed countries. I am sure this is a problem which is also faced by your country. Our products have to face tariff walls, quotas and other protectionist measures imposed by the industrialised countries. Their concern is more to curb unemployment, inflation and protect their less efficient industries which could well be relocated, in developing countries. The talk of an interdependent world, in which there should be close co-operation between countries rich in resources and industrial and technologically-advanced countries, has never seriously been put into practice. Whatever concessions the developed countries have given, have been made grudgingly and these have largely been nullified by their protectionist measures.

In such circumstances, the time has come, I believe when the developing countries should look to each other more than has been done in the past. There are those amongst us which are more technologically advanced than the others. The Republic of Korea is an example. Their expertise and technology would have more relevance, in many cases, to the needs and requirements of the other countries than those obtainable from the developed countries. At the same time countries like Malaysia can provide, directly, resources needed by the others. In this way, we can build very fruitful and beneficial co-operative links without being heavily dependent on the industrialised

countries. Malaysia would be happy to explore this possibility further with the Republic of Korea and indeed with the other countries as well.

The region in which both our countries are located has been described as the region of the future. In it lie those countries which have recorded the highest growth rates in Asia. There is therefore, all the more reason why we should strengthen our trade and economic links for mutual benefits while we continue to work towards an equitable system of trade with greater access to the markets of the developed countries.

This afternoon Your Excellency was kind enough to spare the time to discuss with me the general issue of peace, stability and economic development. There is no doubt that these issues are interlinked and inseparable. I also examined these questions in greater detail this morning with His Excellency, Prime Minister Choi. I have found that both our countries are motivated by the same desire for peace, stability and prosperity. It is a worthy goal for us to pursue and with firm conviction and determination. I am optimistic that our efforts will not be in vain.

Before I sit down, may I request the distinguished guests to rise and join me in a toast to the good health and success of His Excellency President Park Chung Hee, to the good health of the acting first lady, Miss Park Koun Hee, to the success of the Government of the Republic of Korea and to the continued prosperity of the people of this Great Country.

**UCAPAN PERDANA MENTERI, DI MAJLIS PERASMIAN
MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN TAHUN 1399/1979,
PERINGKAT KEBANGSAAN DI STADIUM MERDEKA,
KUALA LUMPUR PADA 9 OGOS, 1979.**

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir Ismail, Penggerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al-Quran, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, Tuan-tuan Yang Terutama Duta-duta dan Dif-dif Ke-hormat dari Luar Negeri, Yang Berusaha Ahli-ahli Jawatankuasa Musabaqah, Qari-qari dan Qariah-qariah, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bismilla-hirrahma-nirrahim.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan taufiq dan hidayahNya, serta rahmat dan inayahNya, dapat kita sekali lagi mengadakan Musabaqah Membaca Al-Quran bagi kali yang ke 21 pada tahun ini. Saya mengucapkan terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Pusat Musabaqah Membaca Al-Quran, khususnya kepada Pengurusinya, Yang Berhormat Tan Sri Syed Nasir Ismail di atas daya usaha serta sumbangan tenaga dan fikiran mereka bagi menjayakan majlis pada malam ini dan seterusnya pada malam-malam yang berikut.

Pada tiap-tiap tahun dalam bulan Ramadhan, seluruh pandangan negara-negara Islam tertumpu kepada negara kita. Mereka melihat di atas sambutan yang diberikan oleh rakyat sendiri serta sambutan dari negara-negara jiran terhadap Musabaqah Membaca Al-Quran yang kita anjurkan ini. Sesungguhnya, usaha yang telah kita jayakan selama 21 tahun ini telah mengharum serta meningkatkan lagi nama baik negara kita. Ia merupakan salah satu dari langkah-langkah Kerajaan bagi meninggikan lagi syiar Islam dan mengeratkan lagi perpaduan umat Islam khususnya di kalangan rakyat di tanahair kita dan penduduk-penduduk di negara-negara Islam yang lain amnya.

Saya sukalah mengambil kesempatan di majlis ini melahirkan penghargaan serta menjunjung tinggi pandangan jauh dan dayausaha Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang mula-mula menganjurkan musabaqah ini dan kepada Allahyarham Tun Abdul Razak, di atas

jasa-jasanya dalam bidang agama dan pembangunan sehingga negara kita menjadi lebih terkenal lagi di dunia, khususnya di kalangan negara-negara Islam.

Tema Musabaqah kita tahun ini iaitu "Ilmu dan Akal Asas Keiman-an" amatlah tepat dan sesuai sekali dengan masa dan keadaan. Ia dapat membangkitkan kesedaran di kalangan masyarakat Islam di negara ini terhadap pentingnya membina dan seterusnya mengukuhkan lagi keimanan melalui ilmu pengetahuan dan penggunaan akal fikiran yang waras dan sihat. Agama Islam yang kita anuti, mempunyai segala asas bagi keperluan hidup manusia yang sempurna di dunia dan akhirat. Sebagai satu agama yang teragung dan terjamin, Islam telah memberi penilaian yang tinggi kepada ilmu pengetahuan dan akal fikiran.

Umat Islam wajib mengetahui serta memegang teguh enam perkara Rukun Iman. Adalah menjadi tanggungjawab dan tugas mereka untuk memelihara, menjamin dan mengukuhkan iman mereka serta bertaqwah kepada Allah bagi memperolehi darjat yang tinggi. Bagi mencapai serta mengekalkan darjat yang setinggi-tingginya ini, Islam telah mendedahkan umatnya kepada berbagai ilmu pengetahuan serta menyeru mereka supaya menggunakan akal fikiran bagi mencapai cita-cita yang tinggi dan mulia itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Ayat-ayat suci Al-Quran menerangkan mengenai ketinggian darjat orang-orang yang berilmu pengetahuan dan yang waras fikirannya. Kedudukan dan martabat orang-orang yang berilmu memanglah sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat. Orang-orang yang berpengetahuan dan bijaksana, lazimnya mencapai kejayaan dan kemajuan yang tinggi. Firman Allah dalam ayat 9, surah Azzumar, yang bermakna:

Katakanlah: "samakah orang-orang yang berpengetahuan dengan orang-orang tidak berpengetahuan? Hanya orang-orang yang berakallah sahaja yang dapat menerima pelajaran".

Dalam ayat 11, surah Al-Mujadalah, Allah berfirman, dan maksudnya:

"Allah akan mengangkat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan kepada darjat yang tinggi."

Penjelasan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, mengenai kewajipan menuntut ilmu pengetahuan telah dihuraikan dalam satu hadith yang bermaksud:

"Menuntut ilmu pengetahuan itu adalah wajib di atas tiap-tiap orang Islam, lelaki dan perempuan."

Demikian juga mengenai akal; Islam memberi perhatian yang berat kepadanya sehingga akal merupakan syarat utama dalam menentukan 'mukallaf' atau tidaknya, seseorang Islam itu. Rasulullah telah ber-sabda, yang bermaksud:

"Tidak sempurna iman seseorang, yang tidak sempurna akalnya."

Maksud ayat-ayat Al-Quran dan Hadith ini, jelas membuktikan bahawa Islam menggalakkan umatnya menjadi manusia yang berilmu dan bijaksana bukannya jahil, melarat dan hina. Ilmu dan Akal memimpin umat Islam ke arah kekuatan dan keteguhan iman dan kearah hidup yang progresif, dinamis serta dapat menghadapi masa depan dengan pandangan yang yakin dan optimis.

Kandungan kitab suci Al-Quran bukan sahaja mengandungi saranan dan gesaan supaya umat Islam menjadi alim dan pakar, malah ia juga menghuraikan berbagai bidang keilmuan. Al-Quran menghayatkan kisah-kisah dan sejarah untuk menjadi bahan renungan dan pemikiran agar dengan contoh-teladan yang baik darinya diambil sebagai pengajaran, manakala yang buruk dan tercela, dijadikan ingatan dan sempadan. Al-Quran menghurai dan menerangkan berbagai aspek sains termasuklah alam kehidupan manusia, tumbuh-tumbuhan, haiwan, sumber tenaga dan kuasa, yang terdapat di daratan dan di lautan, dan berbagai bidang keilmuan lagi yang semuanya diterangkan oleh Allah. Semuanya ini telah disampaikan kepada umat Islam sejak berabad-abad yang lalu dan kini masih terus tersimpan dan terpelihara di dalam kitab suci Al-Quran yang mulia.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Salah satu tujuan utama Kerajaan menganjurkan Musabaqah Mem-baca Al-Quran ialah supaya umat Islam, terutama muda-mudi kita me-getahui dan mempelajari makna dan maksud' ayat-ayat Kitab Suci Allah itu. Quran menyebutkan berkenaan bidang sains dan teknologi serta lain-lain pengetahuan dunia. Kesemuanya adalah sebagai pertunjuk. Manusia perlulah menggunakan akal untuk mengkaji serta meneliti dengan lebih mendalam lagi bagi memperolehi pengetahuan yang lebih luas mengenai bidang-bidang itu supaya ia dapat digunakan dalam peng-hidupan mereka sehari-hari.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa ilmu adalah penting bagi mencapai sebarang kemajuan. Jika kita hendak bermiaga misalnya, maka sewajarnyalah kita mengetahui terlebih dahulu mengenai selok-belok perniagaan. Cara hendak mempertahankan diri pun kita perlu menuntut ilmu khusus mengenainya. Pendek kata, ilmu pengetahuan dalam apa

bidang sekalipun amatlah berguna. Itulah sebabnya Kerajaan menyediakan berbagai kemudahan untuk memberi didikan dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak. Kerajaan memberikan pelajaran percuma kepada anak-anak rakyat Malaysia tanpa mengira kaum atau agama, di semua sekolah-sekolah rendah di tanahair kita.

Sesungguhnya, Kerajaan sentiasa berusaha serta memberi peluang kepada pelajar-pelajar bagi meninggikan ilmu pengetahuan mereka supaya mereka menjadi rakyat yang berguna. Penubuhan maktab-maktab dan lain-lain institusi pelajaran tinggi serta beberapa buah universiti adalah bertujuan untuk membantu muda mudi kita memperolehi peluang-peluang yang lebih banyak dalam bidang pelajaran.

Biasiswa-biasiswa diberi kepada pelajar-pelajar bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian di Universiti-universiti tempatan dan luar negeri. Latihan-latihan dan kursus-kursus juga dijalankan bagi menambah pengetahuan mereka yang telah lulus dan berkhidmat dengan Kerajaan atau sektor swasta dengan tujuan supaya mereka dapat menggunakan ilmu pengetahuan mereka itu dalam pembangunan negara yang boleh membawa kemakmuran kepada rakyat.

Memanglah menjadi hasrat Kerajaan mewujudkan di negara ini, sebuah masyarakat Malaysia yang maju, progresif dan dinamis. Pencapaian matlamat ini memerlukan sumbangan, penyertaan, penglibatan, sokongan serta kerjasama semua pihak di tanahair kita termasuklah masyarakat Islam. Setiap rakyat hendaklah melengkapkan diri sepenuhnya dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran atau kepakaran' supaya mereka dapat menyumbang khidmat bakti dalam bidang tenaga pekerja yang diperlukan oleh negara kita yang sedang pesat membangun.

Umat Islam sewajarnyalah dapat bersama-sama memberikan sumbangan ini supaya negara kita menjadi lebih maju yang boleh membawa kemakmuran yang lebih kepada rakyat. Tetapi, sedang langkah-langkah yang sesuai dan menasabah pesat dijalankan oleh Kerajaan bagi mencapai tujuan ini, terdapat sebilangan orang-orang Islam sendiri yang setengah-setengah daripadanya terdiri dari orang-orang yang terpelajar, cuba memesongkan perhatian dan pandangan rakyat kita kepada akhirat semata-mata. Mereka ini lebih menekan dan menitikberatkan hal-ehwal akhirat dengan mempengaruhi umat Islam supaya mengeneplikan kebahagiaan, kemewahan dan keselesaan di dunia. Mereka menafikan anak-anak mereka dari kemudahan pelajaran yang disediakan oleh Kerajaan; mencegah keluarga dari menikmati kemewahan dan kemakmurhan dunia moden dan kemajuan; serta memisahkan golongan kecil mereka dari masyarakat am seluruhnya.

Perbuatan dan tindakan yang sempit seperti ini yang sedang dilakukan dan diamalkan oleh sebilangan kaum kita ini, amatlah menyediakan kerana ia sudah tentu akan merugikan masyarakat, bangsa dan negara. Menafikan anak-anak dari pelajaran dan pendidikan yang sempurna dan sesuai dengan perkembangan zaman moden adalah menginayakan nasib masa depan kanak-kanak itu sendiri. Kanak-kanak ini adalah masih kecil lagi dan masih mentah untuk membuat pertimbangan sendiri. Orang-orang dewasa dan ibubapa hendaklah lebih bertanggungjawab dalam membantu dan menjamin masa depan generasi muda ini.

Sebagaimana kita sedia maklum, ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sempurna adalah penting bagi pembangunan dan mencapai kemajuan diri, kemajuan masyarakat, agama, bangsa dan negara. Al-Quran menyuruh kita mencari ilmu pengetahuan di dunia. Rasulullah bersabda dalam satu Hadis yang maksudnya, antara lain:

"Tuntutlah ilmu, sekilipun sampai ke Negeri China."

Kata-kata hikmat yang ada penyesuaian dengan isi kandungan satu Hadis lagi yang bermaksud:

"Berusahalah untuk dunia mu, seolah-olah engkau hidup selamanya, dan beramallah untuk akhiratmu seolah-olah engkau mati esok hari."

Sesungguhnya, kedua-dua bidang dunia dan akhirat, adalah perlu disembangkan supaya umat Islam dapat menikmati kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat. Usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan selama ini bukanlah semata-mata ditumpukan dalam bidang sosial dan ekonomi sahaja. Pembangunan dalam bidang keugamaan dan rohaniah turut dititikberatkan. Islam tidak sekali-kali menghalang umatnya mengejar dan memperolehi kemajuan dan kebahagiaan dunia, asalkan cara dan jalan yang kita lakukan itu adalah cara yang diredhai Allah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Satu lagi perkara yang mendukacitakan kita pada akhir-akhir ini ialah, terdapat juga sebilangan orang-orang Islam yang tidak begitu yakin tentang perlunya kita berpandu kepada Al-Quran di dalam beberapa bidang dan lapangan hidup. Di samping itu ada pula segolongan kecil yang melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan suruhan agama dan perintah Allah. Di antara mereka yang kurang pengetahu-

an dalam hal-hal Agama Islam ini, cuba pula menyibarkan ajaran-ajaran yang salah. Pada hemat saya, kesemuanya ini berlaku adalah disebabkan kurang ilmu pengetahuan mengenai agama ataupun mempunyai ilmu pengetahuan, tetapi tidak menggunakan akal dalam membuat sesuatu pertimbangan atau melakukan sesuatu tindakan.

Saya sukalah menegaskan di sini bahawa dalam sebuah negara yang sedang pesat membangun seperti Malaysia, umat Islam mestilah merrebud dan menggunakan segala peluang yang disediakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan lagi ekonomi serta membaikkan lagi keadaan hidup diri mereka sendiri dan seterusnya masyarakat Islam seluruhnya. Mereka hendaklah menggunakan kemajuan yang diperolehi dan kemewahan yang dinikmati bagi meninggikan lagi nilai-nilai hidup serta memperluaskan kegiatan-kegiatan agama. Dengan jalan ini maka dapatlah kita sekelian meningkatkan maruah dan bertabat masyarakat Islam serta menyumbangkan usaha, tenaga dan pemikiran, bagi meninggikan lagi syiar Islam di negara kita.

Saya selalu menyatakan bahawa Kerajaan telah pun melaksanakan berbagai langkah bagi membolehkan umat Islam menyertai dan melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara. Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan Kompleks Kewangan misalnya, adalah di antara beberapa institusi yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi tujuan suci ini. Saya sekali lagi menyeru umat Islam supaya mengambil peluang dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disedia dan diwujudkan oleh Kerajaan supaya mereka tidak akan ditinggalkan oleh kemajuan. Umat Islam mestilah sama-sama dengan lain-lain kaum di negara ini berusaha secara bersungguh-sungguh bagi mempastikan supaya hasrat Kerajaan untuk melahirkan sebuah masyarakat Malaysia yang maju, progresif dan dinamis dapat dijadikan kenyataan.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, ahli-ahli Jawatankuasa Pusat, dan lain-lain pihak yang terlibat bagi menjayakan Musabaqah Membaca Al-Quran tahun ini. Kepada Qari-qari dan Qariah-qariah, saya mendoakan kesemuanya selamat maju jaya.

Kepada hadirin sekelian dan umat Islam seluruhnya, marilah kita sama-sama mengikuti bacaan-bacaan Kitab Suci Al-Quran di Musabaqah ini dengan perasaan penuh khusyu' dan tawadhus. Mudah-mudahan dikurniakan Allah kepada kita segala berkat dan rahmatnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan ini, maka saya dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi amat mengasihani, mengisyiharkan Musabaqah Membaca Al-Quran tahun 1399 Hijrah, bersamaan tahun Masehi 1979, Peringkat Kebangsaan ini, dibuka dengan rasminya.

Wabillahit-taufiq, Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI PEMBUKAAN RASMI
MESYUARAT PERWAKILAN TAHUNAN MCA, DI
FEDERAL HOTEL, KUALA LUMPUR PADA
8 SEPTEMBER 1979.**

Yang Berhormat Dato Pengurus Persidangan, Yang Berhormat Dato Lee San Choon, Presiden MCA, Yang Amat Berbahagia Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin, Yang Amat Berbahagia Tun Omar Ong Yoke Lin, Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat MCA, Ketua-Ketua dan Wakil-wakil Parti Anggota Barisan Nasional, Para Perwakilan dan Pemerhati sekalian.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta penghargaan kepada MCA kerana sudi menjemput saya dan seterusnya memberi penghormatan kepada saya merasmikan Persidangan Perwakilan Tahunan MCA yang ke 27. Ini merupakan kali yang ke empat saya merasmikan Persidangan Tahunan MCA sejak saya memegang pucuk pimpinan Barisan Nasional dan Kerajaan.

Persidangan Tahunan MCA kali ini memanglah penting. Di samping pemilihan pucuk pimpinan yang dilakukan pada tiap-tiap dua tahun sekali, para perwakilan akan juga berpeluang membincangkan beberapa perkara penting yang melibatkan masa depan rakyat dan negara.

Ladies and Gentlemen,

Every annual delegates' meeting of a component party in the Barisan Nasional creates interest in the country. It is quite natural because it is one of the ruling parties in the government of the country. Today's meeting of the MCA has created more interest for the reasons that we all already know. The other component parties are neutral observers. Whatever may be the result, they sincerely hope that the MCA will close ranks again and is united to play its constructive role in the Barisan Nasional. As regards myself, I wish I had not been invited to open this meeting. However, I would like to thank the MCA for the honour and as usual will confine my address to matters affecting the Barisan Nasional and the nation.

Just over a week ago we celebrated our country's 22nd year of independence. In my message to the nation I asked that we pause for a while to reflect on the past and ponder on the future. I also posed

a number of questions for us to give thought to. I think that message is equally pertinent when I address you all today.

Over the past twenty-two years, we have worked hard to strengthen the foundations of our nation and to improve the quality of life of our people. Our nation's successes all these years have been due mainly to the close cooperation and understanding among the major communities under the leadership of UMNO, MCA, MIC and the other component parties of the Barisan Nasional. We have fought together for independence; we still share the same vision for the country; and whether we like it or not, our destinies are inextricably bound together.

Because of cooperation, our nation has survived and prospered. We always consult one another, and act after having obtained consensus. Consultation and consensus are the only means that take into account the realities of a multi racial society.

The process of consultation and the spirit of consensus have been the basis of the Alliance and now, the Barisan Nasional. In a multi racial society we cannot avoid conflicts. But through the Barisan Nasional we will resolve them as we have done many times in the past. We all agree that conflict along racial line is fatal to the survival and well-being of our country. We must avoid it at whatever cost. Therefore, it is extremely important that we strengthen the existing machinery — the Barisan Nasional — to resolve effectively any conflict that threatens our unity and harmony.

Ladies and Gentlemen,

In a multiracial country like ours, we need leaders, at all levels of society who are more than mere leaders of their respective communities. Indeed, these leaders must be acceptable to all communities. They must always place national interests above sectional and communal interests. We are fortunate that in the Barisan Nasional we have this type of leaders. The country owes its prosperity and political stability to them. Because they are national leaders, they have co-operated and worked closely together. Some people look upon this spirit of cooperation as a weakness and a sign of being subservient. They do not realise that it is a mark of great strength and courage. It needs courage to consult and to give and take. It is only with courage that we can hope to resolve the conflicts that may arise from time to time. It is only with strength and self-confidence that we can fulfil the responsibilities entrusted to us by our people.

All these qualities of leadership are inherent in the Barisan Nasional. I have often stressed that consultations and consensus are the only approach will succeed. Consultation and consensus reinforce the trust that we have in each other as partners in our sacred task to build a united, prosperous and just nation. At certain stages of our political development there have been issues that tended to divide us along racial lines. Inevitably, the trust and the shared experience over almost three decades of cooperation amongst our leaders have help in resolving these issues. We are bound to face similar problems in the future. Our sense of trust and our experience will again be tested. But for as long as we are continually guided by national interests and not by sectional or communal considerations we will always succeed.

Our successes have been founded on moderation. In a multiracial country, moderation requires strong discipline. It demands sacrifices by all communities in the overall interest of the nation. It requires us to seek solutions which are acceptable to all communities rather than to any particular community. It is not the easiest approach — it is far easier to succumb to the attraction of extremist views. But for us who have placed national interests above sectional and communal considerations, it is the only way.

For the past 22 years of independence, our leaders have never surrendered long-term national objectives for short-term political gains. This principle must never be sacrificed.

Ladies and Gentlemen,

The MCA is an important component of the Barisan Nasional. It has to play its rightful role in nation building. To fulfil this role, the MCA must be strong and united. I now have great pleasure in declaring open the 27th Annual Assembly of the MCA.

Thank you.

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MERASMIKAN PEMBUKAAN JAMBATAN SUNGAI MIRI DI LUTONG, SARAWAK PADA 9 SEPTEMBER, 1979.

Y.A.B. Tan Sri Dato Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Ketua Menteri Sarawak, Y.A.B. Dato Amar Dunstan Endawie, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerjaraya Negeri Sarawak, Yang Berusaha, Dato Abang Yusof Puteh Setiausaha Kerajaan Sarawak, Yang Berusaha, Datuk Engku Ibrahim Ngah Setiausaha Persekutuan, Yang Berusaha, Residen Bahagian Keempat, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah rahmatNya, saya berpeluang melawat Miri dan dapat menemui rakyat dan penduduk-penduduk di sini. Saya berasa bangga kerana dapat melawat bandar pentadbiran Bahagian Keempat, dan menyaksikan sendiri kegiatan dan kemajuan pembangunan di kawasan ini. Lawatan ini, memberi peluang kepada saya beramah mesra dengan pemimpin-pemimpin dan rakyat tempatan, untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai isu-isu semasa.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, terutamanya kepada Tan Sri Dato Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, kerana memberi penghormatan kepada saya merasmikan jambatan baru Sungai Miri. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bekerja kuat untuk menjayakan majlis perasmian pada hari ini khasnya, dan lawatan saya ke Miri dan lain-lain kawasan di Sarawak amnya.

Pembinaan jambatan di Sungai Miri ini, merupakan satu lagi kejayaan Kerajaan Barisan Nasional dalam usaha pembangunannya. Jambatan yang memakan belanja sebanyak \$1.33 juta, memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk di kawasan ini, terutama kepada pengendali-pengendali pengangkutan serta pengusaha dan peniaga-peniaga. Sedikit sebanyak, pembinaannya sudah tentu dapat meningkatkan lagi aktiviti ekonomi di Miri, Lutong dan Kuala Baram.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Seperti kita sedia maklum, adalah menjadi azam Kerajaan hendak meningkatkan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan rakyat dari

masa ke semasa, melalui projek-projek pembangunan. Sebagai sebuah kerajaan yang memerlukan hasrat dan aspirasi rakyat, kita akan terus berusaha, supaya kemakmuran dapat ditingkatkan dan keamanan dipelebihara, bagi membolehkan semua golongan kaum menikmati taraf dan mutu hidup yang lebih tinggi. Cara yang paling berkesan bagi kita menjayakan cita-cita kerajaan ini ialah, dengan mengadakan program-program pembangunan yang berdasarkan kepada manifesto Barisan Nasional bagi Negeri Sarawak. Manifesto ini, disusun setelah dikaji secara mendalam kejayaan yang telah dicapai, serta keperluan-keperluan yang harus diusaha dan dilaksanakan, bagi meningkatkan lagi kemajuan dan kemakmuran rakyat dan negeri Sarawak ini. Dalam hubungan ini, Barisan Nasional amat berbangga dengan rekod kejayaannya. Selama 16 tahun Negeri Sarawak berada dalam Malaysia, banyak kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai. Sungguhpun begitu masih banyak lagi tugas yang belum selesai, dalam usaha kita hendak mewujudkan sebuah negara berbilang kaum yang mengamalkan toleransi, serta berlandaskan kepada perpaduan nasional dan keadilan sosial.

Peranan rakyat adalah penting bagi menjamin kejayaan, hasrat dan cita-cita ini. Mereka mestilah memberikan sokongan dan kepercayaan kepada pimpinan dan pentadbiran Negeri Sarawak yang ada sekarang, bagi memboleh segala usaha yang telah dilaksanakan itu diteruskan. Kita perlu mempunyai "continuity" dalam pentadbiran, terutama dalam usaha pembangunan. Hanya Barisan Nasional sahaja yang mempunyai tenaga, kebolehan dan pengalaman, untuk membawa kemakmuran dan kebahagiaan kepada rakyat, serta menjamin keamanan dan ketenteraman.

Sepertimana yang kita semua ketahui, Sarawak merupakan salah sebuah negeri yang kaya dengan potensi ekonominya. Banyak lagi sumber-sumber alam semula jadi, seperti haideroletrik dan bahan-bahan galian logam dan bukan logam, yang belum lagi diusahakan. Dalam hal ini, kita akan menjalankan usaha mencarigali arang batu dan bijih besi di Sarawak, ia dijangka siap dalam jangkamasa pada akhir masa Rangcangan Malaysia Ketiga. Kerja-kerja mencarigali dan memajukan kawasan-kawasan minyak dan gas di Sarawak, akan diteruskan. Melalui pembangunan dan pembinaan kemudahan-kemudahan infrastruktur kita akan dapat menjayakan segala potensi ini bagi faedah rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya tidaklah berhajat hendak menghuraikan satu persatu kemudahan-kemudahan asas yang telah disiapkan di Sarawak. Memadailah sekira-

nya saya sentuh pembinaan beberapa kemudahan sebagai gambaran bahawa Kerajaan Barisan Nasional benar-benar berhasrat dan jujur dalam usahanya membangun dan memajukan negeri Sarawak. Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional akan memberikan kerjasama sepenuhnya serta memberi bantuan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, rakyat hendaklah mempastikan supaya semua calon-calon Barisan Nasional yang bertanding dalam Pilihanraya Negeri Sarawak, berjaya memenangi kerusi-kerusi mereka. Sebuah Kerajaan Negeri yang kuat dan teguh, seperti yang ada sekarang ini, adalah perlu bagi menjayakan segala usaha pembangunan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga saja, Kerajaan telah berjaya membina 382 batu jalan di Sarawak. Pembinaan jalan yang menghubungi Sibu dengan Bintulu, sedang diselenggarakan dengan pesatnya. Kerajaan juga sentiasa menjalankan usaha untuk membaiki dan meninggikan lagi taraf jalan yang sedia ada. Memandangkan pentingnya Sarawak mempunyai sistem jalanraya yang baik, Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional telah menambahkan peruntukan bagi pembangunan jalan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak \$109.37 juta. Adalah dijangka bahawa menjelang tahun 1983 penduduk-penduduk Miri dapat berkereta terus ke Lundu di Bahagian Pertama.

Dalam bidang penerbangan awam pula, kerajaan akan terus memperbaiki dan menambah kemudahan-kemudahan lapangan terbang serta perkhidmatan udara. Perkhidmatan udara luar bandar di Sarawak akan diperluaskan apabila kapalterbang-kapalterbang yang digunakan sekarang, diganti dengan pesawat-pesawat yang lebih besar lagi. MAS juga merancang hendak membeli kapalterbang-kapalterbang jet yang sesuai, bagi perkhidmatannya di sektor-sektor yang mempunyai ramai penumpang, seperti di Sibu, Miri, Sandakan dan Tawau. Di Kuching pula, kita telah siap membesarkan lapanganterbangnya, serta mengukuhkan landasan untuk membolehkan kapalterbang-kapalterbang jenis Boeing 707 mendarat, sebuah Kompleks Terminal baru, termasuk kemudahan untuk penumpang, sekarang ini sedang dibina. Seluruh projek ini memakan belanja \$60 juta, dan dijangka siap pada tahun 1981.

Kerajaan sentiasa mengambil berat dalam segala rancangan dan program pembangunan di Sarawak. Pembangunan memerlukan masa yang panjang, kerana ia merupakan proses yang rumit dan kompleks. Bagi menjamin usaha pembangunan berjalan dengan licin dan lancar, kita

memerlukan sebuah kerajaan yang mempunyai pengalaman yang terbukti, serta kestabilan politik. Dengan jalan ini, maka segala tenaga dapat ditumpukan kepada tugas berat di hadapan kita.

Saya penuh yakin usaha kerajaan yang berdasarkan ikrar dalam manifesto Barisan Nasional itu, sudah tentu dapat memperbaiki keduhan Negeri Sarawak yang salama ini dianggap sebagai sebuah negeri yang kurang maju. Oleh yang demikian, saya harap rakyat Sarawak akan memikirkan dengan serius dan bersungguh-sungguh akan soal corak pemerintahan yang mereka mahu. Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional perlukan supaya Kerajaan Negeri yang ada sekarang dapat meneruskan tugas dan usahanya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Berbalik kepada majlis perasmian jambatan ini, saya sukalah merakamkan penghargaan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Australia yang telah bermurah hati dengan memberi sumbangan sebanyak 5730 ribu di bawah bantuan Rancangan Colombo, bagi menjayakan pembinaan jambatan baru ini. Begitulah juga dengan pembinaan lain-lain jambatan di Sarawak, yang telah banyak mendapat sumbangan dari Australia dalam masa 15 tahun yang lepas.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan lawatan saya ke Miri ini. Saya berdoa supaya Allah Subhanahu Wataala memberi petunjuk kepada rakyat negeri Sarawak kepada jalan yang benar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya, mengisyiharkan Jambatan Baru Sungai Miri dibuka dengan rasminya.

Terimakasih.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PEMBUKAAN RASMI JALANRAYA BINTULU – TANJUNG KIDURONG, BINTULU, SARAWAK, PADA 10 SEPTEMBER 1979

Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, Ketua Menteri Sarawak, Yang Berhormat Datuk Amar Dunstan Endawie, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerjaraya Sarawak, Yang Berhormat Encik Celestin Ujang, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Sarawak, Yang Berusaha Pegawai Daerah Bintulu, Encik Musa Giri, Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu, Datuk Jamalauddin Abu Bakar, Tuan-tuan dan puan-puan sekelian.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dalam kunjungan saya ke Negeri Sarawak kali ini, saya dapat peluang melawat Bintulu untuk menemui rakyat di sini dan seterusnya melakukan pembukaan rasmi Jalanraya Bintulu – Tanjung Kidurong. Saya ucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri, khususnya Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, kerana memberi penghormatan ini kepada saya.

Saya juga mengucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada rakyat dan penduduk Bintulu, Kampung Sepupok dan Sebauh, di atas sambutan meriah yang telah diberikan kepada saya sempena lawatan ini. Lawatan saya ke Negeri Sarawak pada kali ini amatlah berfaedah kerana di samping dapat beramah mesra dengan rakyat jelata, saya dapat juga menyaksikan sendiri kemajuan yang telah dicapai serta mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan dan rakyat negeri Sarawak dalam pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan.

Memang tidak boleh dinafikan bahawa masa depan negeri Sarawak adalah cerah, memandangkan potensi yang luas serta hasil yang banyak dari sumber kayu kayan dan pengeluaran minyak dan gasnya. Saya penuh yakin dengan pimpinan yang jujur dan dinamis, serta usaha-usaha jangka panjang yang teratur dan menyeluruh, rakyat negeri Sarawak akan dapat melihat, dalam sedikit masa lagi, pembangunan yang lebih pesat serta menikmati hidup yang lebih makmur dan bahagia.

Di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, peruntukan pembangunan bagi Negeri Sarawak telah ditambah dari \$1.7 ribu juta kepada \$2.5 ribu juta. Peruntukan asal sebanyak \$1.7 ribu juta

itu, merupakan 8.93 peratus daripada keseluruhan peruntukan negara bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan tambahan ini, peruntukan bagi Negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, adalah 100 peratus lebih tinggi daripada peruntukan yang diberikan kepadanya dibawah Rancangan Malaysia Kedua. Kesemuanya ini, jelas membuktikan hasrat dan azam Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan hendak membawa kemajuan kepada rakyat, terutama ke negeri-negeri yang telah tertinggal, seperti Sarawak.

Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional akan terus memberi sokongan dan bantuan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, terutama dalam melaksanakan program-program pembangunan. Hanya dengan kemajuan dan kemakmuran yang lebih adil kestabilan dan keamanan dapat diwujudkan. Oleh itu, terpulanglah kepada rakyat bagi mempastikan supaya Kerajaan Negeri yang di bawah pimpinan Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub, dapat terus kekal mentadbirkan Negeri Sarawak. Dengan jalan ini, maka segala program pembangunan yang telah dirancang untuk faedah rakyat, dapatlah terus dilaksanakan.

Memang banyak kemajuan yang telah diperolehi sejak Sarawak memasuki Malaysia 16 tahun yang lalu. Rakyat Negeri Sarawak telah pun sedikit sebanyak, dapat menikmati faedah dan kesannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kerajaan Barisan Nasional memang sentiasa berazam untuk membawa kemajuan yang lebih pesat lagi kepada rakyat, dan akan berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh dan lebih giat lagi ke arah keadilan sosial, serta ke arah kehidupan yang lebih baik bagi semua rakyat dan penduduk. Inilah hasrat kami, dan kami harap rakyat jelata dapat memberikan sepenuh kepercayaan dan kerjasama mereka bagi membolehkan Barisan Nasional menjayakan cita-cita ini.

Saya menyeru rakyat Negeri Sarawak supaya *terus* memberikan sokongan dan kepercayaan mereka kepada Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sarawak supaya setiap perancangan dan pelaksanaan pembangunan sosio-ekonomi di negeri ini dapat disiapkan bagi mencapai matlamat kita untuk membawa kemajuan, kemakmuran dan keamanan.

Sebagai pucuk pimpinan Kerajaan Persekutuan dan Barisan Nasional Kebangsaan, saya memberi jaminan kepada rakyat Negeri Sarawak bahawa Kerajaan Persekutuan akan terus dan tetap memberikan bantuan dan kerjasamanya kepada Kerajaan Negeri yang ada sekarang. Oleh

itu rakyat hendaklah mengundi calon-calon Barisan Nasional bagi mem-pastikan pentadbiran Kerajaan Negeri Sarawak yang ada sekarang ini, dapat meneruskan usaha-usahanya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Perkongsian berbagai parti politik dalam Barisan Nasional telah me-wujudkan kestabilan politik di seluruh tanahair, termasuklah Sarawak. Ia telah dapat mengukuhkan lagi perpaduan negara, dan mewujudkan kerjasama dan persefahaman yang lebih erat di kalangan rakyat ber-bilang kaum. Tiada sesiapa pun yang boleh menafikan kemajuan dan kejayaan yang telah kita perolehi, kemakmuran dan kebahagiaan yang telah dinikmati oleh rakyat jelata, dan keamanan dan ketenteraman yang telah diperolehi oleh negara kita.

Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya meringankan beban rakyat terutama yang miskin dan membantu rakyat dalam sebarang kesulitan mereka. Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya mentadbirkan negara dan berjaya mewujudkan kestabilan politik, ekonomi dan keselamatan dalam sebarang keadaan dan suasana — menghadapi ancaman peng-ganas komunis, ancaman perselisihan dan persefahaman kaum, anasir-anasir subversif dalam negeri, banjir, inflasi dan lain-lain lagi.

Sebagaimana kita sedia maklum, Barisan Nasional meletakkan calon-calonnya di semua kawasan dalam Pilihanraya Negeri Sarawak. Ke-semuanya bertanding di atas nama Barisan Nasional, serta menggunakan simbul dan manifesto yang sama, iaitu simbul dan manifesto Barisan Nasional. Kita telahpun berjaya memenangi empat kawasan tanpa bertanding.

Manifesto Barisan Nasional bagi Negeri Sarawak telahpun diisytharkan. Sungguhpun Barisan Nasional adalah satu-satu parti yang mempu-nyai kemampuan, kebolehan dan keupayaan, untuk melaksanakan dan menunaikan segala hasrat dan cita-citanya, kami tidak akan menge-mukakan janji-janji yang mustahil, yang tidak boleh dilaksanakan dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Percayalah bahawa hanyalah Barisan Nasional sahaja yang boleh mempastikan masa depan negara yang lebih terjamin dan hanyalah Barisan Nasional sahaja yang boleh mempastikan bahawa rakyat jelata dapat terus hidup dalam aman, makmur dan bahagia.

Saya menyeru setiap rakyat di Sarawak supaya memiliki naskhah Manifesto Barisan Nasional bagi Negeri Sarawak. Kami telah terbitkan

manifesto ini dalam semua bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Iban, Bahasa China dan Bahasa Inggeris. Saya berharap setiap rakyat khusus pengundi-pengundi, benar-benar memahami hasrat dan azam Barisan Nasional untuk membawa kemakmuran yang lebih meningkat bagi rakyat serta keamanan dan kestabilan politik di tanahair termasuklah Negeri Sarawak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pembukaan Jalanraya Bintulu – Tanjung Kidurong ini, merupakan salah satu kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sarawak. Kemajuan dalam pembinaan rangkaian jalan-jalanraya di Negeri Sarawak telah dapat ditingkatkan dari tahun ke setahun. Dibawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional telah menyediakan peruntukan sebanyak \$234 juta untuk pembinaan jalanraya di Negeri Sarawak. Dari jumlah ini, sebanyak \$30 juta ialah untuk pembinaan jalanraya bagi kawasan-kawasan luar bandar. Dengan jumlah peruntukan yang besar dari Kerajaan Persekutuan ini, maka matlamat untuk menyiapkan pembinaan jalanraya sepanjang 530 batu akan dapat dijayaikan.

Dengan terbuktinya Jalanraya Bintulu – Tanjung Kidurong ini dan dengan siapnya kelak pelabuhan-air-dalam di Bintulu serta lain-lain kemudahan-kemudahan infrastruktur perindustrian, pertumbuhan ekonomi Negeri Sarawak akan meningkat lagi. Ini sudah tentu dapat membawa faedah kepada rakyat negeri ini seluruhnya. Oleh itu, pastikanlah kejayaan calon-calon Barisan Nasional dalam pilihanraya Negeri Sarawak.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terimakasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan upacara ini, dan seterusnya menjayakan lawatan saya ke Negeri Sarawak kali ini. Saya mendoakan Sarawak maju jaya di bawah pentadbiran Barisan Nasional.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan ini, saya dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi amat Mengasihi, mengisyiharkan Jalanraya Bintulu – Tanjung Kidurong ini, dibuka dengan rasminya.

Terima kasih.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE DINNER IN HIS HONOUR BY H.E. MR. ALEXIE KOSYGIN, CHAIRMAN OF THE COUNCIL OF MINISTERS OF THE USSR, MOSCOW ON 20TH SEPTEMBER, 1979.

I would like to thank you, Mr. Prime Minister, for your kind invitation to me to visit the USSR. The members of my delegation and I would also like to thank you, the government and the people of USSR for the kindness and warmth with which we have been received.

My visit, I hope, will further strengthen the friendly relations and understanding between our two countries. As you are aware Mr. Prime Minister, my country wishes to be friendly with all countries, big and small, whatever may be their political or social systems. We believe in and have put into effect the policy of peaceful co-existence and mutual respect. We are not aligned to any power blocks and adhere strictly to our policy of equidistance. This is not a passive policy, but an active and positive one. By this policy we seek to establish a new political and economic order and promote international peace and security.

It is seven years since my predecessor, the late Tun Abdul Razak visited the Soviet Union. During that visit he signed the economic and technical co-operation agreement and the cultural and scientific co-operation agreement. Both these agreements, together with the trade agreement of April 1969, have provided two framework for co-operation in trade, economic, social cultural and sports fields. The air agreement of September 1969, has linked your country and mine. We should continue to encourage activities within the framework of these agreements and thus enhance the friendship and co-operation between our two countries for our mutual benefit.

Trade has been a very important feature in our relations. We have been trading with each other even before we established diplomatic relations. The USSR is one of the major consumers of our rubber. Even though she is also one of the largest producers of synthetic rubber, this has not prevent our two countries from co-operating with each other in this field. Indeed, rubber experts from our two countries have met twice since 1978 to exchange information. Besides rubber, there are other areas for expansion of trade between our two countries. For instance, Malaysia could supply other primary commodities such

as tin and palm oil, and semi-manufactured products, such as rubber products footwear, canned pineapples, pepper, plywood and timber products.

At the same time, there is a market in Malaysia for a number of Soviet products such as machinery, mechanical handling equipment, pharmaceuticals and other consumer products.

I would like to turn now to my part of the world, that is Southeast Asia. As you are aware Mr. President, currently the region has once again become an area of tension, conflicts and instability. The countries of ASEAN are deeply concerned with this situation. We need peace and stability in order to further our economic and social development. We are therefore anxious that the present conflicts in Indochina which are establishing the region should be solved as quickly as possible. There is great danger that the situation will get worse. I hope that USSR as a major power, would use its influence and assist in finding a peaceful solution to the problem. In this conflict the ASEAN countries have been strictly impartial. We are only concerned in finding an early peaceful solution to the problem.

I am aware that the search for a peaceful solution acceptable to all the parties concerned is not going to be an easy task. However, every effort must be made towards this end. Perhaps with the assistance of the USSR, the prospect of such a solution would become greater.

As you are aware the ASEAN countries are endeavouring to establish a zone of peace, freedom and neutrality in Southeast Asia. With the current development in the region, the ASEAN countries are more determined to continue with their efforts to realise this concept.

Needless to say, the support of all the big powers is essential if the zone were to become a reality. As a country which as strongly advocated peaceful co-existence, and detente, I am sure the USSR can well understand and sympathise with our aspirations. At the same time, I also hope that you will encourage us in our efforts and lend us your support so that the zone can become a reality.

We are committed to strengthening ASEAN as a viable, cohesive and effective vehicle for regional co-operation. Our aim is to promote and intensify co-operation among ourselves, and indeed with others, in the economic, social and cultural fields. Our record speaks for itself. Let me emphasise that ASEAN is not and will not be a military grouping.

I had the honour this afternoon of calling on the Chairman of the Presidium of the Supreme Soviet Mr. Breshnev, with whom I had a beneficial exchange of views on a number of matters. I welcome the discussion which I had with you, Mr. Prime Minister, and I am looking forward to having further discussions tomorrow. I am sure those discussions will bring mutual benefits to our two countries.

Before I sit down may I respectfully request you to raise and join me in a toast to

- 1) to the good health of His Excellency Mr. Brezhnev, Chairman of the Presidium of the Supreme Soviet,
- 2) to the good health of His Excellency Mr. A.N. Kosygin the Chairman of the Council of Ministers of the USSR and
- 3) to the continued success and prosperity of the government and people of the USSR,
- 4) to the growing friendship between the USSR and Malaysia.

UCAPAN PERDANA MENTERI KETIKA MENGEJUKKAN USUL UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, DI DEWAN RAKYAT PADA 15 OKTOBER, 1979.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon izin mengemukakan suatu usul yang berbunyi:
"Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas kematian Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam, Menteri Pengangkutan pada hari Jumaat, 12 Oktober, 1979 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya."

Tuan Yang Dipertua,

Dewan ini sekali lagi kehilangan seorang ahlinya dan negara, seorang negarawannya. Banyak kata-kata kenangan dan penghormatan telah dilafazkan oleh pemimpin-pemimpin, sahabat-sahabat handainya dan orang ramai, terhadap jasa cemerlang, dedikasi dan kejujuran mendiang Tan Sri Manickavasagam kepada kaum dan negaranya. Kematiannya yang mengejut itu sungguh menyedihkan kita semua.

Mendiang Tan Sri Manickavasagam adalah seorang veteran politik dan ahli yang paling lama berkhidmat dalam Jemaah Menteri Persekutuan. Bermula sebagai ahli Lembaga Bandaran Kelang pada tahun 1949, ia menjadi ahli Dewan yang mulia ini pada tahun 1959 dan dilantik sebagai Menteri Muda Buruh, dan pada tahun 1964 sebagai Menteri Buruh. Pada tahun 1974 ia dilantik menjadi Menteri Perhubungan, Telekom dan Pos, yang sekarang ini dikenali sebagai Kementerian Pengangkutan, sehingga akhir hanyatnya. Jasanya di Kementerian-kementerian tersebut adalah banyak dan tidaklah payah saya menyebutnya satu persatu. Begitulah juga jasanya kepada badan-badan antarabangsa seperti Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

Tidaklah kurang cemerlang ialah sifat-sifat peribadinya. Ia adalah seorang yang halus budibahasanya, hemah dan bertimbangrasa. Kesabar-an adalah satu sifatnya yang ternyata, sebagaimana yang dapat disaksikan oleh ahli-ahli Dewan ini sendiri. Sebagaimana hangat dan hebat 'criticism' ditujukan ke atasnya dalam dewan ini, ia senantiasa tenang

dan dengan berhalus memberi jawapan, penerangan dan penjelasan. Ia adalah seorang yang sedar sangat akan tanggungjawabnya kepada Dewan ini, kepada rakyat dan negara. Dalam jawatannya sebagai menteri, ia telah menghadapi berbagai-bagai masalah yang berat dan rumit. Tiap-tiap kali masalah-masalah seumpama itu berbangkit, ia menumpukan segala tenaga dan fikirannya kepada masalah-masalah itu dengan tidak menghiraukan waktu dan kesihatannya.

Pendek kata, Tuan Yang Dipertua, kehilangan Tan Sri Manickavasagam adalah suatu kerugian yang besar kepada Dewan ini dan negara. Bagi diri saya, saya kehilangan seorang sahabat yang rapat, yang dihormati, yang boleh saya bersandar untuk mendapat nasihat dan sokongan yang jujur dan ikhlas.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadang,

SPEECH BY THE PRIME MINISTER, DURING THE CEREMONY ON THE SIGNING OF THE TREATY RELATING TO THE DELIMITATION OF THE TERRITORIAL SEAS AND MEMORANDUM OF UNDERSTANDING ON THE DELIMITATION OF THE CONTINENTAL SHELF BOUNDARY IN THE GULF OF THAILAND AND IN THE SOUTH CHINA SEA AS WELL AS THE EXCHANGE OF THE INSTRUMENTS OF RATIFICATION OF THE MEMORANDUM OF UNDERSTANDING WITH THAI PRIME MINISTER H.E. GEN. TUN KRIANGSAK CHOMANAN IN KUALA LUMPUR ON 24TH OCTOBER, 1979.

It is my pleasure to most warmly welcome His Excellency General Tun Kriangsak Chomanan and members of his delegation to Malaysia. I hope General Tun Kriangsak, who is no stranger to most of us, has found, as I do, this visit most useful and fruitful.

A few minutes ago you would have witnessed what Gen. Tun Kriangsak and I would, I am sure, consider on historic event in Malaysia/Thailand bilateral relations. Both of us have exchanged, in the first instance, the Instruments of Ratification on the Memorandum of Understanding on the establishment of a Joint Authority for the Exploitation of the Resources of the Seabed in a defined area of the Continental Shelf of the two countries in the Gulf of Thailand. You would recall this Memorandum was signed by both of us during my visit to the beautiful and refreshing city of Chiengmai in February this year. I regard the final act on this particular exercise today as a unique and a great step forward in the development of close cooperation and friendly relations for mutual benefits of our two countries. What we have agreed to, in fact, is to cooperate and proceed in sharing alike the costs and benefits accruing from the still unresolved triangle claimed by both countries in the Gulf of Thailand for the next fifty years. This constitutes a significant landmark and achievement which goes to prove that through friendly negotiations two neighbouring countries can transform and seek solutions on bilateral problems on such a magnitude as of territorial claims based on bonds of friendship, co-operation and understanding.

It is with much pleasure for me to inform you, Mr. Prime Minister, that my government is now ready to proceed with the next step on the setting up of the Joint Authority by appointing a six-member Imple-

mentation Committee on the Malaysian side for the Authority. I will be announcing the members of the Committee at the appropriate time.

In addition to the exchange of Instruments of Ratification on the establishment of the Joint Authority, we have also signed the Treaty on the Delimitation of the Territorial Seas as well as the Memorandum of Understanding on the Delimitation of the Continental Shelf Boundary in the Gulf of Thailand and in the South China Sea.

In the Treaty on the Delimitation of the Territorial Seas we have agreed that the boundary of the Malaysia/Thailand territorial seas in the Straits of Malacca, where overlapping occurs, shall now be based on straight lines drawn from the points situated in mid-channels between Pulau Terantau and Pulau Langkawi, as enunciated in the Boundary Protocol annexed to the Treaty of 1909. This Treaty also defines the boundary of the territorial seas between the two countries in the Gulf of Thailand. While the Treaty demarcates our territorial seas, we have, through the Memorandum of Understanding also completed the first stage of our exercise on the delimitation of the Continental Shelf Boundary in the Gulf of Thailand and South China Sea. We believe this Memorandum would form the basis for further negotiations in this respect. A provision to this effect has expressly been provided in the Memorandum.

The signing of the Treaty on the Delimitation of the Territorial Seas and the Memorandum of Understanding on the Delimitation of the Continental Shelf Boundary, besides solving the boundary problem, also paves the way to further cooperation in the field of exploration and exploitation of natural gas, petroleum and other mineral deposits. In this regard, we have also agreed that if any single geological petroleum or natural gas structure or field, or any mineral deposit of whatever character, extended across the boundary lines the two government shall communicate to each other all information and seek to reach agreement as to the manner in which the structure, field or deposit will be most effectively exploited and all expenses incurred and benefits derived therefrom will be equitably shared. Now that the maritime boundary between our two countries has been demarcated, economic activities pertaining to the exploitation of natural resources can therefrom be maximised to bring benefits for the well-being of our people.

Your Excellency, your visit this time is undertaken at a time when both our countries as well as other countries in Southeast Asia are witnessing a worsening in the situation and widening of hostility and

conflict in the Indochina states, bordering Thailand. The situation constitutes a destabilising factor that would directly effect peace and security of the region of Southeast Asia. In reiterating our call to all parties concerned to immediately end the armed hostilities by demonstrating their positive attitude to contribute to peace and stability in the region, Malaysia reaffirms its firm support and solidarity with the government and people of Thailand in the preservation of its independence, national sovereignty and territorial integrity.

Your Excellency, our two countries have also demonstrated most firmly our cooperative efforts on a joint and balanced development along the border areas which will certainly bring about greater economic and social benefits to our two people. Let us further enhance our cooperative endeavours to greater heights in these fields in the way we both know best in order that progress and prosperity be achieved for our peoples and their future generations. I am convinced that the two documents we have signed and the Memorandum of Understanding just ratified signify our sincere efforts in working towards these aspirations and objectives.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE FIFTH
MALAYSIAN LAW CONFERENCE AT DEWAN TUNKU
ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR ON 25TH OCTOBER,
1979.

It is nine years since I stopped practising law to join the government. Law has always been my interest, even now. It is a useful qualification to have. It is especially so when one is in the government where one does quite a lot of legislation work.

I am glad to get the opportunity this morning of meeting members of the legal profession. I wish to thank the President and members of the Bar Council for the great honour in inviting me to open this Fifth Malaysian Law Conference. We have with us the Lord President, the two Chief Justices, Judges, the acting Attorney-General, law professors and lecturers, legal officers, magistrates and lawyers. This is indeed a distinguished gathering of members of the legal profession.

As this conference is held once in two years, there are naturally many matters to discuss. I understand there are seven topics for discussion. They are well-chosen and should be interesting and useful. The legal profession certainly has an important part to play in the political, social and economic development of our country.

I am aware that some laws are controversial and that some members of the legal profession have strong views against them. In particular, I would like to mention the Internal Security Act, 1960, and the Emergency Regulations. The question of human rights has also been raised. The government's views and stand on these matters have been made known many times before. The fact that some people still cannot agree, does not alter the government's views and stand. These laws have been enacted for good reasons. The government, with the mandate given by the people, has the duty and responsibility to maintain law and order and to ensure the security and well being of the nation.

Let me start by reminding this conference that our country has a constitution. We have always been careful to act within the constitution. The government is an elected government; the Dewan Rakyat is an elected legislative body: the judiciary is completely independent;

the executive is answerable to parliament and the people. The constitution guarantees fundamental liberties, although in certain cases and under certain circumstances they can be restricted. Let us not forget that before and after independence, there was an armed communist insurrection in the country. The insurrection still goes on even now. It is either in the form of outright violence or subversion. We have shown that armed insurrection and physical violence can quite easily be countered and faced, though not without great cost to lives, limbs and property. Facing and countering subversion is another matter. Subversion is more insidious, more subtle and therefore more difficult to deal with. We have found from experience ---- bitter experience ---- that resort to the normal process of law is ineffective. The ineffectiveness only makes these subversive elements more bold and treat the rule of law with utter contempt. They hide behind the law to perpetrate their evil deeds. I agree that normally they should be charged and tried. But it is easier said than done. Peace and security are of paramount importance to us. Subject to reasonable safeguards, these people should be separated and detained. The framers of the constitution have foreseen this problem and have made provisions for it under Article 149. The Internal Security Act, 1960, is made under that Article.

There are a number of times in the history of our country when emergency situations have arisen. In 1948, the communists launched their armed insurrection, and we are still faced with this problem. This was followed by the Indonesian confrontation, the constitutional crisis in Sarawak, the racial clashes in May 1969 and the political crisis in Kelantan. On all these occasions we had situations which seriously threatened the peace and security of the country and ordinary laws were inadequate to deal with them. Again the framers of the constitution have foreseen such a situation and have made provisions for it under Article 150. Emergency regulations can and have been made under the provisions of this Article. The point I wish to make is that these powers have been used when situations and circumstances warranted their use, that is, to maintain law and order and to ensure peace and security. The government will continue to make use of these powers as long as they are necessary. Emergency regulations and the Internal Security Act are not new issues. The majority of the people has always supported the Government on these issues by electing it into office at every general election. Allegations of misuse of these powers and maladministration of them are separate matters. The government has never condoned or allowed any abuse or maladministration of these powers. Complaints are always investigated, and if

to be true, appropriate actions are taken.

Let me now come to the question of human rights. From criticisms which have been made, one may get the impression that the government does not respect human rights. This is not true. The government is always scrupulous in upholding and defending human rights. Apart from the Internal Security Act and the Emergency Regulation which are unavoidable and necessary for the preservation of national security and public order, I am not aware of any other laws which purposely infringe human rights. Let us not forget that many had laid down their lives and sacrificed their limbs to defend the country and our way of life. The Internal Security Act and the Emergency Regulations are to ensure the security of the nation for which these people has made sacrifices. The price for doing away with the Internal Security Act is the destruction of our democratic system and our way of life. As I have said, our constitution provides against infringement of fundamental liberties. The Rukunegara upholds the rule of law. These are not empty words. They are scrupulously being practised. Our criminal law and procedure, our law of evidence, our employment, social security and trade union laws are some examples of our respect for human rights. Any one who claims that his rights have been infringed can obtain redress from the courts. Complaints can be made to members of parliament or ministers. They can write to the press. Questions can be asked in parliament. In short, there are ample safeguards and there are many ways in which human rights in this country are protected.

We are indeed fortunate that within a relatively short time after independence, we are able to govern our country fairly well. We have a workable constitution; we have a good legal system; our judiciary is completely independent; our civil service is efficient and reliable and so are our police and armed forces; we uphold and practise parliamentary democracy. Let us not belittle what we have achieved in such a comparatively short time, in the political, social and economic fields.

Ladies and Gentlemen,

Having said what I wanted to say, I now have great pleasure in declaring open this conference.

**UCAPAN PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN
KOMPLEKS GERAKTANI DI CHETUK, PASIR MAS,
KELANTAN, PADA 4 NOVEMBER, 1979.**

Mulai dari hari ini Pusat Kemajuan Pertubuhan Peladang yang telah dibina di seluruh negara, akan dipesat dan diperluaskan kegunaannya bagi menampung keperluan semua petani. Ia akan memusat dan menggiatkan lagi penyelarasam semua khidmat nasihat, bantuan dan lain-lain kemudahan yang hendak disampaikan kepada petani-petani. Dengan pemesatan kegunaannya ini, pusat ini sekarang dikenali dengan nama Kompleks Geraktani. Kompleks ini akan menjadi nadi kegiatan dan daya penggerak kemajuan masyarakat petani.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya dapat saya merasmikan Kompleks Geraktani di Chetuk pagi ini. Saya mengucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pertanian khususnya kepada Datuk Shariff¹ Ahmad di atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya. Saya juga mengucapkan terima kasih serta penghargaan kepada kerajaan dan rakyat Negeri Kelantan, khususnya kepada Datuk Haji Mohd. Yaakub² kerana turut mengambil bahagian dalam acara lawatan dan juga perasmian yang bersempena dengan perayaan Hari Peladang tahun ini.

Saya merasa amat terharu di atas sambutan meriah yang telah diberikan kepada saya. Penglibatan aktif secara jujur dan ikhlas rakyat dan penduduk tempatan, terutama kanak-kanak sekolah dalam upacara sambutan dan perayaan ini, amatlah menggalakkan. Saya percaya pameran yang diadakan sempena perasmian ini akan mendatangkan hasil yang berkesan kepada penduduk-penduduk tempatan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya sentiasa insaf dengan keadaan yang belum begitu memuaskan lagi bagi rakyat di kampung-kampung, terutamanya penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan pendalam. Sungguhpun Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan berjuta-juta ringgit bagi membawa projek dan rancangan pembangunan ke kawasan-kawasan luar bandar, masih

¹ Menteri Pertanian Malaysia.

² Menteri Besar Kelantan.

banyak lagi kampung-kampung yang belum mendapat nikmat dari kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh kerajaan.

Sebagaimana kita sedia maklum, kampung-kampung yang ada di kawasan-kawasan luar bandar terlalu banyak bilangannya. Kedudukan kampung-kampung kecil yang berjauhan di antara satu sama lain melambat dan menyulitkan lagi usaha kerajaan memusatkan pembangunan dalam kawasan-kawasan luar bandar dan pendalaman. Oleh yang demikian usaha kerajaan ini tentulah memakan masa yang panjang.

Kerajaan memanglah sentiasa mengambil perhatian berat dalam usaha memajukan kampung-kampung. Usaha yang lebih pesat sedang dan akan terus dijalankan bagi mempastikan supaya penduduk-penduduk di semua kampung dapat merasai nikmat kemudahan-kemudahan sepetimana yang dinikmati oleh rakyat di bandar-bandar. Satu daripada langkah ke arah memperbaiki keadaan hidup dan meninggikan taraf ekonomi rakyat di kawasan-kawasan luar bandar, ialah pelaksanaan Rancangan Pembangunan Wilayah, seperti yang diselenggarakan di kawasan Kelantan Selatan sekarang ini. Kawasan-kawasan Pembangunan Wilayah yang sedang pesat dijayakan ialah Jengka, Pahang Tenggara, Johor Tenggara dan Terengganu Tengah.

Selain dari usaha ini, kerajaan sedang juga melaksanakan Rangkaian Projek Pembangunan Luar bandar yang disatukan, seperti yang dijayakan di kawasan Kelantan Utara. Projek seperti ini dijalankan dalam enam buah kawasan yang lain, iaitu di Kemubu (KADA), di Johor Barat, di Rancangan Pengairan MUDA, di Krian/Sungai Manik, di Rancangan Pengairan Besut dan di Barat Laut Selangor. Kajian juga sedang dijalankan bagi melaksanakan projek ini di dua kawasan yang lain iaitu di Pahang Barat dan di Negeri Sembilan Timur. Sementara itu, FELDA, FELCRA, MARDEC dan RISDA, masing-masing menjalankan tugas dan usaha pembangunan mereka sendiri dalam bidang-bidang yang ditentukan. Kesemuanya ini adalah ke arah matlamat yang sama, iaitu meningkatkan kemajuan kawasan-kawasan luar bandar supaya petani, pekebun kecil dan penduduk-penduduk kampung yang lain dapat merasai kemakmuran hidup yang lebih sempurna.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kerajaan telah menjalankan berbagai usaha serta sentiasa berikhtiar dengan menggunakan bermacam cara bagi meningkatkan lagi semangat rakyat jelata supaya mereka bersikap lebih dinamis dan progresif. Sebagai petani dan pekebun-pekebun kecil, mereka mestilah berani me-

ngubah sikap dan pemikiran serta bertindak mengikut peredaran zaman. Kita mestilah bergerak mengikut perubahan dan kemajuan, dan janganlah kita leka dan lalai sehingga tidak indah sama sekali hendak memajukan nasib diri sendiri dan keluarga kita sendiri. Rebutlah peluang-peluang yang ada dan gunakanlah kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Inilah sebaik-baik cara supaya kita tidak akan ditinggalkan oleh zaman atau menjadi mangsa kemajuan.

Sepertimana kita semua maklum bahawa majlis perasmian dan pameran yang diadakan pada hari ini ialah hendak meningkatkan semangat pembaharuan di kalangan petani dan juga di kalangan pegawai serta kakitangan jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat dalam bidang pertanian. Kempen-kempen seperti ini memang kerap dijalankan oleh kerajaan dari masa ke semasa. Pelancaran Gerakan Pembaharuan, Gerakan Jaya Diri dan Rancangan Buku Hijau, yang semuanya bertujuan membaharui dan meningkatkan semangat serta perubahan sikap rakyat, telah tidak mendatangkan kesan yang berkekalan. Saya harap semangat yang tinggi di majlis ini tidaklah lagi akan hanya tinggal di tapak pameran ini. Semangat pembaharuan yang diberikan kepada nama kompleks ini hendaklah terus ditingkat dan diperluaskan penyuburannya ke merata pelusuk tanahair supaya petani dan pekebun-pekebun kecil dapat merasai faedah sepenuhnya.

Negara-negara perindustrian luar negeri memerlukan bahan-bahan mentah utama dan pertanian. Negara kita memang terkenal dengan pengeluaran getah, timah, kelapa sawit dan kayu-kayan. Di samping bahan-bahan ini kita mestilah juga memusatkan lagi pengeluaran bahan-bahan mentah pertanian yang lain untuk kegunaan kita sendiri, kegunaan perindustrian kita dan juga untuk diekspor ke luar negeri. Negara kita kaya dengan sumber alam, mempunyai kawasan tanah yang luas, subur untuk bercucuk tanam, kaya dengan tenaga pekerja, kemahiran dan keupayaan. Apa yang diperlukan ialah usaha dan semangat bekerja untuk maju serta berusaha bersungguh-sungguh untuk kemajuan yang lebih tinggi.

Dalam usaha kita hendak mencapai kemajuan yang lebih tinggi kita perlulah melengkapkan diri kita dengan pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang diperlukan. Kita mestilah berupaya menggembangkan tenaga, menggunakan kepakaran dan kemahiran ini dengan cara yang tersusun dan teratur serta bermuafakat dalam segala tindakan kita seperti dalam perancangan, penanaman dan pemasaran. Berkat dalam usaha muafakat seperti ini memanglah sudah jelas faedah dan kesannya di masa-masa yang lalu. Semangat muafakat yang telah kita semua warisi dari datuk-nenek kita ini mestilah dihidupkan semula serta di-suburkan di kalangan generasi muda kaum petani.

Dengan wujudnya semangat muafakat ini maka segala tenaga pekerja yang terdapat di kalangan petani dan segala pengetahuan dan kemahiran yang telah dilengkappkan kepada diri pegawai dan kakitangan jabatan dan agensi kerajaan dalam bidang pertanian, dapatlah disatu dan digembelangkan bagi menghasilkan faedah yang sebaik-baiknya. Dari perancangan yang tersusun, dengan pelaksanaan penanaman yang pesat dan dengan menggunakan kemahiran teknologi moden, serta dengan semangat dan tekat yang kuat, petani-petani tentu dapat meningkatkan daya pengeluaran serta mengeluarkan hasil mabsul yang lebih bermutu tinggi.

Penyelarasan dalam tindakan dan kegiatan bidang pertanian, dalam masa beberapa tahun ini, memanglah telah dijalankan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang. Kemajuan yang diperolehi dari usaha yang disatukan ini telah membawa kesan yang menggalakkan. Penglibatan Kementerian Pertanian dalam usaha penyelarasan ini akan memusatkan lagi penyertaan secara aktif semua jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan, yang ada di bawah jagaan Kementerian Pertanian. Saya penuh yakin usaha memusatkan penyelarasan ini dapat mendatangkan hasil yang lebih berkesan kepada petani-petani.

Dalam hubungan ini, peranan agensi-agensi yang mengendalikan pemasaran adalah penting sekali, supaya daya pengeluaran yang tinggi dan hasil yang bermutu, yang telah diusahakan oleh petani-petani, dapat membawa pendapatan yang bertambah dan lebih lumayan kepada kaum petani. Mereka yang telah ditugaskan dengan kewajipan ini, hendaklah menuaikan peranannya dengan lebih bertanggungjawab. Saya menekankan perkara ini kerana di masa-masa lampau, khususnya dalam pelaksanaan Rancangan Buku Hijau, semangat petani dan rakyat menjadi lemah dan luput, sehingga mengakibatkan rancangan seperti ini kurang berkesan, ialah disebabkan pengeluaran bahan-bahan petani yang banyak, tidak mendapat pasaran yang baik.

Terdapat di beberapa tempat dan kawasan agensi yang mengendalikan pemasaran barang-barang pertanian kampung, telah tidak dapat mengatur dan menyelaraskan rancangannya dengan licin dan sempurna, sehingga mengakibatkan hasil pengeluaran petani yang banyak itu musnah begitu sahaja. Petani-petani yang terlibat telah mengalami kerugian yang besar. Kelemahan ini telah mengecewakan petani dan menyebabkan sambutan dingin rakyat terhadap beberapa rancangan kerajaan. Jika kelemahan-kelemahan yang telah lalu itu tidak diperbaiki, saya bimbang, usaha yang hendak digembelangkan ini nanti tidak dapat mencapai matlamat yang dituju, dan segala perancangan dan usaha yang dijalankan boleh menjadi sia-sia sahaja.

Bersempena dengan perasmian Kompleks Geraktani pada hari ini, sukacitalah juga saya mengambil kesempatan untuk mengisyiharkan penghasilan beberapa jenis padi baru yang telah diusahakan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia atau MARDI bagi kegunaan penanam-penanam padi di seluruh negara.

Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap pengeluaran dan perusahaan tanaman padi di negara kita. Penghasilan usaha baru MARDI ini akan menguntungkan dan boleh memberi faedah kepada lebih kurang 300 ribu keluarga petani yang terlibat dalam penanaman padi. Sebilangan besar daripada mereka ini adalah masih lagi dalam keadaan yang agak rendah pendapatannya. Adalah menjadi hasrat kerajaan supaya penanam-penanam padi dapat melebihkan lagi pengeluaran padi dari sawah-sawah mereka dan dengan itu meninggikan lagi taraf hidup mereka-

Bagi mencapai matlamat ini, MARDI akan terus berusaha mengeluarkan jenis-jenis padi baru. Jenis-jenis yang akan diisyiharkan pada hari ini adalah jenis-jenis yang telah diuji dari segi hasil, mutu, ketahanan kepada penyakit dan kesesuaian. Saya difahamkan bahawa jenis-jenis ini mempunyai potensi mengeluarkan hasil di antara 700 hingga 1,000 gantang pada tiap-tiap seekar.

Saya juga difahamkan bahawa MARDI akan melaksanakan program penyelidikannya dengan memberi perhatian yang wajar kepada keadaan-keadaan setempat iaitu cuaca, tanah, pengairan, sosio-ekonomi dan sebagainya. Dengan ini jenis-jenis padi yang dihasilkan adalah lebih sesuai dan mengikut kehendak sesuatu tempat yang tertentu. Umpamanya pada hari ini jenis-jenis yang akan diisyiharkan adalah khas untuk kawasan-kawasan tanaman padi yang tertentu dalam negeri ini.

Jenis pertama yang sekarang ini dikenali dengan MR 10 diberi nama padi SEKEMBANG. Jenis ini sesuai ditanam di kawasan-kawasan Kembubu, Besut dan Kuala Trengganu sebagai padi musim utama.

Jenis kedua yang sekarang ini dikenali dengan nama MR 7 diberi nama padi SEKENCANG. Jenis kedua ini pula sesuai ditanam di kawasan Tanjung Karang, Seberang Prai, Kedah/Perlis sebagai padi musim utama dan juga boleh ditanam sebagai padi luar musim di Pantai Timur.

Jenis ketiga ialah padi jenis MR 1 yang sesuai ditanam di Seberang Prai, Kedah/Perlis dan Tanjung Karang sebagai padi musim utama dan juga luar musim. Jenis ketiga ini diberi nama padi SETANJUNG.

Saya mengucapkan tahniah kepada MARDI di atas kejayaannya mengeluarkan jenis-jenis benih yang boleh menghasilkan daya pengeluaran padi yang tinggi. Kejayaannya dalam cubaan mengeluarkan benih-benih jenis tanaman-tanaman pertanian yang lain seperti kelapa, kopi, koko dan lain-lainnya telah juga membawa hasil pengeluaran yang bertambah kepada pekebun-pekebun kecil kita.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada peladang-peladang, ahli-ahli koperasi dan syarikat-syarikat kerjasama yang telah berjaya memenangi hadiah-hadiah dalam pertandingan-pertandingan peladang progresif, koperasi dan syarikat kerjasama yang maju. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian kerana memberi penghormatan kepada saya menyampaikan hadiah-hadiah ini serta menyampaikan benih-benih padi jenis baru kepada petani-petani.

Akhirnya marilah kita bersama-sama berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wataala supaya diberikan kepada kita semua petunjuk serta dilimpahkan kepada kita rahmat dan berkat, amin ya rabbul 'alamin.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan ini, saya dengan nama Allah yang maha pemurah lagi amat mengasihani, mengisyiharkan Komplek Geraktani di Chetuk ini dibuka dengan rasminya.

Wabillahi taufiq, Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER, DURING THE OPENING OF THE INTERNATIONAL CONFERENCE ON INFANT NUTRITION AND DIARHOEAL DISEASE AND POST-GRADUATE PAEDIATRIC EDUCATION AT DEWAN TUNKU CHANCELLOR, UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR ON 9TH NOVEMBER, 1979.

It is not often that Malaysia has the honour to host a conference such as this one. I would like to congratulate all concerned, particularly Professor Lam Khuan Leng, its President, and Dr. N. Iyngkaran, its Organising Chairman, for their efforts and hardwork in making it possible for this conference to be held in this country.

I would also like to thank the hundreds of delegates from many countries for their wonderful response in coming to attend the conference. To all of them, I extend a very warm welcome, and hope that they will have a fruitful conference and an enjoyable stay in Malaysia. I am neither a scientist nor "a medicine man". But looking at the lists of subjects, distinguished speakers and papers presented, this conference will be an interesting and a useful one. The choice of Infant Nutrition and Diarrhoeal Diseases as the main theme of the conference is a good one. As Professor Lam says in his message, the main theme has been chosen deliberately. Infant Nutrition and Diarrhoeal Diseases are important problems, not only in developing countries but in developed countries as well. We will, therefore, follow your deliberations with great interest.

Malaysia attaches great importance to the health of its people. A large sum of money is allocated every year for its health services. Diseases such as malaria, typhoid, dysentery and tuberculosis, which were prevalent in the past, have either been greatly reduced or totally eradicated. We are building more hospitals and health centres, and improving our health services, especially in the rural areas. However, we still have many problems, especially the shortage of specialists, doctors and trained personnel.

Malnutrition among the old and the young, especially in the rural areas, is still a big problem. The cause includes socio-economic factors. In 1969, we started a pilot project on Applied Food and Nutrition. The result was very encouraging and we have introduced the programme in many areas of the country.

In this country, breastfeeding is becoming less popular. I believe the trend prevails in other countries as well. From time to time we have a breastfeeding campaign. We have introduced a code of ethics to discourage irresponsible promotional advertising by the milk industries and to reduce exploitation of consumers, especially those in the lower income group.

Infant care and diseases should rightly be the concern of us all. I personally welcome the holding of this conference which will concentrate its discussions on these matters. No country can afford to neglect the health and well-being of its young.

Ladies and gentlemen, with my best wishes for its success, I now have great pleasure in declaring open this International Conference on Infant Nutrition and Diarrhoeal Diseases and Workshop on Post-graduate Paediatric Education.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA PELANCA-RAN PERAYAAN MENYAMPUT ABAD KE 15 HIJRAH DI BANGUNAN PARLIMEN, PADA 21 NOVEMBER, 1979.

Alhamdulillah, syukur patek kehadrat Allah Subhanahu Wataala, salawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihi wasallam, kepada keluarganya dan sahabat-sahabatnya.

Patek, bagi pihak Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan menyambut Abad Ke 15 Hijrah, dengan segala hormat takzimnya, merafak sembah ucapan setinggi-tinggi terima kasih serta penghargaan Kebawah Duli Tuanku dan Baginda Raja Permaisuri Agong, di atas kesudian Tuanku dan Raja Permaisuri Agong berangkat mencemar Duli, di majlis ini dan seterusnya kesudian Tuanku, berkenan merasmikan Pelancaran Perayaan menyambut Abad Ke 15 Hijrah pagi ini.

Patek mohon izin memaklumkan Kebawah Duli Tuanku bahawa Sekretariat Pertubuhan Negara-Negara Islam di Jeddah telah menetapkan bahawa Abad Ke 15 Hijrah bermula dari 1 Muharram, tahun 1401 Hijrah, yang akan jatuh pada 9 November, tahun 1980 Masehi. Sungguhpun demikian, perayaan bagi menyambut ketibaan Abad baru ini diadakan dari tahun 1400 Hijrah. Berbagai acara akan diadakan oleh Kerajaan Persekutuan di peringkat Kebangsaan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri di peringkat-peringkat negeri dan daerah sempena dengan perayaan ini. Perayaan ini bertujuan bagi membangkitkan kesedaran umat Islam terhadap kewajipan mereka kepada Allah serta tanggungjawab mereka terhadap ugama, masyarakat dan bangsanya.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuanku dan Baginda Raja Permaisuri Agong ke upacara yang bersejarah ini, telah menjadikan majlis pelancaran ini lebih bermakna dan berkesan lagi; sesungguhnya ia merupakan satu kemuliaan kepada patek sekelian. Kehadiran Tuanku dan Baginda Raja Permaisuri Agong telah meningkatkan lagi semangat patek sekelian serta menjadi satu perangsang yang kuat kepada rakyat jelata bagi mendorong mereka berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh lagi untuk meninggikan syiar Islam serta meningkatkan kemajuan dan ke-makmuran negara seluruhnya.

Ampun Tuanku. Patek mohon izin menujukan ucapan patek kepada hadirin sekelian.

Perjuangan pemimpin-pemimpin Islam di awal Abad Hijrah dan usaha-usaha yang dijalankan selama ini bagi meninggikan syiar Islam serta meningkatkan kemajuan dan kemakmuran umat Islam, telah meletakkan masyarakat dan negara-negara Islam ke peringkat dan kedudukan yang tinggi pada hari ini. Hasil usaha penyelidikan bijak-pandai Islam, dan bukan Islam, dengan berpandu dan berilhamkan kepada kitab suci Al-Quran, telah membawa kejayaan tamaddun dunia yang tinggi.

Dengan berkat petunjuk dan keredaan Tuhan yang maha berkuasa, manusia telah mencapai banyak kejayaan dalam bidang sains dan teknologi. Ilham dan inspirasi kejayaan ahli-ahli falak Islamlah yang telah mendorong pakar-pakar sains dunia hari ini, membuat penyelidikan dan pengkajian yang lebih mendalam sehingga berjaya menghantar manusia mendarat di muka bulan. Sesungguhnya, Islamlah yang telah menjadi penggerak terhadap kemajuan ekonomi dan pembangunan yang terdapat di dunia pada hari ini.

Sejak abad pertama Hijrah lagi umat Islam telah pun terkenal dan giat dalam bidang perniagaan di peringkat antarabangsa. Mereka telah mengembara dari sebuah negara ke sebuah negara hingga ke negara China, menjalankan perdagangan, di samping memperkembangkan ugama Islam. Di zaman pemerintahan Sayyidina Omar ibni Al-Khattab satu sistem ekonomi yang kemas dan lengkap, termasuk cara memungut cukai, telah diwujudkan bagi panduan menambahkan pendapatan ekonomi negara.

Dalam bidang seni rekabentuk pula, kesan-kesan yang nyata terdapat dalam bangunan-bangunan besar di kebanyakan negara-negara Eropah dan negara-negara di sekeliling Laut Mediterranean, merupakan warisan dari kepakaran dan kemahiran umat Islam dalam zaman ke-agungan ugama kita. Konsep pertahanan berkota, yang digunakan oleh negara-negara Eropah dalam abad pertengahan kurun Masehi, adalah hasil rekaan pakar ketenteraan Islam yang telah dibawa ke sana.

Sumbangan Islam dalam kemajuan ilmu perubatan dan kedoktoran lahir dari 200 buah buku karangan Imam Al-Razi, yang telah digunakan sebagai buku rujukan di Universiti-universiti dunia barat. Ibnu-Sina, yang terkenal sebagai Raja Doktor, tokoh sains, falsafah dan astronomi, telah mengarang sebuah buku mengenai pembedahan, yang menjadi sumber rujukan yang penting dalam perkembangan dan kemajuan bidang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Di samping kita merenung kembali zaman keagungan Islam dan ketokohan umat Islam, marilah juga kita mengkaji serta mengambil ingatan kelemahan-kelemahan yang telah mengakibatkan kemalapan dan kejatuhan Islam sebagai sebuah kuasa di dunia. Selepas sampai ke kemuncaknya, Islam telah lemah. Umat Islam segera insaf dan sedar. Tuhan yang amat pemurah, telah mengurniakan semula kekuatan dari kekayaan hasil minyak kepada sebilangan negara-negara Islam. Kebangkitan Islam di hari ini adalah disebabkan oleh kekuuhan ekonomi negara-negara Islam dari punca sumber minyak. Minyak yang menjadi nadi tenaga, telah memberi sinar dan jiwa baru kepada kebangkitan semangat umat Islam untuk meninggikan syiar ugama Allah. Negaranegara maju dan perindustrian di dunia memandang tinggi serta menghormati negara-negara Islam pada hari ini.

Bersyukurlah kita kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmatNya, negara kita turut mendapat nikmat kemakmuran dan kemuliaannya. Di samping sumber minyak yang baru mula diusahakan, dan timah, Tuhan telah juga mengurniakan ke atas bumi kita, subur dengan hasil tanaman getah, kelapa sawit dan koko yang diperlukan oleh negara-negara perindustrian. Harga bahan-bahan mentah yang tinggi telah menambahkan lagi pendapatan negara. Rakyat berbagai kaum telah bersama-sama berusaha membangunkan negara kita ini, turut merasai nikmat kemakmuran dan kebahagiaan ini.

Faktor utama yang telah membolehkan kita mencapai kemajuan yang tinggi dan kejayaan yang cemerlang, ialah kerjasama dan persefahaman di kalangan rakyat dari berbagai kaum, keturunan dan berlainan ugama. Marilah kita, sempena majlis ini, mengeratkan kerjasama dan persefahaman ini serta mengukuhkan perpaduan kita supaya segala apa yang telah diperolehi itu, dapat terus dikekal dan ditingkatkan. Di samping itu dapatlah kita bersama-sama menyusun langkah dan mengambil tindakan yang lebih berkesan, bagi menghadapi cabaran-cabarank yang lebih besar dalam tahun-tahun yang akan datang.

Saya menggesa seluruh umat Islam supaya memelihara serta meningkatkan lagi persefahaman dan toleransi berugama, dalam usaha gigih kita menjalankan seruan syiar Islam. Dalam masyarakat berbilang kaum, umat Islam hendaklah mengamalkan sikap jujur serta menghormati hak dan kebebasan lain-lain kaum di negara ini. Kita mestilah sentiasa adil dalam sebarang tindakan kita. Dengan jalan ini, Allah Subhanahu Wataala akan memberkati segala usaha suci kita itu. Jika kita

angkuh dan khayal serta tidak menggunakan kekuatan dan kemakmuran kita itu kepada jalan-jalan yang direndah Allah, maka kekuatan dan kemakmuran itu akan memusnahkan diri kita sendiri dan akan menghancurkan masyarakat kita. Allah boleh menurunkan kadza'Nya.

Umat Islam hendaklah juga berwaspada kerana memang ada gejala-gejala yang tidak sihat yang cuba hendak memecah-belahkan perpaduan negara kita. Perpecahan di kalangan masyarakat Islam boleh melemahkan sendi kekuatan kita dan memberi peluang kepada anasir-anasir jahat memusnahkan negara.

Saya suka mengambil peluang ini untuk mengingatkan rakyat dan penduduk yang menganuti lain-lain ugama dan kepercayaan di tanahair supaya sentiasa menghormati ugama Islam. Mereka mestilah mengambil tahu adat-resam serta memahami pantang larang dalam ucapan Islam supaya mereka tidak akan melakukan sesuatu yang boleh memperkecil-kecilkan ugama rasmi negara. Dengan jalan ini maka dapatlah mereka bersama-sama membantu usaha mengeratkan persefahaman serta mengukuhkan perpaduan di kalangan rakyat dan penduduk berbilang kaum di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Satu daripada peristiwa penting yang telah berlaku dalam abad ke 14 Hijrah, yang telah melibatkan kita semua, ialah Kemerdekaan Negara pada 15 Safar tahun 1377 Hijrah. Di samping kedaulatan dan kebebasan yang diperolehi, kita sungguh berbangga kerana, dengan usaha dan tekad yang kuat pemimpin-pemimpin kita yang telah lalu, ugama Islam telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan, sebagai ugama rasmi negara. Malaysia adalah satu-satu negara di dunia ini yang telah berjaya melekatkan kedudukan ugama Islam ke taraf yang paling tinggi, melalui undang-undang.

Kemerdekaan negara telah membawa pembangunan yang pesat dan rakyat telah dapat menikmati keselesaan hidup yang lebih sempurna. Nilai-nilai hidup yang tinggi di kalangan kebanyakan umat Islam di tanahair kita, jelas membuktikan nikmat kejayaan dan kemajuan yang telah dicapainya.

Memang terdapat juga kegelisahan dan kesulitan disebabkan hasrat dan cita-cita tidak tercapai sepenuhnya. Sebagai manusia, kita mempunyai kekurangan dan kelemahan dan kadang kala terpaksa menerima kegagalan. Tetapi sebagai umat Islam, kita tidak harus merasa hampa

atau putus asa dan lemah semangat. Sebaliknya, kita hendaklah terus berusaha, berjuang dan merancang apa jua yang boleh mendatangkan faedah dan keuntungan kepada masyarakat Islam seluruhnya.

Oleh itu sempena peristiwa yang bersejarah ini, marilah kita bersama-sama hidupkan kembali semangat yang dipelupuri oleh pemimpin-pemimpin Islam di zaman keagungannya, iaitu semangat yang tidak pernah mengaku kalah dan semangat yang tidak mahu undur ke belakang. Semangat inilah yang telah meletakkan ugama Islam dan umatnya ke mercu kejayaan dan kemajuan yang tinggi.

Marilah juga kita sama-sama berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wataala supaya dikurniakan kepada kita semua taufik dan hidayah, diberi perlindungan dan kekuatan kepada kita semua serta dikukuhkan iman dan taqwa kita, agar dapatlah kita melaksanakan cita-cita kemajuan dan pembangunan rohaniah dan jasmaniah yang direndai Allah.

Akhirnya, saya mengucapkan berbanyak terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan dan setiap Ahli-ahli Jawatankuasa Kecil, khususnya kepada Datuk Haji Mohamed Nasir, Pengurus Jawatankuasa Kerja Perayaan, di atas daya usaha serta tenaga yang telah disumbangkan oleh mereka bagi menjayakan upacara pelancaran ini. Kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri, saya juga menyampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan Kerajaan Persekutuan, di atas kerjasama dan bantuan untuk bersama-sama menyertai dalam acara-acara perayaan yang lain, yang akan diadakan di peringkat-peringkat negeri dan daerah-daerah.

Ampun Tuanku,

Patek, dengan segala hormat takzimnya, memohon limpah kurnia Kebawah Duli Tuanku, sudi apalah juga kiranya, menyampaikan titah ucapan Tuanku dan seterusnya merasmikan pelancaran perayaan menyambut Abad Ke 15 Hijrah ini.

SPEECH BY THE PRIME MINISTER AT THE OPENING
OF THE 5TH ANNUAL MEETING OF THE EAST ASIA
COMMITTEE OF LLOYD'S REGISTER OF SHIPPING AT
THE KUALA LUMPUR HILTON ON 4TH DECEMBER 1979.

I wish to thank the East Asia Committee of Lloyd's Register of Shipping for choosing this country to hold its 5th Annual Meeting, and for inviting me to say a few words. I wish also to extend a very warm welcome to the committee, their wives and others.

As you know, Malaysia depends greatly on the export of its primary commodities. It is therefore important that we develop our shipping services to transport our exports. Furthermore, as we develop economically, and as our trade expands, we will need more ships. We are adopting UNCTAD'S ratio of 40:40:20. At present, we are far away from it. We are planning to increase our national fleet to 3 million tons deadweight from the present 1.3 million tons. The major part of this increase will be in the Malaysian International Shipping Corporation's fleet. It will of course take time. Even then, it will still be inadequate and we will have to rely greatly on foreign ships.

We are encouraging shipping companies to register their ships in this country. In addition to their participation in Malaysia's International Trade, these companies will also enjoy tax and other benefits. We have recently simplified the procedures for registration.

We have also adopted the Cabotage Policy, under it, only Malaysian flag carriers will be allowed to participate in domestic trade. All carriers will be licensed by the Malaysian Shipping Licensing Board. This new rule will come into effect from 1st January, 1980. We hope that entrepreneurs will take advantage of this to expand our domestic shipping services.

We are also developing our ship building and ship repair industries. A number of ship building and ship repair yards have been built in the country. We are hopeful that they will be fully utilised.

In all these developments, the shipping industry in this country has often depended on Lloyd's for advice and guidance on safety standard. Lloyd's has a reputation for high standard of service and integrity.

I understand that one of the objectives of this meeting is to provide a forum to discuss the development and growth of the Malaysian Shipping Industry. With as many experts taking part, I am sure that this meeting will be useful and beneficial to all concerned. I wish it every success.

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN
MALAM BAR COUNCIL, DI REGENT HOTEL, KUALA
LUMPUR PADA 20 DISEMBER, 1979.**

Kami berdua, iaitu saya dan isteri saya memanglah jarang menolak jemputan makan — memanglah adat resam kita iaitu rezeki jangan sekali-kali ditolak. Bertambah pula jemputan ini datangnya dari Bar Council di mana pada suatu masa dahulu saya telah menjadi seorang loyar buruk.

Saya dan isteri saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Presiden dan ahli-ahli Bar Council kerana sudi menjemput kami berdua ke majlis makan malam ini. Saya sungguh terharu dengan ingatan Bar Council sudi menjemput saya supaya bersama-sama meraikan makan malam ini. Sungguhpun saya pada masa ini telah bertukar corak, namun demikian, undang-undang masih ada dalam darah dan daging saya. Sungguhpun pada masa ini saya asyik dengan cinta baru, iaitu politik, cinta saya yang lama, iaitu undang-undang, tidak sekali-kali jauh dari hati saya.

Thank you very much for inviting my wife and I to this dinner tonight. It has been many years since I last attended the Bar Council Dinner. When your President, Encik Abdullah, came to see me some months ago and extended the invitation, I was very happy to accept it. Encik Abdullah and I are very old friends. We were in the same school in Johor Bahru and we read for the Bar together in London.

Since I changed my profession, I have almost lost touch with my many friends at the Bar. I value the opportunity that you have given me tonight to meet my old friends again.¹ Most of them look very prosperous and I wonder whether I have made the right decision in changing my profession.

Looking back over my various careers, I cannot help feeling how fortunate I have been in having friends who have encouraged and assisted me. Tun Suffian¹ assisted me in getting a place in a legal firm in Kuala Lumpur where I started my legal practice. I was very happy in that firm; my colleagues were very kind, considerate, helpful and patient; we worked as a team; we took pride in our work, and above all, we maintained the highest standard of professional integrity.

¹ Ketua Hakim Negara.

Another person I would like to mention in this brief reminiscences of my life at the Bar was the former Lord President, Tun Azmi. I once appeared before him in a criminal appeal case. That was my first criminal appeal case. To impress him, I brought three basketful of law reports and text books. He listened to me patiently; creased his forehead from time to time; dolefully peered at me through his spectacles. When I sat down completely exhausted and expecting a favourable decision for all my efforts, he looked kindly at me and said softly, "Encik Hussein, I congratulate you on your arguments. You have done well. However, I am not with you. Appeal dismissed". Even though I was naturally disappointed, I was quite satisfied because he appreciated my efforts and he said it so sincerely.

I pray that I will be as fortunate in my present job. I have always appealed for unity, understanding and tolerance in facing our country's problems. My responsibility now is of course heavier — heavier than I have ever borne before. But I have always and great faith in the good and practical sense of the people, whatever may be their racial origins, economic or social status. Our country has not only been endowed with rich natural resources but with people who are hard-working, law-abiding and moderate in their views and actions. It is because of these characteristics that our country has been able to develop and progress as it is today. It will be a great tragedy to us all if through shortsightedness, uncontrolled emotion, religious fanaticism, racial intolerance and greed, we plunge our country into racial and religious upheavels, anarchy and chaos.

We are striving to restructure our society and to eradicate poverty. We are fighting to bring about social justice. We are building a better life for all our people. In these tasks, every one of us, every group, every institution and every profession has and must play an active role. The legal profession and the Bar Council are included. While we may have differences on some issues, let them not deflect us from our overall responsibility to our country.

Thank you once again for inviting my wife and I to this dinner and giving us the honour to meet you all.

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN SIME DARBY BERHAD, DI NIRWANA BALLROOM, KUALA LUMPUR HILTON, PADA 1 DISEMBER 1979.

Makan malam ini adalah bersejarah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Tan Siew Sin¹ dan Ahli-Ahli Pengarah Sime Darby Berhad. Ia diadakan kerana merayakan pendaftaran Syarikat Sime Darby Berhad di Malaysia. Selama tertubuhnya Syarikat ini 69 tahun dahulu, ianya telah didafarkan di United Kingdom. Pemindahan pendaftarannya ke Malaysia amatlah membanggakan kita semua dan kita berharap ini akan menjadi satu contoh di mana syarikat-syarikat yang lain pula akan mengikutnya.

Kepada Tun Tan Siew Sin dan Ahli-Ahli Pengarah Syarikat ini, saya mengucapkan tahniah. Saya juga berharap bahawa Syarikat ini akan memainkan peranan yang berkesan dan berfaedah kepada pembangunan negara kita.

Ladies and Gentlemen,

The "homecoming" of Sime Darby is not only a cause of great satisfaction to its Chairman, Tun Tan Siew Sin, and its shareholders, but to the Government as well. I would like to congratulate Tun Tan for his foresight and initiative in persuading Sime Darby to make this decision. As he has so aptly put it, the move has finally made Sime Darby a Malaysian Group both in fact and in law. Sime Darby has finally become a naturalised Malaysian. It is now a company registered in Malaysia.

Tun Tan in his address has given us a brief history of Sime Darby. I note his justifiable sense of pride when he "rubbed in" the fact that the company was actually born in his home State of Melaka 69 years ago. His late father had always been associated with the company, and now, Tun Tan himself, is at its helm as Chairman. Knowing Tun Tan, I don't think that the directors will be encouraged to go on an eight-hour drinking spree. Tun Tan will be carried to be even after half a bottle of beer.

Sime Darby is indeed a big company. The fact that it is now registered in Malaysia is a source of great national pride to us all. As it is

¹Financial Consultant to Govt. of Malaysia & Chairman of Sime Darby Holdings Ltd

operating from the region of South East Asia, it will also make ASEAN more and better known to the outside world.

Tun Tan is a well-known public figure, especially in this country. He has wide and long experience of financial, economic, political and social matters. I welcome his policy and philosophy that a big company such as Sime Darby must not only think of profits. It also has social and moral obligations to the people of the countries in which it operates. He has very wisely said that the company must also take into account the social and economic aspirations of the people.

Ladies and Gentlemen,

It should be widely known by now what role the Government has assigned to the private sector. It has been stated in the Second and Third Malaysia Plans documents and the Mid-Term Reviews of those plans. I do not intend to go into details but allow me to mention these general points:

- a) A major role has been assigned to the private sector to provide the impetus to growth and to sustain the rapid rates of advancement necessary for achieving the objectives of restructuring society under the New Economic Policy.
- b) Strengthening of business confidence through the use of fiscal and monetary policies.
- c) Streamlining administrative procedures to facilitate the implementation of projects.
- d) Effective participation by Malaysians especially the Malays and other indigenous people.

The Government has put all these into effect gradually. Fiscal and monetary measures are done through the annual budget and existing laws. The 1980 Budget is a good recent example where reliefs-incentives and encouragements are given to the private sector and foreign investors.

To conclude, I would like to thank Tun Tan Siew Sin and the Board of Sime Darby for their kind invitation to my wife and I to this celebration dinner.

Ladies and Gentlemen,

Before I sit down, may I ask you all to rise and join me in a toast to the success and prosperity of Sime Darby Berhad.

CATITAN:

UNTUK MENGETAHUI BUTIR-BUTIR INDEKS MENGENAI UCAPAN-UCAPAN DALAM BAHASA INGGERIS SILA LIHAT MUKA SURAT 245

- Abang Yusof Putch, 202

Abdul Rahman Yakub, Tan Sri
Datuk Patinggi, 202

Abdul Razak b. Hussein, Tun, 210

Abdullah Ayub, Tan Sri, 38; 81; 156

Abdullah Salleh, Tan Sri, 81

Abu Zarim, Tan Sri Dato, 138

Ahmad Abd. Rahman, 14

Ahmad Shah Al Muadzam Shah DYMM, SPB,
172

Aishah Ghani, Datin Paduka, 19

Amadas Mahtar M'bow, 25

Amerika Syarikat, 56; 76

Al Razi, Imam, 230

ASEAN, 58; 176; 186

ASEAN, Objektif, 131

Arab Saudi, 131

Asahi Denko Kogyu, 36

Asia Barat, 186

Asia Tenggara, 103; 184

Australia, 176

Asmi b. Hj. Mohamed, Tun, 237

Bali, 176

Bangsa-Bangsa Bersatu, 175

Bangunan Kompleks Kewangan Bhd., 168

Bank Rakyat, 182

Barisan Nasional, 172; 213

Barisan Nasional, peranan pucuk pimpinan
Keanggotaan, Manifesto, 118

Basir Ismail, Dato Haji, 41

Batu Pahat, 1; 17; 123

Beijing, 101

Besut, 225

Bintulu, 204

Breshnev, 212

Bukit Goh, 160

Bukit Ibam, 160

Bumiputra, perniagaan & perdagangan Tabung
Kesepuluh Kumpulan Modal, 169

Culcutta, 17

Celestin Ujang, 206

Chan Wong – Industrial Estate, 263

Chen Siak T.Y.T., 103

Chetuk, 221

China, Technical Assistant, 105

Chou En Lai, 93

Chou Min Ling (Madam), 105

Colombo, 205

Cabotage, Polisi, 234

DAP, 34

DEB, 136; 169; 248

Matlamat: 47; 108

Deng Zioping, T.Y.T., 93

Die Ying, 103

Dewan Bandaraya, infrastruktur, 20

Dewan Rakyat, 65

Dewan Tunku Abd. Rahman, 21; 25

Donal Uren, 9; 29

Dunstan Endawie, Dato' Amar, 202; 206

EEC, 176; 186

Elizabeth Moggie, 138

Elias Omar, Dato' Dr., 156

FELCRA, 222

- FELDA, 36; 50; 222
Felda – Johore Bulkers, 36
Gaston Thorn, 11
Geneva, 176
Gerakan Jaya Diri, 223
Gerakan Pembaharuan, 223
GERAKAN, parti, 133
Gerak Tani, Program, 181
Ghafar Baba, 231
Guangdong, 105
Guangzhou (Canton), 96
Hang Chou, 96
Hang Zhou, 96
Harold Lewis, 64
Hashim Aman, Tan Sri, 81; 156
Heng Sarim, 184
Hotel Federal, 199
Hotel Hilton, 112; 144
Hua Guofeng, 96
Huang Chan, 106
Ibrahim Ismail, 14
Ibrahim Ngah, Datuk Engku, 202
Ibnu Sina, 230
Ikechi H ra, Tan Sri, 72
Ikeda, 36
Indochina, 211
INTAN, 75
Islamabad, 17
Ismail Md. Ali, Tan Sri, 72; 144
Ismail Petra Ibni Almarhum Yahya, DYMM, 77
Iyngkaran N. Dr., 227
Jaafar Ibni Almarhum Tuanku Abd. Rahman,
DYMM Tuanku, 173
Jalan Bangsar, 22
Jalan Bintulu Tanjung Kidurong,
pembukaan, 206
Jalan Dato' Onn, 128
Jalan Raja Chulan, 168
Jakarta, perjumpaan, 176
Jamaluddin Abu Bakar, Dato, 206
Jawatankuasa Razak, 152
Jengka, 222
Jepun, 56; 176
Johann Hoff, 29
Johor Bahru, 41
Majlis Bandar Kawasan Perniagaan, 45
Perumahan, 115
Kadir Shamsuddin, Tan Sri, 81
Kadir Yusof, Tan Sri, 36
Kamarul Ariffin, YB Senator, 108; 144
Kampuchea, 184
Kg. Sepupok, 206
Kg. Seri Bengkal, Masjid, 1
Kedah, peruntukan Kewangan, 54
Kelang, Lembaga Bandaran, 213
Kelantan, peruntukan Kewangan, 54
Kemiskinan, projek pembasmi, 17
Kemubu, 222
Kewangan Usha Bersatu Bhd., 108
Koop Bersatu, 108
Koperasi Usaha Sama Bersatu M'sia Bhd., 108
Kompleks Geraktani, 221
Kompleks Terminal, 204
Kompleks Tun Razak, 41
Kongrees Pergigian Asia Pasifik Ke 9; 89
Korea, 189
Kosygin, 222

- Kriangsak Chomanan, Gen., 215
 Kuala Baram, 202
 Kuala Lumpur 21; 98; 128; 133; 150; 156;
 172; 192; 199; 218; 227
 Lam Khuan Leng, 227
 Lebuhraya Karak, 22
 Lee Ee Seng, 72
 Lee San Choon, Y.B. Dato', 33; 86; 199
 Lembaga Bandar Kelang
 Lihat Kelang, 213
 Lembaga Elektrik Negara (LLN)
 Pusat Kawalan Muatkuasa Nasional, 136
 L.P.N., 181
 Lembaga Perpaduan Negara, 162
 Lembaga Pertubuhan Peladang, 224
 Lembaga Urusan Tabung Haji, 197
 Leo Moggie, Y.B. Dato', 138
 Lew Hon, Dato', 86
 Liang Hsian, Mr., 105
 Lilian Thorn, Mrs., 11
 Lim Chee Shin, Dr., 89
 Lim Chong Eu, Dr., 133
 Liu Kui Lan, 105
 Liu Tian Fu, 105
 Maahad Qiraad Al Din, 131
 Madras, 17.
 Mahathir Mohamad, Dato Seri Dr., 163
 Majlis Tertinggi UMNO –
 Lihat UMNO, 150, 172
 Malayan Police Training Centre, 17
 Malaysian Shipping Licensing Board, 234
 Malaysian Institute of Management, 72
 Manikavasagam V. Tan Sri Dato, 163
 Manifesto B.N., Lihat B.N., 208
 MARA
 Pembelian Saham, 52
 MARDEC, 222
 MARDI, 225
 MAS
 Pertikaian & Masalah pekerja, 29; 59; 82
 MCA
 Persidangan Tahunan, 199;
 strategy 33;
 Majlis Perayaan; 33; 86
 Mesir, 131
 MIC, Persidangan Agung ke 27; 223
 MIC 163; 161
 MIDA, 56
 Miri, 202
 Mohamad Yaakub, 221
 Mohamad Zia Ul-Haw, Gen., 17
 Mohamed Nasir, Dato' Haji, 233
 Mohan Camp, 16
 Mohar, Raja Tan Sri, 72
 Morib, 17
 Moscow, 210
 Musabaqah, 128; 192
 Musa Giri, 206
 Nabi Muhammad SAW, 229
 Negeri Sembilan, 222
 Negeri Johor, 36, 41
 New Delhi, 16
 New Zealand, 176
 Omar Ong Yoke Lin, Tun, 19; 33; 199
 Ordinan Kesatuan Sekerja, 64
 Othman Saat, Tan Sri Dato' Haji, 36; 41; 120
 Paddy Schubbert, 72
 Palestine, 186
 Parit Raja, 123

- Parit Yaani, 4
Parit Yop Darat, Masjid, 1
Park Chung Hee, Presiden, 189
Park Koun Hee (Miss), 191
Parti Gerakan Rakyat M'sia, 133
Pasir Gudang, pelabuhan, Infrastruktur, 36
Pasir MAS, 221
Pelaburan Amanah Nasional Bhd., 170
Peking, 96
Pelajaran, Dasar Pelajaran Kebangsaan, 179
Peng Zhong, En. T.Y.T., 102
Penyata J/K Razak, 208
Perbadanan Nasional PERNAS, 52; 74
Perkhidmatan Tadbir & Diplomatik, 156
Perlembagaan Persekutuan, 232
Perlis,
 Peruntukan Kewangan, 54
Perpaduan Nasional, 49
Persatuan Buruh Antarabangsa, 213
Persatuan Perkhidmatan Tadbir & Diplomatik,
 156
Persidangan Bangsa Bersatu, 185
Persidangan Geneva, 243
Pertubuhan Bangsa Bersatu, 213
Pilihanraya Umum, 114; 123
Pilihanraya Sarawak, 204
Pol Pot, Kerajaan, 184
Primo Gonsales, Dr., 89
Provinsi Chechiang, 103
Pulau Langkawi, 216
Pulau Terentau, 216
Punjab Regiment, 17
Pusat Kemajuan Pertubuhan Peladang, 221
Pustaka Peringatan Tun Abd. Razak, 42
Putih Rafeah, Puan Sri, 138
Rahah bt. Tan Sri Md. Noah, Toh Puan Hajjah,
 41
Rahmah Othman, Puan Sri, 19
Raina T.N. Gan, 14
Rancangan Buku Hijau, 223
Rancangan Colombo, bantuan, 205
Rancangan Malaysia Kedua, 157
Rancangan Malaysia Ketiga, 47; 207
Rancangan Malaysia Keempat, 56
Rancangan Pemulihan Kampung, 181
Rancangan Pengairan Besut, 222
Republik Rakyat China, Kerajaan, 101; 184
Revolusi Provinci Chechiang, 103
Rawalpindi, 16
RISDA, 222
Rukun Tetangga, 177
Samy Vellu, S. Dato', 163
Shi Yang Hua, 107
Shih Chong-Hsun, 105; 107
Syed Nasir b. Ismail, Tan Sri, 128; 192
Suffian b. Hashim, Tan., 236
Tabung Kesepuluh Kump. Modal Bumiputra –
 Lihat Bumiputra, 169
Taj Mahal, 16
Tang Kuo Qiang, Mr., 107
Tang Long Bing, 107
Tanjung karang, 225
Tan Siew Sin, Tun, 33; 72; 199; 238
Tasek Utara, 120
Tawau, 204
Teh Shuang Feng, 103
Thailand, 177

- Thimayya, K.S. Gen, 14
- Trengganu, 54; 225
- Tunku Abd. Rahman, Y.T.M., 17; 189
- Tunku Jaafar Ibni Almarhum Rahman,
173
- UDA
Rancangan Pembangunan 5:3:79, 74,
Pembelian Saham 3:3:79, 52
- UKM, 81
- UMNO
Bhg. Johor 114;
Biro Buruh 118;
Biro Pelajaran 150;
Perlembagaan 173;
- UNESCO, 25
- UNHCR, 176
- USSR, 210
- Vietnam, pelarian, 175
- Wan Ai Chin, 107
- Wang Ee Ping, T.Y.T., 102
- Wang Fang, 103
- Wei Yong Ching, 107
- Wilayah Persekutuan, Kemudahan Asas,
perancangan pembangunan, 20
- Yaacob Latiff, Dato' Bandar, Tan Sri, 19
- Yahya Petra Ibnu Almarhum Sultan Ibrahim,
DYMM, 77; 172
- Yoshida, 36
- Yuan Xiao Ying, 107
- Zaidah bt Dato' Abu Bakar, Puan Sri Datin,
138
- Zainab bt. Tengku Mohamad, DYMM Tuanku,
77; 172

NOTE:

**FOR INDEX ENTRIES OF SPEECHES DELIVERED IN MALAY
PLEASE REFER TO PAGE 240**

- Agra Fort Training Centre, 14
Communist Insurrection, 219
Conference, Islamic Summit, 17
Congress,
 Asia Pacific Dental Federation, 89
Continental Shelf Boundary, 215
Cultural Agreement, Signing, 18
Dehra Dun, Indian Military Academy, 14
Guangdon Provincial Revolutionary Committee, 105
Hydrabad Regiment, 14
Infat Nutrition and Diarrhoeal, 227
Intergovernmental Conference On Communication In Asia Oceania, 25
Internal Security Act, 218
Japanese Malaysian Joint Venture, 38
Joint Communiqué, 1974; 106
National Chamber of Commerce and Industry, 112
NEP, 76
National Productivity Centre, 75
Red Book, 75
Republic of Korea, 189